



PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS

Pada

PADA 27, 28, 29 DAN 30 NOVEMBER 2023

bersamaan

13, 14, 15 DAN 16 JAMADIL AWAL 1445H

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KELIMA BELAS**

Pada

PADA 27, 28, 29 DAN 30 NOVEMBER 2023

bersamaan

13, 14, 15 DAN 16 JAMADIL AWAL 1445H

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
ISNIN, 27 NOVEMBER 2023		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan	5
4.	Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan	8
5.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Bertulis.	10
	ii. Soalan-soalan Lisan.	11
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara- Perkara Lain.	38
	(ii) Enakmen Perbekalan 2024	39

SELASA, 28 NOVEMBER 2023

1.	Nama Ahli-ahli.	60
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan	63
3.	Cadangan di bawah Perkara 30	92
4.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2024	
	Perbahasan bagi Enakmen Perbekalan 2024	
	- YB Wakil Bandar	96
	- YB Wakil Jertih	103
	- YB Wakil Buluh Gading	109
	- YB Wakil Manir	113
	- YB Wakil Seberang Takir	117
	- YB Wakil Sura	123
	- YB Wakil Telemong	128
	- YB Wakil Batu Rakit	133
	- YB Wakil Rantau Abang	138
	- YB Wakil Bukit Besi	141
	- YB Wakil Permaisuri	145
	- YB Wakil Air Putih	150
	- YB Wakil Kemasik	155

RABU, 29 NOVEMBER 2023

1.	Nama Ahli-ahli.	161
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan	165
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2024	
	Perbahasan bagi Enakmen Perbekalan 2024	
	- YB Wakil Kuala Besut	187
	- YB Wakil Ladang	189
	- YB Wakil Hulu Besut	196
	- YB Wakil Pengkalan Berangan	202
	- YB Wakil Bukit Tunggai	208
	- YB Wakil Langkap	214
	- YB Wakil Kuala Berang	220
	Penggulungan bagi Enakmen Perbekalan 2024	
	- YB Wakil Ajil	224
	- YB Wakil Jabi	229
	- YB Wakil Kota Putera	234
	- YB Wakil Cukai	239
	- YB Wakil Alur Limbat	245
	- YB Wakil Tepoh	249
	- YB Wakil Wakaf Mempelam	254

KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023

1.	Nama Ahli-ahli.	267
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan.	271
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Penggulungan bagi Enakmen	
	- YB Wakil Batu Buruk	294
	- YB Wakil Kijal	302
	- YB Wakil Paka	312
	- YAB Dato' Seri Menteri Besar Terengganu	320
4.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri bagi Tahun 2024	328
	(ii) Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri bagi Tahun 2024	330
5.	Tungguhan	331
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	332

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN,
27 NOVEMBER 2023

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Tengku Seri Bijaya Raja
Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

PUKUL 9.30 PAGI

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah sama-sama kita rafakkan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah taufik dan inayah-Nya kita dapat berada dan melaksanakan tanggungjawab kita sebagai Ahli Badan Legislatif di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam persidangan kali ini selama empat hari bermula pada hari ini Isnin, 27 November 2023 sehingga hari Khamis, 30 November 2023 iaitu dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Pertama, Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kelima Belas.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, persidangan pada kali ini merupakan persidangan pembentangan Belanjawan bagi tahun 2024. Bersempena pembentangan belanjawan kali ini, suka saya ingin memulakan ucapan saya dengan memetik sepotong ayat dalam Al-Quran Al Karim yang berbunyi :

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ
السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٧

Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang berkeputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

Surah Al-Hasyr: Ayat 7

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sidang pada kali ini sangat penting kerana ia melibatkan perancangan masa depan Negeri kita iaitu melalui pembentangan Belanjawan Negeri Terengganu bagi tahun 2024 yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah bertanggungjawab untuk meneliti setiap butiran bajet yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum membahaskannya. Dalam masa yang sama, saya amat yakin dan percaya serta saya juga merasakan semua Ahli Yang Berhormat bersependapat dengan saya, iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membentangkan sebuah Belanjawan yang terbaik dan konklusif pada pembentangan Belanjawan kali ini.

Tambahan pula, dengan komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memacu pentadbiran Negeri pada penggal ini dengan lebih terkehadapan, sudah semestinya tumpuan akan diberikan kepada seluruh aspek pembangunan dan kemampuan ekonomi negeri dapat tercapai. Kelestarian dalam membangunkan negeri ini, *insya-Allah*. Secara tidak langsung rakyat akan boleh menilai bahawa waima apa juga perancangan belanjawan yang dibentangkan, kebajikan dan kemakmuran rakyat adalah menjadi fokus keutamaan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam kesempatan Persidangan kali ini, saya juga mengambil ruang

dalam ucapan ini untuk menzahirkan kebersamaan kita terhadap saudara-saudara kita yang sedang diuji dengan peperangan yang dahsyat di bumi Gaza, Palestin. Episod duka, luka dan darah umat Islam di Palestin berterusan hingga hari ini. Dilaporkan jumlah yang direkodkan telah melebihi puluhan ribu rakyat Palestin yang terbunuh. Setiap detik berlakunya peperangan, dari situ jugalah kita menyaksikan setiap nyawa umat Islam di Palestin akan terus terkorban.

Sesungguhnya apa yang berlaku ini adalah permasalahan yang amat sukar untuk diselesaikan. *Insyaa-Allah*, kita harap Allah taala memberikan penyelesaian terbaik untuk umat Islam dan memberikan kekuatan kepadanya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga turut ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi perkembangan dan perjalanan Dewan Undangan Negeri kita ini melalui Jawatankuasa Tetap yang baru dilantik pada persidangan yang lepas. Kesemua Jawatankuasa tersebut iaitu Jawatankuasa Pengurusan Dewan, Jawatankuasa Peraturan--Peraturan Tetap Dewan, Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan serta Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) telah selesai menjalankan mesyuarat kali pertama masing-masing pada awal November yang lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa sekalian atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan dalam Jawatankuasa masing-masing. Semoga perjalanan kesemua Jawatankuasa tersebut akan dapat memberi tambah nilai yang inklusif dan lebih baik kepada perjalanan persidangan Dewan ini.

Dalam masa yang sama, saya amat terbuka untuk menerima sebarang cadangan dan idea yang segar dalam membantu perjalanan dan perkembangan persidangan Dewan kita ini agar misi untuk Memacu Pemberdayaan Badan Legislatif Yang Efektif, Inklusif dan Progresif dapat tercapai ke arah menjadikan Dewan Undangan Negeri Terengganu ini sebagai Badan Legislatif Yang Terunggul.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka mengingatkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa menjadikan Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan (*Standing Orders*) sebagai panduan demi menjaga keharmonian dan kemuliaan Dewan ini. Saya juga berharap tempoh masa Persidangan kali ini selama empat hari dapat memberi keselesaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya peluang ini dapat dipergunakan dan diambil peluang sebaik-baiknya untuk membahaskan pembentangan Belanjawan kali ini, dan

dalam masa yang sama terus membawa suara rakyat dan kepentingan masa depan Negeri Terengganu yang kita cintai ini.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan Siru'ala Barakatillah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah dipercayakan dipertanggungjawabkan sebagai calon Parti PAS di Parlimen Kemaman. Semoga Allah taala memberi kekuatan kepada beliau dan kemenangan kepada parti PAS, *insya-Allah*.

Akhir kalam, Selamat Bersidang, Siru'ala Barakatillah

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

- 1 Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2024
(D.U.N. Bil.3/2023)
- 2 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2024
(D.U.N. Bil.4/2023)
- 3 Anggaran Perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 2024
(D.U.N. Bil.5/2023)
- 4 Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2022.
(D.U.N. Bil.6/2023)
- 5 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Bandaraya Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.7/2023)

- 6 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Perbandaran Kemaman.
(D.U.N. Bil.8/2023)
- 7 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Perbandaran Dungun.
(D.U.N. Bil.9/2023)
- 8 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Daerah Besut.
(D.U.N. Bil.10/2023)
- 9 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Daerah Hulu Terengganu
(D.U.N. Bil.11/2023)
- 10 Penyata Kewangan Tahun 2022
Majlis Daerah Setiu
(D.U.N. Bil.12/2023)
- 11 Penyata Tahunan 2022 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
(D.U.N. Bil.13/2023)
- 12 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Penyata
Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu serta
Pengauditan Pematuhan Jabatan / Agensi Negeri
(D.U.N. Bil. 14/2023)
- 13 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan
Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan
Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri.
(D.U.N. Bil. 15/2023)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- 1 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 2 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 3 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 4 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 5 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 6 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 7 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 8 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 9 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 10 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 11 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 12 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 13 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 14 Yang Berhormat Wakil Telemung
- 15 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
16. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi

SOALAN-SOALAN LISAN

Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan.

- 1 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 2 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 3 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading

- 4 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 5 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 6 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 7 Yang Berhormat Wakil Manir
- 8 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 9 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 10 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 11 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 12 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 13 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 14 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 15 Yang Berhormat Wakil Telemung
- 16 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggul
- 17 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 18 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 19 Yang Berhormat Wakil Sura

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, saya telah membuat satu keputusan agar kali ini setiap Soalan Lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat hanya diberikan ruang untuk sekali sahaja soalan tambahan dengan tujuan memberi ruang dan kesempatan kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan agar sempat memberi soalan pada hari ini, *insya-Allah*. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Barisan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, semua pemerhati. Soalan saya bagi membuka penggal ini dengan soalan yang kedua. Terima kasih.

Berapakah jumlah royalti minyak yang belum dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri bagi baki tahun 2023?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Bandar yang mengemukakan soalan sebagaimana yang dipaparkan. Untuk makluman semua, pada tahun 2023 Kerajaan Negeri telah membuat anggaran terimaan-terimaan wang royalti minyak adalah sebanyak RM1.524 bilion dan yang diterima sehingga kini adalah berjumlah RM510 juta dan untuk menjawab soalan yang belum dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri ianya anggaran sebanyak RM1 bilion. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):
Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat, berhubung dengan langkah yang sedia diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan duit petroleum akan balik ataupun dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Terengganu dan bagaimana istilah royalti yang sebelum ini digunakan berubah menjadi Dana Ihsan ataupun Wang Ihsan ataupun Dana Khas? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Bandar di atas soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri sangat komited dan percaya kepada prinsip kita bertemu dan kita berbincang adalah sebagai langkah yang terbaik untuk menyelesaikan apa jua isu yang timbul termasuk usaha untuk mendapatkan hasil royalti minyak atau istilah lain yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan kerana kalau kita ikuti sejarah penggunaan nama istilah ini, saya rasa saya perlu memberi penjelasan di sini kerana Kerajaan Negeri komited untuk menggunakan nama royalti.

Dalam terimaan yang awal pada tahun 1978 sehingga 1999, istilah yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah royalti petroleum apabila setiap kali Kerajaan Persekutuan menghantar Hasil Bukan Cukai yang dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan Negeri. Pada tahun 2000 hingga 2003, ianya telah ditukar nama kepada Wang Ihsan. Pada tahun 2004 hingga 2018, ia telah ditukar nama kepada Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2019 sehingga 2021, ditukar nama lagi kepada Bayaran Tunai Petroleum. Manakala daripada tahun 2022 sehingga sekarang, ianya ditukar nama lagi kepada Wang Ihsan. Pun begitu, sebagaimana yang saya sebut tadi bagi pihak

Kerajaan Negeri kita tetap dengan prinsip iaitu menggunakan nama yang asal iaitu Wang Petroleum.

Untuk mendapatkan hasil yang belum diterima ini, langkah daripada Kerajaan seperti yang saya sebut di awal tadi adalah kita bertemu dan berbincang dan ini telah kita buktikan apabila sejak daripada Mei 2018 ketika kita mengambil alih Kerajaan selepas pilihan raya yang lalu, pertemuan dan perbincangan sentiasa membuahkan hasil yang positif. Pihak Kerajaan akan terus berusaha dan walaupun perit untuk disebut tapi saya mesti sebut untuk menyatakan apa yang benar dan dalam Bahasa Inggeris disebut, dengan izin, *i need to call spade a spade* bahawa suasana perbincangan pasca November 2022 adalah tidak mudah dan kadang-kala mengelirukan. Pelbagai pendekatan diambil oleh pihak Kerajaan sama ada dari segi pentadbiran, berurusan, bertemu dengan rakan sejawat mereka di pihak Kementerian ataupun saya sendiri bertemu dengan mereka yang boleh membuat keputusan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat ADUN Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan, soalan daripada Jertih soalan nombor satu. Terima kasih.

Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau pelancongan Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan

semua Wakil-wakil Jabatan, pemerhati dan semua yang hadir di dalam dan juga di luar Dewan. Soalan yang pertama daripada ADUN Jertih berkenaan dengan usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau pelancongan Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat Jertih, di antara usaha-usaha yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal terutamanya di pulau-pulau pelancongan di Negeri Terengganu adalah sepertimana berikut:-

1. Pihak Kerajaan Negeri membantu PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan dengan membiayai peruntukan bagi tujuan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di pulau-pulau pelancongan utama seperti di Pulau Redang, Pulau Lang Tengah, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar, Pulau Kapas dan juga Pulau Gemia.
2. Melaksanakan projek *Integrated Island Waste Management (IIWM)* di Pulau Redang, Pulau Perhentian dan juga Pulau Kapas dengan kerjasama daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Daerah Besut, Majlis Daerah Marang dan United Nation Development Programme (UNDP). Antara inisiatif-inisiatif yang terdapat dalam projek tersebut adalah seperti pembinaan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu di Pulau Redang yang merangkumi penempatan mesin kompos, tong kitar semula 3R, agihan tong sampah awam serta aktiviti pembinaan keupayaan bersama dengan komuniti setempat dan juga pengusaha-pengusaha resort dan chalet seperti pelaksanaan program gotong-royong, ceramah dan juga penerangan berkaitan dengan pengasingan sisa pepejal, demonstrasi teknik dan kaedah pengkomposan sisa makanan dan sebagainya.
3. Melaksanakan Program Rintis Pemasangan, Pengoperasian dan Penyelenggaraan Mesin Mini Insinerator yang akan ditempatkan sebanyak 1 unit di Pulau Redang dengan tujuan untuk membantu mengurangkan kapasiti sisa pepejal yang dijana di pulau dibawa balik ke daratan dengan menggunakan kaedah sedia ada melalui pengangkutan kapal ataupun bot.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan tambahan boleh YB EXCO jelaskan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri di PBT Besut dan berapakah nilai kontrak tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih pada Yang Berhormat Jertih, untuk makluman pihak Kerajaan telah pun memberikan kontrak untuk di PBT Besut kepada Syarikat Ramlah Abdul Rahman Sdn. Bhd untuk Zon 14 yang telah pun dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam dan juga kerja-kerja merangkumi aktiviti seperti pemotongan rumput, pembersihan jalan dan kawasan, pantai, jeti dan juga pembersihan parit dan longkang, juga mengangkut sisa pepejal di sekitar kampung, Pulau Perhentian Kecil dan juga Pulau Perhentian Besar dengan jumlah kontrak sebanyak RM1,908,615.92 bagi tempoh dua tahun bermula pada 1 Mei 2023 sehingga 30 April 2025. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Jertih dan Wakaf Mempelam. Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua-

Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh PINTAR dan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menjadikan PINTAR sebagai suatu pusat yang akan menjadi hub perkembangan ekonomi digital di lokasi masing-masing khususnya dan negeri amnya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Kemasik.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kemasik bertanya sepertimana soalan yang dipaparkan mengenai Pusat Internet ataupun PINTAR.

PINTAR merupakan usaha untuk membantu masyarakat negeri memperoleh pencapaian internet dan mampu memanfaatkan peluang yang tersedia dalam dunia tanpa sempadan. Ia merupakan perkhidmatan bagi komuniti setempat untuk mempelajari segala bentuk ilmu yang berkaitan dengan IT dan penggunaan komputer.

PINTAR juga dilengkapi kemudahan dan kelengkapan seperti komputer, *webcam*, mesin pencetak atau *printer*, mesin pengimbas ataupun *scanner*, dan kemudahan internet secara percuma bagi semua lapisan masyarakat. Perkhidmatan yang disediakan di Pusat Internet Akses Rakyat ini antaranya ialah memberikan perkhidmatan ICT percuma bagi mengurangkan jurang digital antara rakyat di semua daerah di Negeri Terengganu. Memastikan dasar-dasar dan maklumat Kerajaan dapat disampaikan kepada masyarakat dengan cepat dan tepat. Memudahkan masyarakat membuat aduan ataupun memberi pandangan secara terus kepada Kerajaan, mewujudkan komunikasi dua hala antara masyarakat dengan pihak Kerajaan sebagai Pusat Sumber Maklumat Kerajaan Negeri, Pusat Pembelajaran dan latihan secara percuma, pembayaran bil-bil menggunakan PINTAR PAY dan perkhidmatan untuk usahawan mempromosikan produk mereka secara *online*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, susulan daripada objektif ataupun sasaran bagi PINTAR, saya percaya ia merupakan salah satu daripada perkara-perkara yang menjadi agenda ataupun hala tuju Kerajaan Negeri dalam menerajui perkembangan sektor ekonomi digital. Justeru, adakah ataupun apakah hala tuju utama ataupun keseluruhan dalam Kerajaan Negeri menerajui perkembangan ekonomi digital sejajar dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MYDIGITAL)?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Kemasik atas soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengenai hala tuju Pusat Internet Akses Rakyat ini kita

mempunyai beberapa langkah untuk mencapai kepada suatu perkhidmatan yang lebih baik antaranya adalah hala tuju melalui pengurusan, kita menyediakan pasukan pengurusan PINTAR yang lebih mantap maknanya penambahbaikan dari segi pihak pengurusan, kakitangan kita untuk satu pasukan yang lebih berdaya saing. Dari segi bangunan pula adalah cadangan penambahbaikan bangunan baru PINTAR yang terpilih yang lebih baik daripada yang sedia ada dan untuk makluman Sidang Dewan sekalian hingga kini kita mempunyai 38 pusat PINTAR di seluruh Negeri Terengganu dan mempunyai bangunan-bangunan yang sedia ada dan sebahagiannya kita sedang melihat untuk membuat penambahbaikan. Yang seterusnya adalah untuk Pusat Mini Digital iaitu untuk pembelian tiket online ataupun *QR Pay Cashless* yang penggunaan internet pelbagai benda untuk pengisian dari segi IOT dalam sektor pertanian untuk komuniti setempat dan sewaan dewan di bawah PBT secara online. Seterusnya adalah capaian maklumat iaitu memberi peluang dan pendedahan kepada pengguna untuk mendapatkan sebarang maklumat yang berguna terutama maklumat hebahan daripada Kerajaan Negeri Terengganu antara contoh yang terkini kerjasama dengan THRDC untuk memaklumkan kekosongan dan permintaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat boleh diakses di Pusat PINTAR kita ini.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Mohon pencilahan, Yang Berhormat, Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan jadi apakah Kerajaan bercadang untuk mengaudit semula pusat-pusat PINTAR ini kerana ada tempat-tempat yang dilaporkan dibuat aktiviti-aktiviti kepartian, jadi oleh kerana kakitangan-kakitangan lama belaka jadi ada yang akhirnya digunakan disalahgunakan tempat tersebut, minta Kerajaan audit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih YB Manir atas soalan tambahan berkenaan dengan penyalahgunaan pusat-pusat PINTAR yang ada. Setakat ini secara rasmi kita belum menerima aduan yang rasmi daripada mana-mana pihak tentang penyalahgunaan tersebut. Walau bagaimanapun jika sekiranya kita mempunyai maklumat, *insya-Allah* kita akan menanganinya dengan cara yang lebih baik. *Insya-Allah*.

Jadi untuk menyambung tentang hala tuju yang saya boleh terangkan soalan tambahan asal tadi adalah tentang pembangunan modal insan iaitu dengan PINTAR ini kita mengkoordinisasi aktiviti-aktiviti latihan dan program masyarakat bersama agensi luar untuk pengguna, yang seterusnya adalah dari segi telekomunikasi kita mempromosikan dan menjual perkhidmatan telekomunikasi sedia ada seperti REDTONE, ONE XOX, TELEKOM MALAYSIA dan seterusnya oleh syarikat-syarikat seperti CELCOM, MAXIS dan DIGI.

Seterusnya adalah kempen kesedaran iaitu merangka dan melaksanakan program kesedaran di peringkat komuniti setempat. Yang ini yang kita lihat bahawa PINTAR ini satu pusat yang kita boleh dinaikkan penggunaannya untuk kesedaran rakyat dalam menangani ataupun dalam mendepani isu Internet 5.0 ini. Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama-

Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan pembangunan bandar-bandar sedia ada dan baharu dengan elemen-elemen bandar pintar, bandar selamat, bandar hijau serta bandar rendah karbon akan dapat direalisasikan?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ladang dan juga Dewan semua, Kerajaan Negeri dalam tindakan bagi penyediaan kajian *blueprint* Bandar Pintar Negeri Terengganu melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu (PLANMalaysia) Terengganu. Bagi peringkat daerah terdapat empat PBT yang sedang melaksanakan kajian bandar pintar dan melibatkan daerah Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun dan juga Marang. Matlamat kajian ini adalah bagi penyediaan dasar-dasar berkaitan dengan bandar pintar, bandar selamat, bandar hijau serta bandar rendah karbon untuk dijadikan panduan utama serta

hala tuju kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri serta pihak-pihak berkepentingan yang lain. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri sangat komited dalam membangunkan bandar-bandar baharu seperti Kuala Terengganu City Centre (KTCC), Bandar Baharu Bukit Besar, Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus, Bandar Baru Kijal dan Bandar Lestari Negeri Terengganu dengan menerapkan elemen-elemen perbandaran baru yang telah pun dinyatakan, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURaida Binti Md. Noor (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya, bagaimanakah kajian *blueprint* ini dilaksanakan? Bilakah ianya akan bermula dan berapa lama masa yang akan diambil untuk disiapkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI Bin WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Ladang, kajian *blueprint* ini ataupun penyediaan *blueprint* ini dilakukan secara *in house* oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dengan kerjasama daripada Unit Smart City Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Ibu Pejabat serta kerjasama daripada semua jabatan dan agensi berkepentingan negeri. Kajian ini seperti yang telah saya nyatakan tadi sangat penting bagi memastikan pembangunan bandar-bandar sedia ada serta bandar-bandar baharu yang akan dibina kelak mengambil kira elemen-elemen perbandaran baru yang selari dengan hala tuju di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Kajian ini dilaksanakan melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM150,000.00 dan untuk makluman semua kajian ini sedang berada di peringkat deraf laporan awal dan akan dilaksanakan dalam tempoh 10 bulan. Sesi soal selidik bagi mendapatkan pandangan awam, pandangan agensi serta pandangan pemain-pemain industri telah pun bermula pada 26 Oktober 2023 sehingga 16 November yang lalu bagi mendapatkan input terhadap cabaran dan perkhidmatan perbandaran. Tahap kesediaan daripada aspek penggunaan digital, kepuasan serta kefahaman berkaitan dengan bandar pintar. Sesi libat urus bersama dengan orang-orang awam, pihak berkuasa tempatan, agensi negeri dan pihak-pihak berkepentingan lain *insya-Allah* akan dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelaksanaan bandar pintar, cabaran pelaksanaan, inisiatif-inisiatif sedia ada yang telah pun diambil serta inisiatif-inisiatif yang sedang ataupun yang telah dirancang atau dalam pelaksanaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya, Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu tapi pilih calon nombor dua.

Apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan perolehan sumber pendapatan negeri dari sumber asli seperti hasil hutan, pasir, sumber bijih dan juga pendapatan baharu dari penjanaan kredit karbon?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang di Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Pengkalan Berangan, soalannya adalah sebagaimana yang dipaparkan dan kunci kepada soalan ini ialah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sumber pendapatan khusus yang dirujuk adalah hasil hutan, hasil sumber bijih dan juga *carbon credit*.

Berkenaan dengan hasil hutan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu yang dipertanggungjawab untuk mengurus sumber hutan di Negeri Terengganu sentiasa komited dalam perancangan dan pelaksanaan bagi meningkatkan hasil pendapatan negeri dan dalam Enakmen Perhutanan Negara, penerimaan pakai Negeri Terengganu 1984 bagi Pindaan Jadual Kedua yang melibatkan kadar royalti, Jadual Ketiga yang melibatkan kadar premium dan Jadual Keempat yang melibatkan *fee* pelbagai yang dinaikkan mengikut kadar semasa yang lebih efisien bersesuaian dengan perkembangan ekonomi semasa yang mana kadar-kadar berkenaan tidak pernah dipinda melebihi 10 tahun.

Untuk pasir pula, Pejabat Tanah dan Galian di peringkat Negeri sedang mengkaji dan berhasrat untuk meminda semula kadar-kadar *fee* bayaran kutipan hasil yang berkaitan pengalihan bahan bantuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Tanah Terengganu 1966 pindaan hingga 1 Ogos 1987 selain daripada mempercepatkan proses permohonan. Untuk sumber galian, langkah yang sedang dan akan diambil dalam meningkatkan perolehan sumber pendapatan negeri dari sumber bijih adalah dengan

menaikkan kadar bayaran royalti daripada 5% kepada 10% iaitu kenaikan sebanyak 100%. Manakala untuk *carbon credit* ada beberapa langkah khusus yang telah diambil antaranya ialah Kerajaan Negeri telah menubuhkan Pasukan Khas Pembiayaan Hijau Negeri Terengganu atau *Terengganu's Green Financing Task Force* sejak tahun 2019. Pasukan ini yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri dan dianggotai oleh wakil daripada agensi teknikal, Badan Berkanun, Anak Syarikat Kerajaan Negeri serta pakar-pakar akademik adalah untuk merangka sistem tadbir urus dasar dan meneroka peluang pembiayaan hijau khususnya untuk penjanaan *credit carbon* terutamanya daripada sektor perhutanan. Beberapa kajian semula telah dijalankan dan saya rasa saya tak perlu nak sebut, ada empat kajian khusus yang telah dilaksanakan. Akhirnya pada 31 Mei 2023 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan satu cadangan projek perintis pembiayaan hijau di kawasan Taman Negeri, Kenyir seluas 30,000 hektar dan terkini pelaksana projek sedang menjalankan aktiviti lapangan atau *vegetation assessment* dengan izin bagi dihantar kepada pihak badan akademisasi sebelum disahkan pengeluaran *credit carbon* yang berkenaan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih di atas penjelasan. Merujuk kepada sumber hutan, hasil hutan secara khusus. Bilakah kali terakhir kadar berkenaan dikaji dan berapakah kadar baharu serta berapakah jumlah hasil keseluruhan daripada hasil-hasil negeri yang dijangkakan. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Pengkalan Berangan. Dato' Yang di Pertua, untuk Negeri Terengganu pindaan kadar royalti dan *fee* pelbagai pernah dijalankan pada tahun 2013 dan telah diwartakan pada 28 Mei 2014. Manakala pindaan kadar royalti telah juga dibuat untuk kadar pindaan royalti dan *fee* pelbagai pada tahun 2016 dan telah diwartakan pada 28 April 2016 tetapi hanya melibatkan pindaan terhadap beberapa perkara sahaja iaitu seperti Jadual Kedua, Kayu keras berat 5 spesis, kayu keras sederhana 2 spesis, kayu keras ringan 8 spesis, kayu api atau kayu getah dan damar 4 jenis sahaja. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2022 ini yang terkini satu kajian dan cadangan kadar royalti premium dan *fee* pelbagai telah dikemukakan. Walau bagaimanapun,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali yang ke 36 pada 26 Oktober 2022 telah memutuskan untuk menangguh pelaksanaan pindaan kaedah-kaedah hutan yang melibatkan Jadual Kedua, Jadual Ketiga dan kaedah 23 yang asalnya dijadualkan kuatkuasa pada 1 November 2022 ke satu tarikh yang akan diputuskan kemudian. Berkenaan dengan persoalan terakhir yang ditanya oleh Pengkalan Berangan tadi mengenai jangkaan hasil, Kerajaan Negeri melalui Pelan Penjanaan Pendapatan Baharu Negeri Terengganu yang dibentangkan dalam Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Perbelanjaan Hemat Negeri Terengganu pada 7 September 2023 telah menetapkan tiga sasaran atau tiga objektif. Yang pertama ialah mengoptimumkan sumber sedia ada, yang kedua mengeksplorasi sumber baharu negeri dan yang ketiga mencari peluang untuk menjana pendapatan baharu serta tujuh strategi yang digariskan dengan jangkaan minima peningkatan hasil pada tahun 2024 adalah sebanyak RM200 juta termasuklah dari hasil hutan, hasil sumber bijih dan *carbon credit*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan nombor satu-

Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Terengganu bagi tahun 2023?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Di-Pertua, terima kasih kepada Manir. Soalan adalah berkenaan dengan nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Terengganu pada tahun 2023. Pelaburan yang berjaya ditarik masuk ke Negeri Terengganu daripada Januari sehingga Oktober 2023 adalah berjumlah RM3.292 bilion. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kerajaan menyatakan sektor-sektor atau industri-industri yang terlibat secara dan juga jumlah pelaburan masing-masing. Dan apakah kewujudan SG4 untuk menggamit pelabur luar akan

menyebabkan pertindihan ataupun pertindanan tanggungjawab antara agensi-agensi yang ada di peringkat persekutuan, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan dari Manir. Berkenaan dengan sektor-sektor yang terlibat serta jumlah pelaburannya dan perinciannya adalah seperti berikut.

Sektor industri yang terlibat dalam produk galian bukan logam adalah sebanyak RM3.145 bilion. Sektor kayu dan produk kayu RM94.7 juta. Jentera dan produk RM28.75 juta. Fabrikasi dan produk logam RM 21.61 juta. Perkhidmatan sokongan atau *support services* dengan izin, adalah RM623,500.00 dengan keseluruhan sebanyak yang saya sebut tadi, RM3.291 bilion.

Mengenai persoalan sama ada usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bersama dengan SG4 berlaku pertindihan dengan peranan sedia yang dijalankan dengan pelbagai agensi, saya rasa ini antara salah faham yang wujud di luar sana. Mungkin kerana prasangka yang begitu tebal terpahat dalam minda kerana perseteruan dan perlawanan politik yang sebegitu lama. Jawapan saya bukan sahaja kita tidak ada pertindihan bahkan tiada perlawanan atau *competition* dengan izin antara peranan pihak Kerajaan Negeri, seperti Terengganu Invest, UPEN dan lain-lain, dengan mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA dan kementerian seperti MITI. Bahkan SG4 akan menjadi satu usaha yang bersifat nilai tambah atau *added value effort*, dengan izin. Untuk membantu peranan yang sedia ada yang dilaksanakan secara baik, antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Pusat dan pelbagai agensi, dan suka saya tegaskan bahawa sebenarnya pihak Kerajaan Negeri sangat terbuka untuk menerima apa jua pandangan dan kritikan ataupun saranan daripada mana-mana pihak merentasi sempadan politik dan sebarang sentimen. Kerana apa yang penting ialah kita melaksanakan usaha yang berterusan dan agresif untuk memastikan pelabur dapat masuk ke Negeri Terengganu dengan efisien prosesnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua. Soalan saya soalan nombor satu-

Berapa bilangan pelajar-pelajar sekolah menengah dalam tahun 2023 yang belum mampu membaca dan apa usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ADUN Seberang Takir bertanya berapa bilangan pelajar sekolah menengah tahun 2023 yang belum mampu membaca. Jawapan dia, tiada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Tahniahlah, bagus kalau tiada yang tak boleh membaca tapi saya sebenarnya lebih kepada pelajar-pelajar yang bermasalah, mungkin boleh membaca tapi kurang cekap, kurang lancar dan tidak ke sekolah dengan keadaan yang wajar, berkelahi dan sebagainya, yang menimbulkan masalah di sekolah. Jadi ada tak kes-kes yang macam ini. Kalau ikut pengamatan saya, memang kita cemerlang dalam pendidikan, tapi ada yang saya tahu, kes-kes pelajar berkelahi di sekolah, ada masalah vandalisme di sekolah jadi apakah tindakan Kerajaan untuk masalah-masalah yang seperti ini. Kita banyak menumpukan kepada kejayaan cemerlang, berapa pelajar yang dapat *A straight* tapi yang pelajar-pelajar yang bermasalah ini kurang tumpuan. Saya ada berapa kes *lah* kalau saya ingat di Seberang Takir tapi saya tak nak sebut, cuma kes-kes sebegini biasanya tidak diwar-warkan dan kadang-kadang didiamkan. Jadi ada aduan daripada ibubapa, pelajar kena tukar dan sebagainya dan habis di situ sahaja. Kalau Kerajaan boleh beri peruntukan khas untuk insentif kursus-kursus sebelum SPM, ada tak usaha untuk kursus-kursus, ataupun bengkel-bengkel, program-program untuk pelajar-pelajar yang bermasalah ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat EXCO.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri,

kita ada di bawah JPINT 10 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kita ada Maahad Tahfiz, 3 buah madrasah moden, dan juga sebuah sekolah SMIDI dan juga di bawah Sekolah Yayasan Terengganu IMTIAZ juga melibatkan sebahagian besar SABK, dan sebuah di bawah Yayasan Islam Terengganu. Jadi semua pelajar-pelajar yang nak masuk ke institusi-institusi ini perlu ditemuduga akan menduduki ujian bertulis dan hanya calon yang layak dipanggil untuk temuduga untuk kali kedua dan juga setiap institusi tersebut memilih dari kalangan pelajar-pelajar yang lulus daripada temuduga tersebut. Adapun di MTQT pelajar diambil daripada tingkatan empat jadi telah melepasi semua saringan tersebut dan kerana itu kita di bawah kelolaan JPINT khususnya tiada lagi setakat ini pelajar-pelajar yang melibatkan apa yang dibangkitkan oleh Ahli ADUN Seberang Takir, adapun melibatkan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia, itu urusan kementerian. *Insyaa-Allah*. Terima kasih

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya persilakan Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua, saya soalan nombor satu-

Sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2023 untuk memastikan tahap kebersihan terjaga dan terpelihara terutamanya melibatkan kawasan bandar, pelancongan dan tumpuan orang awam?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Permaisuri yang telah pun menanyakan usaha-usaha yang dibuat Kerajaan Negeri sepanjang tahun ini untuk memastikan tahap kebersihan terjaga.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, antara usaha-usaha yang telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2023 ini demi untuk memastikan tahap kebersihan terutamanya di kawasan bandar, pelancongan dan tumpuan awam. Di antaranya adalah terutamanya menyediakan peruntukan dengan melantik 97 buah Syarikat Bumiputera Negeri Terengganu untuk menjalankan kerja-kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan juga pembersihan awam. Termasuklah

aktiviti pemotongan rumput, pencucian longkang dan juga pembersihan sapuan jalan di kawasan-kawasan pemantauan PBT. Yang keduanya menyediakan peruntukan pembelian tong sampah awam kepada PBT untuk ditempatkan di lokasi-lokasi pelancong dan juga menggantikan tong-tong sampah yang telah rosak dan juga hilang. Yang ketiganya mengadakan gotong-royong melibatkan agensi kerajaan, swasta dan juga komuniti setempat serta NGO di tempat-tempat yang menjadikan tumpuan awam termasuk di kawasan pelancongan. Dan yang keempatnya melaksanakan program-program Kempen Kesedaran yang melibatkan kerjasama PBT Dan KPKT seperti Kempen Pencegahan Denggi di kawasan PBT, Kempen Pembasmian Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih dan juga Kempen Tanah Bersih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan, dalam usaha kita untuk membersihkan kawasan-kawasan Negeri Terengganu ini, kita dapati ada tukang *kucar*. Tukang *kucar* ini saya *duk* perhati tengok kera-kera dan juga anjing-anjing liar. Jadi soalan saya adalah sejauh mana usaha Kerajaan ini telah mencapai matlamat kebersihan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Yang Berhormat Permaisuri atas soalan tambahan. Sememangnya isu kebersihan ini merupakan isu yang sangat besar dan kerana itu Kerajaan Negeri sangat komited untuk melakukan program-program seperti kempen-kempen kebersihan dan juga apa-apa yang berkaitan dengan kebersihan kerana ianya sangat berkait dengan isu-isu yang mendatang seperti contoh isu yang berkaitan dengan denggi salah satu contoh untuk makluman Yang Berhormat, pada sesi yang lepas kalau tidak silap saya 17 Julai, Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Kempen Kebersihan di seluruh daerah di semua lapan daerah di Negeri Terengganu di 32 DUN di Negeri Terengganu demi untuk membasmi di antaranya yang paling utama adalah isu yang berkaitan dengan denggi, dan kalau kita melihat laporan terkini yang dibekalkan kepada saya oleh pihak Kesihatan Negeri juga mencatatkan jumlah denggi yang agak tinggi juga yang berlaku di Negeri Terengganu yang di antaranya disumbang oleh tahap kebersihan yang tidak berapa baik, kerana itu *insya-Allah* kempen-kempen yang berkaitan dengan kesedaran, kebersihan dan juga program-program gotong-royong termasuk yang melibatkan semua pihak bukan sahaja orang ramai termasuk yang melibatkan NGO, yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan juga melibatkan pihak-pihak

berkepentingan dan sebagainya agar kesihatan rakyat di Negeri Terengganu kita ini akan dapat dijaga dan masalah-masalah yang dinyatakan tadi termasuk oleh Yang Berhormat tadi akan dapat diselesaikan. *Insyaa-Allah*. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Hulu Besut ada tiga soalan hari ini dan pilih soalan nombor 1-

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memperkasakan
Agenda Perpaduan antara kaum di Negeri Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan yang dikemukakan oleh Hulu Besut untuk makluman Yang Berhormat EXCO kita gabungkan sekali dengan soalan Bandar 27 November, soalan Pengkalan Berangan soalan pertama 29 November dan Manir soalan pertama 28 November. Jadi Yang Berhormat yang saya sebut tadi bolehlah ataupun mana-mana Yang Berhormat untuk tanya soalan tambahan. Sila Yang Berhormat EXCO.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Hulu Besut dan soalan ini sebagaimana yang dimaklum adalah gabungan daripada soalan Bandar, Pengkalan Berangan dan Manir mengenai Agenda Perpaduan Nasional, Agenda Perpaduan Antara Kaum di Negeri Terengganu dan sebagaimana maklum Agenda Perpaduan Kaum di Terengganu, di negeri-negeri majoriti melayu ini tidak ada isu masalah yang besarlah setakat ini. Pun begitu kita tidak memandang ini sebagai suatu benda yang diambil ringan dan diambil remeh dan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dan juga di peringkat negara, kita mengikut apa yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang telah dilancarkan pada 28 November 2021 oleh Perdana Menteri yang ke-9 Dato' Seri Ismail Sabri mengenai agenda untuk memperkukuhkan Perpaduan Nasional dan di antara dasar perpaduan yang diberi penekanan ialah membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, semangat patriotik, semangat melahirkan sikap prihatin, bertoleransi, saling

hormat menghormati dan wujud nilai tanggungjawab di dalam antara kaum dan selaras dengan dasar tersebut Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan program ke arah mencapai agenda perpaduan kaum dan kita tidak bercakap mengenai perpaduan Melayu tetapi kita bercakap mengenai Perpaduan Nasional antara kaum dan asas kepada perpaduan yang diberi tekanan ialah nilai-nilai yang berasaskan nilai Islam dan apabila nilai-nilai Islam ini menjadi asas kepada perpaduan, *insya-Allah* pelbagai kaum akan hidup dengan lebih selamat dan sejahtera berasaskan nilai-nilai yang ada pada nilai Islam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Setakat ini apakah program yang telah dibuat oleh Portfolio Perpaduan antara kaum bagi memupuk Perpaduan Nasional di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Terima kasih Hulu Besut. Di antara beberapa perkara yang telah kita buat secara asas di antaranya ialah pada 13 September baru ini kita mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil Bangsa Cina, India dan Siam. Siam ini ada di Besut banyak Siam, di tempat lain saya rasa *tak dok*. 29 Oktober kita adakan pertemuan dengan Lajnah Perpaduan Nasional Muslimat negeri Terengganu dan pada 5 November baru ini kita mengikuti Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga di Bangi anjuran Kementerian Perpaduan dan kita telah menghantar beberapa *team* pasukan termasuklah Jawatankuasa Rukun Tetangga Bandar Jertih yang melibatkan Etnik India dan Cina dan 12 November baru ini bersempena dengan sambutan Deepavali kita telah pun mengadakan pelbagai ucapan dan juga siaran di *Billboard* dengan izin untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri peka dengan kemeriahan sambutan perayaan pelbagai kaum dan saya bagi pihak Kerajaan juga berterima kasih kepada Dr. Balachandran, Pegawai Khas di Pejabat Menteri Besar yang telah memainkan peranan yang cukup aktif untuk menjadi perantara di antara agenda perpaduan dengan Portfolio Perpaduan Nasional dengan warga-warga bangsa Cina dan India. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sila Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Rantau Abang soalan nombor 1-

Sejauh manakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha memajukan industri pelancongan di Rantau Abang seperti di Pantai Abang, Pantai Batu Pelanduk dan Pantai Teluk Bidara?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator, pegawai-pegawai kerajaan dan pemerhati sekalian.

Soalan daripada Rantau Abang sepertimana yang tertera dalam skrin dan jawapan saya ialah pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 bagi membaik pulih kaunter hadapan di Pusat Penerangan Pemuliharaan Penyu (TTIC) di Rantau Abang serta RM300,000.00 bagi menaik taraf fasiliti untuk meningkatkan imej pelancongan serta penawaran perkhidmatan pelancongan yang lebih berkesan dan interaktif kepada pengunjung dan juga pelancong. Usaha tersebut akan diteruskan pada tahun 2024 dengan penumpuan diberikan kepada penambahbaikan dan pembaikan infra pelancongan sedia ada di setiap daerah bagi mengekalkan keindahan dan kemudahan pelancong yang sedia ada. Dari sudut promosi pelancongan pula, usaha bagi menjenamakan Pantai Rantau Abang sebagai destinasi pelancongan yang sinonim dengan pendaratan penyu melalui proses dari promosi Kempen Pelancongan Penyu Terengganu di bawah jenama *Terengganu Turtle Tourism* di pelbagai platform seperti di media massa, media cetak, elektronik dan juga media sosial. Manakala di Pantai Batu Pelanduk telah dikenal pasti sebagai antara geotapak yang berpotensi dalam usaha pemuliharaan sumber geologi dan landskap serta membolehkan orang ramai memahami kepentingan sumber warisan geologi. Kerajaan Negeri juga menyambut baik hasrat Jabatan Perancang Bandar dan Desa, (PLANMalaysia) dengan mewujudkan Jawatankuasa Perancangan Wilayah bagi kawasan persempadanan antara Daerah Pekan-Kuantan-Kemaman-Dungun-Jerantut (JPW PAKADJ) dengan menyenaraikan kawasan-kawasan yang berpontensi

dijadikan kawasan geotapak di dalam kawasan JPW terutama di kawasan 6 kawasan geotapak di dalam Daerah Dungun termasuklah Pantai Batu Pelanduk dengan memulihara sebahagian daripada sumber geologi dan landskap serta membolehkan orang ramai memahami kepentingan sumber warisan geologi.

Antara usaha promosi yang turut dilaksanakan adalah seperti dengan menyetengahkan Rantau Abang, Pantai Batu Pelanduk, Pantai Teluk Bidara dalam *fun map* pelancongan Negeri Terengganu bagi menonjolkan lagi destinasi tersebut kepada pelancong, atau dalam erti kata lain *product visibility*, promosi pantai-pantai tersebut melalui penghasilan video pendek sebagai jajaran *scenic drive*, *insya-Allah* kita pastikan semua pantai-pantai selamat untuk mandi dan beriadah mengikut musim dan SOP keselamatan kepada pelancong dan akan diterapkan dan diuar-uar dengan memperbanyakkan papan tanda, terima kasih.

YANG BERTAMBAH MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan sebagaimana yang kita maklum Rantau Abang suatu ketika dulu merupakan tempat yang terkenal dengan adanya Penyu Belimbing dan menjadi salah satu tempat tarikan pelancong ke DUN Rantau Abang tetapi hari ini kita dapat lihat populasi Penyu Belimbing semakin pupus, jadi apakah faktor yang menyebabkan populasi Penyu Belimbing ini semakin pupus.

YANG BERTAMBAH DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih, di atas soalan tambahan daripada Rantau Abang, penyu laut Yang di-Pertua adalah reptilia yang sezaman dengan dinosaur yang telah pupus tetapi penyu masih bertahan. Di Terengganu kini cuma masih ada Penyu Agar dan Karah sahaja, dulu ada Belimbing dan Lipas, jantina anak penyu dipengaruhi oleh suhu panas dan sejuk, pasir serta bertelur dan maklumat ini saintis baru tahu lewat 90-an. Sebab Penyu Belimbing pupus di Rantau Abang, yang pertama banyak ibu penyu mati terutama sekitar tahun 80-an sebab aktiviti perikanan di perairan negeri dalam musim penyu bertelur, penyu bertelur empat hingga lima kali semusim, dan juga semasa penyu berhijrah dari Lautan Pasifik, Laut China Selatan sebelum dan selepas musim bertelur, ia mati lemas sebab terperangkap dengan pukut dan penyu juga bernafas melalui paru-paru. Usaha kita membiak Penyu Belimbing bermula di sekitar tahun 60-an agak lewat dan tidak memadai hanya sedikit anak penyu terhasil, sebabnya telur lebih banyak dimakan pada ketika itu, menurut pakar anak penyu dia

mengambil masa lebih 30 tahun untuk matang dan hanya 1% sahaja yang hidup dan mencapai usia matang. Projek penetasan penyu yang dibuat dahulu dipercayai menghasilkan hanya penyu betina kerana suhu pasir yang panas akan *bias* menghasilkan anak betina sahaja, kerana tiada jantan bertelur maka Penyu Belimbing yang mendarat selepas lewat tahun 90-an banyak yang tidak menetas langsung. Perubahan ekosistem laut dan pantai kerana pencemaran pembangunan menyebabkan Penyu Belimbing pupus juga, Yang Berhormat. Kumpulan penyu bersifat koloni juga tidak bercampur, koloni asal Rantau Abang tidak bercampur dengan koloni asal daripada negara luar jika pupus maka tamatlah koloni. Di Asia Tenggara koloni yang masih adalah Papua Barat dan Utara Sulawesi, Indonesia. Hingga sekarang rasanya tiada lagi seorang pakar pun yang ada membuat cadangan untuk tujuan pemuliharaan Penyu Sumber Belimbing di Rantau Abang, barangkali tiada contoh projek seumpama itu di dunia dan tiada pakar yang berilmu untuk tujuan ini. Wallahu a'lam. Lupakan Penyu Belimbing, tumpu kepada penjagaan dan pemuliharaan sumber Penyu Agar yang masih banyak di pantai-pantai seluruh Negeri Terengganu dan mempunyai jumlah populasi tertinggi di Semenanjung Malaysia, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Baru Rakit sila.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Nyatakan jumlah mahasiswa yang menyambung pengajian di Mesir dalam jurusan agama dan jurusan lain pada tahun ini yang ditaja oleh Kerajaan Negeri dan nyatakan jumlah peruntukan yang telah digunakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ADUN Batu Rakit, tanya tentang jumlah mahasiswa yang menyambung pengajian ke Mesir yang ditaja oleh pihak Kerajaan, Yang Berhormat Yang di-Pertua Yayasan Terengganu kita memberi fokus untuk membantu dari segi pelajar-pelajar yang bukan Pengajian Islam di Mesir, kecuali pelajar-pelajar cemerlang yang memang dapat anugerah, pelajar

cemerlang mereka boleh pilih walaupun Pengajian Islam tapi untuk fokus di Mesir kita ada untuk tahun 2023 sahaja kita 12 pelajar dan tiga melibatkan pergigian dan pihak Kerajaan Negeri telah membuka kembali untuk perubahan tetapi sebab sebelum daripada ini, pihak MKA membatalkan pengajian perubahan di Mesir kerana pihak Mesir telah mengurangkan tahun belajar daripada enam tahun kepada lima tahun, tetapi hasil perbincangan pihak Yayasan Terengganu kita akan mula menghantar pelajar walaupun bermula tahun ini iaitu pelajar matrikulasi, dia belajar di sini setahun, campur sana lima tahun jadi kita akan hantar balik pelajar kita membuat pengajian khususnya perubahan di Mesir, tetapi untuk tahun ini masih lagi tidak ada lagi pelajar insya-Allah tahun depan dan untuk pergigian tiga orang, yang menyambung pengajian peringkat sana dan pergigian tidak pernah masih lagi diiktiraf MQA.

Kos yang kita tanggung yang melibatkan pergigian RM130,000.00 setahun ada empat orang pelajar, minta maaf RM60,000.00 untuk itu di Jordan, di Mesir RM60,000.00 melibatkan kos RM120,000.00 dan juga ada Pengajian Turath pelajar kita yang *first batch* kita yang apa Pusat Takaful Fiddin kita ada enam orang pelajar Terengganu dengan kos, *eh* sembilan orang pelajar Terengganu dengan kos RM54,000.00, kita juga menyediakan pinjaman *one-off*, ada pelajar-pelajar yang pergi persendirian, tapi sampai tahun tiga, tahun empat ibu bapa sedar tidak mempunyai sumber kewangan untuk khususnya membayar yuran, jadi kita pihak Kerajaan Negeri kita menyediakan pinjaman *one-off* kepada mereka dengan kadar *limit* harga yuran biasa 8,000.00 dollar setahun USD8,000.00 setahun jadi untuk 2023 ini ada satu permohonan kita telah meluluskan untuk pinjaman *one-off* sebanyak RM34,000.00.

Kita juga menyediakan bantuan awal semua pelajar-pelajar yang mendapat *offer* di Mesir kita menyediakan persiapan untuk persediaan awal yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu pelajar-pelajar yang melibatkan 64 orang dan ada dua pelajar yang melibatkan Skim Biasiswa Cemerlang, dia memilih untuk membuat pergigian di Universiti Al-Azhar dan melibatkan kos dua orang ini RM300,000.00 seorang di bawah tajaan Kerajaan Negeri. Yang lain itu melibatkan luar negeri daripada Mesir, termasuk Algeria, Tunisia, Jordan dan sebagainya. Dan di samping pelajar-pelajar yang kita telah taja sebelum daripada ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya soalan saya menjurus kepada mahasiswa yang belajar agama di Mesir. Cuma banyak jawapan kepada mahasiswa yang belajar selain agama. Jadi seolah-olah jawapan tadi Kerajaan Negeri tidak menaja pelajar agama di Mesir melainkan yang cemerlang sahaja. Jadi saya nak tahu sebab apa jadi begitu, yang sebelum ini dulu-dululah zaman saya belajar dulu, Kerajaan Negeri memang taja pelajar-pelajar agama ke Mesir. Memanglah kita tengok Mesir ini, tempat agama. Jadi memang tempat yang sangat sesuai untuk menaja pelajar-pelajar mahasiswa untuk belajar agama di sana. Jadi nak minta sebab apa untuk tahun ini *takdok* tajaan untuk belajar agama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya menjawab soalan yang ditimbulkan oleh ADUN Batu Rakit berkait dengan menyambung pengajian di Mesir dalam jurusan agama dan jurusan lain, jadi saya *kabor belakalah hok dok* agama *tu*, masuk dalam jurusan lain, pada tahun ini. Jadi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ADUN Batu Rakit berkait dengan tajaan kepada pelajar-pelajar di Mesir. Kita sebenarnya membuat penyelarasan dengan Yayasan Pendidikan MAIDAM. Contoh apabila pihak MQA baru mengiktirafkan pengajian Qiraat di Wise University. Jadi dengan hasrat untuk memenuhi kuota tersebut, pihak Kerajaan Negeri taja dulu pelajar-pelajar untuk hantar ke Jordan. Selepas pada itu, kita berbincang dengan pihak Yayasan Pendidikan MAIDAM untuk *passing* kepada dia. Bila pihak Yayasan MAIDAM ambil, jadi kita serah kepada Yayasan MAIDAM *lah*, sebab ini melibatkan fokus, melibatkan pendidikan agama yang mereka boleh menggunakan peruntukan daripada zakat.

Begitu juga yang terbaru, kita menghantar pelajar pengajian Islam ke Tunisia dan juga Algeria. Peringkat awal untuk melicinkan pengambilan pelajar peringkat awal ini, kita mendahulukan melalui Yayasan Terengganu. Tetapi selepas daripada ini, kita ada perbincangan dengan pihak Yayasan Pendidikan MAIDAM, jadi Yayasan Pendidikan MAIDAM bersedia untuk mengambil pemberian zakat kepada pelajar-pelajar ini. Begitulah dari segi pengamalannya di Mesir, sebab setakat ini tidak ada lagi isu pelajar-pelajar kita di Mesir yang *tak* dapat zakat. Saya dimaklumkan macam *tu lah*. Kalau dulu kita bising *bangor*, saya sendiri pun sebagai pembangkang dulu, sebab terpilih, kadang-kadang cek dulu rumah dia, nombor tiang api rumah dia *lah*, apa sebagainya, nak kenal dulu. Jadi kita ini apabila dia memang pelajar, *confirm* pelajar ada

offer letter apa sebagainya, dan setakat ini, apa yang zakat yang diberi Yayasan Pendidikan MAIDAM cukup untuk perbelanjaan mereka. Jadi apa orang panggil, zakat MAIDAM *free*, jadi *kalu* kita *ni* pinjaman, jadi kita lebih mengesyorkan supaya mereka mengambil zakat *lah*, kecuali SPC tadi, pelajar-pelajar yang cemerlang, memang kita *offer* dia, dia pilih untuk pergi ke Mesir, ataupun ke Jordan, memilih untuk Pengajian Islam, *hok ni* sebab dia mendapat Anugerah SPC ini, memang kita taja walaupun dia pilih pengajian agama. Jadi, bukan makna kita ada diskriminasi apa tidak ada, tapi supaya daripada zakat MAIDAM ataupun yang kita tahu dengan TI, Yayasan Terengganu, TI, GLC supaya kita menyamaratakan, biar boleh belaka, *takdok lah* boleh Yayasan *pulok*, boleh *hok ni pulok*, kita harap supaya lebih ramai pelajar-pelajar anak Terengganu ini mendapat tajaan khususnya B40 *lah*, sebab ramai daripada permohonan-permohonan itu kebanyakan besarnya adalah B40 yang memang kita beri keutamaan, ya, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Air Putih soalan nombor satu -

Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah bantuan barang-barang banjir agar dapat diurus dengan baik?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada ADUN Air Putih. Dato' Yang di-Pertua, soalnya apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah bantuan barang-barang banjir agar dapat diurus dengan baik?

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Bil.2/2023 telah diadakan pada 29 Oktober 2023 bertempat di Wisma Darul Iman dan dipengerusikan oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja bagi persediaan semua agensi dan jabatan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024. Melalui

mesyuarat ini, Yang Berhormat Mulia Pengerusi telah memutuskan supaya semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berbincang dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi menyelaraskan serta menyediakan satu bilik khas di sekolah yang akan dijadikan Pusat Perpindahan Sementara (PPS) bagi menyimpan barang-barang keperluan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kegunaan mangsa-mangsa banjir. Semua barang keperluan untuk bencana telahpun dihantar ke semua fasiliti penyimpanan. Berikut adalah beberapa penyimpanan bantuan daripada JKM. Setakat ini kita mempunyai satu depoh, dan kita mempunyai 14 mini depoh, dan kita mempunyai stor pengkalan hadapan sebanyak 162. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan? *Takdok?*
Terakhir saya persilakan Yang Berhormat Telemung.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama -

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kekurangan imam, bilal dan Muallim (Tenaga Pengajar) di Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Telemung yang mengemukakan soalan sebagaimana yang tertera. Berdasarkan data yang disediakan, berkait dengan isu yang ditimbulkan ini, yang agak ketaranya ialah di kawasan-kawasan pedalaman kekurangan ini. Justeru antara langkah yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar berkenaan ialah menggalakkan lebih ramai asatizah dari kawasan pedalaman untuk memohon tauliah mengajar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, daripada dapatan saya buat *lah*, untuk DUN saya, kekurangan Imam adalah seramai 19 orang dan Bilal 40 orang, maknanya jumlah agak tinggi. Dan apa yang saya *nak* nyatakan di sini adalah apa hasil yang saya buat kajian kebanyakan mereka-mereka ini kurang berminat untuk menjadi imam terutamanya kerana soal elaun ataupun imbuhan yang agak rendah. Jadi soalan saya, adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan elaun imam terutamanya dan kita di Terengganu ini ramai sebenarnya pelajar-pelajar, bekas-bekas pelajar yang berasaskan kepada agama, jadi saya pun peliklah kerana kurang minat rupanya sebab inilah antaranya ialah kerana elaun atau imbuhan yang diberi agak kecil kerana beras pun mahal dah hari ini, *dak?* beras mahal, telur mahal...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil TELEMUNG): Soalan saya tidakkah Kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun ataupun imbuhan imam-imam tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Telemung. Kita terima cadangan itu *insya-Allah* kita doa-doakanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Soalan tambahan boleh? Satu lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila..

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Soalan saya ialah berkaitan dengan isu kebajikan imam dan bilal. Selain daripada elaun tadilah adakah Kerajaan Negeri telah melakukan program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang fokusnya kepada

kebajikan imam dan bilal yang dengan ini boleh menarik anak-anak muda kita untuk menjadi imam dan bilal, berkhidmat pada masyarakat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Sura. Sila

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Sura. Saya akan masukkan dalam ucapan penggulungan, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya tangguhkan sementara Dewan ini, saya dengan sukacitanya mengalu-alukan seluruh pemerhati pada hari ini. Khairunnisa', Pusat Khidmat Masyarakat DUN Air Putih, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Kemasik, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Ajil, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Sura, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Langkap, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Besut, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Bukit Besi, Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Kuala Besut, Pertubuhan Kebajikan Wanita Sepakat Terengganu serta seluruh yang saya tidak sempat untuk menyebut nama seorang demi seorang dialu-alukan sebagai pemerhati pada hari ini. Terima kasih kepada semua, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.20 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah usul-usul yang telah diberi notis. Dipersila Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Wakil Paka untuk mengemukakan usul cadangan mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon membawa cadangan Menurut Fasal 16 (3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024 daripada perkara-perkara lain.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian satu cadangan menurut Fasal 16 (3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024 daripada perkara-perkara lain telah diterima. Sekarang saya mengemukakan kepada undian:-

CADANGAN MENURUT FASA 16 (3) PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN UNDANGAN NEGERI UNTUK MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN 2024 DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SEBULAT SUARA.

USUL INI DITERIMA

**RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERBEKALAN 2024**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024, bacaan kali yang pertama.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi Tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca pada kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2024 DAN BAGI
MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, BACAAN KALI
YANG PERTAMA.**

Bacaan Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi

memperuntukkan jumlah wang itu untuk Perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ الْأَدْبِيِّ أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ . وَنُصَلِّي وَنُسَلِّمُ عَلَى خَيْرِ الْأَنْبِيَاءِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri semua tetamu dan para petugas media dan pemerhati yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taala* sekalian.

1. Pada hari yang penuh yang penuh bermakna, marilah kita menadah tangan berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu agar dilanjutkan usia dalam keafiatan dan sentiasa berada limpahan rahmat dan keampunan Allah *Subhanahu Wa Taala* serta dikurniakan petunjukNya.
2. Pada pagi ini saya mohon untuk membentangkan di Dewan ini Enakmen Perbekalan Tahun 2024 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2024. Butiran lengkap Enakmen ini adalah seperti yang terkandung dalam Buku Belanjawan 2024 Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Ekonomi global diunjurkan bertumbuh perlahan iaitu 3.0% pada tahun 2023 dan 2.9% pada tahun 2024. Keadaan ini antaranya disebabkan oleh jangkaan risiko berkaitan krisis hartanah di China, harga komuniti yang semakin tidak stabil dan tidak boleh dijangka serta perpecahan geopolitik dan peningkatan semula inflasi di peringkat antarabangsa.

4. Selari dengan itu, Bank Dunia juga turut menurunkan unjuran KDNK Malaysia daripada 4.3% kepada 3.9% bagi tahun 2023 disebabkan oleh permintaan domestik yang semakin merudum selain terkesan dengan kemerosotan ekonomi global. Kementerian Kewangan juga mengunjurkan ekonomi negara akan bertumbuh sekitar 4.0% bagi tahun 2023 dan 4.0% hingga 5.0% pada tahun 2024.
5. Pun begitu saya optimis bahawa kita mempunyai potensi tersendiri untuk terus mengekalkan daya tahan ekonomi negeri kita. Pada tahun lalu, ekonomi kita bertumbuh 5.9% berbanding 3.7% pada tahun sebelumnya. Manakala kadar pengangguran meneruskan trend menurun selama tiga tahun berturut-turut iaitu kepada 3.6%.
6. Inflasi di negeri kita juga terus mereda dan antara yang terendah di negara ini iaitu pada 1.5% pada September 2023 berbanding 2.9% pada Disember tahun lalu. Keindahan alam semula jadi di negeri kita juga telah menarik 10.23 juta orang pelawat domestik berbanding hanya 3.7 juta orang pada tahun sebelumnya.
7. Kerjasama rasmi dan strategik melibatkan empat negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis juga adalah merupakan satu peluang untuk mengoptimumkan perkongsian pelbagai sumber bagi mencapai kesejahteraan bersama.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Walaupun perubahan teraju Kerajaan Persekutuan sejak akhir November tahun lalu mencetuskan gangguan terhadap amalan *federalisme* sehingga memberikan kesan yang tidak sedikit kepada kelancaran pentadbiran Kerajaan Negeri, saya memberikan jaminan bahawa kita akan terus menghormati hak dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam mengukuhkan hubungan dan kerjasama antara Negeri dan Persekutuan.
9. Pada masa yang sama juga, kita mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan turut menghormati tanggungjawabnya selaras dengan

tuntutan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini adalah soal asas dan prinsip, jika bersikap sedemikianya sebaliknya atau rasa curiga, ragu-ragu atau takut negeri menjadi maju dan kuat pula. Ia adalah langkah ke belakang dalam membina sebuah Negara Malaysia yang merdeka.

10. Ya, Saya lebih sukakan pendekatan "bincang-bincang" sama ada secara formal atau tidak formal kerana kita semua sama ada Negeri atau Persekutuan berdepan dengan tanggungjawab menjaga rakyat tanpa mengira fahaman atau undi parti politik dalam pilihan raya. Jangan sampai tindakan menyempitkan hasil royalti atau Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang sedang berlaku ketika ini boleh menyebabkan mungkin akan ada rakyat Terengganu bangun dari "hibernasi" mereka sehingga boleh berjangkit ke seluruh negara dalam gelombang yang kita semua tidak tahu akan kesannya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Dalam mendepani pelbagai cabaran yang telah saya nyatakan, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan kedudukan kewangan berada dalam keadaan stabil untuk menyokong keperluan semasa dan masa hadapan kita semua.
12. Justeru, belanjawan berimbang yang saya bentangkan ini akan memperuntukkan sejumlah RM1.860 billion untuk Perbelanjaan Mengurus termasuk RM500 juta caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.
13. Di bawah Perbelanjaan Mengurus, sebanyak RM84.77 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan dan RM1.775 bilion bagi Perbelanjaan Bekalan iaitu sebanyak RM278.30 juta untuk Emolumen, RM251.48 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM23.86 juta untuk Aset, RM1.220 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1 juta untuk Perbelanjaan Lain.
14. Di bawah Perbelanjaan Pembangunan pula, sebanyak RM425,19 juta (85.04%) diperuntukkan untuk Sektor Sosial, RM44.10 juta

(8.82%) untuk Sektor Pentadbiran; dan RM30.71 juta (6.14%) untuk Sektor Ekonomi.

15. Manakala bagi hasil pula, Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM1.86 bilion iaitu sebanyak RM80.06 juta daripada Hasil Cukai, RM169.01 juta daripada Hasil Bukan Cukai dan RM1.610 bilion daripada Terimaan Bukan Hasil termasuk Dana Khas Kerajaan Persekutuan iaitu bayaran hasil petroleum.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Saya dengan rasa rendah diri amat berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada saya dan pasukan saya untuk terus memimpin kerajaan ini dalam 'Meneraju Era Baharu Terengganu' bagi membina masa hadapan yang lebih cerah untuk negeri kita yang kita cintai ini.
17. Menuju era baharu ini, saya menggariskan tiga identiti yang mesti dimiliki oleh kerajaan, para pemimpin, pegawai dan penjawat awam serta seluruh rakyat.
 - (1) Kerajaan Negeri mesti menjadi sebuah kerajaan yang lebih berkesan dengan memberikan perhatian dan prihatin dengan pelbagai pandangan, memperkemas dan meringkas bermacam-macam prosedur, serta menerima guna teknologi dalam lebih banyak perkara.
 - (2) Semua pemimpin dan pegawai kerajaan pula, bermula daripada saya sendiri, Ahli MMKN dan ADUN serta ketua-ketua jabatan mesti menjadi inspirasi kepada para kakitangan kerajaan dan seluruh rakyat; dengan menjunjung tinggi nilai integriti, *walk the talk* dengan izin dan berhubungan baik dengan semua. Para kakitangan kerajaan juga diingatkan supaya lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab agar perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih cekap dan cepat kepada rakyat.

- (3) Rakyat juga harus diperkasakan. Rakyat mesti bermaklumat, mengambil bahagian dalam isu-isu dan aktiviti kemasyarakatan serta menjadi lebih berdikari dengan keupayaan sendiri.
18. Era Baharu yang kita mahukan untuk Terengganu tidak lain ialah pemimpin dan rakyatnya yang benar-benar memperhambakan diri kepada Allah *Subhanahu Wa Taala*. Sumber kekayaan pula dinikmati oleh semua dengan penuh rasa syukur melalui pengagihan yang saksama dan pengurusan yang lestari. Pembangunan fizikal dan sosial berjalan seiring dan seimbang untuk memenuhi keperluan semasa dan tuntutan masa hadapan. Mudahnya, Terengganu seharusnya menjadi contoh "negeri yang diredhai Allah dan disegani orang", adil, prihatin dan berkebijakan.
19. Justeru, belanjawan pada kali ini menunjang tiga fokus. Fokus pertama ialah Memperkukuh Keberkesanan Kerajaan. Fokus kedua pula ialah Mempelbagai Sumber Kekayaan. Manakala fokus ketiga ialah Menyejahterakan Kehidupan Rakyat.

10 SASARAN & STRATEGI UTAMA

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Saya ingin menggariskan sepuluh sasaran dan strategi utama untuk diusahakan dan dicapai oleh kita semua bagi tahun 2024, iaitu:
- (1) Dalam situasi pertumbuhan global dan nasional diunjur menyederhana pada tahun 2023 dan 2024, KDNK Terengganu harus kekal mengembang antara 3.5% sehingga 4.1%. Subsektor perdagangan borong dan runcit mesti diperkukuh dengan pelbagai inisiatif dan pengupayaan perniagaan dan pembangunan usahawan. Subsektor makanan dan minuman serta penginapan pula mesti terus ditambah nilai menerusi pemerksaan industri pelancongan. Manakala subsektor tanaman dan ternakan pula diberikan tumpuan dengan meningkatkan pengeluaran hasil, memperkukuh industri di peringkat sekunder dan tertiar serta

melaksanakan strategi adaptasi dan mitigasi perubahan iklim supaya sektor pertanian dapat kembali bertumbuh positif.

- (2) Melahirkan lebih ramai usahawan baharu yang berjaya sekurang-kurangnya 80 orang menerusi pemeraksanaan Program Pembangunan Usahawan dengan hasil jualan berjumlah sehingga RM4.2 juta sekali gus menyediakan lebih 200 peluang pekerjaan. Dana berjumlah RM19.2 juta yang telah diperuntukkan sejak 2019 menerusi TUGAS mesti dimanfaatkan sepenuhnya untuk membangunkan usahawan baharu di samping membantu lebih 1000 usahawan sedia ada yang masih memerlukan sokongan.
- (3) Peluang dan penempatan pekerjaan perlu diseliasa dengan lebih bersepadu supaya kadar pengangguran di negeri ini berada di paras sekitar 3.3% hingga 3.6% peratus sahaja. Justeru, kadar kebolehpasaran graduan juga perlu ditingkatkan antara 85% hingga 90% berbanding hanya 83.6% pada tahun 2021.
- (4) Industri pelancongan perlu diperkasakan dengan kepelbagaian produk, ketersediaan kemudahan dan pemuliharaan bermacam-macam sumber jayanya untuk menarik 13.2 juta pelawat domestik termasuklah 4.5 juta pelancong iaitu 20% hingga 30% lebih ramai berbanding tahun sebelumnya. Adalah dianggarkan perbelanjaan oleh pelawat domestik di negeri ini pada tahun hadapan akan mencecah lebih RM3.8 billion.
- (5) Rancangan dan usaha bagi menambah baik infrastruktur dan logistik di kesemua 28 kawasan perindustrian serta meneroka dan mengeksploitasi kelebihan di kawasan sempadan negeri dan stesen-stesen ECRL mestilah dipergiatkan bagi merencanakan industri berorientasikan eksport dan domestik. Hal ini penting supaya jumlah dan imbalan dagangan dapat ditingkatkan antara 5% hingga 7% berbanding pada tahun 2022. Untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan menyediakan ekosistem pelaburan yang lebih kompetitif. Momentum peningkatan nilai pelaburan melebihi 100%

sepanjang lima tahun lepas berbanding tempoh sama sebelumnya mestilah dikekalkan.

- (6) Projek-projek kecil DUN di Dewan Undangan Negeri perlu dilaksanakan mengikut senarai dan keutamaannya. Spesifikasi dan jadual yang telah ditetapkan bagi memenuhi keperluan penduduk, menangani impak bencana dan pemangkin pertumbuhan sosio ekonomi setempat. Peruntukan yang disediakan mesti dioptimumkan sepenuhnya. Kemajuan projek-projek Perumahan Mampu Milik juga mesti dipantau dan dikawal dengan lebih tegas supaya dapat disiapkan dan diagihkan pada waktu yang sepatutnya.
- (7) Institusi keluarga mesti terus diperkukuh kerana ia adalah nadi kesejahteraan masyarakat. Usaha untuk meredakan kadar perceraian di bawah paras 1.5 bagi setiap 1000 penduduk perlu lebih aktif terutamanya melibatkan pasangan berumur antara 32-40 tahun. Selari dengan itu, ikhtiar untuk mengurangkan bilangan penyalahguna dan penagih dadah, bilangan kes-kes jenayah indeks dan jenayah syariah juga mesti dipergiatkan menerusi program kesedaran, aktiviti penguatkuasaan dan tindakan undang-undang.
- (8) Menjelang Ogos tahun hadapan, atlet-atlet kita mesti dipersiapkan fizikal, mental dan moral mereka ke tahap yang terbaik supaya kita dapat kembali merampas gelaran juara keseluruhan pada temasya SUKMA 2024 nanti. Sejarah manis yang pernah kita nikmati sebelum ini mesti ditempa semula.
- (9) Rencana untuk menambah hasil cukai dan hasil bukan cukai sebanyak 10% setahun mesti dilaksanakan dengan lebih strategik, agresif dan bersepadu. Bukan sahaja sumber sedia ada perlu dioptimumkan, sumber hasil baru juga mesti diteroka dan dibangunkan bermula dari sekarang. Kita hanya akan lebih berdaya tahan jika mempunyai hasil daripada sumber sendiri yang diurus secara lestari.

- (10) Semua jabatan dan agensi, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan perlu mencapai tahap kepuasan pelanggan melebihi 90% dan 90% aduan yang dikemukakan mesti diselesaikan dalam tempoh 15 bekerja. Peraturan dan prosedur berkaitan juga perlu ditambah baik bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

21. Suka saya tekankan bahawa semua sasaran dan strategi yang saya gariskan ini tidak terhad hanya untuk portfolio atau jabatan atau agensi tertentu sahaja sebaliknya pelbagai pihak mesti saling bekerjasama untuk menjayakannya termasuklah menggerakkan sepenuhnya potensi empat negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis menerusi gugusan SG4.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**FOKUS 1:
MEMPERKUKUH KEBERKESANAN KERAJAAN**

22. Sebagaimana yang pernah saya sebutkan sebelum ini, fungsi semak dan imbang kepada Kerajaan tanpa Pembangkang ini perlu dan boleh berjalan dengan berkesan melalui pelbagai kaedah.
23. Kumpulan *backbenchers* dengan izin mesti kritis dalam mengemukakan pandangan terhadap dasar dan program Kerajaan serta perlu berperanan lebih progresif dengan mengemukakan usul atau Rang Enakmen yang bersesuaian. Justeru, *backbenchers* perlu proaktif mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak termasuklah parti pembangkang dan NGO.
24. DUN Belia pula perlu diperhebat fungsinya supaya lebih efektif dalam meremajakan pentadbiran Kerajaan dan perjalanan Dewan Undangan Negeri Terengganu. Ahli-ahli DUN Belia dan para peserta Akademi Al-Fateh mesti dibangunkan keupayaan mereka dalam aspek kepimpinan, pengurusan serta penyelidikan dan pembangunan polisi.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

25. Kerajaan juga akan menubuhkan Majlis Ekonomi Digital dan Pendigitalan Negeri Terengganu untuk memacu penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan rangka Tindakan Ekonomi Digital Terengganu serta melakukan transformasi digital dalam sistem penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan projek *e-Government*.
26. Bagi meningkatkan akauntabiliti belanjawan pula, sistem TDI Budget Monitor akan diperkenalkan untuk melapor status program dan projek masing-masing yang diumumkan dalam setiap ucapan belanjawan. Orang awam boleh mengakses sistem ini bagi memantau pelaksanaan dan keberhasilan setiap inisiatif tersebut.
27. Penggunaan *Terengganu Pay* iaitu gerbang bayaran rasmi Kerajaan Terengganu akan diperluas ke lebih banyak jabatan dan menerusi kiosk mudah alih serta terminal pembayaran elektronik bagi memudahkan akses kepada pengguna.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**FOKUS 2:
MEMPELBAGAI SUMBER KEKAYAAN**

28. Kerajaan komited untuk mempelbagaikan sumber hasil. Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Perbelanjaan Hemat Negeri Terengganu sedang mempertimbangkan pelaksanaan langkah-langkah perlu bagi menambah hasil sekaligus menjamin kestabilan kedudukan kewangan Negeri. Ini termasuk dengan menambah baik aspek perundangan berkaitan kuasa mengutip hasil dan *best practice* di semua pusat tanggungjawab hasil. Jawatankuasa ini juga sedang memperincikan pelan strategik bagi mengoptimumkan sumber sedia ada dan meneroka sumber baharu. Antara tumpuannya ialah menyemak semula sumber hasil cukai dan hasil bukan cukai serta mendapatkan pulangan tunai daripada badan-badan berkanun dan GLC.

29. Pindaan kadar dan pengenalan baharu bayaran pejabat (*office fee*) dengan izin, berkaitan urusan PTG akan dikuatkuasakan secara berperingkat bermula awal tahun hadapan. Pada masa yang sama, PTG juga sedang mengkaji pindaan cukai tanah untuk dikuatkuasakan pada tahun seterusnya. Kerajaan merasakan pindaan-pindaan ini adalah wajar memandangkan kadar ini tidak pernah dipinda sejak lebih 35 tahun lalu berbanding negeri-negeri lain.
30. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan kadar baharu ini nanti tidak membebankan rakyat dan adil kepada semua pihak seperti dengan memberikan pengecualian tertentu kepada golongan miskin atau yang memerlukan.
31. Sebagai negeri yang mempunyai deposit nadir bumi terbesar di negara ini iaitu lebih 7.18 juta tan metrik, rancangan bagi membangunkan industri ini dan mengekalkan rantai nilai di negeri ini akan dibuat dengan teliti menerusi penyediaan dasar dan model perniagaan yang komprehensif dan kompetitif. Ini penting bagi menjamin pulangan hasil yang maksimum kepada negeri, menggalakkan pelaburan dan menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat.
32. Selain daripada itu juga, Majlis Mineral Unsur Nadir Bumi Negeri Terengganu yang bertanggungjawab dalam perkara ini akan menilai peluang dan cabaran daripada pengeluaran Dasar Mineral Negara baharu dan *Procedure Operation Standard* oleh Kerajaan Persekutuan nanti supaya kepentingan negeri ini sentiasa dilindungi.
33. Tenaga boleh diperbaharui adalah merupakan *game changer* dengan izin untuk Negeri Terengganu bagi mempelbagaikan sumber hasilnya. Bagi memanfaatkan ketersediaan kepada sumber yang kita miliki ini, Pelan Induk Teknologi Hijau atau (PITiH) akan dirangka bagi merealisasikan hasrat kita untuk menjadi antara pengeluar pertama tenaga yang boleh diperbaharui di negara ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

34. Kerajaan akan terus merencanakan industri pelancongan dengan penganjuran pelbagai program dan memperkasakan program pelancongan alam semula jadi menerusi acara bertaraf antarabangsa seperti *Kenyir Geopark Trails*, *4X4 Challenge* dengan izin dan sebagainya.
35. Bagi menghidupkan pelancongan, kebudayaan dan kesenian negeri kita, semua pertubuhan berkaitan di peringkat daerah akan bernaung di Jawatankuasa Tindakan Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Terengganu.
36. Selain daripada itu, program lain seperti penganjuran sukan air, promosi batik dan songket asli, tambah baik *Tourism Information Centre* dengan izin, penyelenggaraan kemudahan pelancongan di setiap daerah, naik taraf infrastruktur jeti-jeti di Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas akan dilaksanakan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

37. Bagi menggalakkan gaya hidup sihat menerusi aktiviti sukan dan kecergasan, program Sukan Untuk Semua dan *Fit Is Sunnah* akan diteruskan. Selain itu program *Monsoon Run* atau *Terengganu Beach Festival* dengan izin, akan turut dianjurkan.
38. Tambahan pula, sesuai dengan jolokan *Land of Cyclists* dengan izin, promosi dan aktiviti berbasikal di negeri ini juga akan turut dipergiatkan.
39. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan menyelenggara dan membaik pulih kemudahan sukan termasuklah 40 gelanggang futsal di seluruh negeri.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

40. Seiring dengan peningkatan permintaan terhadap beras tempatan pada masa ini, usaha bagi menambah pengeluaran padi di Negeri Terengganu akan dipergiat dengan menaik taraf infrastruktur dan tanah sawah luar jelapang seluruh negeri.
41. Tanah-tanah rizab yang masih terbiar pula akan dioptimumkan penggunaannya menerusi Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Padang Ragut dan Zon Industri Akuakultur.
42. Program CSR Tani, CSR Ternakan dan CSR Perikanan pula akan diteruskan. Pada masa yang sama, program galakan dan pemerksaan usahawan industri tani juga akan dipergiatkan.
43. Selain daripada itu, Program DIY permanian berhadass, pemotongan daging premium, kursus cantuman anak pokok, *certificate of competency* dengan izin dan latihan pengendalian dron turut akan dilaksanakan sekali gus bakal membuka peluang kerjaya baru kepada para belia.
44. Pembangunan penternakan lembu pedaging dan kambing tenusu juga akan diberikan fokus bagi meningkatkan lagi pengeluaran hasil ternakan di negeri ini.
45. Susulan dari peningkatan pendaratan ikan marin dan pengeluaran hasil akuakultur sebanyak 9.9% dan 13.06% masing-masing pada tahun 2022, Kerajaan akan menambah peruntukan bagi pembangunan tukun tiruan dan unjam. Selain itu juga, Kerajaan bakal mengoptimumkan pengoperasian Pusat Pembenihan Ikan Marin di Limau Nipis, Setiu.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

46. Kerajaan juga akan meneruskan program galakan dan promosi pelaburan ke negeri kita. Antaranya menerusi *prospectors* pelaburan diyakini, kenyataan dalam ekspo dan misi berkaitan pelaburan di dalam dan luar negeri bersama dengan pelbagai agensi dan penganjuran *Terengganu Investment Day* dengan izin.

Kerjasama dengan agensi Persekutuan seperti MIDA dan ECERDC akan terus diperkukuh bagi menjayakan usaha-usaha ini termasuklah menggerakkan rangkaian SG4.

47. Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu akan diperkenalkan untuk memandu kita dalam membangunkan industri dan menarik pelaburan berimpak tinggi, memperluas hubungan dagang dengan pelbagai negara serta mengukuhkan kedudukan negeri kita dalam rantaian nasional dan global.
48. Kerajaan Negeri juga menyokong usaha Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan Industri Kenderaan Elektrik (EV) dan menggalakkan penerimaan rakyat terhadap penggunaannya. Justeru, kita bersedia menjadi salah satu destinasi pilihan utama bagi pembinaan stesen pengecasan EV di negara ini.
49. Tambahan pula, Kerajaan akan membangunkan dan menaik taraf kawasan-kawasan perindustrian terutamanya di Kuala Nerus, Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu. Selain daripada itu, Kerajaan juga dalam usaha untuk mengenalpasti tapak untuk dibangunkan *Green Industrial Park* dengan izin, di kawasan utara Terengganu terutamanya di kawasan berhampiran dengan stesen ECRL untuk memudahkan perkhidmatan penghantaran kargo.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

50. Beberapa projek baharu juga akan dilaksanakan di sebahagian kawasan Taman Ilmu yang masih belum dibangunkan. Antaranya ialah pembinaan bangunan komersial serta pembangunan perumahan mampu milik dan komersial yang akan menjadikan *catalyst* dengan izin, kepada pembangunan akan datang dan pertumbuhan sosial ekonomi setempat. Galakan bagi mewujudkan lot-lot kedai bagi kawasan perumahan yang baharu akan dibuat menerusi beberapa pendekatan.
51. Kerajaan juga akan membangunkan kiosk perniagaan, menaik taraf gerai makan di Pantai Teluk Mak Nik dan membina 4 unit rumah

kedai di Kampung Pasir Gajah, Kemaman serta menyediakan papan tanda di tempat-tempat utama perusahaan kecil dan sederhana.

52. Kerajaan juga akan menggiatkan promosi, latihan dan pembangunan usahawan bagi menambah pendapatan dan mengembangkan lagi perniagaan termasuklah menyediakan peluang kepada para usahawan untuk menjalani Latihan Halal *Industry Fundamentals* dan *Malaysian Halal Certification* dengan izin.
53. Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan membangunkan sebuah pengkalan data usahawan dan perniagaan yang lengkap dan bersepadu terutama bagi menyokong usaha mendigitalisasikan dan mengukuhkan rangkaian supaya lebih kompetitif.
54. Bagi membantu golongan pencari kerja dan juga usahawan mendapatkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan dan perniagaan, Kerajaan akan perluas Sistem S@mpai, memperkasa Pusat Cari Kerja dan meneruskan penganjuran Karnival Kerjaya Negeri Terengganu.
55. Selain daripada itu, Program Jana Diri dan Program *Home Manager* akan diteruskan khusus bagi menyokong golongan wanita terutamanya ibu tunggal untuk meningkatkan taraf hidup.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

FOKUS 3: MENYEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT

56. Slogan 'Indahnya Hidup Bersyariat' akan terus diterjemahkan dengan pelbagai pendekatan demi melahirkan masyarakat yang faham dan beramal dengan agama serta menjadi pembela agama.
57. Masjid selain daripada pusat ibadah akan diperkasakan sebagai pusat ilmu dan aktiviti kemasyarakatan. Bahkan di masjid jugalah hal ehwal pentadbiran kampung dijalankan.

58. Selain meneruskan kerja-kerja menyelenggara dan menaiktaraf masjid-masjid sedia ada di seluruh negeri, Kerajaan juga akan melaksanakan kerja-kerja awal pembinaan masjid negeri yang baharu berkonsepkan *smart township mosque* dengan izin dan menjadi pusat di Bandar Baru Bukit Besar.
59. Program-program dakwah untuk meningkatkan penghayatan beragama dalam kalangan masyarakat akan juga diperkasakan untuk menarik lebih ramai pengunjung menerusi konsep pelancongan dakwah, majlis ilmu, sambutan hari kebesaran Islam, kempen kesedaran perjuangan umat islam serta tapak dan mercu tanda sejarah Islam di negeri ini akan disinergikan sebagai produk pelancongan dan dimasukkan dalam *Calendar of Events 2024* dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

60. Kerajaan sentiasa serius untuk memperkasakan pelaksanaan syariah di negeri kita. Oleh itu, Mahkamah Utama Syariah akan diwujudkan sebagai Mahkamah Tertinggi Syariah di negeri ini. Selain daripada itu, aspek perjawatan, ketersediaan infrastruktur, pindaan enakmen yang berkaitan dengan pengupayaan penguatkuasaan akan diberikan perhatian oleh Kerajaan.
61. Program wacana melibatkan pakar dan usaha meningkatkan kesedaran awam akan terus dipergiatkan menerusi program seperti *Itqanul Muluk* dan seminar perundangan Islam.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

62. Dalam melahirkan generasi yang berjati diri dan berintegriti, program-program pembangunan insan yang dilaksanakan di negeri kita mesti diselaraskan dan dipandu berdasarkan Modul *Itqan Insani*.

63. Selain daripada itu juga, Majlis Penasihat Pendidikan Negeri Terengganu juga akan ditubuhkan untuk memandu dasar dan perancangan bagi memacu kecemerlangan Pendidikan bermula peringkat pra-sekolah sehinggalah ke peringkat pendidikan tinggi.
64. Bagi menggalakkan sesi pembelajaran dan pengajaran lebih interaktif serta menambah minat pelajar kepada sains dan teknologi, Kerajaan akan meneruskan program *Terengganu Sejahtera Brilliant Kids (TS Kids)* dengan izin di semua TASKA di bawah YPKT dan akan menganjurkan Festival Sains, Teknologi dan Inovasi (FeSTI 2024).
65. Selain dari meneruskan pengoperasian SRIDI dan SMIDI, Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi menyelenggara SRIDI Kota Putera, SRIDI Permaisuri dan SRIDI Paka
66. Bagi membangunkan generasi yang menghayati nilai hidup Islami berkempimpinan dan berdikari serta bagi menangani gejala sosial dalam kalangan remaja dan belia. Maka program Generasi Islah Falah Terengganu Ingatkan Sayang dan Super Syabab serta Fityah Terengganu akan diperhebatkan lagi penganjurannya.
67. Institusi kekeluargaan pula akan dimantapkan menerusi penganjuran Karnival Keluargaku Syurgaku (K-Jannati), Program Kem Keibubapaan Hebat (KEMAH 2024) dengan kerjasama LPPKN, program pasca perkahwinan, perkhidmatan sokongan psikososial dan kesihatan mental.
68. Khusus untuk golongan wanita pula, pelbagai program pembangunan wanita akan dilaksanakan di samping program pemeriksaan mamogram dan *pap smear* secara percuma yang akan diteruskan.
69. Selain daripada itu juga, Konvesyen Suri Sejahtera (SURI 2024), Bengkel Wanita Sejahtera (BEST 2024), Spa Suri Sejahtera dan *Sis Beauty Fitness (SIS BE-FIT)* dengan izin juga akan dilaksanakan.

Dato Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

70. Kerajaan akan terus berusaha membawa pelbagai inisiatif berkebajikan kepada rakyat walaupun kita berdepan dengan tekanan dari luar Terengganu. Selain akan ditambah baik kaedah pelaksanaannya Program Lesen Motosikal Terengganu Sejahtera, Wad Kelas Ketiga Percuma, Kad Sejahtera, Pengecualian Cukai Pintu, Air Percuma, Biasiswa Skim Pelajar Cemerlang, Walimatul Urus Perdana, Bantuan Input Pertanian, Skim Modal Tani, Tabung Bencana Pertanian dan Tabung Darul Iman juga akan diteruskan.
71. Kerajaan juga merancang untuk membina sebanyak 160 unit rumah mampu milik di Bandar Baru Tembila, Besut. Di samping itu, kerajaan menyediakan infrastruktur seperti perparitan bagi setiap pemajuan perumahan akan turut diberikan perhatian. Kepelbagaian rekabentuk dan spesifikasi rumah akan ditambah baik dengan memperkenalkan dua variasi baru iaitu *Townhouse* Rahman dan rumah Belia Rahman. Projek Perumahan Terengganu Sejahtera bagi membina dan membaikpulih rumah golongan B40 yang terpilih juga akan diteruskan.
72. Bagi menggiatkan lagi kemajuan perumahan di negeri ini, Kerajaan juga akan memperkemas Dasar Pembangunan Perumahan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui Penswastan, menambahbaik perjanjian dengan pemaju bagi melindungi kepentingan negeri dan rakyat kita serta memantau dan menyelia dengan rapi kesemua projek kerajaan dan swasta melibatkan 13,989 unit rumah yang dalam pembinaan dan perancangan ketika ini.
73. Melalui kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan pula, Kerajaan Negeri juga berhasrat meneruskan program penempatan semula nelayan bagi membina 200 buah unit lagi di Kemaman dan Setiu. Selain daripada itu, satu lagi PPR baru melibatkan 150 unit rumah akan dibina iaitu PPR Jeram, Kuala Terengganu. Projek Pemajuan Kawasan Benting Lintang melibatkan pembinaan sebanyak 100 unit rumah dan projek pemajuan kawasan Tempinis melibatkan kerjasama pembangunan tanah untuk dijadikan kawasan perumahan juga akan dilaksanakan.

74. Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek kecil di DUN seluruh Terengganu, Projek berkaitan penjanaan ekonomi dan pembangunan pertanian, menaik taraf dan membaiki premis dan fasiliti kerajaan, menyelenggara dan menaiktaraf retikulasi paip dan loji rawatan air serta program bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil (*NRW*).
75. Kerajaan juga akan melaksanakan Kajian Rangka Tindakan Bandar Pintar Negeri Terengganu, menambah baik perkhidmatan pembersihan awam dan sisa pepejal serta menjayakan agenda bandar bersih antaranya melalui penganjuran pertandingan kebersihan di setiap daerah.

PENUTUP

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebelum menutup ucapan ini, saya ingin menjelaskan bahawa pembentangan saya pada kali ini ada beberapa perbezaan yang ketara berbanding dengan pembentangan yang terdahulu. Pembentangan kali ini tidak menyebut secara terperinci peruntukan setiap inisiatif yang ingin dilaksanakan. Walaupun begitu ianya ada dinyatakan dalam buku belanjawan 2024 yang ada di hadapan tuan-tuan. Tugas ini akan diserahkan kepada Yang Berhormat EXCO untuk memilih bagi menyebutnya semasa penggulungan. Antara sebab utama pendekatan baru ini dibuat adalah kerana sewaktu Belanjawan ini dibentangkan, saya juga terlibat dalam satu proses demokrasi pilihan raya di tempat semua sedia maklum. Untuk mengelakkan saya dilihat mengambil kesempatan supaya pertandingan yang saya sertai itu lebih adil sifatnya maka saya mengambil keputusan untuk bersikap lebih cermat untuk tidak menyebutnya dalam Belanjawan kali ini. Situasi ini adalah satu perkara yang baru yang mungkin tidak pernah berlaku di mana jua sebelum daripada ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penjawat awam di Negeri Terengganu yang sama-sama menggerakkan agenda negeri. Walau bagaimanapun, kadar bonus penjawat awam tidak dapat diumumkan pada ucapan belanjawan pada hari ini di atas sebab-sebab semua yang sedia

maklum. *Insyah-Allah* setelah selesai urusan saya, kadar bonus akan dimaklumkan secara pentadbiran.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

76. Sasaran telah saya tetapkan. Strategi pun telah saya nyatakan. Rancangan tindakan pun selesai saya bentangkan. Tiga identiti yang saya gariskan di awal ucapan ini mesti benar-benar menjadi budaya dan imej kita sekali gus menjadi pemboleh daya yang malar segar untuk kita menjayakan ke semua inisiatif Belanjawan ini. Seterusnya merealisasikan Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera.
77. Dalam suasana politik, ekonomi dan sosialnya semakin rancak sudah pastilah caranya makin besar. Kita bersama sentiasa positif dan optimis dalam mendepani suasana yang menguji ini supaya ia semakin menguatkan kita, bukan melemahkan kita. Adilnya Allah, setiap masalah disusun dengan penyelesaiannya. Syaratnya kita bertakwa kepadaNya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

"Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)"

Surah At-Talaaq, Ayat 65:2

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERTAKWA HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokong bagi bacaan kali kedua. Untuk makluman ketua-ketua jabatan bagi mendapatkan Buku Belanjawan 2024, tuan-tuan boleh mengimbas *QR Code* bagi mengakses buku tersebut.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti ucapan bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan hari ini. Oleh yang demikian, saya tangguhkan persidangan ini ke pukul 9:30 pagi esok 28 November 2023. Sama-sama kita membaca Tasbih Kaffarah dan surah Al-Asr

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12:15 TENGAHARI

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA,
28 NOVEMBER 2023

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Tengku Seri Bijaya Raja
Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالِهِ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jabatan, para pemerhati yang saya kasihi, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini, marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

SOALAN-SOALAN LISAN

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada 28 November 2023 adalah sebagaimana berikut:-

- 1 Yang Berhormat Wakil Bukit Tinggi
- 2 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 3 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 4 Yang Berhormat Wakil Sura
- 5 Yang Berhormat Wakil Bandar

- 6 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 7 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 8 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 9 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 10 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 11 Yang Berhormat Wakil Manir
- 12 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 13 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 14 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 15 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 16 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 17 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 18 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 19 Yang Berhormat Wakil Telemung

Seterusnya saya persilakan yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Hari ini berbaju melayu,
Soalan saya nombor satu.

*Adakah Kerajaan Negeri membuat perbincangan bersama-sama
Kementerian Kesihatan bagi tujuan menaik taraf Pusat Kesihatan
Bukit Tunggal yang semakin sesak?*

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan rakan-rakan Ahli Dewan

Undangan Negeri dan ketua-ketua jabatan serta pemerhati saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian.

Terima kasih kepada ADUN Bukit Tunggal yang telah pun menanyakan soalan pada saya berkenaan dengan usaha Pihak Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat. Adakah Kerajaan Negeri membuat perbincangan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan bagi tujuan menaik taraf Pusat Kesihatan Bukit Tunggal yang semakin sesak?

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan sekalian, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Tunggal yang baharu bagi menggantikan klinik kesihatan yang sedia ada dan perancangan bagi membina Klinik Kesihatan Bukit Tunggal telah pun dirancang untuk dimasukkan di dalam permohonan Rancangan Malaysia ke-14. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERTHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Kerajaan. Kita melihat jawapan tadi RMK-14 *tuh* lambat lagi *tuh*. Jadi apakah ada usaha-usaha di peringkat Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan dari segi jangka pendeknya ataupun jangka panjang dan juga peranan yang perlu dimainkan oleh Kerajaan Pusat dan juga negeri untuk merealisasikan pembinaan Pusat Kesihatan Bukit Tunggal yang baru ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal. Seperti yang telah dinyatakan tadi, sememangnya Pusat Kesihatan Bukit Tunggal ini semakin mendapat... kita lihat kesesakan yang berlaku agak luar biasa disebabkan kerana pertambahan penduduk yang berada di kawasan sekitar dan di antara kesesakan yang kita kenal pasti adalah berkenaan dengan ruang menunggu pesakit yang tidak mencukupi dan juga bilik konsultasi yang tidak mencukupi. Bagi mengatasi masalah ini kerana kita tahu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, RMK-14 ini lambat lagi 2031 hingga 2035 jadi kita ada masa

dalam hampir tujuh ke sepuluh tahun lagi, lambat lagi lah. Jadi dalam tempoh tersebut kesesakan akan berlaku. Jadi sehubungan dengan itu ada beberapa pelan tindakan jangka masa panjang dan juga pendek yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya dalam jangka masa pendeknya adalah cadangan untuk menambah jumlah bilik konsultasi dan juga menambah keluasan ruang menunggu menggunakan peruntukan pembangunan yang ada.

Yang keduanya dari sudut jangka masa panjang iaitu memohon projek pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Tunggal yang baharu di dalam RMK-14 seperti yang telah dinyatakan melalui perancangan-perancangan seperti menyediakan satu tapak cadangan iaitulah di Gong Kijang yang telah pun dipersetujui oleh pihak Kementerian Kesihatan seluas tujuh ekar. Namun, tapak cadangan ini perlu dibuat proses pengambilan balik yang memerlukan kos yang masih lagi dalam perincian dan juga kajian.

Yang kedua, sekiranya cadangan pertama tadi tidak dapat dilaksanakan maka cadangan membina klinik kesihatan yang baharu boleh diadakan di tapak yang sama cuma keluasannya agak kecil sedikitlah berbanding dengan cadangan yang pertama tujuh ekar, cadangan yang kedua ini tiga ekar sahaja yang telah menggunakan yang tapak sedia ada.

Yang ketiganya, kos perancangan pembangunan semula klinik kesihatan ini belum dapat diperincikan kerana kos sebenar bagi pembinaan klinik kesihatan akan ditentukan mengikut jenis klinik kesihatan yang akan diluluskan nanti. Saya rujuk wakil daripada Jabatan Kesihatan sebentar tadi, klinik ini ada tujuh jenis. Jenis yang pertama hingga jenis yang ketujuh dan jenis yang kita cadangkan untuk dilakukan ataupun untuk dibuat di sini adalah jenis yang kedua yang boleh menampung kapasiti pesakit yang lebih daripada 800 orang sehari.

Seterusnya, cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Tunggal jenis yang kedua ini seperti yang saya nyatakan berserta dengan kuarters yang baharu bagi menggantikan klinik kesihatan sedia ada telah pun dimasukkan di dalam RMK yang ke-14 dan *insya-Allah* apabila ia dapat direalisasikan ia bakal dapat menampung pertambahan populasi melebihi 50 ribu orang pesakit dengan kedatangan pesakit sehingga 800 orang sehari di sekitar Bukit Tunggal. Di antara peranan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga

Kerajaan Negeri, yang pertamanya Kerajaan Persekutuan adalah peranannya adalah meluluskan peruntukan pembangunan untuk kerja-kerja penambahan bilik konsultasi dan penambahan ruang menunggu di Klinik Kesihatan Bukit Tunggal dalam kadar yang segera dan yang keduanya meluluskan permohonan gantian Klinik Kesihatan Bukit Tunggal yang baharu sama ada di tapak baru seluas tujuh ekar di Gong Kijang ataupun di tapak sedia ada seluas tiga ekar dan Kerajaan Negeri, peranan yang boleh dimainkan adalah menyokong dan membantu dalam mempercepatkan proses pengambilan tanah di Gong Kijang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Jabatan, rakan pemerhati, media dan semua. Soalan saya nombor satu-

Apakah status bangunan sementara SRIDI Bukit Besi Di Bandar Al Muktafi Billah Shah (AMBS), Dungun dan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membina bangunan kekal bagi SRIDI Bukit Besi Dan SMIDI Bukit Besi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ADUN Bukit Besi bertanyakan tentang SRIDI Bukit Besi di Muktafi Billah tentang bangunan sementara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman SRIDI telah beroperasi di bangunan sementara yang merupakan bangunan yang dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Bangunan tersebut ialah bangunan perpustakaan KETENGAH dan juga Dewan Orang Ramai (DORA) KETENGAH. Bangunan tersebut telah diubahsuai mengikut keperluan untuk pengoperasian SRIDI Bukit Besi berdasarkan persetujuan yang diberikan oleh

pihak KETENGAH. Pihak KETENGAH telah bersetuju untuk menawarkan penggunaan bangunan tersebut sebagai bangunan sementara bagi SRIDI Bukit Besi sehingga 31 Disember 2025. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT), telah membuat permohonan satu cadangan tapak kekal kepada Pejabat Tanah Dungun untuk dijadikan penempatan kekal SRIDI Bukit Besi di atas tanah kerajaan iaitu PT.4910. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan? Tak ada?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Tambahan, sepatutnya berakhir 2025, makna selepas pada itu, ke mana SRIDI?

والله أعلم

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sebagaimana kita sedia maklum, kita akan perbanyakkan SRIDI yang ada beroperasi di tempat sementara, kecuali di SRIDI Kota Putera tempat kekal, dan juga SRIDI Permaisuri. Yang baki lagi tu sebahagiannya merupakan kita telah mengambil perjalanan untuk proses memohon tapak kekal ikut SRIDI masing-masing. Dan juga pada tempat yang tidak ada bangunan sementara kita telah proses untuk memohon untuk pembinaan bangunan kekal bagi mewujudkan SRIDI di DUN-DUN yang masih lagi belum ada SRIDI.

Jadi selepas pada tahun 2025, kita harap *insya-Allah* kita harap *insya-Allah* kita akan beroperasi di tapak kekal kita sebagaimana tanah yang dipohon iaitu di PT.4910. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Sura.

YANG BERTHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Sura soalan semalam gabung dengan Kemasik, EXCO dah jawab. Soalan yang sama.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan yang pertama-

Apakah langkah kerajaan bagi memperkasakan institusi kekeluargaan dalam mengawal dan mengurangkan kes masalah sosial di negeri ini?

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Terima kasih Bandar, soalan berkaitan dengan apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memperkasakan institusi kekeluargaan dalam mengawal dan mengurangkan kes masalah sosial di negeri ini.

Terima kasih Bandar, berkaitan dengan isu masalah kekeluargaan ini ia berkaitan dengan pelbagai agensi yang terlibat dalam pembinaan kekeluargaan inilah, dan kita di pihak Kerajaan Negeri *alhamdulillah*, kita telah mendapat kerjasama yang baik dari pelbagai agensi sama ada Agensi Pusat ataupun Persekutuan, NGO dan sebagainya dan terima kasih kepada agensi-agensi JPN, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga, LPPKN, Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera dan lain-lain lagi yang telahpun memberi kerjasama yang baik dalam pembinaan kekeluargaan ini dan di pihak Yayasan Pembangunan Keluarga, sebagai satu daripada agensi yang berkaitan dengan kekeluargaan, Yayasan Pembangunan Keluarga, telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif termasuklah mengadakan Program Generasi Islah Falah Terengganu dan Program Fityah Negeri Terengganu dan juga Anugerah, telah mengadakan Anugerah Terindah Keluarga Bahagia dan juga pelbagai program yang telah pun dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga semuanya menjurus ke arah pembinaan keluarga sebagai satu daripada institusi asas dalam komuniti dan negeri dan juga kita juga mendapat kerjasama yang baik daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 25 hari bulan baru ini kita telah mengadakan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Di Kota Putera. Jadi ini di antara beberapa perkara yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan dalam memperkasakan institusi keluarga sebagai asas pembinaan insan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila...

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat semua, berhubung dengan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat kita khususnya, ialah gejala buli yang berlaku di kalangan remaja khususnya di sekolah-sekolah, boleh pihak Kerajaan menjelaskan langkah-langkah pencegahan isu masalah buli yang berlaku di kalangan remaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Terima kasih Bandar, soalan berkaitan dengan pendidikan ini patutnya dijawab oleh Paka ni, sebagai EXCO Pendidikan tapi saya cuba jawab *jugaklah*.

Di pihak Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah buli ini sama ada di Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu ataupun Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu agensi Kerajaan Negeri, telah pun mengadakan pelbagai program yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah buli di asrama khususnya. Kes buli ini bukan sahaja berlaku di asrama sekolah menengah harian biasa bahkan berlaku di SBP, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Agama. Pun begitu pihak kementerian telah pun mengadakan pelbagai aktiviti di antaranya telah mengeluarkan satu pekeliling IKHTISAS dan juga buku panduan cegah buli dan telah membuat peraturan dan telah membuat pendaftaran ke semua JPNT untuk dilaksanakan secara yang lebih kemas lagi, dan juga pihak kementerian telah pun memperkasakan SSBM (Sistem Salah Laku Disiplin Murid) untuk menambah baik sistem yang sedia ada, dan *insya-Allah* dikemaskinikan sistem ini untuk dilaksanakan secara yang lebih efektif pada tahun 2024 ini dan juga pihak kementerian juga telah mengadakan DUTA SAHSIAH di semua sekolah untuk mana-mana pelajar yang baik dari sudut sahsiahnya akan menjadi model kepada pelajar-pelajar lain. Di Sekolah-sekolah Agama, Sekolah-sekolah Agama milik Kerajaan Negeri saya rasa tidak berlaku sangatlah sebab satu daripada sebabnya mungkin sebab kawalan di sekolah di asrama. Dan di IMTIAZ kita ambil contoh di IMTIAZ, di IMTIAZ telah diwujudkan satu jawatan hakiki, jawatan warden asrama jadi jawatan hakiki ini satu-satu jawatan yang sangat penting untuk mengawal dan mengatasi buli di sekolah, jadi kementerian tidak ada jawatan hakiki. Ini satu daripada sebab ataupun masalah yang saya rasa tidak berkesudahan apabila guru yang dibeban, yang terbeban *dah* dengan tugas pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas diminta untuk

menjadi warden. Jadi saya juga mengharapkan pihak kementerian untuk memperkasakan jawatan warden supaya kes-kes buli yang berlaku di asrama khususnya dapat dicegah dan di antara perkara pentingnya ialah mewujudkan jawatan warden secara hakiki di semua sekolah asrama sepertimana yang kita telah pun wujudkan di sekolah IMTIAZ. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Jertih memilih soalan nombor satu, terima kasih.

Apakah program impak tinggi untuk menangani gejala penagihan najis dadah di kalangan generasi muda?

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua pemerhati. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jertih yang mengemukakan soalan sebagaimana yang tertera.

Kerajaan telah menetapkan Dasar Dadah Negara iaitu menghapuskan permintaan dan bekalan dadah. Dasar ini merangkumi keseluruhan usaha kerajaan ke arah melahirkan masyarakat tanpa dadah. Strategi utama dalam menghalang masalah dadah dari terus berleluasa dalam masyarakat adalah pencegahan. Pencegahan dijalankan di Malaysia merangkumi pencegahan di institusi pendidikan, tempat kerja, keluarga dan komuniti. Antara program untuk belia ialah Program SKUAD Antidadah, Program *Tomorrow's Leader*, Program SMART dan Program Masjid Angkat Daerah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Ada soalan tambahan, EXCO. Dadah adalah isu besar di seluruh dunia dan saya rasa *dah* separuh abad negara kita dengan gejala dadah sejak tahun 70-an selepas

era *Woodstocks* di Eropah dan termasuk serangan dadah di felda-felda kawasan *malay belt* dengan izin, *muslim belt*. Jadi negeri kita, Terengganu juga antara yang agak tinggi gejala penagihan dadah dan ini mencemarkan dengan dasar Maju, Berkat, Sejahtera kita. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO untuk menerangkan tentang adakah konsep perkampungan ibadah untuk bekas penagih dadah? *Insyah-Allah*, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Jertih. *Ya*, kita bersetujulah sebagaimana yang disebut di mana masalah dadah ini adalah masalah global bukan sahaja masalah dalam negara kita yang perlu ditangani secara bersama daripada pihak kerajaan dan juga masyarakat secara umumnya. *Alhamdulillah*, bagi Kerajaan Negeri sebenarnya kita telah menubuhkan satu pusat untuk kita memulihkan penagih-penagih dadah ini iaitu Darul Barakah, di mana pusat ini sebenarnya termasuk dalam Manifesto PAS pada PRU yang ke-14 tahun 2018 yang lalu dan pada penggal lepas kita telah tubuhkan pusat ini iaitu pada tahun 2021 bertempat di Kampung Temala, Pengkalan Berangan, Marang di mana sehingga hari ini pusat ini mempunyai 93 orang penagih-penagih dadah yang kita usaha untuk pulihkan balik dan menariknya ialah Darul Barakah ini kita buka secara sukarela bukan kata pihak berkuasa tangkap penagih-penagih dadah kemudian dihantar di situ, di mana penagih-penagih dadah yang mahu untuk kembali ke pangkal jalan mereka boleh datang secara sukarela sama ada keluarga yang hantar ataupun mereka sendiri yang datang ke situ. Sekarang ini jumlahnya seramai 93 orang dan kita buat program-program secara holistik bukan sahaja dari sudut rohani, dari sudut jasmani termasuklah kita membina jati diri mereka supaya mereka boleh untuk berdikari khususnya program-program yang berkait dengan pertanian, penternakan mereka dilatih supaya mereka boleh berdikari selepas keluar daripada pusat Darul Barakah tersebut, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan Yang Berhormat Jertih. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu-

Apakah status perkembangan Laluan Basikal Teluk Ketapang-Kuala Ibai yang pernah dinyatakan oleh pihak Kerajaan Negeri sebelum ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Buluh Gading ini kita akan gabung dengan soalan Bukit Tunggul. Jadi Bukit Tunggul boleh untuk tanya soalan tambahan sama. Sila, Yang Berhormat EXCO.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Buluh Gading yang bertanyakan tentang status perkembangan laluan basikal Teluk Ketapang-Kuala Ibai yang pernah dinyatakan oleh pihak Kerajaan Negeri sebelum ini. Untuk makluman Ahli Dewan, *alhamdulillah* projek pembinaan laluan basikal Teluk Ketapang ke Kuala Ibai sedang berada di peringkat pembinaan dengan kemajuan kerja terkini telah mencapai 95% siap dan kita menjangkakan pada bulan Disember 2023 ia boleh digunakan sepenuhnya, *insya-Allah*. Projek ini telah diberi milik tapak pada 20 Jun 2022 sehingga 13 Ogos 2023, namun demikian terdapat sedikit tambahan masa dan projek ini dilanjutkan sehingga 11 November 2023. Pemilik laluan tersebut berada di bawah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, manakala pihak JKR adalah pegawai penguasa bagi projek ini. Kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM4.2 juta termasuk kerja-kerja pengukuran. Kita menjangkakan *insya-Allah*, Disember ini akan dibuat majlis perasmian dan kita berharap laluan ini akan menjadi pilihan bagi pengguna basikal seluruh Negeri Terengganu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina laluan-laluan baru untuk kegunaan rakyat seluruh Terengganu apabila projek laluan basikal ini siap sepenuhnya, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ya, *insya-Allah*. Sebenarnya perancangan pihak Kerajaan Negeri adalah untuk

menjayakan bumi Terengganu sebagai *land of cyclist* dan tentu sekali laluan nya meliputi seluruh Negeri Terengganu. Meskipun demikian kita mengakui keadaan kewangan semasa dan kita menganggap laluan Teluk Ketapang-Kuala Ibai ini sebagai *pilot* projek dan akan melihat bagaimana sambutan yang diberikan oleh seluruh pengguna basikal yang akan mengambil laluan ini. Jika sekiranya ia begitu positif kita akan membawa dan mengembangkan idea ini ke seluruh Negeri Terengganu, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Bukit Tunggal ada *nok* tanya?

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita dimaklumkan semasa pembinaan projek ini *dok* siap lagi, cumanya ada orang *wat* naik kereta atas *tu* Yang Berhormat, *wat* naik kereta. Apakah tindakan Kerajaan nanti untuk memastikan penyalahgunaan laluan tersebut, kan takutkan kita buat laluan basikal tiba-tiba *kete gi* lalu ataupun motosikal, jadi minta penjelasan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Kita mengambil maklum apa yang telah berlaku buat masa ini dan tentu sekali peranan pihak Kerajaan adalah untuk *educate* rakyat dan kita akan terus untuk menyatakan kawasan ini adalah merupakan kawasan laluan berbasikal dan *insya-Allah* pihak MBKT juga akan memainkan peranan untuk terlibat di dalam *enforcement* terhadap penyalahgunaan laluan berbasikal ini. Jadi kita akan melihat selepas daripada pembukaan laluan berbasikal ini pada Disember nanti, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ADUN Kemasik, sila.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan Kemasik nombor satu-

Apakah program yang dirancang oleh kerajaan dalam

*membangunkan lebih ramai usahawan baharu dan meningkat
keupayaan usahawan sedia ada khususnya dalam berhadapan
dengan keadaan ekonomi yang semakin mencabar ini?*

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik. Antara program yang dirancang oleh Kerajaan dalam membangunkan lebih ramai usahawan baharu dan meningkatkan keupayaan usahawan sedia ada ialah Program Pemanduan Perniagaan, Program U-BES - Usahawan Belia Sejahtera, Kursus Secara Berkala Bagi Usahawan "Start-Up", "Scale-Up", dan "High Performance", Skim Pembiayaan *No Riba* di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS), Skim Bantuan Pembangunan Produk, Skim Bantuan Barkod, Skim Bantuan Analisa Nutrisi, Skim Bantuan Pembungkusan dan Skim Bantuan Papan Tanda. Sekian.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau boleh diperincikan, berapakah peruntukan yang disediakan dan apakah segmen-segmen ini?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yayasan Pembangunan Usahawan menawarkan Skim Pembiayaan *No Riba* di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) dengan had maksima sebanyak RM50,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat. Di antara skim pembiayaan dan geran perniagaan yang boleh dipohon ialah Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan Terengganu (SP3T), Tabung Siti Khadijah (TSK), Skim Pembiayaan Atas Talian Terengganu (SPINT), Skim Dana Usahawan Industri Asas Tani (DUNIA), Tabung Pemulihan PKS Terengganu ini semasa COVID-19, Dana Usahawan dan Industri Mikro Terengganu (DUIT), Dana Prihatin Terengganu - OKU (D-Hati), Program Peningkatan Kapasiti Perniagaan Terengganu (T'CAP), Skim Pembiayaan Khas Bazar Ramadhan, Skim Pembiayaan 'Mobile Truck'.

YPU juga membantu usahawan melalui Skim Bantuan Pembangunan Produk, Skim Bantuan Barkod, Skim Bantuan Analisa Nutrisi, Skim Bantuan Pembungkusan dan juga melalui Skim Bantuan Papan Tanda.

YPU juga sentiasa mengadakan Program Pepadanan Perniagaan secara berkala sebagai program pemudah cara bagi usahawan dapat memasuki pasaraya-pasaraya besar.

Kerajaan Negeri melalui YPU mempunyai program khas keusahawanan untuk golongan muda mencipta kerjaya melalui keusahawanan iaitu Program U-BES (Usahawan Belia Sejahtera).

U-BES pada tahun 2023 untuk *batch* 4.0 telah memperuntukkan sebanyak RM440,000.00. Program U-BES ini adalah bertujuan untuk membantu melahirkan usahawan belia dan beliawanis lepasan SPM menjadi usahawan khususnya perniagaan atas talian selaras dengan perkembangan ekonomi digital. Setakat Oktober 2023, seramai 40 orang belia telah dipilih untuk menyertai program U-BES 4.0.

YPU juga mengadakan program-program kursus secara berkala bagi usahawan "Start-Up", "Scale-Up" dan "High Performing" dengan bajet pada tahun ini sebanyak RM40,000.00. Pencapaian Program Usahawan Belia Sejahtera (U-BES) untuk tahun 2019 sehingga 2022, U-BES 1.0 sehingga U-BES 3.0, 120 orang usahawan telah diwujudkan. Dan untuk tahun 2023 U-BES 4.0, 40 orang usahawan telah diwujudkan. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama-

Sejauh manakah sambutan yang diterima daripada pihak NGO di seluruh Terengganu mengenai Anjung Sejahtera NGO Terengganu sejak pelancarannya?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Soalan yang dikemukakan adalah berkenaan dengan sambutan yang diterima daripada pihak NGO seluruh Terengganu berkenaan dengan Anjung Sejahtera NGO Terengganu sejak daripada pelancarannya? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini, *alhamdulillah* sebanyak 30 buah NGO telah menggunakan kemudahan yang ada di Anjung Sejahtera NGO dan daripada 30 NGO yang telah menggunakan Anjung Sejahtera ini, tiga daripadanya adalah pengguna tetap dan selebihnya menggunakan kemudahan berdasar kepada keperluan masing-masing. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya, bagaimanakah usaha untuk kita nak mempromosikan Anjung Sejahtera NGO ini, adakah terdapat yuran-yuran penggunaan yang dikenakan dan apakah perancangan Kerajaan untuk meluaskan lagi peranan Anjung Sejahtera NGO ini di masa hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Buat masa ini tidak ada sebarang yuran yang dikenakan untuk semua NGO yang menggunakan Anjung Sejahtera NGO. Walau bagaimanapun, kita ada mengenakan beberapa caj penggunaan seperti kos *printer*, penggunaan kertas dan seumpamanya. Begitu juga tempahan makan minum, ia diuruskan sendiri oleh pihak NGO yang menggunakan dewan ataupun menggunakan Anjung Sejahtera NGO. Untuk tujuan promosi, pihak urus setia Belia, Sukan dan NGO Terengganu Sejahtera telah menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) Negeri Terengganu bagi mereka memaklumkan khidmat dan kemudahan yang disediakan bagi digunakan secara percuma oleh NGO yang berdaftar di bawah ROS.

Sementara itu, hasrat untuk kita kembangkan lagi sebenarnya kita berhasrat untuk bergerak dengan lebih jauh ke depan bagi mewujudkan Kompleks Anjung Sejahtera NGO berasaskan kepada Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030). Walau bagaimanapun, pihak kami akan membuktikan terlebih dahulu Anjung Sejahtera NGO yang ada pada hari ini benar-benar digunakan secara maksimum oleh semua NGO-NGO Negeri Terengganu. Jadi *insya-Allah* pada masa yang akan datang kita berhasrat ia dikembangkan dengan lebih baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu-

Apakah perancangan kerajaan bagi memperkasakan lagi agenda pemerksaan wanita di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat ADUN Manir ini kita gabungkan sekali dengan Bandar, Pengkalan Berangan dan Hulu Besut. Jadi saya akan bagi ruang untuk soalan tambahan dua. Sila Yang Berhormat EXCO jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Manir, Bandar, Pengkalan Berangan dan juga Hulu Besut yang menggabungkan soalan-soalan ini. Soalan ini digabungkan untuk dijawab dalam satu jawapan sahaja mengenai apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memperkasakan lagi agenda pemerksaan wanita di Negeri Terengganu?

Di antara satu agenda yang jelasnya ialah wujudnya Yang Berhormat ADUN Ladang yang diwakili oleh wanita. Dan selain daripada itu melalui USWA, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Urus setia Wanita Terengganu sebagai satu daripada Unit Tubuh untuk memperkasakan penglibatan wanita khususnya dalam pembangunan negeri dan juga negara dan di antaranya beberapa strategi penerapan budaya ilmu dalam kalangan wanita Terengganu dan juga penjenamaan Sayyidatina Aisyah sebagai Ikon Wanita Terengganu dan juga mendedahkan dan melengkapkan pelbagai kemahiran untuk meningkatkan taraf hidup wanita Transformasi Budaya Hidup Wanita Terengganu ke arah kesejahteraan dan juga penubuhan Pusat Pembangunan Wanita Terengganu serta strategi melahirkan wanita Terengganu yang berakhlak mulia dan juga mempunyai nilai-nilai ketimuran dan integriti yang tinggi. Dan melalui PITAS - Pelan Induk Terengganu Sejahtera, kita telah memperkasakan Pelan

Pemberdayaan Suri Rumah Terengganu dan juga satu laginya ialah kita telah menubuhkan Dasar Wanita Negeri Terengganu selaras dengan Dasar Wanita Kebangsaan. Di pihak Persekutuan melalui Jabatan Pembangunan Wanita, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga telah menjalankan fungsi Pembangunan Wanita di Negeri Terengganu dengan memperkasakan sasaran kepada wanita B40, ibu tunggal, usahawan wanita dan juga pelajar-pelajar sekolah dan pelajar-pelajar universiti dengan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan wanita supaya wanita kita lahir sebagai wanita yang selamat dunia dan akhirat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Celah. Ada? Sila Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, mengapa kita perlu wujudkan Dasar Wanita Negeri Terengganu sedangkan kita telah sedia ada Dasar Wanita Kebangsaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Kita mengakui Dasar Wanita Kebangsaan mempunyai satu dasar yang lengkap, tetapi kita menambah baik lagi dengan menggarap Dasar Pembangunan Wanita Negeri untuk menyesuaikan dengan *environment* dengan izin ataupun persekitaran yang ada di Negeri Terengganu yang kita tengok, kita lihat rata-rata wanita kita ini majoritinya adalah muslim. Jadi kita memperkasakan Agenda Pembangunan Nilai-Nilai Wanita Muslim di dalam Dasar Wanita Negeri Terengganu supaya wanita-wanita kita dapat keluar daripada kepompong biasa sama ada dalam sukan, ekonomi dan sebagainya tetapi tetap menjaga nilai-nilai kewanitaan berasaskan Islam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan? Beri ruang pada Pengkalan Berangan? Bandar? *Tak dok?* Okey seterusnya sila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Apa petanda aras kejayaan projek tanaman lada hitam di bawah program PITAS di Lembah Bidong Setiu dari segi hasil dan

peluang kerja kepada penduduk tempatan?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Seberang Takir. Penanda aras kejayaan Projek Lada Hitam McCormick diukur dengan beberapa ukuran. Yang pertama dari segi keluasan bertanam, kedua peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu, ketiga hasil pengeluaran, keempat pembinaan kilang pengering (*dryer plant*) dengan izin dan yang kelima pemindahan teknologi kepada masyarakat setempat.

Projek ini berkeluasan 600 hektar, setakat ini telah dibangunkan seluas 150 hektar dengan bilangan pokok yang telah ditanam ialah 181,973 pokok. Apabila projek ini beroperasi sepenuhnya, dianggarkan 2,441 peluang pekerjaan akan dapat dijana daripada *level* pengurusan teknikal dan penyeliaan, jualan dan perkeranian dan juga pekerja am sama ada pekerja tetap ataupun pekerja sementara ketika musim penuaian. Sehingga November 2023 seramai 294 orang pekerja telah diambil secara berperingkat. 100% adalah warganegara Malaysia dan lebih daripada 90% adalah rakyat Negeri Terengganu dan ianya menepati perjanjian yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan McCormick yang mensyaratkan paling kurang 70% daripada pekerja mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Projek ini kita anggarakan akan memberikan hasil sebanyak 5,100 metrik tan setahun dengan anggaran pengeluaran 10 metrik tan per hektar dan harga pasaran komoditi lada hitam ialah RM10,000.00 bagi setiap metrik tan. Dengan itu dianggarkan projek seluas 600 hektar akan mampu menjana hasil sebanyak RM51 juta setahun.

Dari segi pemindahan teknologi yang diuruskan melalui anak syarikat Kerajaan Negeri TADC kita fokuskan kepada dua fokus. Yang pertama Skim Pembangunan *Out Grower* di mana diperuntukkan seluas 50 hektar yang diberikan kepada rakyat tempatan dengan keluasan 2 hektar bagi setiap peserta. Mereka akan bertanam lada hitam dengan memanfaatkan teknologi daripada McCormick dan jaminan belian hasil daripada syarikat ini dengan dibantu oleh kewujudan *dryer plant* ataupun kilang pengering. Yang kedua TADC sebagai syarikat yang terlibat sebagai *anchor* dalam projek ini turut

terlibat dalam penghasilan baja kompos melalui penanaman napier seluas 400 ekar di Setia Jaya di Merang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, selain daripada lada hitam ini, ada tak tanaman lain misalnya seperti kopi dan sebagainya untuk dimajukan sepertimana projek ini dan ada tak peluang untuk penduduk-penduduk tempatan di sekitar itu untuk dibantu dan dibimbing untuk tanam lada hitam di tanah masing-masing kerana peluang untuk *market* ataupun pasaran itu ada dah sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Seberang Takir tanya tadi peluang penduduk tempatan kopi ke lada hitam?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Dua-dualah. Kalau yang lada hitam itu mungkin dah ada sekarang ini.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Untuk lada hitam kita dah ada tadi kita ada Skim *Out Grower* yang dimanfaatkan di atas tanah berkeluasan 50 hektar.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Maksud saya tanah persendirian. Kalau orang kampung...

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Tanah persendirian pun kita alu-alukan. Dalam masa yang sama Projek *Out Grower* maksud saya Projek Penanaman Napier untuk baja kompos yang dikendalikan oleh TADC juga dilibatkan penduduk tempatan. Jadi 400 ekar itu bukan hanya ladang TADC tapi juga sebahagiannya diusahakan oleh penduduk tempatan, TADC beli dan proses untuk dijadikan baja kompos. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Untuk tanaman lain itu bagaimana Yang Berhormat Wakil Kerajaan?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Apa sahaja tanaman ke arah penghasilan makanan ia berada dalam Pelan Kerajaan Negeri sebab Pelan Strategik Kerajaan Negeri memfokuskan Terengganu sebagai negeri pengeluar makanan termasuklah kopi. Okey.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Permaisuri.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua-

Apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri bagi menggalakkan dan mengembangkan bidang pertanian dan sumber asas makanan sepanjang tahun 2023 dan bagaimanakah hasil bagi usaha tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Permaisuri. Inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan dan mengembangkan lagi sektor pertanian negeri bagi tahun 2023 saya ringkaskan menurut tiga sektor utama.

Yang pertama untuk pertanian kita fokuskan kepada pembangunan kawasan infrastruktur sama ada sawah, kebun dan ladang. Yang kedua bantuan input pertanian, yang ketiga bantuan dari segi peralatan jentera, mesin dan juga mekanisasi ladang. Yang keempat kemudahan fasiliti selepas daripada penuaian. Yang kelima pemindahan teknologi dan yang keenam bantuan dari segi pemasaran. Bagi tahun 2023 Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM3.475 juta untuk program-program yang saya nyatakan tadi.

Bagi Sektor Penternakan Tahun 2023 Kerajaan Negeri memperuntukkan RM907,537.00 bagi tujuan agihan input penternakan. Di antara yang kita bagi mesin *chopper*, bantuan untuk pembangunan tanaman napier, bantuan traxis. Traxis ini kandang tempat letak lembu bila nak dimasukkan benih untuk tujuan perubatan dan kegunaan-kegunaan lain dan yang keempat bantuan makanan ternakan dan peruntukan ini telah memberikan manfaat kepada 610 orang penternak. Yang kedua kita fokuskan kepada pembangunan tanah-tanah rezab padang ragut. Di seluruh Negeri Terengganu terdapat 4,047 hektar tanah yang telah diwartakan sebagai rezab tanah ragut. Setakat ini yang telah dimajukan seluas 2,060 hektar. Makna ada lebih kurang separuh lagi tanah yang belum

dimajukan. Kaedah Kerajaan memajukan sama ada dengan membangunkan padang ragut rakyat dan juga sewa ataupun pajakan kepada pihak ketiga untuk dibangunkan dengan projek-projek komersial. Bagi nelayan pantai untuk tahun 2023, RM275,776.00 telah diperuntukkan dalam bentuk bantuan input nelayan pantai. Antara yang kita bagi ialah *Garmin Fish Finder* ini adalah alat GPS. Yang kedua jaket keselamatan, pukot tangsi, kawat bubu dan juga kit peralatan memancing. Seramai 468 orang nelayan telah mendapat manfaat. Untuk nelayan darat, nelayan darat ini maknanya nelayan sungai nelayan air tawar, sebanyak RM75,810.00 diperuntukkan untuk pelbagai bantuan input bagi nelayan darat antaranya kita bagi pukot pangsi, kid peralatan memancing, jaket keselamatan dan juga beberapa peralatan lain yang memberi manfaat kepada 140 orang nelayan darat. Kita juga tidak tinggalkan program memperkayakan sumber perikanan, tahun ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1,1779,829.50 bagi program memperkaya sumber perikanan, RM990,000.00 untuk projek tukun kita, RM139,832.00 untuk Program Unjam, untuk pelepasan benih ke perairan umum, benih ikan, udang galah, kita lepaskan ke perairan umum menelan kos hampir RM50,000.00 dan juga kita libatkan pengurusan penyu yang menelan kos sebanyak RM600,000.00. Itulah di antara secara ringkasnya inisiatif-inisiatif yang kita ambil pada tahun 2023, bagi tujuan meningkatkan lagi tiga sektor utama yang berada di bawah pertanian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, sebentar tadi kita dengar konsep pemindahan teknologi dalam pertanian yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi Pertanian, saya nak tanya ini, kalau kita melihat kepada teknologi dalam ternakan, termasuklah tenusu dan sebagainya. Pemanian berhadass sejauh manakah kita telah berjaya terapkan kepada penternak-peternak kita untuk melaksanakan tanggungjawab pembakaan kepada benih-benih baru dalam ternakan, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Pemanian berhadass ini orang Besut, Setiu, panggil masuk benih. Kerajaan Negeri memang ada satu program khusus untuk kita lantik dan latih juru suntik pemanian berhadass di kalangan penternak-penternak kita bagi proses biak baka terutamanya baka lembu sado daripada Charolais, Limousin dan juga Belgian Blue, dan program ini berlangsung sepanjang tahun dan jabatan mempersilakan bagi mana-mana

penternak yang berminat untuk terus memohon bagi mengikuti kursus yang diadakan secara berkala.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat, seterusnya Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Hulu Besut soalan nombor dua-

Apakah status projek reban ayam berhawa dingin yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di Kampung Masin, Hulu Besut yang sekian lama terbengkalai?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, kompleks reban ayam tertutup di Baroh Masin, sempadan di antara Hulu Besut dengan Jabi, kompleks ini dibina pada tahun 2005, dua buah reban dengan kapasiti 30,000 ekor bagi setiap pusingan, orang kampung panggil reban ayam dalam *aircond*. Dibina dengan dana daripada Projek Pembasmian Kemiskinan Negeri Terengganu. Sejak daripada mula kompleks reban tertutup Baroh Masin ini, disewakan kepada TD Poultry dengan kadar sewa RM10,000.00 bagi setiap pusingan dan bayaran sewa ini diagihkan kepada peserta PPRT dalam senarai ekasih. Tahun 2016 jabatan terpaksa menamatkan perjanjian dengan TD Poultry bukan masalah jabatan, bukan masalah Kerajaan Negeri, tetapi kerana masalah dalaman syarikat itu sendiri, bila ditamatkan TD Poultry disewakan kepada Syarikat Jahasrat Farming cuma sebelum disewakan pemeriksaan jabatan mendapati telah berlaku banyak kecurian dan kerosakan kelengkapan dengan anggaran kerugian melebihi RM200,000.00 dan Syarikat Jahasrat bila masuk dia bersih, tapi akhirnya *dok* lawan sebab kos untuk pembaikan terlalu tinggi dan mereka tidak mampu untuk membangunkan dan terpaksa tarik diri. Tiga tahun selepas itu, 2019, disewakan pula kepada anak syarikat Kerajaan Negeri TADC, juga berulang TADC pun tidak mampu untuk nak baik pulih reban ini disebabkan kos pembaikan yang tinggi dan sehingga kini kompleks reban ayam ini terbiar tanpa disewa dan jabatan buka peluang kepada mana-mana pengusaha yang berminat untuk nak mengusahakan reban ayam ini dan dukacita untuk saya maklumkan kepada Dewan inilah di antara aset yang dibina dengan dana Kerajaan Negeri melibatkan kos jutaan ringgit yang masih gagal untuk kita pulihkan sampai sekarang, terima kasih.

YANG BERTAMBAH DOK: Yang Berhormat, ada soalan tambahan dok, Hulu Besut ada dok? Sila Yang Berhormat Langkap.

YANG BERTAMBAH DOK: Terima kasih yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya nombor satu-

Adakah Projek Agropolitan Besut-Setiu (BSA), di Pancur Bederu, Setiu telah ditutup? Apakah sebab projek tersebut menemui kegagalan?

YANG BERTAMBAH DOK: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Langkap, Projek Besut-Setiu Agropolitan ataupun ringkasnya BSA projek penternakan biri-biri Dorper yang terbesar di Negeri Terengganu dimulakan projek ini pada bulan Disember 2011, 58 kandang yang boleh memuatkan 2,080 ekor bebiri yang dibawa masuk daripada Australia, bebiri Dorper ini, kepala dia hitam, tubuh dia putih, jadi hitam putih warna rasmi Negeri Terengganu, sejak daripada beroperasi pada bulan Disember 2011, BSA ini diuruskan dan dibiayai oleh Kerajaan melalui ECERDC, dan suka untuk saya maklumkan projek ini sebenarnya satu daripada Projek Basmi Kemiskinan, ada 85 keluarga yang tinggal diberikan rumah daripada kalangan peserta-peserta ekasih, bekerja dan mereka diberikan elaun bulanan oleh ECER yang mengendalikan projek ketika itu. Bermula daripada April 2022, ECERDC telah melantik Syarikat Lean Applied Sdn. Bhd. (LASB) sebagai *anchor company* untuk nak ambil alih projek ini berdasarkan kepada perjanjian komersil dan saya maklumkan kepada Dewan bahawa keputusan untuk ECERDC menghentikan pengurusan projek ini dan diserahkan kepada syarikat swasta tidak pernah dibincangkan bersama dengan Kerajaan Negeri. Kami hanya dimaklumkan selepas daripada keputusan dibuat oleh majlis ECER. Kalau sekiranya dibincangkan tentu sekali Kerajaan kita tidak akan bersetuju kerana kita pernah ada pengalaman projek dalam bentuk basmi kemiskinan apabila diserahkan kepada pihak swasta ia akan menuju kepada jalan kegagalan sebagaimana yang telah berlaku kepada Projek Rimbungan Kasih di Rantau Abang dan benar sebagaimana yang kita sangkakan Syarikat Lean Applied gagal untuk mencapai KPI, antaranya kematian berterusan kambing bebiri yang diternak di antaranya disebabkan kelemahan pengurusan dan kakitangan sehingga akhirnya pada 18 Oktober 2023, ECERDC menamatkan perjanjian dengan Syarikat Lean Applied Sdn. Bhd. Sekarang ECERDC dalam proses untuk melantik *anchor company* baru bagi menguruskan projek ini, isu yang timbul

sekarang ini, bagaimana nasib 85 keluarga yang sebelum ini menjadi peserta dan diberikan elaun bulanan oleh Kerajaan melalui ECERDC apabila projek ini diserahkan kepada pihak swasta, yang pertama mereka kehilangan peluang pekerjaan dan inilah yang dibincangkan oleh Kerajaan Negeri untuk kita tangani hari-hari depan yang terpaksa dilalui oleh rakyat kita yang menetap di Kompleks Perumahan BSA ini, terima kasih.

YANG BERTAMBAH AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, disebut tadi seramai 85 orang peserta, peserta keluarga makna bukan peserta bujang *doklah* makna berkeluarga jadi ditamatkan secara berperingkat dan akhirnya pada 30 Ogos baru-baru ini, penamatan secara menyeluruhlah maknanya kerja itu ditamatkan, jadi soalan tambahan saya apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu peserta yang disebut seramai 85 orang tadi untuk mendapat pekerjaan baru selepas diberhentikan. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Okey, terima kasih Langkap. Yang pertama sekali kita perlu selesaikan isu perumahan tempat tinggal mereka. Setiap keluarga diberikan sebuah rumah, tiga bilik, ada kemudahan dewan serbaguna, taman permainan, tadika dan sebagainya di kompleks perumahan itu. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk *nak* beri hak milik rumah ini supaya jadi milik mereka dan mereka boleh tinggal dengan tenang di satu rumah yang secara sah jadi milik mereka. Yang kedua, ada bekas pekerja daripada BSA yang telah diambil bekerja di Projek Fidlot Ternakan Lembu TADC di Pak Kancil. Kita juga membuka peluang kalau sekiranya peserta ini berminat dalam bidang pertanian, masih ada lagi tanah-tanah yang kosong. Di antara yang terdekat ialah TKPM Rhu Tapai di Setiu ada lagi 36 lot yang kosong berkeluasan 177 hektar. Mereka boleh datang ke Jabatan Pertanian dan memohon. Kalau berminat dalam bidang ternakan, daripada 2 ribu lebih tanah rezab padang ragut yang masih kosong di seluruh negeri, yang ada di daerah Setiu sahaja 294 hektar yang masih kosong dan mereka dipersilakan untuk memanfaatkan rezab padang ragut bagi meneruskan kegiatan dalam bidang penternakan. Ada masalah soal dana, kita sediakan Skim Bantuan Modal Tani. Dalam masa yang sama, kita mengharapkan apabila ECERDC berjaya melantik *anchor company* baru, sebahagian pekerja juga boleh bekerja dengan *anchor company* yang baru dilantik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Kita cukup satu jam untuk sesi soalan ini. Walaupun demikian, saya nak beri ruang jugak kepada dua orang lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Air Putih dengan Telemung. *Sian* ke Telemung, jadi kita *mintak* buka soalan tapi tiada soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan Air Putih soalan nombor dua -

Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk menukar rumput padang dengan jenis Zeon Zoysia seperti yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Belia Sukan untuk stadium di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Air Putih serta semua Ahli Dewan sekalian. Pihak Air putih memohon supaya Kerajaan Negeri memberikan penjelasan apakah kita akan menerima tawaran pihak Kementerian Belia Sukan untuk menukar rumput Zeon Zoysia di Stadium Negeri Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, penukaran rumput pada jenis Zeon Zoysia untuk padang Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin adalah sebenarnya boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, melihat kepada status rumput sedia ada, yang sudah cukup baik dan di antara padang yang diiktiraf oleh Ketua Jurulatih Harimau Malaya termasuk daripada pasukan-pasukan yang lain, kita menganggap rumput yang telah pun dianugerahkan oleh Malaysia Football League sebelum daripada ini sudah memadai untuk kita kekalkan dan tidak perlu kepada penukaran rumput yang baru dari jenis Zeon Zoysia.

Untuk maklumat Ahli Dewan, apa yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Belia Sukan adalah rumput sahaja, dan bagi pihak Kerajaan Negeri kita merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Belia Sukan yang telah memberikan tawaran tersebut. Meskipun demikian, kita tidak dapat meneruskan hasrat tersebut kerana ada beberapa pertimbangan yang perlu untuk kita teliti. Antaranya adalah proses sebelum daripada penanaman rumput

yang perlu untuk dilakukan oleh Pihak Kerajaan Negeri yang memakan perbelanjaan yang cukup tinggi. Antaranya kita anggarkan kos selenggara yang bakal untuk kita belanjakan untuk tujuan naik taraf sistem saliran air, kerja-kerja tanah dan kos pembelian mesin yang diperlukan adalah sekitar RM4.7 juta. Manakala penyelenggaraan tahunan yang tinggi pada setiap tahun seperti yang telah didedahkan oleh pengguna padang ini, sekitar RM240,000.00 setahun. Jadi pertimbangan-pertimbangan seperti ini menyebabkan pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menukar rumput termasuklah rumput yang berada di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang berada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Buat pengetahuan Ahli Dewan juga, bukan sahaja Terengganu yang menolak rumput ini, termasuk yang menolak juga adalah Kuala Lumpur dan juga Negeri Pahang. Yang menerima hanyalah dari Sarawak sahaja. Jadi itu sahaja penjelasan daripada saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Telemung.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak pantun sikit boleh *dok*? Pantun sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, sila-sila.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

Buah pahit atas peti,
Terima kasih YDP yang baik hati

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama -

Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat daerah Hulu Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada sahabat saya ADUN Telemung, yang sebahagian masa hidupnya duduk di dalam keadaan banjir. Soalan pun berkenaan dengan banjir. Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang sentiasa dihadapi oleh rakyat Daerah Hulu Terengganu?

Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Terengganu telah melaksanakan program-program penyelenggaraan secara berkala, infrastruktur, sistem saliran bagi penyelesaian jangka pendek sebagai usaha mengurangkan banjir di Daerah Hulu Terengganu. Bagi penyelesaian jangka panjang pula, perancangan terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan penyelesaian yang komprehensif. Oleh itu, Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Terengganu sedang dalam pelaksanaan oleh JPS Malaysia. Melalui kajian ini, beberapa projek tebatan banjir akan dicadangkan dan diperhalusi meliputi aspek skop, kos dan selari dengan kehendak semua pihak pemegang taruh bagi projek tersebut serta menepati objektif projek dan *outcome* yang telah disasarkan. Sementara menunggu kajian tersebut disiapkan, antara usaha-usaha jangka pendek yang dijalankan oleh jabatan bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan yang dinyatakan adalah dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam, takungan banjir dan sistem saliran. Selain menjalankan projek fizikal, jabatan juga melaksanakan projek ramalan dan amaran banjir (Fasa 1) di mana lokasi stesen yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:-

1. Stesen Siren Amaran Awal Banjir di *downstream* di Kg. Gunung, Matang
2. Stesen pemantauan aras air dan lebat hujan di Felda Mengkawang

Stesen yang dibina bertujuan untuk memberi amaran dan ramalan awal kepada penduduk dan agensi berkaitan dalam meramalkan kejadian banjir serta efektif dan cepat. Dengan adanya stesen yang dibangunkan tersebut, amaran akan dapat disebarkan dengan lebih awal supaya semua pihak dapat mengambil tindakan perancangan yang lebih awal.

Beberapa projek penyelenggaraan tahun 2023 di Hulu Terengganu:-

1. Kerja menggantikan *pipe culvert* kepada *twinboard culvert* dan lain-lain kerja berkaitan bagi mengurangkan risiko banjir di Sungai Kejir, Kampung Durian Bador, Hulu Terengganu.
2. Projek Membaikpulih Tebing Sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Kampung Durian Kasim, Ajil, Terengganu.
3. Kerja-kerja Menggali, Cuci dan Penstabilan Tebing bagi mengurangkan risiko banjir di Alor Paya Datuk, Mukim Penghulu Diman, Daerah Hulu Terengganu.
4. Projek Pemuliharaan Sungai untuk mengurangkan risiko banjir, membaikpulih tebing dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Petai, Kuala Berang, Hulu Terengganu.
5. Program Pemuliharaan Sungai mengurangkan risiko banjir, kerja-kerja membaikpulih tebing sungai dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Tenggeliat, Daerah Hulu Terengganu.
6. Program Pemuliharaan Sungai di Kampung Jak, Tanggol, Hulu Terengganu.
7. Projek Pemuliharaan Sungai di Sungai Rapat serta kerja berkaitan di Mukim Telemung, Daerah Hulu Terengganu.
8. Projek Membaikpulih Culvert di Kampung Lubuk Periuk, Ajil, Hulu Terengganu.
9. Program Pemuliharaan Sungai di Jalan Bukit Piatu, Kampung Kemas, Mukim Tersat, Hulu Terengganu.
10. Program Pemuliharaan Sungai dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Por, Kampung Kemas, Hulu Terengganu.
11. Program Pemuliharaan Sungai di Sungai Kampung Teris, Mukim Telemung, Hulu Terengganu
12. Program Pemulihan Sungai di Alur Peneh, Sungai Berang Kampung Peneh, Mukim Hulu Berang, Hulu Terengganu
13. Program Pemuliharaan Sungai di Sungai Kampung Tapah, Mukim Jenagor, Daerah Hulu Terengganu.

Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Wakil Cukai, jawapan yang *kemah* tadi *lah* memang jawapan yang saya rasa sangat baguslah jawapan tadi *tu*, cuma saya nak *tambah* sikit soalan tambahan sikit *lah* banjir

biasa Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua biasalah kami di kawasan pendalaman...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sama sendiri tanya *gok* tanya di *jabat*..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *takpe-takpe* [ketawa]

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Mentang-mentang tadok pembangkang tanya sama sendiri

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: [ketawa] jadi ringkas Yang Berhormat

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): jadi saya..
gangguan tadi *etek*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bukan soalan utama..

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Kepada penilaian kami *lah* rakyat Hulu Terengganu, punca yang cepat banjir hari ini cepat banjir berbanding dengan zaman dahulu ialah berpunca daripada sungai kita hari ini semakin cetek, semakin *tohor* airnya semakin meninggi cepat. Bila hujan lebat, dia cepat naik menyebabkan banjir cepat berlaku. Jadi ini angkara kepada mungkin akibat kepada *pale* air ataupun penerokaan hutan-hutan oleh mereka-mereka yang tertentulah. Jadi saya nak tanya adakah Kerajaan berhasrat untuk mendalami semua sungai-sungai di Hulu Terengganu ini kerana ini antara puncanyalah jadi betullah jawapan EXCO tadi memanglah kita..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila ringkas Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): terima kasih banyaklah. Jadi kita haraplah Kerajaan akan berusaha untuk mendalam sungai-sungai ini dan juga kedua soalan saya tambahan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Banyak ohh..

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): boleh tahu dok berapa jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh JPS untuk menangani masalah ini pada tahun ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada sahabat yang sama jugok, *insya-Allah* melalui JPS, Kerajaan telah memastikan bila sahaja masuk bulan 10 dan bulan 11 ini, sebahagian besar sungai-sungai dan juga parit-parit pasir yang duduk di bawah JPS *insya-Allah* kita akan buat penyelenggaraan yang sebaiknya dan berapa kosnya yang itu saya minta jawab kemudianlah *takdok* dalam *ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: [sambil ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Terima kepada semua. *Alhamdulillah* pagi ini kita sempat untuk bagi peluang kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan..

USUL DI BAWAH PERKARA 30
PERKARA-PERKARA YANG MUSTAHAK BAGI ORANG RAMAI

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato'..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Sura ingin memohon Persidangan ini untuk ditangguhkan untuk kita bawa usul di bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Usul persendirian di bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, boleh baca tajuk?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): *Insya-Allah*, Sura ingin membawa satu Usul bagi Mengutuk

dan mengancam keganasan Zionis Israel yang sedang berlaku di Negara Gaza sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila serah tajuk Usul tersebut kepada Bentara untuk saya teliti dahulu sebelum saya buat keputusan selepas rehat nanti, *insya-Allah*.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan sementara Dewan ini saya mengalu-alukan kepada seluruh para pemerhati daripada Khairunnisa', daripada Pusat Khidmat Masyarakat DUN Air Putih, Kemasik, Ajil, Sura, Langkap, Hulu Besut, Bukit Besi, Kuala Besut dan khusus kepada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) yang juga bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Ucap terima kasih saya tangguhkan persidangan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.10 pagi, *insya-Allah*.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.44 PAGI

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum rehat tadi, saya telah menerima satu Usul di bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri yang disampaikan oleh Yang Berhormat Wakil Sura. Setelah dibaca dan diteliti, saya dapati memang Usul ini ada perkara-perkara tertentu dan juga melibatkan orang ramai dan perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, Usul di bawah Perkara 30 mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Sura diterima dengan syarat ada sokongan tidak kurang dari 9 orang Ahli Dewan. Sila bangun sesiapa yang menyokong Usul ini.

...[Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangun menyokong]...

Terima kasih kepada semua. Setelah saya melihat dan meneliti bahawa Usul di bawah Perkara 30 ini telah menerima sokongan lebih daripada 9 orang Ahli Dewan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Sura untuk membentangkan Usul tersebut.

YANG BERHORMAT DR. TENGGU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGGU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, seluruh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat ADUN-ADUN, semua Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan yang ada di Dewan pada hari ini. Saya memohon keprihatinan seluruh Ahli Dewan untuk kita sama-sama mengecam kekejaman Zionis di bumi Gaza.

Sejak permulaan Oktober 2023, rejim Zionis Israel telah melakukan kekejaman yang tidak boleh diterima oleh fitrah kemanusiaan apabila dibom secara rambang orang-orang awam di perumahan awam, masjid, sekolah dan hospital. Bukan sahaja orang awam bahkan petugas-petugas kesihatan dan para wartawan yang sepatutnya dilindungi dalam situasi perang telah diserang dan dibunuh oleh rejim Zionis Israel. Bilangan para syuhada' yang terbunuh melebihi 14,000 orang manakala hampir setengah juta kehilangan tempat tinggal angkara kekejaman dan kezaliman ini dan sangat memilukan apabila 60% daripada mangsa pengeboman dan pembunuhan beramai-ramai ini adalah daripada kalangan wanita dan kanak-kanak dengan lebih 6,000 orang kanak-kanak yang tidak berdosa disahkan mati terbunuh. Situasi ini telah memberikan kepada kita bahawa *genocide* dengan izin telah berlaku kepada rakyat Palestin dan hak asasi manusia mereka telah hilang diragut oleh kekejaman ini. Ini secara jelas telah melanggar Undang-Undang Antarabangsa dan sepatutnya kepimpinan Zionis di bawah Benjamin Netanyahu dihadapkan ke ICJ atau Mahkamah Antarabangsa.

Walaupun gencatan senjata telah dilaksanakan dalam beberapa hari ini akibat tekanan yang berterusan oleh pihak antarabangsa namun isu ini akan terus berkekalan sehinggalah bumi Palestin betul-betul merdeka. Oleh itu, Dewan ini

hendaklah membuat satu ketetapan yang jelas bahawa isu Palestin yang berlaku sekarang, rejim Zionis Israel adalah penjajah yang telah menghalau penduduk Palestin dalam Peristiwa Nakbah 1948 dan membina penempatan di atas tanah milik umat Islam di bumi Palestin.

Kita juga mengiktiraf Hamas dan seluruh fraksi perjuangan di Gaza sebagai pejuang kemerdekaan yang telah bertindak mengikut apa yang telah dinyatakan dalam Resolusi 242 Majlis Keselamatan PBB yang menyebut bahawa wilayah yang dirampas melalui peperangan adalah tidak sah untuk dimasukkan sebagai wilayah milik negara yang menjajah berkenaan. Sebagaimana negara barat tidak mengiktiraf apa yang berlaku di Ukraine, sikap itulah yang sepatutnya dibuat kepada sebuah negara yang namanya Palestin.

Sekali lagi saya ingin menyeru agar kita seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu menunjukkan solidariti kita bersama dengan saudara-saudara kita seislam di Gaza dengan mengecam keras pencabulan hak asasi manusia dan pelanggaran Undang-undang Antarabangsa. Hari ini juga kita juga ingin membuat satu ketetapan bahawa *two state solution* dengan izin bukan penyelesaian kepada isu Palestin dan keamanan di bumi Timur Tengah dan isu ini hanya dapat diselesaikan dengan wujudnya sebuah negara Palestin yang merdeka. Dari Sungai hingga Segara, Palestin Pasti Merdeka.

Isu ini merupakan perkara-perkara tertentu kerana telah melibatkan pencabulan penglibatan kepentingan orang ramai kerana ia melibatkan pencabulan hak asasi manusia dan mesti segera dikecam ekoran atas apa sahaja yang berlaku. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai yang perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sura. Kita menerima Usul ini untuk tidak akan dibahaskan kerana kita melihat bahawa Usul ini sudah jelas nyata. Walaupun demikian, apa-apa perbahasan yang hendak disebut oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan boleh disebut dalam perbahasan nanti. Lanjutan daripada Usul ini, saya menjemput seluruh Ahli-ahli Dewan untuk kita bangun termasuk para pemerhati bagi menunjukkan solidariti kita dan juga kita membaca surah *Al-Fatihah* untuk kita hadiahkan kepada mereka yang telah meninggal dunia. Kemudian kita akan bertakbir sama-sama bagi menunjukkan bahawa kita mewakili rakyat Negeri Terengganu dan seluruh umat islam. *Insyah-Allah. Al-Fatihah. Takbir!*

SEMUA: *Allahu Akbar.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kuat sikit. Solidariti ape. Telemung *dok dengor* suara. Takbir!

SEMUA: *Allahu Akbar.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih semua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita akan menyambung mesyuarat kita. Kelmarin Rang Enakmen Pembekalan 2024 untuk bacaan kali kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih diucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Negeri Terengganu 2024. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, para pemerhati, hadirin yang dikasihi dan dirahmati Allah sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَدَّ اللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدُنِيَ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ
 وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ
 أَمَّا بَعْدُ

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan perbahasan Bajet 2024, Bajet berimbang yang melibatkan perbelanjaan RM1.86 billion, saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini, di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menguruskan bencana banjir di Negeri Terengganu pada baru-baru ini. Didoakan semoga segala ujian yang dilalui oleh rakyat Negeri Terengganu khususnya pada musim Monsun Timur Laut ini dipermudah dan diberi ganjaran oleh Allah *Subhanahu Wa Taala* di atas kesabaran di dalam menempuh ranjau bersama. Allah *Subhanahu Wa Taala* berfirman,

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَيِّنَاتٍ لِّلصَّابِرِينَ
"Demi sesungguhnya! Kami menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, takut kepada musuh dan merasai kelaparan, dan berlakunya kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang bersabar"

Saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk sama-sama mencelah berhubung dengan isu Palestin yang hangat diperkatakan. Di atas kekejaman bangsa Yahudi Zionis yang berlaku di luar batas kemanusiaan yang sanggup membunuh, menyembelih, mencederakan saudara seagama kita di bumi Palestin.

Dato' Yang di-Pertua, kita bersaksi dengan kezaliman mereka. Kita bersaksi dengan keangkuhan mereka sehingga mereka tidak menghiraukan apa yang dinyatakan dan ditentang oleh dunia. Paling pelik ialah ada pihak yang bersama dengan mereka dan cuba untuk membantut usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perjuangan memerdekakan bumi Palestin yang sangat mengecewakan kita.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan isu royalti, sudah terang lagi bersuluh, tuntutan bayaran royalti petroleum milik Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu daripada pihak *federal* masih dipandang sepi walaupun pelbagai usaha telah digerakkan. Pelbagai permainan politik mahupun tafsiran undang-undang semberono dikeluarkan untuk menafikan hak bayaran royalti ini. Walaupun hanya bernilai 5% setahun, yang sebelum ini pihak tersebut menjanjikan sekiranya mendapat kuasa pemerintahan akan diberikan sebanyak 20% daripada hasil royalti tersebut. Walhal negara ini telah banyak menikmati arus pembangunan dan meraih laba daripada hasil petroleum dari laut Negeri ini. Tiada alasan yang dapat disimpulkan melainkan semata-mata dendam yang tidak berkesudahan. Kita sama-sama berdoa kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* supaya membuka pintu hati pihak yang berkenaan agar bayaran royalti tersebut dapat dilunaskan dengan baik. Saya yakin dengan kemampuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, integrasi antara *ulama'* dan *umara'* dan para cendekiawan dalam menetapkan haluan Belanjawan Negeri pada kali ini berserta keteguhan sokongan dan usahasama rakyat Terengganu serta variasi sumber hasil dilihat mampu meningkatkan hasil pendapatan negeri ini. Kewujudan serta langkah-langkah yang telah digariskan di bawah

Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Perbelanjaan Hemat Negeri Terengganu dilihat satu usaha yang sangat berfokus dan boleh disimpulkan sebagai satu roda penting dalam memaju ekonomi negeri. Penerokaan sumber baharu di samping memperhebatkan sumber yang sedia ada adalah perlu agar tidak sepertimana yang disebut di dalam pepatah "yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran". Sekali gus dapat memaksimumkan pulangan kepada negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, dalam mendepani krisis sumber hasil akibat tekanan Kerajaan *Federal* ini, usaha pindaan cukai tanah kepada golongan yang tertentu juga dilihat relevan memandangkan pindaan ini sudah lama tidak dipinda. Namun perlu diingat dengan penuh ketegasan, hebahan serta penerangan perlulah diambil *cakna* oleh Kerajaan sebelum melaksanakan usaha ini dan juga perlunya kepada pengecualian yang tertentu kepada golongan-golongan miskin khususnya perlulah dinyatakan dengan baik agar rakyat dapat menikmati adilnya pemerintahan di bawah kepimpinan bersama Islam yang kita terajui ini.

Dato' Yang di-Pertua, menyentuh fokus Belanjawan yang pertama iaitu memperkukuhkan keberkesanan Kerajaan *backbenchers* dengan izin yang berperanan sebagai satu badan yang kritis dan progresif, melihat usaha Kerajaan menumpukan kerelevanan penglibatan BBC adalah intipati serius Kerajaan Negeri hari ini untuk terus berdiri relevan dan menjadikan suara denyut nadi rakyat itu satu *significant* untuk dibawa dan diketengahkan melalui medium libat urus tersebut. Saya mengambil maklum dan memberi jaminan di atas ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan keperluan BBC sebagai tali penyambung kepada pelbagai pihak untuk menyalur cadangan, pandangan mahupun kritikan, usul dan sebagainya secara proaktif dan berterusan di dalam membina Negeri Terengganu Maju, Berkat Sejahtera. Bagi memperkukuhkan lagi keberkesanan Kerajaan, saya ingin tekankan kepentingan komitmen kakitangan. Kakitangan Kerajaan mestilah seiring dan berfokus dengan hala tuju Negeri. Suka untuk saya ketengahkan analogi daripada Surah Ibrahim ayat 24-25.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ۚ ٢٤ تُوْتِي
أُكْلَهَا كُلٌّ حَبِيبٌ ۚ إِنَّ رَبَّكَ وَبِئْسَ اللَّهُ الْأَمْتَالِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ۚ ٢٥

Tidakkah engkau melihat wahai Muhammad, bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan iaitu kalimah yang baik

adalah sebagai sebatang pokok yang baik yang pangkalnya, tunjangnya tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhan dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka mendapat pelajaran.

Dato' Yang di-Pertua, mengambil analogi sebatang pokok jika kakitangan Kerajaan itu diberikan kepercayaan sebagai akar di dalam menggerakkan perancangan, sumber dan segala kebajikan yang telah diatur untuk rakyat, maka sudah pasti buah-buah akan tumbuh dengan baik dan keindahan dapat dilihat secara jelas. Begitu juga sebaliknya, andainya kepercayaan yang diberi dirosakkan, tidak seiring dan tidak berfokus, maka sudah pasti keindahan itu tidak dapat dilihat bahkan memburukkan lagi negeri mahupun pokok yang dijadikan sebagai contoh. Perlu diingatkan juga, sesebuah negeri bukan sahaja memerlukan nakhoda yang hebat, yang berwawasan untuk maju mendepani badai tetapi dalam masa yang sama perlu kepada kakitangan sokongan yang menghayati hasrat dan matlamat untuk meneraju era baharu Terengganu. Kakitangan sokongan ini tidak boleh lagi hanya selesa bekerja menyempurnakan rutin semata-mata bahkan diharap dapat menyumbang sepenuh kemampuan demi mencapai kemajuan sejagat.

Dato' Yang di-Pertua, saya dengan penuh yakin, kakitangan Negeri Terengganu yang berada di dalam bahtera ini merupakan individu yang telah terpilih dan mempunyai kemampuan yang mampan. Masakan tidak, *trend* dan data pembangunan yang lepas menunjukkan prestasi yang baik. Oleh sebab itu pihak Kerajaan diingatkan supaya tidak melakukan sebarang pertukaran jawatan dalam masa yang terlalu singkat, yang terlalu kerap sehingga mengganggu tugas dan fokus kakitangan itu. Apatah lagi ketua-ketua jabatan yang sentiasa berfikir untuk merangka perancangan yang berjangka masa panjang. Dalam masa yang sama, kita tidak nafikan ada keperluan-keperluan tertentu tetapi perlu diingat pertukaran-pertukaran yang terlalu kerap dalam masa yang singkat ini boleh mencacatkan pembangunan dan juga hasrat kemajuan yang ingin dicapai.

Dato' Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga, tidak lupa kepada kakitangan yang mencapai *outstanding performance* dengan izin, harus diberi pengiktirafan sebagai motivasi kepada kakitangan yang lain agar bahtera ini

terus bertumbuh dengan sihat dan jayanya. Dasar meminimumkan birokrasi dan mengurangkan masa tanpa mengenyepikan perkara penting adalah nilai *significant* untuk diambil *cakna* oleh seluruh warga yang membawa imej Kerajaan Negeri Terengganu sekali gus *kecaknaan* akan menjadikan rakyat lebih mudah untuk mendapat *access*, berdaya saing serta mampu menjadi nilai dasar mesra pelabur bagi menarik minat pelabur datang ke Negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, keluarga merupakan satu unit yang tidak dapat dinafikan kepentingannya. Di dalam merealisasikan masyarakat sejahtera, terlampau banyak ayat-ayat Al-Quran nur karim, hadis-hadis daripada junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ yang mengetengahkan fungsi serta kehebatan dan kesan buruk akibat pengabaian keluarga terhadap masyarakat. Allah *Subhanahu Wa Taala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu".

Dukacita realiti menunjukkan kadar penceraian di negara ini meningkat dengan begitu ketara daripada 43,936 kes pada tahun 2021 kepada 62,890 kes pada tahun 2022. Peningkatan sehingga 43.1% merupakan kadar yang tertinggi direkodkan sejak tahun 2016 dimana penceraian pasangan islam meningkat 45.8% iaitu 46,138 kes berbanding 2021 sebanyak 31,650 kes sahaja. Di Terengganu direkodkan 6,565 kes penceraian membabitkan pasangan beragama Islam pada tahun 2020 sehingga Oktober 2021. Ini adalah satu angka yang tidak kecil. Justeru itu, saya memandang serius semua strategi yang terangkum dalam menyejahterakan kehidupan rakyat sebagai fokus ketiga, sebagai Belanjawan dominan untuk melahirkan generasi hadapan yang lebih berkualiti dan menambahkan keselesaan taraf hidup rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, kebolehcapaian pendidikan yang baik serta kemudahan pendidikan yang cukup sama ada dari segi infrastruktur ataupun program-program yang bersasar dalam memupuk kesedaran dan kefahaman Islam mahupun sains dan teknologi adalah satu pelaburan yang akan menguntungkan negeri di masa akan datang, kerana sudah pasti generasi inilah yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan kita dan memimpin bersama ilmu.

Dato' Yang di-Pertua, strategi pembangunan wanita, keluarga dan belia juga adalah penting untuk diambil kira. Menjadi model sebuah negeri Islam adalah suatu peluang bagi kita menerangkan bahawa pentadbiran Islam langsung tidak menghalang program-program pemerkasaan wanita bahkan kebajikan mereka serta kanak-kanak adalah satu agenda yang digaris secara khusus dalam Belanjawan negeri ini. Belanjawan bagi pembangunan belia pula sama ada dari segi kepimpinan, mahupun mempromosi gaya hidup sihat juga adalah satu tindakan yang signifikan kerana merekalah cerminan negeri kita di masa akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, sektor pelancongan mencatatkan kenaikan ketara dengan bilangan pelawat domestik sebanyak 175.2% iaitu 10.23 juta orang pada 2022 berbanding 3.7 juta pada tahun 2021 sementara itu bilangan pelancong meningkat daripada 1.14 juta pada tahun 2021 kepada 3.69 juta pada tahun 2022 dengan peningkatan 223.7% dalam meraikan pelancongan sebagai satu saluran yang rancak. Memberi seribu satu kelebihan dan rahmat kepada Negeri Terengganu Darul Iman ini. Perlu diingatkan juga slogan "Indah Hidup Bersyariat" perlulah juga diadun molek dalam merencana dan membangunkan aktiviti pelancongan di negeri ini. Merenung firma Allah *Subhanahu Wa Taala*

قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَمَنْ أَحْسَنُ

"dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata sesungguhnya aku termasuk orang-orang Muslim".

Sudah sedia maklum, negeri ini meletakkan imej Islam sebagai rukun dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, justeru segala etika peraturan dan segala lunas yang berkait perlulah mencerminkan dasar ini dan bukan berkiblatkan kepada laba semata-mata. Ingatlah mengejar keuntungan dunia semata dengan meninggalkan syariat sebagai rujukannya hanya akan mendatangkan kemudaratan semata-mata. Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh? Lantas menjadikan pelancongan sebagai salah satu mata dakwah adalah satu peluang yang perlu diambil serius oleh semua pihak. Pihak berkuasa PBT, pejabat agama seluruh agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan perlu memainkan peranan yang sewajarnya. Jangan tunggu disuruh, diarah, buat kerja memastikan hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat syariat Islam berdaulat di negeri ini. Perlu juga diingat etika pakaian, pergaulan yang boleh merosakkan generasi muda dan juga warga negeri.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri saya ingin mengangkat suara Bandar kami bersyukur di atas pembangunan Pasar Payang yang baru, yang begitu pesat dan akan diagihkan kepada para peniaga. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu tapi dalam masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan semua, untuk juga tidak lupa pasar yang tidak kurang penting yang menjadi pasar kedua di dalam Kuala Terengganu ini iaitu Pasar Chabang Tiga yang bangunannya sudah banyak kerosakan yang sudah banyak perkara yang tidak menyelesaikan para pengunjung dan juga para peniaga. Saya mohon untuk pihak Kerajaan melihat perkara ini dengan serius. Saya menerima rungutan apabila datangnya musim banjir musim tengkujuh hujan tidak dapat melindungi peniaga-peniaga kita yang berada di pasar begitu juga stesen bas di bandar Kuala Terengganu yang menempatkan para peniaga yang semakin hari semakin suram. Saya mohon pihak Kerajaan untuk merencana program-program dan pembaharuan yang boleh memberi nafas baru kepada kedai-kedai yang berada di bas stesen di bandar Kuala Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ingin saya memberi sedikit pantun.

Tangisan si kecil merintih lara
Jasad bonda tiada bernyawa
Bukalah minda warga dunia
Tentanglah kekejaman bangsa durjana

Negeri Terengganu negeri berdaulat
Dipimpin raja berteras syariat
Menadah tangan doa dipanjat
Hidup aman bertambah berkat

Makan ketupat di tepi bendang
Kuih bahu menambah selera
Bajet 2024 sudah dibentang
Terengganu maju berkat sejahtera

Akhir kalam semoga Belanjawan berimbang ini yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menjadi pemacu kepada kebajikan serta

kegemilangan rakyat Negeri Terengganu. Dengan ini saya mengakhiri perbahasan saya dengan lafaz Yang Mulia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ADUN Bandar mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Bandar. Seterusnya saya mempersilakan mana-mana Yang Berhormat. Yang Berhormat Wakil Jertih dipersila.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظَاهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, mohon Jertih sama-sama membahaskan Ucapan Belanjawan tahun 2024 bertajuk meneraju era baharu Terengganu. Saya mengambil *point* fokus ketiga untuk Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Antara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita ialah usaha untuk pemerksaan dan pembudayaan ilmu masjid dalam negeri kita tuan-tuan sekalian di mana jika kita mengimbuai kembali di zaman kegemilangan Islam masjid bersifat *one stop centre* bahkan zaman Rasul ﷺ walaupun dengan binaan yang asas 100 hasta lebar 100 hasta panjang, 1/3 bahagian belakang tempat duduk Ahli Suffah bagaimana masjid bukan sekadar tempat sujud dan rukuk kepada Allah, pengabdian kepada Allah di sanalah tempat pengilmuan, tempat orang-orang miskin menumpang, tempat melatih peperangan bahkan tempat seluruh kegiatan aktiviti masyarakat. Bahkan di zaman Khulafa' Ar-Rasyidin terutama zaman Khalifah Umar Al-Khattab bin Naufal bin Abdul Uzza, 4000 buah masjid telah diadakan di seluruh wilayah empayar Islam yang luas di mana 4000 buah masjid ini akhirnya dijadikan juga sebagai madrasah, bangunan dibina bersebelahan dengan masjid dan masjid juga tuan-tuan, termasuk dalam sejarahnya Masjid Al-Azhar di Mesir di Kaherah. Akhirnya dengan aktifnya kegiatan ilmu akhirnya menjadi Universiti Al-Azhar. Diwujudkan universiti iaitu al-jamiah. Sama di nusantara kita iaitu di masjid Baiturrahman di Aceh sebagai pusat pengilmuan, dakwah dan Pendidikan Islam abad ke-16 daripada Masjid Al-Baiturrahman menjadi Universiti Ar-Rahman. Itulah peranan masjid sebenar sebagai tempat pengilmuan.

Jadi Jertih sangat bersetuju dengan usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan Terengganu untuk kita mengurus, menyelia sebaik-baiknya masjid sebagai *one stop centre* dan tuan-tuan dengan tambahan cadangan sebagai *edu-tourism* dengan izin untuk kita menggalakkan pelancong-pelancong domestik terutamanya untuk hadir berkampung di Terengganu maka masjid mestilah mempunyai *homestay*, rumah inap dan sebagainya dan masjid dengan program-program yang aktif, program-program pengilmuan, memperingati hari-hari kebesaran Islam bukan sekadar masuk bulan Rabiulawal dengan maulid, Rejab dengan peristiwa Israk, Ramadhan dengan peristiwa Nuzul Al-Quran tetapi masjid tempat kita melahirkan, menumbuhkan rasa kecintaan, kasih sayang kepada Nabi ﷺ terutama kepada generasi muda sebagaimana sabda Nabi ﷺ:

ادبوا أولادكم حب نبيكم وحب أهل بيته، واثيلاوة القرآن

"Ajarlah anak-anak kamu cintai Nabi kamu, cintai ahli keluarga Nabi kamu dan membaca al-qur'an"

di mana boleh sahaja sepanjang tahun diadakan program-program kebesaran Islam di masjid-masjid, memperingati Peristiwa Badar Al-Kubra, memperingati peristiwa Uhud, peristiwa Bir Maunah, Yam Ar-Raji', Perang Mu'tah, Perang Ahzab, Perang Tabuk, Perang Hunain, Perang Thaif, Perang Balqo', Perang Yamamah, Perang Al-Qadisiah, Perang Yarmuk. Inilah peranan masjid untuk mencerdas dan mencerdikkan akal rakyat kita. Maka buatlah sambutan-sambutan penting. Contoh masuk bulan Mei bayangkan kalau Terengganu tuan-tuan menyambut seluruh masjid sambutan Nakbah Palestin sebagai contoh. Bulan Mac memperingati kejatuhan Khilafah Uthmaniah-Mac 1924. Bayangkan dengan program-program keilmuan ini tuan-tuan sekalian, Terengganu akan berbeza dengan negeri-negeri lain yang akan menggalakkan pelancong-pelancong domestik untuk hadir berkampung di Terengganu. Berkampung di negeri yang tercinta dengan tema "Maju, Berkat, Sejahtera".

Yang kedua, *point* yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang program-program pemerksaan anak-anak muda dan belia di Negeri Terengganu. Antara program yang disebut oleh Yang Amat Berhormat seperti Program Super Syabab, generasi Islah Falah Terengganu, Fityah Terengganu, tuan-tuan sekalian kerana pemuda dan belia sangat penting sebagaimana yang disebut oleh Almarhum Maududi, Maulana Maududi seorang mufaqir Islam

menyebut bahawa untuk kamu melihat masa depan Islam maka lihatlah anak-anak muda pada hari ini. Lihatlah anak remaja pada hari ini, indikator masa depan Islam. Disebut oleh Sheikh Munir Ghadban, bahawa Nabi ﷺ membina dan memperkasakan anak-anak muda dan remaja. Sebab itulah generasi Al-Quran yang awal tadi dalam kalangan orang-orang muda, remaja-remaja seperti Mus'ab bin Umair berusia 17 tahun. Arqan bin Abi arqam daripada Qabilah Bani Makhzom umurnya 16 tahun. Bagaimana sahabat-sahabat Mus'ab bin Umair 17 tahun. Bahkan beliawanis (Fatayat) yang muda-muda seperti Asma' binti Abu Bakar umurnya belasan tahun.

Dr. Husin Haikal dalam kitab Hayatul Muhammad menyebut bahawa Nabi ﷺ membina orang-orang muda kerana apa, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian? Kerana inilah masa depan kepada ummah. Anak muda sangat penting dan kalau kita melihat hari ini kerosakan yang berlaku kepada anak-anak muda di seluruh dunia Islam. Konsert-konsert *hedonism*, keruntuhan moral atau dekadensi moral tuan-tuan sekalian, pemurnian moral maka Terengganu sebagai negeri yang menjunjung apa yang disebut oleh Allah dalam dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hajj ayat 41:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

Maksudnya: Dan orang-orang yang Kami berikan kepada mereka kekuasaan di atas muka bumi, pemerintahan di atas muka bumi dan mereka mendirikan solat dan mereka menunaikan zakat dan mereka menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mereka mencegah kepada perkara mungkar; dan kepada Allahlah kembali segala urusan.

Inilah tonggak kerajaan yang Allah nak tegakkan di atas muka bumi.

Sahabat-sahabat pimpinan yang dirahmati oleh Allah sekalian,

Peranan anak muda sangat penting. Remaja sangat penting dan kalau kita masuk ke akar umbi di kampung-kampung kita melihat rupanya masih ramai lagi anak-anak remaja tidak boleh membaca Al-Quran. Maka perlulah satu usaha yang serius dan konsisten dibuat untuk kita memperkasakan anak-anak

muda- program-program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Baik.

Yang dirahmati oleh Allah, Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya memohon sedikit untuk mencelah tentang usul tergepar tadi oleh ADUN Sura berkaitan dengan usul Palestin. Memandangkan sudah 15 ribu orang yang telah terkorban, 30 ribu orang yang telah cedera parah dan Jertih diberikan peluang oleh Allah untuk masuk empat lima kali ke bumi Gaza termasuk di Selatan Lubnan semasa perang tahun 2006 dan suasana sangat dahsyat, sangat-sangat dahsyat. Tragedi *carpet bombing* yang berlaku di bumi Gaza dengan izin, jumlah tan metrik bom digugurkan semenjak 7 Oktober yang lalu tuan-tuan telah berlipat kali ganda lebih banyak berbanding bom yang Amerika gugurkan di Nagasaki dan Hiroshima pada Ogos 1945. Maka wajar Sidang DUN hari ini kita meluluskan usul tergepar Palestin dan mengapa kita peduli kepada nasib umat Palestin. mengapa kita peduli bumi isra' kerana aspirasi Al-Quran yang kita baca:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara"

dan kita mendengar hadis-hadis Nabi ﷺ yang dibacakan oleh para asatizah kita. Antaranya hadis dari Al-Iman Baihaqi:

مَنْ لَمْ يَهْتَمَّ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

*Barangsiapa yang tidak mengambil berat urusan kaum muslimin
maka bukan dari kalangan mereka.*

Seorang mufakir Islam Al Sheikh Sayyid Qutb menyebut bahawa sempadan kita orang beriman bukan sempadan negara bangsa. Sempadan kita orang beriman bukan sempadan geografi namun sempadan kita orang beriman sempadan akidah sempadan *Lailahailallah*. Di mana-mana seluruh alam buana ini ada mengucap kalimah syahadah, kalimah thoyyibah maka merekalah saudara kita yang wajib kita bantu jika mereka susah, hari ni nasib umat Islam di Ghazzah. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Terengganu yang mengadakan kutipan derma *Aid for Palestin* yang saya difahamkan hampir RM3 juta berjaya dikutip dan kita serahkan untuk bantu saudara kita di bumi Ghazzah, di bumi Palestin dengan 15 ribu kesyahidan, tuan-tuan sekalian. Ghazzah untuk maklumat tuan-

tuan sebuah jalur yang sangat sempit dengan panjangnya hanya 41 kilometer dan lebar hanya 8.6 kilometer dengan demografinya kepadatan penduduknya tuan-tuan sekalian 2.2 juta atau hampir 2.3 juta. Bayangkan regim Israel telah melanggar *Convention Geneva*. Mereka mengebom masjid bukan sekadar masjid tetapi juga gereja- tiga buah gereja. Mereka mengebom sekolah, hospital, klinik, ambulans, doktor, paramedik bahkan wartawan, mereka tidak peduli. *Bulldoze* mereka melanggar, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimana kezaliman Israel mesti diprotes mesti dilaungkan suara sebagaimana seluruh dunia hari ini termasuk bukan sahaja negara umat Islam tetapi di sebelah Eropah. Bagaimana hampir sejuta *demonstran* turun ke kota London bahkan termasuk daripada Yahudi Ortodoks yang mengangkat poster *Stop The Massacre, Stop The Coldblood, Stop The Killing Fields, Stop The Genocide* dengan izin. Hari ini situasi pembantaian yang berlangsung di Ghazzah membuka mata dunia betapa Israel sangat zalim dan sangat kejam. Apa lagi kita sebagai Negeri Terengganu Darul Iman dengan leluhur kita semenjak zaman berzaman mereka sangat peka kepada nasib umat Islam seperti Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Tuan Guru Haji Musa Minangkabau, Tuan Guru Haji Omar Siam hingga tertubuh juga syarikat Islam Terengganu dalam erti katalah orang Terengganu yang kuat beragama tuan-tuan dalam erti kata lain kita prihatin, cakna, peduli kepada nasib umat Islam yang lain. Gazzah, tuan-tuan sekalian bagaimana dengan unjuran 2027 oleh Sheikh Ahmed Ismail Yassin disebut setahun sebelum kesyahidan beliau tahun 2004 bahawa *insya-Allah* tahun 2027 nanti kita umat Islam akan solat berjemaah di Masjidil Aqsa, Palestin bukan sekadar tuan-tuan sekalian, ardhui Syuhada' yang mulia bumi para anbiya', bumi anbiya' hampir separuh daripada para rasul beroperasi di tanah Palestin. Sebagaimana tuan-tuan membaca al-Quran, ar-Rasul seperti Nabi Sulaiman *alaihissalam*, Nabi Daud *alaihissalam*, Nabi Yahya *alaihissalam*, Nabi Zakaria *alaihissalam*, Nabi Isa *alaihissalam*, Nabi Zulkifli, Nabi Ilyasa', bahkan Nabi Muhammad ﷺ diisra'kan di Masjidil Aqsa di Palestin. Bagaimana juga perjalanan nabi Allah Ibrahim *alaihissalam* terlibat dengan tanah Palestin sebab tu digelar Abul Anbiya' beginilah kiblat pertama kita umat Islam sebelum kita pada bulan Sya'ban tahun 2 Hijrah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala* untuk alih kiblat kita daripada bumi Palestin ke Kaabah di Mekah.

Dato' Yang di-Pertua yang dirahmati oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*, Sidang DUN yang dirahmati oleh Allah *Subhanahu Wa Taala* sekalian, bagaimana hari

ini kita melihat tanah Palestin yang berkubang dengan darah di tangan rejim Zionis dan Jertih ada timbul rasa dukacita dengan apa yang berlaku di luar daripada Terengganu, konsert-konsert yang semakin bersemarak. Jertih mencadangkan supaya Enakmen kawalan hiburan kita dipantau dengan baik, diperkemaskan dengan baik supaya hiburan *hedonisme* ini tidak masuk ke Negeri Terengganu Darul Iman. Hiburan dibenarkan dalam konteks syariah *compliance*, patuh syariah dan kita pastikan anak-anak muda kita tidak terjebak dengan unsur-unsur *hedonisme*, kepincangan moral dan sebagainya. Apa yang kita lihat bagaimana kumpulan-kumpulan yang datang, contoh di Kuala Lumpur, kumpulan *Coldplay* dan membawa nuansa ataupun aspirasi LGBT, bahkan lirik-lirik lagu yang dinyanyikan yang menyeru kepada penyembahan selain daripada Allah. Ini sangat menggugat nurani kita sebagai umat Islam. Umat Islam sepatutnya dalam keadaan bumi Ghazzah yang sedang bersimbah dengan darah, sepatutnya perbanyakkan doa terutamanya doa yang disebut oleh Nabi ﷺ ketika darah umat Islam tumpah dengan cara tidak halal itu membaca Qunut *Nazilah*. Di zaman ar-Rasul, ada berlaku pembantaian kepada umat Islam dengan dua peristiwa, peristiwa ar-Raji' pada Safar tahun 3 Hijrah dan Peristiwa Bir Maunah (Telaga Maunah) pada bulan Safar 4 Hijrah. Nabi telah mengangkat tangan membaca Qunut *Nazilah* dan doa Nabi Yang Mulia, ar-Rasul Yang Mulia menyebut supaya Allah membinasakan Bani lihyan, Banu Amir, Banu Zakwan dan Banu Ushayyah. Dan, itulah sikap kita di Terengganu di semua premis-premis Kerajaan Negeri Terengganu, kita adakan bacaan doa Qunut *Nazilah* setiap kali himpunan-himpunan yang kita adakan bagi menunjukkan kebersamaan kita, solidariti kita bersama teman-teman kita ditindas di Palestin dengan aspirasi disebut awal tadi.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara"

Jertih mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Ahmad Samsuri Mokhtar atas ucapan Belanjawan 2024 - Meneraju Era Baharu Terengganu. Semoga kita meraih pahala semaksima mungkin, dengan berusaha menegakkan agama sebagaimana asas Allah utuskan kita di atas muka bumi

اقامة الدين وسياسة الدنيا به

"Menegakkan agama dan mentadbir dunia dengannya."

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi ruang kepada Jertih untuk turut membahaskan Ucapan Belanjawan Tahun 2024. Semoga Terengganu kekal di atas jalan Maju, Berkat dan Sejahtera. Jertih mohon mencadang.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jertih. Seterusnya, saya persilakan mana-mana Yang Berhormat untuk terus. Yang Berhormat Buluh Gading. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَنُصَلِّي وَنُصَلِّمُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, seterusnya sidang Dewan yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Ucapan Belanjawan 2024 yang bertemakan Meneraju Era Baharu Terengganu yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada pagi kelmarin.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan ucapan perbahasan ini dengan membaca Firman Allah *Subhanahu Wa Taala*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا وَإنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً
فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang musyrik, mereka itu adalah najis (daripada sudut akidahnya), maka janganlah mereka menghampiri Masjidil Haram selepas daripada tahun mereka ini (tahun 9 Hijrah). Sekiranya kamu merasa bimbang ekoran daripada ketetapan tersebut, berasa bimbang berlaku kekafiran atau kemelesetan ekonomi, maka Allah yang akan memperkayakan kamu dari kurniaanNya jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Taala Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana"

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ayat yang saya bacakan ini menyentuh tentang perintah Allah kepada orang yang beriman supaya tidak lagi membenarkan golongan bukan Islam memasuki Masjidil Haram bermula tahun ke-10 Hijrah. Ekoran dari polisi yang ditetapkan oleh Allah itu, timbul rasa gelisah dan kebimbangan di kalangan orang beriman kerana dengan polisi tersebut mereka akan terputus sumber untuk dapatkan makanan dan barang-barang dagangan lain yang kebiasaannya dibawa dari luar oleh pedagang-pedagang bukan Islam yang datang berniaga di Kota Mekah. Sekali gus, polisi tersebut pada zahirnya akan menjejaskan aktiviti perniagaan dan perkembangan ekonomi di Kota Mekah itu sendiri. Namun, kebimbangan itu akhirnya hilang apabila diberi jaminan oleh Allah Taala:

وَإِنْ جُفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ

"Sekiranya kamu merasa bimbang berlakunya kefakiran, berlakunya kepayahan dan kemelesetan dari sudut sumber ekonomi, maka Allah Taala lah yang akan memperkayakan kamu dari kurniaan-Nya jika Dia kehendaki."

Ayat ini mengingatkan kepada kita semua, khususnya kepada para pengurus dan pentadbir negeri bahawa punca kepada rezeki dan kekayaan sebuah negeri atau negara adalah datangnya dari kurniaan Allah. Kita hanya berusaha meningkatkan ekonomi melalui aktiviti pelaburan, perdagangan, pelancongan dan lain-lain aktiviti. Namun, kita jangan lupa yang berikan rezeki kepada kita ialah Allah. Oleh itu, jangan putus pergantungan kita kepada-Nya. Apa yang penting ialah kita sama-sama membina negeri yang tercinta ini dengan memenuhi ciri-ciri "*Baldatun Toyyibatun Warobbun Ghofur.*"

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita bukan sahaja perlu mendidik rakyat supaya benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allah tetapi pegangan Pentadbiran Negeri juga perlu beriman dan bertaqwa kepada Allah dengan memastikan semua polisi dan dasar-dasar serta aktiviti yang dilaksanakan di semua peringkat Kerajaan Negeri termasuk oleh NGO-NGO, persatuan-persatuan, kelab dan pihak swasta adalah tidak bercanggah dengan agama serta syariat yang telah digariskan oleh Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *alhamdulillah* negeri kita sudah ada garis panduan patuh syariah berkaitan sukan, hiburan, kebudayaan dan

pelancongan. Tinggal lagi kita kena pastikan ia dilaksana dan dipraktikkan dengan penuh berhemah dan hikmah termasuk dari segi etika berpakaian bagi pelancong *non-muslim* sebagaimana yang digariskan dalam garis panduan tersebut. Bagi maksud yang telah saya nyatakan ini, maka saya menyambut baik dan menyokong sepenuhnya apa yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebagaimana yang dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan pada pagi kelmarin yang tercatat pada muka surat 26 sehingga 28 pada *paragraph* perenggan 56 hingga 62. Kita yakin dengan ciri-ciri iman dan takwa ini kita yakin dengan janji Allah *Taala*;

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

"Kalau penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa nescaya Allah akan bukakan ke atas mereka pintu-pintu keberkatan dari langit dan bumi".

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk bangkitkan satu isu yang perlu diberi perhatian serius bukan sahaja oleh pihak Kerajaan Negeri bahkan semua lapisan masyarakat sebelum ia merebak dan menjadi lebih parah. Isu yang saya maksudkan ialah berkaitan dengan *vape* ataupun rokok elektronik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, merokok merupakan masalah utama di negara kita di mana dianggarkan pada masa ini terdapat lebih lima juta perokok konvensional dan lebih 1.3 juta perokok elektronik. Pada tahun 2011 kadar penghisap *vape* di Malaysia hanyalah 0.8% tetapi melonjak naik kepada 5.4% iaitu peningkatan sebanyak 700% pada tahun 2021. Kadar merokok di Terengganu adalah yang ketiga tertinggi di Malaysia iaitu 23.9% selepas Kedah dan Sabah manakala kadar merokok *vape*, rokok elektronik adalah kedua tertinggi selepas Putrajaya iaitu sebanyak 7.3%. Yang membimbangkan kita ialah apabila golongan remaja dan belia merupakan antara yang teramai terlibat dan mengambil rokok elektronik ini termasuk yang berada di peringkat sekolah rendah. Saya membangkitkan perkara ini kerana berdasarkan maklumat yang saya perolehi penggunaan *vape* ini membuka ruang yang sangat luas kepada pengambilan dadah-dadah yang lain ekoran dari penggunaan e-cecair yang mengandungi dadah. Menurut beberapa portal dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkaitan kesihatan, kecenderungan penggunaan *vape* khususnya golongan belia untuk menyedut e-cecair bercampur dadah ini adalah sangat membimbangkan. Oleh itu di sini saya nak cadangkan beberapa

perkara sebagai langkah untuk mengawal penggunaan *vape* dari terus merebak dan berleluasa.

1. Pihak Kerajaan seharusnya meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan ke atas premis-premis dan pusat jualan yang dibuka tanpa kebenaran Majlis atau mana-mana PBT. Jangan biarkan ia tumbuh berleluasa begitu sahaja dengan sewenang-wenangnya tanpa diambil apa-apa tindakan yang sewajarnya dan tanpa mengawal pertumbuhan pusat-pusat jualan tersebut.
2. Meningkatkan kesedaran di kalangan remaja dengan mengadakan lebih banyak kempen di sekolah-sekolah atau program-program yang dihadiri oleh remaja.
3. Menyokong perundangan yang mengharamkan *vape* di kalangan remaja.
4. Mewujudkan program pemulihan kepada remaja yang ketagih *vape* di peringkat komuniti dengan kerjasama NGO-NGO Kesihatan atau dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga nak bertanya dan inginkan penjelasan berkaitan dengan aktiviti pinjaman wang berlesen. Berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan atau telah diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan juga PBT-PBT yang lain? Hari ini kita melihat banyak iklan yang ditampal di merata-rata berkaitan pinjaman mudah ini. Kita tidak tahu adakah ia bergerak secara haram atau sebaliknya. Ramai rakyat yang menjadi mangsa dan terjerat dengan skim pinjaman yang bergerak secara haram atau apa yang kita kenali hari ini sebagai Ah Long. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut supaya ia tidak terus berleluasa dalam masyarakat kita dan menyebabkan ramai lagi rakyat yang menjadi mangsa kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya ingin mengambil kesempatan di ruang yang ada ini bagi pihak warga DUN Buluh Gading untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila memasukkan Projek Pembinaan PPR Jeram yang melibatkan 150 unit rumah sebahagian daripada Ucapan Belanjawan sebagaimana yang dinyatakan pada muka surat 32 perenggan 73. Semoga ianya berjalan dengan lancar mengikut sebagaimana dan siap sebagaimana yang dirancang dan dijadualkan, *insya-Allah*. Terima

kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Buluh Gading turut mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Buluh Gading. Kita sedang pukul 12.16 minit. Kemungkinan ada tiga orang boleh untuk berucap perbahasan pada pagi ini. Sila terus. Ada? *Takdok* kita *nok* tutup supaya gulunglah. *Takdok*? Sila Yang Berhormat Manir. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, YB-YB EXCO, rakan-rakan YB, semua pegawai-pegawai dan pemerhati sekalian. *Alhamdulillah*, kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* di atas pemberian segala rahmat yang diberikan oleh Allah kepada kita.

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا

"Jika sekiranya dibilang dan dihitung sudah tentu kita tidak mampu membilang dan menghitung nikmat Allah yang diberikan oleh Allah kepada kita".

Secara umumnya bahawa kita mengetahui Kerajaan Pakatan Harapan gabungan dengan Parti Barisan Nasional memberi tekanan dan sangat tidak *friendly* dengan Kerajaan Negeri dan bukan sahaja Kerajaan Negeri Terengganu tetapi seluruh Kerajaan Negeri Pembangkang. Jika diimbaz sejarah yang lalu, semua kita tidak dapat berfikir, *dok mari* terlintas orang Terengganu kata, macam mana seorang yang melaungkan reformasi satu masa dahulu dan ramai di kalangan kita saya yakin pernah terlibat dengan perhimpunan-perhimpunan dan masing-masing ada pengalaman yang tersendiri, disembur dengan pemedih mata dan seumpama tetapi ianya menjadi suatu perkara yang pelik bila mana duduk di jawatan yang dipinta itu berubah dengan 360 darjah ataupun perubahan yang sangat ketara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kita mesti sama-sama kuat menghadapi hal keadaan ini. Saya tertarik dengan sebuah buku yang dikarang oleh Dr. Shawkiy Abu Khalil yang mana dia adalah seorang penulis dan pembahas daripada Palestin, yang membuat dan mengarang sebuah buku, *نهر يبحث عن مجرى*, *الاسلام*, Islam adalah diumpamakan sebuah sungai yang

sentiasa mencari tempat untuk mengalir jika sekiranya disekat pengaliran airnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, beberapa *point* yang disebut di dalam buku ini adalah *النهر الذي يبحث عن مجرى, المجرى الذي جف* *point* yang ketiga adalah *بقي الاسلام قويا* bahawa adanya jalur ataupun laluan air yang sedang kering, air sungai yang sentiasa mencari laluan untuk mengalir dan ingatlah bahawa Islam kekal kuat walaupun ditekan dan ditindas. Kerajaan hari ini, adalah terlahir daripada sebuah parti yang agungkan dan mendasarkan sebuah agama yang sangat terkenal dengan kekuatan rohaniah iaitu Islam. Oleh sebab itu mereka yang menyekat perkembangan Islam sebenarnya seolah-olah tidak ingat kepada ayat Allah

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ

"Mereka merancang, Allah merancang, tetapi ingatlah bahawa Allah Taala sentiasa sebagai sebaik-baik perancang".

Kita penuh keyakinan dan sangat *optimistic* dengan perancangan Allah dan janji Allah dan susunan daripada Allah *Subhanahu Wa Taala*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, perkara ini di dalam Buku Bajet ini Ucapan Bajet ini telah disebut secara jelas oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahawa perancangan yang telah disusun oleh pihak Kerajaan dan *alhamdulillah* perkembangan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2022 di Terengganu meningkat sebanyak 5.9% dan pada tahun sebelumnya pada tahun 2021 sebanyak 3.7% yang mana perkembangan ini adalah satu perkembangan yang sangat positif dalam keadaan suasana sumber ekonomi dunia yang masih lagi belum stabil sepenuhnya. Semalam membuktikan jawapan yang diberi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ketika mana menjawab berapakah nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Terengganu bagi tahun 2023 di dalam jawapannya beliau menyatakan dan semua kita dengar sebanyak RM3.292 bilion yang masuk ke Terengganu pada tahun 2023. Sudah tentu pelaburan-pelaburan ini memberikan impak yang sangat baik kepada Kerajaan Negeri secara langsung ataupun tidak langsung dan inilah suatu perkara yang sangat baik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, walaupun kita menerima tekanan daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan *Federal*, kita senantiasa berusaha agar kita

dapat berdiri di atas kaki sendiri, yakni kita tidak bergantung kepada orang lain dan perkara ini telah menjadi satu amalan Kerajaan Negeri dan sebagai contoh yang mungkin semua masih ingat berkaitan dengan *viral* tentang padi Terengganu yang mana orang pun terkejut macam mana Terengganu ada padi, ada beras sendiri dan inilah yang kita tunjukkan bahawa usaha dan kerjasama daripada semua pihak di peringkat Kerajaan, di peringkat rakyat, di peringkat agensi-agensi akan memberikan nilai yang baik yang positif kepada Negeri Terengganu yang kita kasihi ini.

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah berjaya membawa pelabur-pelabur terutama di dalam sektor pertanian yang sebelum ini ada penanaman lada hitam dan terbaru dan akan datang lagi berkaitan dengan ada pelabur-pelabur yang sangat berminat untuk memajukan pertanian dalam industri padi di Negeri Terengganu, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di antara perkara yang menjadi perbincangan di peringkat bawah, masing-masing bertanya apakah tidak ada ruang dan peluang yang boleh dibuat yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Terengganu sendiri terutamanya bagi mengembalikan semula royalti itu sebagai royalti dan bukan dinamakan Dana Ehsan ataupun apa-apa nama yang lain dan apakah tidak ada peluang untuk kita kembalikan di atas kerangka yang asal mengikut perjanjian iaitu Petronas membayar terus ataupun langsung ke akaun Kerajaan Negeri bukan melalui Kementerian Kewangan di peringkat Pusat dan jika sekiranya perkara ini dapat dibuat secara yang terbaik *insya-Allah* kita tidak menghadapi suasana yang seumpama ini pada masa akan datang.

Saya penuh yakin bahawa perkara ini sedang diusahakan tetapi kita juga ingin membangkitkan kebersamaan itu agar rakyat Negeri Terengganu tahu bahawa kita sedang mengusahakan sesuatu dan semua rakyat di Negeri Terengganu bahkan di seluruh Malaysia ingat peristiwa hitam yang telah dilakukan oleh pihak Barisan Nasional yang telah mengubah kerangka asal perjanjian royalti kepada Dana Ehsan ini. Pada tahun 1999 ataupun tahun 2000 merekalah yang telah merosakkan kerangka perjanjian Kerajaan Negeri dengan Petronas dan hasilnya *alhamdulillah* rakyat Negeri Terengganu telah mula sedar dan akhirnya diterjemahkan di dalam Pilihan Raya pada baru-baru ini sehingga Perikatan Nasional mendapat 40-0 tapi sedih juga, akhirnya jual ubi gadung baru ni, neh?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada perkara berkaitan dengan pelaburan yang mungkin hendak disebut sebagai perkembangan pelaburan di Negeri Terengganu. Ada dua pintu masuk utama iaitu pelabuhan dan juga *airport*, pelabuhan dan juga lapangan terbang yang sudah tentu pelabuhan ini menjadi pintu utama kepada Negeri Terengganu walaupun kita ada saingan pelabuhan di Kuantan tetapi kita juga perlu memperbaiki dan menambah baik infra-infra ataupun kita kata kelengkapan-kelengkapan di pelabuhan itu supaya kita dapat menarik lebih banyak kapal-kapal mendarat dan digunakan *diutilize* sepenuhnya di peringkat Negeri Terengganu dan kita memperoleh beberapa yang kita sebut sebagai aduan di mana nak dilabuhnya di Terengganu adanya kekurangan di peringkat kelengkapan begitu juga adanya penerbangan-penerbangan daripada luar negara yang kita masyhur dulu *airport* kita *ni airport* di peringkat antarabangsa. Jadi sudah tentu adanya perkara yang perlu dibaiki walaupun kedua-dua perkara tempat ini, pelabuhan dan lapangan terbang ini bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi kita perlu mengusahakan sesuatu. Tambah-tambah lagi baru-baru ini kita digemparkan, ditimbulkan dengan isu kewujudan REE dan sebagainya. Kita penuh dengan sumber-sumber mineral asli di negeri kita, tetapi kekurangan-kekurangan ini menyebabkan kurangnya hasil daripada sumber asli ini masuk ke dalam akaun Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, di samping kita membincangkan isu pertumbuhan dan perkembangan sumber asli di negeri kita, kita juga tidak mampu untuk membangunkan sumber-sumber mineral ini dengan sendiri kita perlu kepada pelabur tetapi bila kita bercakap tentang soal pelaburan ini, aduan yang terima ialah kita Kerajaan Negeri tidak mesra pelabur. Jadi oleh itu saya sarankan kita mengharapkan aduan ini tidak benar dan jika ia benar kita mengharapkan ia diperbaiki dengan sebaiknya. Ada orang nak melabur tetapi infra tak cukup di tempat yang dikhususkan dan inilah yang menjadi apa yang berlaku kalau baru ni ada satu syarikat daripada asalnya duduk di tempat kita akhirnya berpindah kerana adanya elemen-elemen tidak *friendly* pelabur. Dan akhirnya dunia ke arah sebuah teknologi yang dipanggil *Green Technology*. Sejauh mana Kerajaan Negeri bersedia menghadapi dan mengharungi *Green Technology* ini dilaksanakan di negeri kita. Sejauh mana polisis-polisi kita yang pada satu masa akan datang, barang kita nak dieksport pun akan dilihat dan ditinjau sejauh mana *Green Technology* ini digunakan di tempat dan sebelum dan akhirnya sekali lagi, sebelum saya mengakhiri ucapan sokongan Belanjawan Bajet 2024 ini saya mengharapkan kita semua bersama-sama di semua peringkat membangunkan negeri ini dengan penuh keyakinan dan

kebergantungan diri kita kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* dan jangan kita tinggal hubungan kita dengan Allah, kerana Dialah yang menentukan segala-galanya, *insya-Allah*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Manir mohon menyokong Ucapan Bajet 2024. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Manir. Seterusnya saya persilakan mana-mana Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Seberang Takir dulu, sila. Kita beri Seberang Takir kemudian Sura *kekgi*.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَالِهِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para pemerhati yang dihormati sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan menyokong pembentangan Bajet yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi kelmarin.

Bajet 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin, jumlahnya lebih kurang sahaja dengan jumlah Bajet yang diumumkan pada tahun yang sebelum daripada ini dan kita sedia maklum sebahagian besar hasil pendapatan negeri kita adalah daripada hasil 5% petroleum yang diambil daripada lautan di hadapan Negeri Terengganu Darul Iman ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana terus menyebut dan memasukkan royalti ini kepada sebahagian daripada hasil untuk Negeri ini. Walaupun tahun ini saya dimaklumkan kita tidak menerima jumlah yang seperti yang sepatutnya kita anggarkan berdasarkan kepada harga minyak semasa tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus memasukkan jumlah ini berdasarkan kepada anggaran harga pada masa akan datang untuk Bajet 2024 yang kita akan masuk dalam sebulan lebih lagi.

Saya ucap terima kasih kerana ini adalah satu perkara patut kita buat dan Yang Amat Berhormat telah buat ini kerana 5% hasil minyak ini adalah merupakan

hak Negeri Terengganu. Mana mungkin Kerajaan Pusat boleh ambil hasil minyak daripada Lautan China Selatan yang berhadapan dengan Negeri Terengganu ini jika tidak kerana Negeri Terengganu ini berada dalam Persekutuan Tanah Melayu. Kalau Terengganu ni bukan negeri Malaysia, Laut China Selatan tempat ambil minyak tu, di pelantar-pelantar minyak di Laut China Selatan walaupun lebih dari 5 batu nautika sekalipun ia adalah sebahagian daripada Wilayah Jajahan Takluk Negeri Terengganu di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Al Sultan. Maka apa sekalipun, peraturan-peraturannya ia adalah hasil dan hak Negeri Terengganu, maka kerana itu saya sangat menyokong Yang Amat Berhormat terus memasukkan hasil 5% ini hasil petroleum ini dalam anggaran pendapatan Bajet untuk tahun 2024 walaupun pada tahun ini kita tidak memperolehi kadar jumlah yang sewajarnya, tak sampai satu pertiga daripada 1.4 atau 5 billion yang kita anggarkan dengan berdasarkan pada harga minyak pada hari ini.

Jadi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kerana itu Kerajaan Negeri harus dan mesti terus menuntut hak ini dan saya sangat sokong usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan pasukannya untuk terus berunding meminta dengan cara yang baik, melalui saluran-saluran diplomatik dengan pimpinan Kerajaan Pusat. Saya percaya ini adalah cara yang terbaik kerana dalam negara yang mempunyai Perlembagaan Persekutuan ini yang paling penting ialah persefahaman antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Oleh kerana rakyat negeri ini telah memilih Kerajaan yang terdiri daripada kita dalam Dewan ini untuk mentadbir negeri ini dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita maka sudah tentulah sewajarnya hasil negeri ini diberikan kepada Kerajaan yang dipilih ini untuk dibelanjakan mengikut apa yang difikirkan terbaik kerana inilah pilihan rakyat negeri ini. Untuk pentadbiran negeri ini tidak wajar Kerajaan Pusat guna kuasa dia ambil duit ini dan tadbir melalui agensi Pusat yang ada di Negeri Terengganu yang sebelum ini kecil tetapi sengaja dibesar-besarkan untuk melunaskan perbelanjaan apabila duit besar masuk. Ini adalah satu pengkhianatan kepada amanah rakyat Negeri ini Dato' Yang di-Pertua. Maka kerana itu usaha ini mesti diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan pasukannya dan saya mohon rakyat dan kita sekalian meneruskan doa, doa ini adalah senjata orang mukmin. Biarlah mereka berusaha dengan cara mereka, kita usaha dengan cara kita. Dengan doa orang yang jahat boleh jadi baik. Dengan doa benda yang susah boleh jadi senang kerana doa Rasulullah ﷺ untuk dua orang Umar, akhirnya

Umar Al-Khattab yang sebelum itu musuh ketat kepada Islam akhirnya masuk Islam. Jadi ini adalah sesuatu kebenaran kepada kita...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta laluan sikit. Minta doa-doa, *dokleh-dokleh* juga, tolong Yang Berhormat cadang doa yang *guana pulok*.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, kita doa *hok* molek-moleklah..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, ya, Ya..

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Macam yang saya sebut tadi Nabi doa *ahadul umarain*, salah seorang daripada Umar ini tolonglah Ya Allah, biar dia boleh memperkuatkan Islam. Akhirnya di antara Amru Abdul Lahab dengan Umar Al-Khattab ini Allah *Subhanahu Wa Taala* pilih Umar Al-Khattab masuk Islam. Dia dan akhirnya dengan kemasukan Islam Umar Al-Khattab ini, Islam semakin kuat dan beliau akhirnya jadi Khalifah yang kedua selepas Rasulullah. Jadi tidak mustahil kalau seluruh rakyat Terengganu setiap kali sudah selepas sembahyang, berdoa meminta supaya Allah *Subhanahu Wa Taala* buka pintu hati pemimpin kita. Buka pintu hati Ahli-ahli Parlimen kita. Mungkin satu masa nanti dalam persidangan parlimen tak mustahil kalau semua ahli-ahli parlimen, majoriti ahli parlimen sokong supaya negeri diberi kebebasan untuk mentadbir sendiri hasil daripada buminya tak mustahil Perdana Menteri pun mesti akur dengan kehendak dan keputusan majoriti. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat, setuju *dok* kalau saya cadang supaya kita buat..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Bagi, bagi dok tu Seberang Takir*

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat, setuju *dok* kalau kita cadang Yang Berhormat, untuk buat Majlis Munajat Perdana sekali untuk khusus berkenaan royalti ini dan kita minta ADUN Paka jadi imam. *Insyallah*.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Saya setuju sangat Dato' Yang di-Pertua sebab dalam ramai-ramai ini ADUN Paka *je* pakai serban *ni*. Jadi kalau orang lain nak jadi imam *dok saboh*. Tapi doa macam dia sebut tadi, Dato' Yang di-Pertua, biar doa molek-molek jangan celaka, jangan binasa. Kita minta Allah *Subhanahu Wa Taala* buka pintu hati pemimpin-pemimpin di atas sana yang boleh buat keputusan, supaya mereka buat keputusan yang betul, tidak menganiaya rakyat negeri kita ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya amat memahami keadaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mentadbir negeri ini, mempersiapkan bajet untuk tahun depan, dengan keadaan tidak menentu sama ada duit akan masuk atau tidak, duit cukup atau tidak. Maka kerana itulah banyak perkara-perkara saya lihat dalam bajet kita ini kita letak token *je*, letak anggaran RM10 *je* ada tajuk *je*. Saya percaya ini bergantung kepada keadaan kewangan semasa pada tahun hadapan. Dato' Kewangan senyum tengok saya. Jadi Dato' Yang di-Pertua, banyak lagi perkara-perkara yang tidak diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti kelazimannya dalam Pembentangan Bajet-bajet dalam Dewan-dewan Negeri atau dalam parlimen yang seperti kebiasaannya diumumkan, imbuhan kepada penjawat awam. Kalau nak bagi kepada ADUN-ADUN pun, mungkin boleh. Ini kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tidak diumumkan pada hari ini sebab takut nanti dikatakan rasuah kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi calon dalam pilihan raya di Kemaman untuk parlimen. Jadi saya ingat selepas ini, menang itu saya rasa *confirm doh*. Majoriti *je* kita tak tahu berapa, jadi kita harap lepas ini secara pentadbirannya benda ini akan diumumkan, Dato' Yang di-Pertua.

Satu lagi, Dato' Yang di-Pertua, sesuai dengan tema menuju "Era Baharu Terengganu" tema bajet pada tahun ini memfokuskan kepada Kesejahteraan Hidup Rakyat dan juga meningkatkan sumber pendapatan negeri. Memang ini satu perkara yang patut, Dato' Yang di-Pertua. Kita sebelum ini hanya 20% ataupun 30% sahaja hasil yang kita kutip, kita capai selain daripada RM1.6 atau 5 bilion daripada hasil minyak sebab itu bila duit ini lambat masuk, tak masuk, memang pentadbiran kita agak tidak berapa lancar, Dato' Yang di-Pertua. Maka sesuai dengan tema ini, saya mohon supaya Kerajaan Negeri melihat kepada ruang-ruang di mana kita boleh meningkatkan hasil pendapatan negeri ini. Syarikat-syarikat GLC yang ada keupayaan untuk buat keuntungan lebih, kita mohon supaya diletakkan orang yang bersesuaian dan dibuat pemantauan yang lebih teliti supaya syarikat ini dapat berjalan dengan lebih lancar dan

membuat keuntungan yang lebih besar. Dan saya juga mencadangkan sebagaimana yang kita selalu sebut bahawa mana-mana syarikat yang bagus, yang baik, jangan jual. Jual atau tutup syarikat yang *dok* untung. Ada saya tengok saya perihati sebelum-sebelum ini banyak syarikat-syarikat, ada dua tiga syarikat yang untung molek tapi Kerajaan lepas pegangannya, tolak. Tapi syarikat yang tak berapa berdaya maju itu, dia heret tambah, beri duit, beri modal. Berapa kali nak tambah saya tak tahu. Tapi saya rasa kita kena ada Kerajaan, kena ada garis panduan. Berapa kali Kerajaan nak *backup* satu-satu syarikat. Kalau dah nampak *dok* berdaya maju sama ada tukar pengurusan dia, ataupun tutuplah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selain daripada itu, pelancongan juga dilihat sebagai salah satu sumber ekonomi yang baru. Dan saya bagi mewakili masyarakat Penduduk Seberang Takir, terutamanya pengundi-pengundi, saya mohon supaya beberapa perkara boleh ditingkatkan kemudahannya di Seberang Takir, terutamanya kawasan bot penambang. Saya dimaklumkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah meluluskan peruntukan untuk membaiki jeti sebelah belakang Pasar Payang itu. Terima kasih kepada Bandaraya, tetapi di sebelah Seberang Takir *nung pong* jalan dia kecil. Saya dengar satu masa dulu ada cadangan untuk pengambilan balik tanah belakang masjid itu supaya memudahkan jalan ke jeti penambang di sebelah sana dan juga untuk membuka ruang supaya lebih banyak *parking-parking* kenderaan, kereta boleh disediakan. Jadi saya ingat perkara ini untuk meningkatkan lagi sumber pendapatan berasaskan pelancongan terutamanya pada pengusaha-pengusaha bot penambang, kepada penduduk-penduduk sekitar Seberang Takir, sekitar Masjid Seberang Takir untuk memakmur dan merencanakan lagi aktiviti ekonomi di sana, saya mohon supaya Kerajaan melihat proses pengambilan balik ini, jika boleh diteruskan dan disegerakan.

Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali, yang terakhir saya nak sebut di sini ialah masalah utama di Seberang Takir ini. Kalau tengok bajet itu, saya rasa mungkin macam saya sebut tadilah tidak diperincikan dengan *details* jumlahnya, kerana mungkin kekangan tadi, tapi hal peparitan tidak mendapat peruntukan yang banyak dalam Bajet kali ini. Saya mohon Dato' Yang di-Pertua supaya perkara ini dilihat semula dan diberikan keutamaan. Apabila saya berada di DUN Seberang Takir sebelum ini di Batu Rakit, 2008 sehingga 2013 di Batu Rakit, saya tak menghadapi masalah rakyat menghadapi banjir, ada dua tiga buah rumah sahaja, di tepi baruh Padang Kemunting, Gelung Gajah, dan juga tepi

baruh di sebelah Kubur Timah. Tapi di Seberang Takir pada hari ini, bila saya jadi wakil rakyat di kawasan ini, baru hujan dua malam dah beberapa puluh keluarga berpindah. Dan bila saya melawat pusat-pusat perpindahan bercakap dengan masyarakat dengan orang-orang yang berpindah itu, dia kata, "Kita biasa *doh*, tiap-tiap tahun, kalau hujan lebat dua malam memang pindah, air naik *sokmo*. Tapi bila hujan berhenti tak sampai satu hari, air surut". Maknanya, air di sini, ada masalah banjir ini berlaku kerana air tak dapat dialirkan keluar dengan cepat. Saya dah bersama-sama dengan JKR, dengan JPS, Pejabat Daerah baru-baru ini melihat dua tiga longkang daripada tepi *airport* itu, tepi lapangan terbang dan Jalan Tok Jembal itu memang dah ada longkang. Tapi longkang ini memang tak sesuai, kecil nak dibandingkan kapasiti ataupun jumlah air yang besar daripada Taman Huda, Taman Murni dan juga kawasan persekitaran yang dulunya adalah merupakan kawasan tadahan hujan. Tapi sekarang *dah* banyak rumah-rumah yang dibina, banyak tanah yang telah ditimbus menyebabkan air bertakung dengan cepat dan lambat keluar kerana longkang ataupun salirannya kecil. Maka kerana itu saya memohon kalau Kerajaan belanja banyak pun, dia hanya melibatkan pada tahun ini, mungkin kali ini, selepas ini tidak akan menghadapi masalah banjir, *insya-Allah*. Tetapi, kita tidak besarkan longkang, tak baiki longkang, tahun depan, minggu depan pun kalau hujan lebat, kita akan pindah pula, jaga orang kita di Pusat Pemulihan dan belanja duit macam biasa. Jadi Dato' Yang di-Pertua, banyak tempat di DUN Seberang Takir ini menghadapi masalah yang saya sebutkan tadi. Itu adalah salah satu di antara contohnya. Mungkin DUN-DUN lain juga menghadapi masalah yang sama. Saya dengan ini, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan yang sewajarnya diberikan dan permasalahan ini dilihat.

Satu lagi yang terakhir, betul-betul terakhir ini Dato' Yang di-Pertua, di Seberang Takir macam juga di Batu Rakit. Sebahagian daripada penduduknya bergantung kepada penangkapan ikan ataupun bekerja sebagai nelayan. Apabila masuk musim tengkujuh, macam sehari dua ini mereka tidak dapat ke laut sebab ombak besar, hujan dan juga ribut. Maka seperti kebiasaan kelazimannya, saya bila masuk Seberang Takir ini ada beberapa orang Pengerusi JPKK ini jumpa saya dia kata, Yang Berhormat kena *standby* sikit duit *eh* bulan 11, 12 itu biasa kita bagi sikit ke *awok-awok* nelayan ni. Saya tanya berapa orang. 300 lebih dekat-dekat 400. Dah, bagi apa? Cari *ah* beras 10kg, gula apa ini. Jadi saya kira kalau 100 orang, dah dekat dengan RM30,000.00. Itu baru *hok* beras, panggil-panggil makan-makan ni saya rasa dekat RM60,000.00 juga. Mungkin DUN lain pun ada sama. Dengan peruntukan yang

diberi pada penghujung tahun ini RM100,000.00 campur dengan *hok* pengurusan JPKK *dok cakak nok korek doh* saya, Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya mohon kalau boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pihak Kerajaan tengok semula DUN-DUN yang ada nelayan yang ramailah *hok* ada 40, 50, 60 orang tu *dakpe*. Tapi macam Seberang Takir mungkin juga di Chendering, mungkin juga di sebelah Kemaman, adalah wajar saya kira kalau Kerajaan beri peruntukan tambahan akhir tahun ini RM50,000.00 ke, kalau tak RM100,000.00.

Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang telah membentangkan Bajet yang bersesuaian dan saya mohon menyokong. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir. Sila Yang Berhormat Sura.

YANG BERTHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat ADUN-ADUN serta semua ketua-ketua jabatan yang ada pada tengah hari ini. *Insyah-Allah*. Jadi Sura bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* kerana diberikan peluang untuk sesi Perbahasan Bajet pada tahun ini dan yang pertama sekali ialah sebagai seorang ADUN muda, saya melahirkan satu bentuk kebimbangan terhadap realiti politik pasca PRU-15 yang berlaku pada hari ini. Bagaimana kita melihat amalan *federalisme* sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam semakin pudar. Bahkan peruntukan kepada Ahli Parlimen dan peruntukan kepada Kerajaan Negeri seolah-olah dijadikan bahan sogokan untuk terus berkuasa. Apa guna kita buat Akta Lompat Parti kalau Wakil Rakyat dan Kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat boleh diugut dengan ditarik peruntukan-peruntukan kewangan mereka. Sukalah untuk saya memberi peringatan kepada kita dan kepimpinan di Putrajaya bahawa seorang pemimpin hendaklah berlaku adil kerana seseorang

terpelajar harus sudah bersifat adil sejak dalam pemikiran apalagi dalam perbuatan.

Kalau hendak membeli cermin
Belilah cermin tembus cahaya
Kalau awak jadi pemimpin
Jadilah pemimpin lurus bicara

Dan kita sebagai seorang Islam meyakini bahawa urusan kepimpinan adalah milik Allah *Subhanahu Wa Taala*. *قُلْ اَللّٰهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ* Allah *Subhanahu Wa Taala* yang telah meletakkan sesebuah Kerajaan. Allah berkuasa untuk menaikkan sebuah Kerajaan dan Allah berkuasa untuk meruntuhkan dan menjatuhkan sesebuah Kerajaan. Sebab itulah mungkin kita boleh melihat bahawa kepimpinan tertinggi di Wisma Darul Iman ini akan naik ke tampuk kepimpinan di Putrajaya dan marilah sama-sama kita *Aamiir*kan agar perubahan tampuk kepimpinan di Putrajaya dapat berlaku secara aman dan mengikut lunas-lunas demokrasi yang dibenarkan. Kalaulah sekarang ini dari Tambun *dah* ke Putrajaya, mana tahu selepas ini dari Kemaman terus ke Putrajaya agar perjanjian royalti yang sebelum ini *ding dong ding dong* dapat terus dimaterikan untuk kebaikan rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, isu yang kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan Tabung Darul Iman. Kita biasanya hanya melihat Tabung Darul Iman ini biasa *je*. Tapi sebenarnya Tabung ini mempunyai peranan yang cukup besar bagi membantu rakyat Negeri Terengganu agar mendapat akses yang lebih baik kepada bantuan perubatan dan mengelakkan rakyat Negeri ini terbeban bila diuji dengan penyakit kronik. Kalau kita melihat dalam apa yang telah disebut oleh WHO, dia ada satu istilah yang diperkenalkan oleh WHO sebagai *Universal Health Care Coverage* dengan izin, yang mana WHO memaksudkan bahawa *all people have access to the full range of quality health service they need when and where they need when without financial hardship*. Yang mana WHO telah menggariskan bahawa setiap orang yang ada di dunia ini perlu mendapat akses kepada kemudahan kesihatan, bila yang mereka perlukan, di mana yang mereka perlukan tanpa dibebankan kewangan kepada mereka, tanpa mereka memiliki kesuntukan kewangan. Sebab itu kita melihat pada tahun yang lepas, sebanyak RM5.6 juta telah diberikan kepada 8,000 lebih orang penerima Tabung Darul Iman dan kebanyakan penerima ini mendapat bantuan sara diri, *pampers*, bila mana mereka ada penyakit kronik, susu serta

bantuan perubatan-perubatan yang lain. Cuma persoalannya bagaimana Tabung ini akan terus mampan atau *sustain* untuk terus membantu rakyat di Negeri Terengganu. Kalau kita *wak duk* Dewan ini mungkin *dok* terkesan sangat. Ramai di antara kita yang ada insuran kesihatan. Tapi kalau kita tengok rakyat, masyarakat kita *hok duk* kampung, *keje* pun kontrak, dapatlah RM50, RM100 sehari, kalau dia *accident*, *nok gi keje accident*, patah tulang paha, masuk hospital, doktor kata kena masuk *screw and plate*, kena buat pembedahan, nak cari mana duit nak bayar *screw and plate*. Jadi, inilah peranan Tabung Darul Iman untuk terus membantu mereka. Sebab itu, Sura mencadangkan kalaulah kita nak memastikan kemampanan dan *sustainability* Tabung ini, kalau boleh kita cuba naik tarafkan tabung ini menjadi Yayasan, meletakkan sasaran kutipan lebih daripada RM10 juta setahun, menambah baik sumbangan kepada sumbangan implan perubatan dan ubatan-ubatan yang mahal yang menjadi keperluan beberapa orang pesakit di Negeri Terengganu sebagai contoh ada pesakit kanser payudara, kanser ovari yang memerlukan *test BRCA gene* yang berharga lebih kurang RM1800.00. Dan yang terakhir sepatutnya pihak Tabung Darul Iman lebih mempromosikan agar rakyat di Negeri Terengganu ini lebih ramai yang menyumbang untuk Tabung Darul Iman.

Isu yang ketiga yang ingin saya sebutkan Dato' Yang di-Pertua Dewan ialah kalau kita melihat berkenaan dengan sumber hasil baru yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, kalau sekarang ini kita sebut tentang royalti Petroleum tetapi sepatutnya Negeri Terengganu kita sudah boleh bergerak daripada keberharapan pergantungan kepada Industri Petrol Karbon kepada Hub Tenaga Hijau dan tenaga-tenaga yang boleh diperbaharui kerana kita ada sumber yang boleh membantu untuk kita terkehadapan dalam perkara ini. Sebagai contoh inisiatif yang telah diperdengarkan semalam, inisiatif Pelan Induk Tenaga Hijau (PITiH), Pembangunan *Green Industrial Park* dan Hub Stesen Pengecasan *Electric Vehicle* kenderaan elektrik patutnya menjadi satu keutamaan agar kita hari ini selari dengan permintaan pemain industri dunia yang mula bercakap mengenai *environmental, social, and governance investment* (ESG) dengan izin, Dato' Yang di-Pertua Dewan. Sebab itu, dia bukan sahaja kita materikan, kita catat dalam buku yang kita sebut dalam Buku Bajet kita tapi kita kena berusaha dari sekarang supaya kita boleh mengurangkan kebergantungan kita kepada Industri Petrol Karbon.

Yang seterusnya, saya ingin menyebut berkenaan dengan pemerkasaan ekosistem sukan. *Alhamdulillah* kita tahu bahawa kita Terengganu ini memang *nelang ah* dalam bab sukan, bagaimana kita pun kalau dalam bab sukan bola sepak baru ini kita dah boleh *gi* ke *Final* Piala Malaysia, sukan basikal baru ini saya tengok bagaimana ada atlet basikal Negeri Terengganu sudah layak untuk menjadi peserta pertandingan di peringkat kejohanan di peringkat Olimpik kejayaan dunia. Jadi ini satu *benchmark* yang telah kita letakkan dan kita pun semalam sebut bahawa kita nak letakkan Terengganu ini sebagai Johan SUKMA 2024. Cuma satu perkara yang kita kena lihat bagaimana kita nak kukuhkan lagi ekosistem sukan dalam negeri. Kalau kita tengok bidang sukan dia tidak melibatkan atlet sahaja, dia ada pengurus pasukan, dia ada jurulatih, dia ada pengadil, dia ada orang-orang yang terlibat dalam bidang sains sukan, sebagai contoh pakar fisioterapi bahagian fisioterapi, bahagian *dietician* kalau kita tengok contoh sukan bola sepak, baru-baru ini kita juara TFC dua, juara bawa balik piala MFL ke Negeri Terengganu, kali pertama piala itu dipertandingkan, di sana kita melihat bagaimana nama Hairuddin Omar naik kan sebagai seorang jurulatih kelahiran Negeri Terengganu, cuma persoalannya bagaimana kita nak melahirkan jurulatih-jurulatih lain lain, *manager-manager* yang ada kemampuan sebagaimana beliau. Kalau kita melihat dalam bidang pengadilan, kita pernah ada seorang namanya Cikgu Suhaimi asalnya orang Dungun, pernah menjadi pengadil FIFA, pernah mengadili piala dunia kan walaupun sebagai pengadil keempat, tetapi sekarang seolah-olah kita meminggirkan bidang ini, ramai yang di antara orang bawah-bawah ini dia berharap kepada bidang pengadilan, cari duit *seriya samah* kalau ada kejohanan-kejohanan, kalau orang buat apa padang sintetik tiap-tiap malam bayar juga untuk pengadil apa semua, cuma persoalannya bagaimana nak jaga kebajikan mereka dan nak *upgrade* supaya mereka mendapatkan sijil yang sah diiktiraf di peringkat dunia dan kita juga sekarang kekurangan pengadil dalam bidang sukan bola sepak pantai dan bola sepak futsal yang mempunyai undang-undang pertandingan yang berbeza.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Sura, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT DR. TENGGU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGGU MD FAUZI (Wakil Sura): sedikit lagi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: kalau panjang lagi kita sambung petang ini

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): dok, sikit lagi, sikit lagi nak tutup dah. Isu terakhir nak sebut berkaitan dengan peningkatan sumber dan hasil Kerajaan sebab saya dimaklumkan ada dua, beberapa cadangan di peringkat sebelum ini yang tengah dikaji antaranya Enakmen rumah tumpangan yang cadangkan supaya ada cukai pelancongan, yang mana kita akan dapat cukai daripada orang yang menginap di hotel-hotel kita. Cuma masalahnya cadangan ini hanya setakat cadangan. Kajian ini hanya setakat kajian. Sekarang ini kita nak supaya kajian ini kena dijelmakan segera dan menjadi satu bentuk pelaksanaan untuk mengukuhkan lagi hasil Kerajaan. Saya juga mohon kepada Kerajaan Negeri agar buat satu polisi yang mesra pada pelabur, saya nak ambil contoh sikit sahaja Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau kita ada satu pelaburan swasta nak buat perumahan di DUN Sura dia memerlukan masa lebih kurang lima tahun untuk dapat kelulusan. Jadi ini menyebabkan pelabur kadang-kadang tidak mesra kepada kita dan tidak berhasrat untuk mari melabur di tempat kita nanti. Sebab itulah waktu pun dah pukul satu sukalah Sura menamatkan perbincangan pada tengah hari ini dan akhirnya Sura mohon mencadang Belanjawan 2024.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Sura, Yang Berhormat Sura beruntung dah hari ini. Dua kali dah berucap tak apa terima kasih semua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua jabatan, para pemerhati saya tangguhkan sementara Dewan ini dan sambung semula pada pukul 2.30, kita tangguhkan dengan Surah Al Asr dan Tasbih Kaffarah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.01 PETANG

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para pemerhati

sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Perbahasan Enakmen Perbekalan 2024 diteruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan dan membahaskan bajet yang telah dibentangkan. Sila, Hulu Terengganu. Sila, Telemung, minta maaf. Wakil Telemung dipersilakan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Yang dihormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan sidang hadirin sekalian. *Alhamdulillah* syukur kita kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* kerana pada hari ini kita diberi peluang hadir dalam Sidang Dewan ini untuk membentangkan Bajet, untuk membahaskan Bajet Negeri Terengganu kali ini. Jadi mula-mulanya saya telah *wat* pantun, ingat *nak* mulakan pantun, saya ingatkan Dato' Yang di-Pertua yang pengerusikan Sidang, tapi Timbalan Yang di-Pertua, jadi batallah pantun ni *ork*. Lain, *tune* lain *doh*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Dakpe-dakpe*, teruskan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet Belanjawan Negeri Terengganu pada tahun hadapan. Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan satu Bajet yang saya rasa hebat, hebat jugaklah *ya*, untuk Negeri Terengganu ini, setelah sebelum ini Bajet yang kita buat sebelum-sebelum ini telah pun berjaya menunaikan semua janji-janji ataupun Manifesto pilihan raya yang lalu dan kali ini kita fokus kepada Bajet yang bertemakan Meneraju Era Baharu Terengganu, dengan tiga fokus utama iaitu Memperkukuhkan Keberkesanan Kerajaan. Yang kedua, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan. Yang ketiga, Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Di semua lapisan masyarakat perlu berperanan untuk mencapai tujuan Bajet kita ini. Meskipun kalau kita lihat jumlah Bajet ini agak berkurang sedikit berbanding dengan tahun lepas, namun ia saya rasakan sudah memadai untuk kita

memastikan kita Negeri Terengganu ini akan menjadi sebuah negara maju pada satu hari nanti. *Insyah-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya berdiri pada hari ini *tak nak* ulas panjanglah pasal Bajet ini, kerana kita biarkanlah rakan-rakan kita yang lain untuk kita bahaskan. Saya ke sini mewakili rakyat DUN Telemung, bukan DUN Hulu Terengganu, Timbalan Yang di-Pertua, DUN Telemung, di mana saya hari ini ingin menyuarakan beberapa perkara yang disuarakan oleh rakyat saya, di mana sebelum ini sebagaimana yang kita tahu kawasan saya *ni* kawasan yang daripada dulu sampai ke sebelum ini EXCO *sokmo*, kawasan EXCO *sokmo*, jadi EXCO berpeluangleh untuk membahaskan bajet-bajet ini. Jadi inilah saya kali pertama mungkin, sebagai Wakil Telemung yang *tak* jadi EXCO *ni* untuk saya bawa suara, suara dari rakyat Telemung, kerana kita ketahui Telemung ini, kami ini, Timbalan Yang di-Pertua kami ini kawasan pedalaman. Kami kawasan kampung, kami kawasan hulu, kami kawasan luar bandar. Jadi mungkin dari segi pembangunan ke, dari segi apa-apa yang berkaitan dengan kemajuan. Mungkin kita agak... orang *miss* pandang, dengan izin, mungkin bagi sesetengah kita dapati bahawa kita terlihat di Telemung *ni napok* orang kurang pandai sangat berbanding dengan kawasan-kawasan bandar.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Tapi beza *tu*. YB sebut kawasan DUN Telemung *ni* sebelum *ni* EXCO sokmo. Sepatutnya bila YB *gi* kawasan *tu* takdok masalah sebab sebelum *ni* EXCO peruntukan lebih.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Tu* saya nak *kabo ni*. Saya nak *kabo ni* apa yang berlaku di kawasan EXCO *ni*. Kawasan dulu EXCO yang kita kata di Telemung sejak dari tahun 1974 seingat saya, sampai ke tahun 2018, EXCO *sokmo*, *ork?* EXCO *sokmo*. Jadi, maknanya kita kata selama berbelas tahun, hampir 40 tahun, lebih, apa yang terjadi di kawasan Telemung ini. Pertama saya *nak* nyatakan di sini, perkara-perkara yang utamanya hari ini yang saya nak nyatakan di sini ialah berkaitan dengan banjir. Banjir ini memang semacam, kata orang semacam kewajipanlah, di Telemung ini kewajipan, tiap-tiap tahun banjir. Mari akhir tahun, musim tengkujuh, musim hujan lebat *ni*, banjir. Tapi *alhamdulillah* tahun ini *tak* banjir lagi. Kita harap *dok* banjirlah. *Insyah-Allah*, atas keberkatan Kerajaan kita hari ini, harap *dok* banjir kerana kali pertama Telemung ini, parti PAS menang. Daripada 60 tahun lebih merdeka, merdeka *dok* menang lagi. Cikgu Awi boleh menang. *Guana* Awi? Bisa *ork?* Boleh menang. Jadi kena beri perhatian *lah*.

Dok? Kalau tidak, susah *gok*, *wi lebih kurang kan*, kalah pulok lepas ini. *Dok?* Jadi kita haraplah. Berkaitan dengan banjir, saya tak nak terang banyak hal banjir ini. Banjir *ni* tadi saya dah kemukakan soalan, banjir ini adalah kerana kawasan saya ini zon rendah. Kawasan rendah, memanglah. Tapi kalau boleh Kerajaan fikirkan, apa yang kita sebut tadi, fikirkan kaedah bagaimana kita nak mendalamkan sungai, mendalamkan sungai supaya bila dalam sungai, risiko banjir akan berkurangan. Banjir jugak, tapi tak besar sangatlah, sebab banjir *ni* banyak yang rugi. Banyak yang rugi, rakyat rugi, macam-macam.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada permohonan untuk ambil pasir *dok ni?* *Dokkan* Kerajaan *nok gi* ambil pasir sungai *dok* tahu *nok wak gi* mana.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Sungai ini bukan pasir sahaja, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Benda lain banyak *gok*, bukan pasir sahaja. Jadi saya haraplah, saya berharap agar kerugian-kerugian yang dialami oleh Kerajaan, Kerajaan rugi jugak, banyak Kerajaan rugi, bagi makan, bagi tempat-tempat pindahan, buat kemudahan rosak, banjir *ni*, rakyat rugi, harta benda. Gajah satu hal *dah*, kita rugi. *Dok* habis lagi hal *gajah ni*. Jadi kita haraplah, kalau di sebelah pantai *tu* kita buat dengan Kerajaan buat, tebatan pantai *dok*. Saya tengok, saya minta soalan, nampak ada tulis situ, hampir RM1 bilion Kerajaan belanjakan untuk tebatan laut, RM1 bilion, banyak *tu*. Kita *takmboh* banyak, Hulu Terengganu *takmboh* banyak, sebab kita Hulu Terengganu *takdok* pantai, Pantai Ali *adalah*, *tak dok* pantai, jadi kita sungai kita ada. Kalau boleh Kerajaan *tengoklah*, bersama JPS, kita tengok usaha mendalamkan sungai kerana boleh mengurangkan risiko banjir. *Insyallah*.

Yang kedua yang saya nak sebut di sini ialah berkenaan dengan Tasik Kenyir. *Takdok* masa *doh tu*. Enam minit lagi. Tasik Kenyir ini satu perkara yang saya haraplah Kerajaan tengok juga dari segi unjuran pelancongan, pelancong yang datang ke Kenyir dulu saya ingat paling klimaks *tahun berapa dok ingat* lebih kurang 600,000 orang datang. Hari ini saya ingat data yang terbaru *ni*, baru 200,000 paling ramai. *Hokni* ada masalah ada sebab berlaku pengurangan. Begitu juga di Sekayu, di Taman Sekayu itu, di Taman Pertanian Sekayu *tu*, saya ada buat data unjuran dia, tengok paling ramai dulu 120,000 orang tapi hari ini 10,000 *je* pengurangan banyak. Jadi kita haraplah Kenyir, kita korban banyak, kita rakyat Hulu Terengganu berkorban banyak harta,

dengan kampung kena pindah, dengan kerugian dari segi flora faunanya, dengan kerugian mungkin galian banyak mungkin sebab saya difahamkan di Telemung ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita di Telemung ni sebenarnya tu duduk di Telemung tu duduk atas pitih atas duit katanya. Jadi kita haraplah, kita harap Kerajaan tengok jugalah supaya ada usaha sesuatu dibuat oleh Telemung dan Telemung ni telah banyak berkorban, kedua korban tanah, Kenyir tu lebih kurang 38,000 hektar. Kemudian tanah *pulok* yang berkaitan dengan Kenyir 177,000 hektar lebih kurang dalam 200,000 hektar lebih kita korban, kalau daratan *ni* Hulu Terengganu campur dengan Marang campur Kuala Terengganu baru tanah kita korban untuk Kenyir sahaja. Jadi kita haraplah TNB terutamanya, TNB kita dapat hasil banyak, untung banyak, kita harap TNB saya akan ulang acap kali sebab TNB tak menampakkan lagi usaha untuk membangunkan Telemung khususnya. Sebab kalau tengok PETRONAS, PETRONAS buat bandar di Kerteh, di Kemaman, di Bintulu PETRONAS buat, apa salahnya di Hulu Terengganu TNB juga buat *se* bandar, bandar TNB ada kemudahan, perniagaan, perumahan, buat universiti UNITEN ke, bagi nak *topup* kepada bandar tu, apa salahnya bukan banyak pun, *dok*? Untung banyakkann *beri ar sikit* kepada rakyat *hok duk* Telemung khususnya. Jadi saya ringkaskan ucapan saya ini berkaitan dengan Taman Pertanian Sekayu, yang saya sebut tadi. Saya tengok baru *ni*, Allah sedih tengok yang dibina tahun 1982 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri pada masa itu, Dato' Seri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang rasmi, kemudian hari *ni* adik kakak sekalian jadilah angka daripada 120,000 orang boleh datang sini sekarang tinggal 10,000 orang *je*, hancur. Minta maafahh minta Jabatan Pertanian tengoklah, Taman Pertanian Sekayu ini kerana hari ini saya tengok *tak dok* apa yang bagusnya, nak tunjuk gambar, gambar kecil sangat ini, nak tunjuk gambar dewan makan hancur, asrama hancur, gelongsor air dan kolam renang hancur, rumah fertigasi dan rumah pembenihan ikan hancur, taman rekreasi hancur, ni tengok sedih tengok dengan rumputnya semak samun, dengan panjang mendaung, jadi sedih tengok, jadi kena tengoklah supaya ada pembelaan kerana ini kerana sebahagiannya dalam ucapan Bajet yang MB umum semalam, jadi *hok* perkara 10 muka surat 11 *tu* disebut bahawa industri pertanian perlu diperkasakan dengan kepelbagaian produk, ketersediaan kemudahan dan bermacam-macam sumber jayanya untuk menarik pelancong. Saya sebut tadi, Timbalan Yang di-Pertua sebut tadi, 10 juta orang akan hadir ke Terengganu pada tahun baru ini, *dah* hadir ke Terengganu, kita bukan makin ramai tapi makin kurang, jadi kerana pelancong datang sekurangnya memberi impak kepada rakyat di bawah sana orang berniaga boleh, penginapan dapat, pengangkutan dapat dan

sebagainya. Jadi itulah harapan Hulu Terengganu hari ini sebab kita *nok hok* lain *tak dok doh*, pelancongan *je* antara ada peluang yang kita boleh membantu rakyat di bawah sana untuk meneruskan kehidupan mereka untuk mencari sebahagian daripada hasil pendapatan mereka. Jadi itulah antara yang saya nak sebut di sini, kita haraplah Taman Pertanian Sekayu dan Air Terjun Sekayu, lupa sebut tadi Air Terjun Sekayu pun juga kita perlu lihat kerana dulu Air Terjun Sekayu menjadi idola ramai orang datang tapi *lening* 10 orang sehari *mujur*, *tak dok* orang datang ini kerana faktor-faktor alam.

Akhirnya, saya nak sebut di sini ialah berkaitan dengan capaian internet di kawasan kita Hulu Telemung ni, masih banyak kawasan yang kata orang yang masih belum dapatan capaian internet yang baik *doh duk duk* main *gini ye* main *gane ye* main musing-musing internet jadi dapat dok dapat. Jadi kita haraplah supaya sebab hari ini internet satu antara kemudahan yang sangat penting bagi rakyatlah jadi saya rasa saya banyak lagi nak sebut ini tapi kerana masa tidak mengizinkan jadi saya rasa itulah antara perkara yang saya ingin sebut di sini dan kita haraplah pihak Kerajaan boleh melihat balik apa yang perlu dibantu pada Telemung ini. Kena tengoklah dalam buku *ni* pun saya tengok tadi, cari-cari dalam buku Bajet *dok jupe* Telemung, *dok jupe* perkataan Telemung makna *tak dok* jadi kita haraplah biar ada *lah* perkataan DUN Telemung *tu* ada dalam buku Bajet *ni* supaya rakyat di bawah saya kerana akan beri kepercayaan kita undi PAS kali ini pun ada juga boleh faedah jangan macam UMNO *tu, dok?* Tinggal perumahan sakit di Kuala Ping, tinggal kebetulan saya ambik Telemung sakit *belaka*. Sekayu sakit, Kuala Ping sakit, Kenyir *nung* RM500 juta habis, setengah bilion habis *nung* apa nak jadi *nung* Pulau Bayas *nung* UMNO punya kerja *ni* RM500 juta

YANG BERHORMAT HAJI HANIFAH BIN MAT (Wakil Cukai): UMNO pun sakit cikgu.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): jadi banyak. Jadi saya rasa itu sahaja minta maaf banyak, terima kasih banyak dan saya mohon menyokong Bajet yang kali ini, sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Telemung kerana telah menepati masa. Saya menjemput mana-mana Ahli Yang

Berhormat yang nak meneruskan perbahasan, sila Wakil Batu Rakit. 15 minit ya.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ وَبِفَضْلِهِ تَنْزِلُ الْبَرَكَةُ
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO-EXCO, Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil Jabatan dan seluruh pemerhati muslimin dan muslimat yang saya kasihi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan perbahasan ini dengan membaca sepotong ayat al-Quranul Karim.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ
 خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia) dan Kami telah berikan kepada mereka menggunakan pelbagai kenderaan di daratan dan di lautan, dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka daripada sumber yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna ke atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan".

Ayat ini menunjukkan betapa agungnya Allah *Subhanahu Wa Taala* yang memuliakan dan memberi kelebihan yang sempurna kepada hamba-Nya yang bernama manusia ini sehingga Dia Allah menundukkan apa-apa sahaja di yang ada di bumi dan di lautan untuk kepentingan manusia sehingga manusia mampu melakukan apa sahaja yang dia mahu melalui akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*. Maka saya mengajak semua supaya bersyukur di atas anugerahnya ini dengan bersikap amanah terhadap pemberiannya ini. *Insyaa-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu telah menunjukkan contoh yang terbaik kepada masyarakat, bahkan kepada negara

sepanjang tempoh pemerintahan lima tahun yang lalu dengan melaksanakan semua janji manifesto secara adil tidak mengira warna kulit dan bentuk bendera. Selama satu penggal, kita terus menerus mengajak rakyat supaya kembali kepada ajaran Islam yang sempurna yang melengkapikan seluruh kehidupan sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Taala*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً

"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam secara keseluruhannya."

Alhamdulillah sekarang kita sedang menikmati nikmat Islam ini bukan sahaja dalam ibadat, bahkan dalam pentadbiran Kerajaan. Kita telah meletakkan asas dosa dan pahala di hadapan dengan moto kita "Maju, Berkat dan Sejahtera". *Alhamdulillah* dan tahniah kepada pegawai-pegawai serta penjawat-penjawat awam yang bekerja dan seluruh rakyat yang mengundi Parti Islam Semalaysia (PAS).

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan ucapan saya, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, APM dan Jabatan Laut yang kelmarin sanggup meredah ombak besar untuk menyampaikan bantuan pengkalan hadapan kepada penduduk Pulau Redang DUN Batu Rakit. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Batu Rakit juga menyokong penuh Usul yang dibawa oleh ADUN Sura tadi. Sebenarnya adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam membantu sahabat-sahabat kita yang sedang dizalimi di Palestin sehingga mengorbankan belasan ribu syahid. *Alhamdulillah* menariknya peristiwa ini berlaku dan menyebabkan ia membuka mata seluruh masyarakat dunia bahawa Yahudi Zionis ini adalah organisasi jahat dan zalim. Tidak berperikemanusiaan yang perlu diambil tindakan tegas ke atas mereka walaupun kerajaan-kerajaan dalam dunia ini tidak bersama dengan rakyat mereka, dalam masa yang sama kumpulan pejuang di Palestin adalah kumpulan yang benar yang menuntut hak tanah air mereka. Bukanlah mereka ini *terrorist*. Dan sebenarnya mereka ini adalah kumpulan bagaimana yang disebut oleh Rasulullah ﷺ,

لا تزال طائفة من أمتي على الدين ظاهرين لعدوهم قاهرين لا يضرهم من خالفهم حتى يأتيهم أمر الله وهم كذلك قالوا يا رسول الله وأين هم قال ببیت المقدس وأكناف بیت المقدس
(مسند أحمد بن حنبل)

"Masih ada kalangan umatku kumpulan yang tegak bersama kebenaran, berani menzahirkan diri terhadap musuh dengan gagah perkasa tidak boleh dikalahkan oleh sesiapa yang menentang atau yang mengecewakan mereka, mereka terus menerus berjuang sehingga datangnya keputusan Allah dalam keadaan mereka terus bersama dengan perjuangan Islam. Lalu para sahabat bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Sabda Rasulullah ﷺ. Mereka itu ialah yang berada di Baitul-Maqdis dan yang dikelilingi di Baitul-Maqdis"

Seterusnya saya mulakan dengan perbahasan ini untuk menyentuh sektor pertanian. Saya ingin mendengar sedikit pandangan Kerajaan Negeri berkenaan dengan peningkatan harga benih padi yang sangat tinggi harganya. Apakah sebab ia berlaku dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap isu ini. Saya harapkan supaya Kerajaan boleh jawab selepas ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya merujuk kepada buku ringkasan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar perkara 93 berkenaan dengan Biasiswa Skim Pelajar Cemerlang. Saya mencadangkan supaya dimasukkan juga anugerah kecemerlangan untuk Sijil UPSRi, Sekolah Rendah Agama Rakyat dan Sijil Syahadah Tsanawiyah Sekolah Menengah Agama Rakyat serta biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana saya berpandangan mereka ini sebenarnya adalah aset yang sangat bernilai untuk Kerajaan Negeri. Bahkan pelajar-pelajar ini sebagai pelapis kepimpinan Kerajaan untuk masa yang akan datang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, merujuk perkara 29 ringkasan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat berkenaan dengan selenggara kemudahan sukan. Saya ada beberapa cadangan. Fasiliti sukan dalam DUN Batu Rakit supaya dimasukkan juga dalam *list* yang perlu diselenggara, antaranya Padang Futsal di Kampung Padang Kemunting, Padang Futsal di Kampung Gong Sekolah dan Padang Futsal di Kampung Wakaf Cagak.

Merujuk kepada perkara 34, CSR pertanian dan perikanan. Saya ingin mencadangkan bantuan-bantuan kebajikan seperti ini dilibatkan juga secara langsung dengan Pusat Khidmat Masyarakat ADUN supaya ia dalam perhatian dan makluman ADUN dan JPKK setempat. Seterusnya perkara yang ke 48, membangunkan kawasan industri. Untuk makluman Dewan semua, Batu Rakit

mempunyai 178 hektar tanah industri di Kampung Mengabang Panjang sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan sesi lepas dalam Dewan yang mulia ini. Antara tanah industri yang belum lagi dibangunkan, maka saya mencadangkan supaya ianya juga berada dalam senarai perlu dibangunkan segera dan sebagai *pilot* projeklah. Saya berpandangan untuk perkara ini, saya cadangkan di sana ada kilang *sawmill* atau kilang kayu yang berada di Kampung Mengabang Telong yang sekarang ini berhadapan dengan aduan pencemaran habuk perlu dialihkan. Jadi saya cadangkan alihkan ke tanah industri yang telah kita sediakan di Kampung Mengabang Panjang ini.

Seterusnya merujuk kepada perkara 66 berkenaan dengan menaik taraf masjid. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebenarnya agak lama penduduk Kampung Maras inginkan masjid baru. Setelah masjid lama sekarang hampir runtuh kerana dimakan anai-anai. Dan dimaklumkan Kerajaan sebelum ini telah meluluskan bajet untuk bangunan masjid ini. Tetapi *wallahu a'lam* sehingga kini masih belum dilaksanakan oleh Kerajaan UMNO dulu. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya sendiri sudah mengambil tindakan bersama Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyediakan tapak baru masjid ini. Sekarang *alhamdulillah* lot tanah yang untuk tapak masjid ini sudah diluluskan. Jadi saya mohon pihak Kerajaan Negeri luluskan peruntukan untuk pembinaan Masjid Kampung Maras ini. Seterusnya perkara 111 berkenaan dengan naik taraf fasiliti Kerajaan. Saya cadangkan supaya fasiliti di bawah Pejabat Daerah yang wujud di kampung-kampung juga perlu dinaik taraf termasuk dewan-dewan sivik dan dewan balai raya JPKK. Di Batu Rakit ada satu balai raya dan satu dewan sivik yang perlu dinaik taraf iaitu balai raya Gong Sekolah dan..

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Tiga minit lagi ye.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): dan Dewan Sivik Batu Rakit.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Tiga minit lagi Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Ye *insya-Allah*, saya rasa *sedang molek kot*. Sebenarnya sudah menjadi keperluan di kampung-kampung, adanya pusat pentadbiran sendiri seperti balai raya atau dewan serba guna. Saya lihat masih banyak lagi JPKK yang tiada balai raya

dan ada yang sudah ada tetapi dimiliki oleh parti UMNO, dijadikan sebagai markasnya kerana tanahnya adalah milik persendirian dan ada yang diguna pakai oleh tadika dan sebagainya. Jadi, di sini bukan saya nak minta supaya halau pelajar tadika itu, tidak. Saya minta, saya mohon pihak Kerajaan ambil perhatian secara menyeluruh atas perkara ini. Biar selesaikan masalah yang berlaku di peringkat JPKK.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon Kerajaan Negeri dan juga JPS Negeri memberi perhatian penuh terhadap projek *breakwater* yang sedang dalam progres di persisiran pantai Telipot, Batu Rakit supaya ia berjalan lancar walaupun ia di bawah Kerajaan *Federal* kerana saya bimbang berlaku sebagaimana sebelum ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak lebih RM6 juta untuk projek *Beach Nourishment*, tambatan pasir di Pangkalan Maras tapi pasirnya hilang begitu sahaja dibawa arus ombak walaupun dikatakan telah dibuat kajian sebelum dilaksanakan projek itu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, inilah sahaja ucapan dan permohonan daripada Batu Rakit. Akhir sekali saya menyokong penuh Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga menyokong penuh cadangan Wakil Seberang Takir tadi, Timbalan Yang di-Pertua.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Kalau sebut awal sokong, Batu Rakit mungkin saya tambah lima minit lagi. Ni kabo hujung *doh*. Ada mana-mana Wakil lagi yang nak berucap, dipersilakan. Wakil Rantau Abang, sila.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ.
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang

Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dirahmati oleh Allah *Taala* sekalian, saya mulakan ucapan perbahasan saya pada hari ini dengan firman Allah *Subhanahu Wa Taala*:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَائِبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ
 • ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعُ شِدَادٍ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا نُحْصِنُونَ

"Berkata Nabi Yusuf agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun berturut-turut sebagaimana biasa kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian setelah itu akan datang tujuh tahun yang sangat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan".

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

(Surah Yusuf Ayat 47-48)

Alhamdulillah, pertama saya memanjatkan setinggi-tinggi ucapan syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* yang telah memberi peluang dan ruang untuk kita bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini, untuk berbincang dan berbahas demi menjaga kepentingan agama, rakyat dan Negeri Terengganu yang tercinta ini. Semalam, kita telah mengikuti secara keseluruhan Ucapan Pembentangan Bajet bagi tahun 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bajet yang bertemakan "Meneraju Era Baharu Terengganu". Dalam menghadapi cabaran pentadbiran semasa, kita melihat Kerajaan Negeri dalam Bajet semalam telah membentangkan idea-idea baharu yang pada hemat saya sungguh bersemangat dan terus maju ke hadapan dengan tiga fokus iaitu Memperkukuhkan Keberkesanan Kerajaan, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan dan Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Berdasarkan laporan keadaan semasa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga, kita dapat melihat cabaran dan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri sehingga hari ini. Cabaran akan sentiasa ada dan mudah-mudahan ianya menjadi *asbab* kepada kekuatan Kerajaan Negeri Terengganu di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyentuh secara khusus di dalam fokus yang pertama, Memperkukuh Keberkesanan Kerajaan iaitu berkenaan peranan yang boleh dimainkan oleh DUN Belia dan Akademi Al-Fateh. Keterbukaan pihak Kerajaan Negeri dalam menggilap anak-

anak muda sebagai pelapis di masa hadapan adalah satu usaha yang tepat menghadapi ujian kepimpinan di masa ini dan menjadi pemimpin di kala ini adalah suatu ujian yang amat dahsyat. Dunia di hujung jari dan pembunuhan jiwa boleh berlaku tanpa belas kasihan. Bahana dunia tanpa sempadan memerlukan pembinaan jiwa insan yang kental, mahir dalam kepimpinan, bijak dalam pengurusan dan pendidikan serta berpandangan jauh dalam pembangunan politik. Sebagai seorang anak muda, saya melihat ianya satu langkah ke hadapan yang diambil secara serius oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membina tokoh-tokoh baharu untuk ditawarkan kepada rakyat di Negeri ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di dalam fokus yang kedua, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan, saya mengira ada 27 inisiatif pihak Kerajaan Negeri dalam mempelbagaikan sumber kekayaan ini. Di antara perkara yang menarik perhatian ialah berkenaan tanah-tanah rezab yang terbiar yang bakal dioptimumkan penggunaannya menerusi pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, padang ragut dan Zon Industri Akuakultur. Saya percaya, sekiranya tanah-tanah ini dimajukan dan dibangunkan maka ia akan memberi peluang ekonomi kepada DUN-DUN di Negeri ini. Kita telah melihat kejayaan demi kejayaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri dalam membina amalan pertanian baik atau dengan izin *good agricultural practices gap*. Terengganu telah menyerlahkan keupayaan dalam memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan. Sebagai contoh kutipan dari *sinarharian.com.my.*, Terengganu menyenegeri pertama keluar beras ada sijil MyGAP bertarikh 7 September 2023. Tahniah kepada Yang Berhormat EXCO. Kita berharap agar inisiatif ini dapat diperluaskan kepada DUN-DUN yang ada di negeri ini mengikut kesesuaian dan peranannya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, fokus yang ketiga menyejahterakan kehidupan rakyat. Terdapat 20 tindakan yang telah diambil dan bakal diperkasakan di dalam Bajet 2024. Saya mengira dengan kemenangan total pada PRU ke-15 yang lalu dan *insya-Allah* kemenangan juga untuk PRK Kemaman nanti saya mengira rakyat Negeri Terengganu telah memberi signal yang jelas kepada Kerajaan Negeri untuk menjadikan Islam sebagai gaya hidup. Inisiatif untuk mengangkat masjid menjadi pusat ilmu dan aktiviti masyarakat akan menambahkan lagi kefungsiannya rumah Allah *Subhanahu Wa Taala* ini.

Bahkan inilah yang dituntut dalam agama sepertimana yang dikandung dalam sirah-sirah Islam. Di masjid ini kita dapat lihat beberapa masjid di negara kita ini sudah menjadi pusat tumpuan masyarakat. Solat berjemaahnya hebat, aktiviti banyak dan kebajikannya juga mantap. Antara yang terkenal boleh disebutkan seperti Masjid Al-Bukhro di Merbok, Kedah dan Masjid Temerloh Jaya, saya percaya kita juga mampu untuk menggembleng kekuatan bagi mengangkat martabat masjid dengan memperhebatkan program-program dan aktiviti-aktiviti masyarakat di rumah Allah *Subhanahu Wa Taala* ini. Perhatian yang serius mungkin boleh dicadangkan kepada masjid-masjid yang berada di laluan musafir.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya yakin dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam Belanjawan kali ini mampu memberi impak yang positif kepada khalayak ramai terhadap tiga fokus yang disebutkan tadi iaitu Memperkukuhkan Keberkesanan Kerajaan, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan, dan Menyejahterakan Kehidupan Rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya kira inilah sahaja ucapan yang boleh saya sampaikan sebagai ucapan perbahasan yang menyokong Bajet 2024 ini. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu di atas inisiatif yang ditawarkan melalui Bajet 2024. Saya kira Bajet 2024 ini benar-benar menepati apa yang dimahukan oleh rakyat Negeri Terengganu dan saya berdoa agar Allah *Subhanahu Wa Taala* mengurniakan Negeri Terengganu ini sebagai negeri yang terus Maju, Berkat dan Sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Wakil Rantau Abang mohon menyokong.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Rantau Abang. Terima kasih kerana mengambil masa yang kurang daripada yang ditentukan dan ini akan memungkinkan untuk kita memberi ruang yang lebih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang nak berbahas. Saya bercadang untuk petang ini kita habiskan lima orang lagi pembahas dan yang selebihnya kita sambung pagi esok. Jadi saya buka kepada mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak membahas sila bangun. Terima kasih. Wakil Bukit Besi sila.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

أعوذ بالله السميع العليم أعوذ بالله من الشيطان الرجيم
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, pemerhati, rakan media dan semua yang hadir pada sidang Dewan sekalian. *Alhamdulillah* pertama di Dewan yang serba indah ini saya ingin melahirkan perasaan syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* atas kurniaNya mengizinkan saya berada dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Pertama bagi mendengar dan membahaskan ucapan Belanjawan 2024. Tahniah dan syabas atas ucapan Belanjawan yang didengar semalam yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, dengan tajuk "Meneraju Era Baharu Terengganu" bagi membina masa depan Negeri Terengganu yang kita cintai.

Alhamdulillah setelah kita memerhatikan Buku Dewan yang tebal ini dengan tiga fokus utama, 10 sasaran strategi dan 116 inisiatif yang ditawarkan dalam Buku Belanjawan yang telah dibentangkan semalam. *Alhamdulillah* dalam penelitian yang kita dapati di buku yang dibentang kepada kita dalam sehari yang lepas. *Alhamdulillah* beberapa pemerhatian khusus kita padatkan dalam perbincangan kita yang mana kita perhatikan tiga fokus utama digariskan dalam belanjawan lepas iaitu Memperkukuhkan Keberkesanan Kerajaan, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan dan Menyejahterakan Rakyat.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran negeri, kadar pengangguran peringkat nasional sebanyak 4.7% dan tahniah kepada Negeri Terengganu yang menyasar dengan sasaran 3.3% berjaya menggunakan, guna tenaga penuh namun begitu dianggarkan lebih kurang 16,000 rakyat kita yang masih lagi menganggur. Justeru Kerajaan perlu berusaha membuka peluang dan penempatan pekerjaan yang baharu kepada rakyat demi menambah baik infrastruktur dan logistik kawasan-kawasan perindustrian serta menerokai dan mengeksplorasi kelebihan-kelebihan di kawasan yang berorientasikan eksport dan domestik.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan serta Yang Berhormat sekalian sepertimana yang saya pernah sebut dalam Mesyuarat Penggal Pertama yang lepas adalah penting bagi Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menambah kawasan industri di Terengganu agar pertumbuhan ekonomi kita semakin rancak, kebergantungan kita pada hasil minyak dapat dikurangkan pada masa yang akan datang. Kita perlu *mengupgradekan* lagi kawasan industri Batu 5 di Paka. Kita juga kena memastikan kawasan industri MGS sekarang ini dalam keadaan lebih *sunset industry*. Kalau kita perhatikan perlu kita gembelngkan balik kita kena upgradekan balik kawasan industri yang saya sebutkan tadi, *alhamdulillah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Suka saya menyatakan bahawa KDNK Terengganu sebahagian besarnya masih lagi bergantung kepada industri minyak dan gas anggaran hasil kita pada 2023 sebanyak RM1.8 billion dan daripada jumlah tersebut 80% melebihi 80% anggaran hasil Kerajaan Negeri Terengganu diperolehi daripada royalti petroleum iaitu sebanyak RM1.525 bilion. Malahan kebergantungan Kerajaan Negeri terhadap hasil minyak ini bukanlah perkara yang baru kalau kita perhatikan tahun 2013 hasil Terengganu lebih besar daripada hasil negeri Selangor iaitu sebanyak RM2.78 billion berbanding Selangor iaitu ketika itu adalah RM2.1 billion sahaja. Pendapatan besar Terengganu pada tahun 2013 jika dilihat 80% adalah hasil daripada royalti petroleum. Kebergantungan kepada hasil minyak sebanyak 80% ini adalah sesuatu perkara yang merisaukan kita dan mampu memberi kesan buruk dalam tempoh jangka masa panjang. Nauzubillah semoga Allah *Subhanahu Wa Taala* jauhi kita daripada hal ini. Bayangkan Yang di-Pertua jika hasil bayaran royalti petroleum tidak kita tidak dibuat kelak kita akan mengalami keadaan yang defisit RM1 billion setahun.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, fokus kedua dalam mempelbagaikan sumber kekayaan perlu diambil kira bagi menjamin kestabilan kedudukan kewangan negeri dengan memastikan bahawa pelaksanaan yang dibuat tidak membebankan rakyat dan adil kepada semua. Daerah Dungun dan Kemaman merupakan dua kawasan di dalam negeri ini yang berpotensi mempunyai isu sumber mineral emas selepas posisinya berada di jalur emas yang keempat dan ini diakui oleh Presiden Institusi Geologi Malaysia, Abdul Rasyid Jaafar yang menjelaskan terperinci adalah di Bukit Besi dan Cheneh.

Oleh itu, pembangunan industri mineral memerlukan satu anjakan agar kita tidak hanya menumpukan kepada proses pengasetkan bahan mentah semata-mata dasar dan polisi komprehensif berkaitan mineral negeri perlu diperkemas dan sesuaikan dengan potensi ekonomi dan kelestarian alam sekitar semasa. Integrasi pemegang taruh dan pakar-pakar berkaitan dengan agensi-agensi pusat dan negeri, industri, pengajian tinggi dan penyelidikan, pertubuhan akademik perlu diperhebat serta dikongsi dengan umum dan kita juga Kerajaan Negeri dicadangkan agar menubuhkan akademi bagi memainkan peranan dalam industri mineral, perlombongan dan galian seperti adanya Akademi Sains Malaysia (ASM). Hal ini membolehkan orang awam dan pertubuhan profesional berkaitan memahami aspirasi hala tuju serta berpeluang menyuarakan pandangan berkaitan industri mineral negara, perlombongan dan galian dengan lebih berkesan. Kajian ini membolehkan sesuatu isu berkaitan diselesaikan dengan mengambil kira potensi ekonomi dan kelestarian alam secara bersama.

Kesemua dasar dan polisi yang dirancang ini dilaksana perlu disokong dengan aspek pemantauan, perundangan dan tadbir urus berkesan dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Manakala alam dan manusia tidak dapat dipisahkan kewujudan dan saling berkaitan antara satu sama lain. Mineral hadir daripada aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Al-Quran secara jelas memperikan kepentingan mineral dan manusia sebagaimana dalam Surah Al-Hadid yang bermaksud;

"Sesungguhnya kami telah mengutus rasul-rasul kami dengan memberi bukti-bukti yang nyata dan kami telah turunkan bersama mereka Al-Kitab dan neraca supaya manusia dapat melaksanakan keadilan dan kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manafaat kepada manusia supaya mereka mempergunakan besi itu dan supaya Allah mengetahui dan sesiapa menurut agamanya dan rasulnya padahal Allah tidak melihatnya. Sesungguhnya Allah maha kuat lagi maha perkasa.

Al-Hadid ayat ke 25.

Maka benarlah tanpa industri sumber mineral, ketamadunan dan kehidupan harian manusia seperti yang ada hari ini mungkin akan terkesan secara menyeluruh. Oleh yang demikian, sama-samalah kita menghargai nikmat kemakmuran kita pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, program melalui CSR Tani yang dibentangkan semalam dan juga termasuk CSR Ternakan, CSR Perikanan perlu diteruskan agar rakyat dapat meneruskan aktiviti harian bagi menyara kehidupan mereka dengan lebih sempurna. Biarlah kita menyediakan joran kepada mereka. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan penternakan baka ayam kepada penternak untuk dibela supaya mampu memberi nilai tambah pada kegiatan komersial dengan menyediakan di rumah masing-masing. Ayam dan telur sama seperti daging dan seumpamanya bagi menampung pasaran permintaan makanan yang berasaskan protein tersebut.

Bantuan input pertanian dan peralatan untuk pertanian, bantuan pemuliharaan hasil pertanian, bantuan pembenihan dan perikanan serta bantuan pemuliharaan ternakan haruslah diambil kira oleh Kerajaan Negeri dan sebahagian kita maklum antara DUN Bukit Besi merupakan kawasan perindustrian yang agak luas dan memerlukan bantuan mula daripada pertanian itu sendiri. Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, Kerajaan perlu terus berusaha untuk memberi pelbagai inisiatif kebajikan kepada rakyat walaupun kita diuji dengan tekanan dan cabaran luar *insya-Allah* dengan kebajikan yang kita lakukan akan dibalas ganjaran di sisi Allah *Subhanahu Wa Taala insya-Allah*. Sebagaimana ayat yang tertera pada Buku Belanjawan semalam.

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۚ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barangsiapa yang bertapa kepada Allah nescaya dia akan mengadakan baginya jalan keluar dan memberikan rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka.

Dalam ayat ini diterangkan bahawa Allah *Subhanahu Wa Taala* akan menghilangkan bahaya dan memberikan jalan keluar bagi orang-orang yang bertaqwa padaNya.

Akhir daripada saya ada sepantun, *insya-Allah*

Bunga kemboja di atas para,
Baunya wangi tidak terkira,
Jari disusun maaf dipinta,
Andai terkasar tersilap bicara.

Dengan ini Bukit Besi menyokong Pembentangan Belanjawan 2024 dalam menerajui "Era Baharu Negeri Terengganu".

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Dewan bercadang untuk memberi ruang kepada empat orang lagi untuk berbahas untuk petang ini. Walau bagaimanapun saya nampak ramai yang dah *kuyu* belaka jadi kita ada 1 jam setengah 15 minit untuk setiap pembahas ia akan mengambil masa 1 jam. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan sementara Dewan ini akan disambung semula pada pukul 3.45 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.30 PETANG

PUKUL 3.45 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sesi perbahasan terhadap Enakmen Perbekalan 2024 diteruskan dan saya dengan segala hormat dan sukacitanya menjemput Yang Berhormat seterusnya yang ingin membahaskan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ نَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ
يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللهم صل على سيدنا محمد الفاتح لما اغلاق والخاتم لما سبق والناصر الحق بالحق والهادي الى صراطك المستقيم.
وعلى اله واصحابه حق قدره ومقداره العظيم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya mengambil peluang juga untuk sama-sama turut menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang

Berhormat Sura pagi tadi. Kita tahu bahawasanya apa yang berlaku pada Palestin pada hari ini bukanlah dalam bentuk perang semata-mata, ia adalah berbentuk pembunuhan etnik yang melanda kepada umat Islam dan orang Arab di Palestin. Mengikut sejarah, negara Israel yang telah ditubuhkan oleh orang Yahudi di Palestin adalah dalam bentuk rampasan tanah. Ia bukan dalam bentuk kalau kita lahir semuanya mempunyai surat beranak, ada sejarah tersendiri. Tetapi apa yang berlaku di Palestin seolah-olahnya negara yang tidak ada surat beranak. Kita tahu asal usul orang Yahudi (Bani Israel) ini daripada Mesir, berterabur di dunia sehingga di Ethiopia dan sebagainya, begitu juga di Arab Saudi. Tetapi, akhirnya selepas daripada perang dunia, mereka mengisytiharkan bahawa Bumi Palestin ini adalah sebahagian daripada tanah air mereka. Dan akhirnya pembunuhan etnik berlaku dan menimpa kepada umat Islam pada hari ini yang begitu dahsyat tanpa mengira usia, *gender* dan sebagainya. Oleh sebabkan itu, Permaisuri turut sama menyokong usul yang telah dibawa oleh ADUN Sura pada pagi tadi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya ingin menyentuh Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Bajet yang begitu padat, bernas demi untuk melihat Terengganu Maju iaitu Meneraju Era Baharu Terengganu. Dalam Bajet tersebut secara ringkas saya ingin membacakan satu petikan ayat Al-quran Firman Allah *Subhanahu Wa Taala*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

Terima kasih Yang di-Pertua.

Sesungguhnya kaum ataupun rakyat Negeri Terengganu ini dalam mempunyai satu sikap berdikari dalam merentasi perjuangan ekonomi, politik dan sebagainya untuk terus maju dan mara ke hadapan. Di dalam pembentangan Bajet yang telah disampaikan semalam, saya ingin menyentuh satu aspek yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat iaitu penempatan ataupun pulangan daripada hasil pelancongan yang banyak didedahkan dengan sumber-sumber ataupun benda-benda baharu dalam industri pelancongan yang ada di dalam Negeri Terengganu daripada yang sedia ada dan sehingga yang terbaru. Contohnya, baru-baru ini Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan turun ke Setiu melihat sendiri apa yang dikatakan sebagai *Wetlands* (tanah basah) yang ada di Setiu. Kawasan tanah basah di Setiu ini

untuk pengetahuan ahli-ahli, rakan-rakan Yang Berhormat adalah tanah basah yang bukan sahaja kita dapat melihat dari segi aspek persekitarannya sahaja dengan lagun, dengan bakau dan sumber-sumber yang ada tetapi kawasan tersebut adalah kawasan yang suatu masa dahulu telah mencipta satu sejarah dimana Kuala Setiu, Kampung Payang pecah akibat daripada banjir yang besar sekitar tahun 60-an dulu. Seheinggakan apa yang berlaku di kawasan tersebut yang tinggal sungai-sungai itu dulu adalah kampung yang penuh dengan bangunan-bangunan kerajaan iaitu Imigresen, Kastam, Mahkamah, Balai Polis dan sebagainya. Tetapi, pada hari ini kita lihat kosong, tidak ada apa-apa lagi. Kalau di situ juga kita rasa perkara yang perlu menjadi satu sumber ataupun perkara baru dalam industri pelancongan ialah sejarah, perkara-perkara yang hilang satu masa dahulu dan sampai hari ini tidak kembali lagi sehingga geran-geran ataupun surat milik-surat milik tanah yang ada pada hari ini sudah *tak* boleh dipakai kerana surat tanah tersebut tempat duduknya di dalam sungai dan juga di dalam laut. Jadi tidak boleh diguna lagi pada hari ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara ringkas dan juga secara umum di dalam usaha kita untuk melihat Bajet yang telah disampaikan itu akan sampai kepada matlamat yang kita sama-sama idamkan, baik daripada atas sampai kepada peringkat bawah. Ada tiga perkara yang telah difokuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjayakan Bajet sebagaimana yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu fokus yang pertama ialah Memperkukuh Keberkesanan Kerajaan, fokus yang kedua ialah Mempelbagaikan Sumber Kekayaan dan fokus yang ketiga ialah untuk melihat Kesejahteraan Kehidupan Rakyat. Kesemua perkara ini saya rasa pada pandangan saya perlu dipertingkatkan ataupun diusahakan secara menyeluruh daripada segenap aspek ataupun lapisan yang terlibat di dalam agenda untuk menjayakan Bajet tersebut. Saya ingin menekankan kepada perkara yang mana secara peribadi saya melihat bahawa sikap rakyat perlu berubah. Kalau dulu kita tahu rakyat di Terengganu ini kadang-kadang merasa selesa dengan sumber-sumber yang ada sebelum ini. Daripada petroleum, kita dapat bantuan, macam-macam bantuan, hari raya dapat bantuan hari raya, sumbangan banjir. Begitu juga dengan hari-hari yang lain, dengan pakaian anak-anak sekolah, kasut sekolah dan berbagai-bagai yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada rakyat dan ini menjadi suatu rasa selesa. Sikap selesa rakyat kepada nikmat-nikmat yang telah diberikan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala* melalui petroleum. Jadi, Setiu ingin menyatakan perkara sebegini atas beberapa faktor untuk kita sama-sama kongsi dan kita lihat dalam menjayakan

agenda ataupun kesinambungan hasrat daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Kita lihat bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk melaksanakan, untuk meningkatkan pendapatan dan ekonomi rakyat dari semasa ke semasa. Namun begitu, masih terdapat juga kesedaran dan perubahan sikap yang tidak berubah dan juga peluang pekerjaan yang diberikan masih difikirkan sebagai sikap rakyat sebagai makan gaji. Sehingga hari ini kita melihat berapa ramai masyarakat daripada luar negara dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan sebagainya sanggup datang ke negara kita mencari rezeki dan berapa banyak wang negara kita keluar mengalir ke luar negara kerana mereka menghantar pulang pendapatan untuk keluarga mereka di luar sana. Tetapi kita tengok berapa ramai anak-anak muda kita yang kita tengok masih berpeleseran, tidak ada pekerjaan walaupun kita tengok kadar pengangguran di Negeri Terengganu makin berkurangan. Mungkin ramai yang sudah berhijrah ke Kuala Lumpur dan sebagainya dan saya rasa dan saya yakin kita perlu mengambil satu inisiatif baru supaya peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu ini diberi keutamaan tetapi, mereka juga perlu mematuhi beberapa syarat supaya hasil kerja mereka ini benar-benar berkesan dan mendatangkan manfaat serta meningkatkan pendapatan Negeri Terengganu itu sendiri.

Oleh sebab itu saya dalam hal ini tak perlu saya buat banyaklah contoh-contoh yang berlaku kerana beberapa kegagalan yang berlaku sebelum ini, kita lihat berpunca daripada sikap pekerja yang malas, datang lewat, yang seronok, kurang bekerja dan sebagainya, tidak boleh ditegur dan beberapa perkara lain lagi yang boleh kita buat sebagai contoh. Oleh sebab itu, saya ingin menyatakan bahawa agensi yang terlibat hendaklah mengutamakan dari aspek disiplin, pematuhan kerja yang tinggi dan sebagainya. Pekerja-pekerja hendaklah sentiasa dijaga dengan tidak membiarkan mereka bekerja tanpa pengetahuan daripada majikan. Saya tidak berhasrat untuk menyatakan bahawa pekerja-pekerja kita ini adalah malas dan seumpamanya tetapi hasrat untuk memastikan mereka bekerja dengan penuh tanggungjawab manakala pemantau pula hendaklah jujur menilai kerja dan tanggungjawab mereka. Contohnya saya dapat maklumat bahawa di McCormick ladang lada hitam di kawasan Bidong, bos, kita panggil *bos/ah* ketua dia itu, orang putih, orang Jerman bila *time* habis kerja dia turun sendiri tepi jalan dia tengok anak-anak muda yang pulang daripada kerja itu berlumba-lumba motosikal. Itu yang berlaku dan oleh kerana dia sendiri yang *control* benda ini kita berharap benda

ini tidak akan berlaku. Inilah saya maksudkan sikap-sikap pekerja-pekerja kita. Seterusnya,

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Satu minit lagi Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa galakan dan insentif hendaklah diberikan kepada pekerja-pekerja yang berinovasi serta menjadi pemangkin dan galakan serta contoh kepada pekerja yang lain. Inovasi yang seperti ini, saya ingin tegaskan bahawa kita tidak perlu buat di peringkat Negeri bahkan di peringkat syarikat dan juga di peringkat daerah perlu dibuat penganugerahan kepada pekerja-pekerja yang berinovasi supaya mereka tidak *lah* begitu leka dengan kerja-kerja nampak ada satu matlamat lain untuk membuktikan keupayaan ataupun mereka cipta satu benda baru, peluang baru untuk terus maju dikalangan pekerja-pekerja yang ada. Sebab itu kita melihat hari ini ramai di antara pekerja-pekerja kita, anak-anak bangsa kita ini tak terlibat dengan kerja-kerja yang dikatakan sebagai berat, susah, kotor dan bahaya. Jadi kerja-kerja yang seperti ini diambil ruang oleh orang lain dan perkara yang seterusnya ialah program meningkatkan ilmu pekerja-pekerja itu sendiri. Kena sentiasa buat kursus, kena latih mereka dan mereka dihantar berkurus bercuti untuk melihat projek-projek yang lain yang telah berjaya supaya ada satu sikap, saya minta izin tambah sikit masa, satu sikap untuk membina peribadi pekerja itu sendiri supaya lebih bertanggungjawab dalam menimba pengalaman dan juga ilmu serta perkara-perkara baru dalam bidang mereka.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila simpulkan Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Jadi panjang lagi saya ini tapi okay *lah*. Saya nak simpul di sini bahawa seandainya perkara yang saya sebut tersebut mungkin terdapat lagi unsur-unsur yang kita semua perlu dapat fikirkan bersama tidak dapat dan gagal, saya rasa unsur-

unsur itu dapat kita gunakan sebagai sumbangan daripada pandangan Permaisuri untuk sama-sama terlibat memajukan ataupun sama-sama kita fikir bagaimana Bajet ataupun Belanjawan Terengganu pada tahun 2024 ini turut sama-sama mencapai matlamat dan kejayaan. Sekian saya minta maaf kalau ada salah silap.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِيُّ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Permaisuri turut menyokong.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri. Ada Wakil-Wakil lain yang ingin berucap? Kuala Berang atau air Putih? Atau... Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّنْ لِّسَانِي لِيَقْفَهُوا قَوْلِي
 أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Dari Binjai ke Jabor Perasing,
 Singgahlah solat di Cheneh Baru,
 Bila umarak ulama berganding,
 Harumlah nama Negeri Terengganu.

Kalau puan mencanting batik,
 Biar cantik dengan seninya,
 Budaya subur negeri pun cantik,
 Terpikat hati kerana budinya.

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* kerana dengan izinnya kita dapat bersama dalam Dewan yang mulia ini. Kita berbicara dan mengupas berkaitan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jelas menggambarkan kepekaan dan kecaknaan yang mantap dan jitu. Mengolah Belanjawan berdasarkan situasi semasa adalah sesuatu yang

bijaksana dan berkeyakinan. Memenuhi kedudukan kewangan dengan kekangan yang ada pastinya memerlukan kecerdikan mengurus yang profesional. Tertarik dengan tema "Meneraju Era Baharu Terengganu" dalam usaha menjadikan Negeri Terengganu tercinta ini memiliki masa hadapan yang cemerlang dan berintegriti. Maka identiti perlu dibina dan dicerminkan dengan jelas semua pihak dari bawah hingga ke atas perlu menyahut dan bekerja dengan bertanggungjawab dan beramanah. Terselit maksud yang begitu dalam apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengutarakan dengan jelas konsep perhambaan kita kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* sama ada kita pemimpin, kita rakyat kita wajib berjalan dan bekerja yang bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab kita kepada kerja kita tetapi memastikan kerja dan tanggungjawab itu jelas diterima dan diredhai Allah *Subhanahu Wa Taala*. Inilah satu gejala yang sepatutnya dibina bagi memastikan kita rakyat Terengganu benar-benar beriman kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* bukan sekadar slogan, bukan sekadar fatamorgana tetapi ianya nyata bahawa rakyat Terengganu di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan takluknya adalah rakyat yang benar-benar beriman dan dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taala*.

Belanjawan yang berstrategi dengan sepuluh sasaran yang jelas dan berfokus sudah tentu akan mewujudkan satu era pentadbiran baru yang berjalan dan dimercukan dengan arah yang bermatlamat. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan kita *insya-Allah* akan bekerja gembeling tenaga dan idea bagi menyahut dan merealisasikan 'Terengganu Maju Berkat Sejahtera'. Syukur *Alhamdulillah*, jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengemukakan satu Bajet berimbang dan ini menjadi satu cabaran dan tanggungjawab berat dan jelas kepada kami Wakil Rakyat dan juga para pegawai untuk mengurus bajet ini dengan telus dan berhemah agar ianya mencapai sasaran dan menepati hasrat untuk menerajui "Era Baharu Terengganu".

Mengulas satu kerjasama strategik dan amalan hedonisme yang adil dan saksama yang dilihat jika ia berjalan dengan baik dan adil maka perjalanan kita akan berjalan dengan lancar bagi mencapai semua sasaran dan olahan Belanjawan yang dibentang. Dengan ini dengan hasil yang dianugerahkan serta berbelanja dengan bijak adalah satu perkara yang hebat. Air Putih merasa

tercabar dengan identiti "Era Terengganu Baharu" seperti yang dibentangkan bagaimana memahami sebaik dan sejelas mungkin hasrat kerajaan yang berkesan. Pemimpin, pegawai kerajaan dan penjawat awam yang berintegriti serta rakyat yang diperkasakan kuncinya hanya beriman sahaja yang boleh dan mampu meneroka hasrat ini untuk dicapai. Kita mahu rakyat dapat menikmati hasil daripada Bajet yang disalurkan atas kesejahteraan rakyat terus berkekalan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Air Putih Baru Bertatih,
Mengejar Mimpi Dan Tinggi Khayalan,
Air Putih Tak Kan Letih,
Sehingga Tercapai Segala Impian.

Berlandaskan Al-quran dan As sunnah kita mengharapkan pecutan Meneraju Era Baharu Terengganu ini akan menjadi contoh dan wibawani akan disegani, kita peringat dan hadam bahawa apa sahaja kita lakukan dan dilaksanakan biarlah ianya tidak tiris dan bocor. Jelas kita di Terengganu inilah yang boleh dan mampu menjaga Islam, yang boleh menjaga melalui Islam, yang boleh menjaga bukan Islam, yang boleh menjaga semuanya jika kita berpegang teguh kepada ajaran Islam dan takut kepada dosa bagi yang tidak telus dan berkeyakinan bahawa semua yang kita lakukan, jika ianya baik maka akan diberi ganjaran oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*.

Air Putih juga mahu seiring dan bersama menerajui Era Baharu Terengganu, Air Putih yang luas kawasannya, yang pelbagai lapisan rakyatnya, pelbagai latar belakangnya ada di hulu, ada hilir-hilir dan ada yang di sempadan dengan bentuk muka bumi yang unik serta pentadbiran di bawah KETENGAH, di bawah FELDA dan pelbagai lagi agensi lain, maka sudah tentu kepelbagai ini menjadi satu cabaran bagi kami memastikan pentadbiran kami berjalan dengan lancar. Meneraju Era Baharu Terengganu, Air Putih ingin bersama, Air Putih tidak mahu terpinggir dalam mengecapi dan mengharungi cabaran ini, Air Putih masih dahagakan pembangunan sama ada pembangunan fizikal, mahupun pembangunan rohani.

Melihat kepada Bajet satu infrastruktur tanaman padi yang dianggar RM3.5 juta, Air Putih ada dua kawasan yang menjadi tempat tanaman padi iaitu di

Paman dan Dadong dan sedikit di Air Putih dan jangan pinggirkan Air Putih. Yang kedua pembangunan pelancongan RM2.9 juta sudah diberi gambaran potensi yang ada di Air Putih sebelum ini seperti di Bukit Mentok Hiking Park, Tasik Biru, Sungai Kemaman, Jeram Kota, Jeram Tanduk dan beberapa tempat lagi, mohon Air Putih juga tidak ketinggalan. Yang ketiga projek-projek jalan baharu di Negeri Terengganu, RM1.690 juta, Air Putih amat memerlukannya. Yang Keempat, perumahan Negeri Terengganu RM5 juta, Air Putih terdesak kerana ramai rakyat Air Putih yang masih tidak memiliki rumah. Yang kelima membina dan menaik taraf gelanggang futsal RM2.1 juta sudah nyata kami di Air Putih amat daif gelanggangnya setelah setiap tahun kami diuji dengan musibah Monsun Timur Laut, mohon agar kali ini Air Putih mendapat keutamaan kerana amat banyak gelanggang yang perlu diperbaiki. Enam, pusat perpindahan banjir seluruh daerah, kami Air Putih setiap tahun menghadapinya. Tujuh, infrastruktur kemudahan sukan RM4.450 juta, amat jelas kami Air Putih amat kekurangan dengan kemudahan sukan. Moga kali ini kami mendapat manfaatnya.

Air Putih juga melihat Bajet untuk kemudahan awam dan projek khas dengan keluasan DUN Air Putih, kami memerlukan satu lagi mercu kemudahan sukan di bahagian tengah Air Putih. Juga kami memerlukan sebuah Sekolah Agama kerana luasnya Air Putih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Jambatan Teladas Disebut Orang,
Penanda Arah Di Musim Tengkujuh,
Tribulasi dan Mehnah Satu Cabaran,
Membina Daulat Yang Semakin Kukuh.

Sekali lagi Air Putih ingin menyuarakan beberapa isu dan keluhan untuk dilihat oleh pihak Kerajaan.

Pertama, Monsun Timur Laut musibah dan ujian banjir hampir setiap tahun ianya berlaku, menjadi perbincangan dan rungutan setiap kali apabila berlakunya banjir, yang pertama khusus untuk anggota keselamatan yang bergerak bagi misi menyelamatkan sama ada pihak PDRM, APM ataupun pelbagai agensi lain.

Isu bekalan makanan mereka yang sering kali terlepas pandang dengan ketiadaan bajet untuk mereka dan bajet dari JKM, hanya untuk mangsa banjir sahaja. Maka ada ketika mereka ini kelaparan dan keletihan. Terkadang mereka bergerak sehingga dini hari dan dalam suasana musibah dan kelim kabut ini dimana mereka ingin mendapatkan bekalan makanan untuk mereka. Perkara ini akan selesai sehingga satu bajet untuk bekalan makan minum mereka disediakan.

Yang kedua pusat perpindahan sementara, dengan dasar, NADMA yang baru khususnya dalam masalah bantuan bencana masih lagi diperbahaskan. Kekurangan PPS untuk menampung mangsa banjir masih lagi belum memenuhi kehendak dan masih juga menyukarkan pergerakan mangsa. Kedua, ECRL bayangkan baru hujan lebat sehari rumah atau taman di sepanjang landasan ECRL yang sebelum ini tidak pernah dilimpahi air, sudah dilimpahi. Saat ini bolehlah kita berbincang dengan pihak ECRL, kerana ECRL belum lagi siap. Bagaimana satu hari nanti jika ECRL itu sudah siap dan beroperasi dan landskap banjir sudah berubah, apakah kita sudah bersedia? Oleh itu Air Putih mencadangkan agar pihak Kerajaan dan ECRL mencari jalan penyelesaian yang kekal. Yang kedua lanjutan mengenai ECRL Air Putih melihat kerangka bandar baru di laluan keluar Cukai, di sini ada dua laluan jika laluan penumpang dan laluan kargo, Air Putih memohon agar satu institusi pengajian diwujudkan di laluan penumpang ini kerana dengan adanya institusi pengajian tinggi yang akan melibatkan pelajar luar, maka laluan ini akan hidup. Begitu juga dengan laluan kargo perlunya satu langkah bagi memastikan kepesatan kawasan tersebut. Akhir sekali Air Putih mengharapkan Kerajaan dapat merealisasikan semua tawaran yang telah kita janjikan dalam Pilihan Raya yang Ke-15 baru-baru ini, ini kerana rakyat akan melihat dan menilainya bagaimana kita menunaikan janji-janji kita. Air Putih mengharapkan belanjawan yang baru yang dibentangkan ini akan dapat menzahirkan tema Meneraju Era Baharu Terengganu. Air Putih mohon menyokong.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Air Putih, saya mahu menjemput mana-mana Yang Berhormat lagi yang belum berbahas untuk meneruskan perbahasan kita pada sesi petang ini. Sila mana-mana, Wakil Kemasik dipersilakan.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha ketua-ketua jabatan dan agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri semua tetamu para media, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama, dan utamanya marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* kerana masih lagi terus beri kebaikan dan kesihatan kepada kita walaupun apa cabaran kita yakin kita mampu bersama untuk menggembleng tenaga bersatu hati untuk menghadapinya secara bersama *insya-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kemasik mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan PAS di atas segala kejayaan yang telah berjaya dicapai dengan pelbagai rekod positif yang direkodkan. Kepercayaan rakyat akan terus kita sempurnakan walaupun di sana sebagai semua maklum kita ditekan dengan sikap dan tindakan yang tidak demokrasi oleh Kerajaan yang dipilih rakyat melalui sistem demokrasi dan kelihatan berundur ke belakang. Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar terus bersikap positif untuk merealisasikan seluruh perancangan yang telah disusun menerusi Belanjawan 2024 ke arah Menuju Era Baharu Terengganu. Bagi membina suatu masa hadapan yang lebih cerah, untuk Negeri Terengganu yang kita cintai ini. Mengambil kira realiti semasa prospek masa hadapan, cabaran dan peluang serta keperluan juga kemampuan negeri ke arah Meneraju Era Baharu ini, tiga identiti digariskan untuk sama-sama kita miliki dari pihak Kerajaan, para pemimpin, pegawai, penjawat awam serta seluruh rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di Pertua, sepuluh sasaran dan strategi utama telah digariskan. Kemasik ingin bercakap mungkin dua daripadanya yang pertama sebagaimana sasaran kedua pada muka surat 11 iaitu melahirkan lebih ramai usahawan baru yang berjaya sekurang-kurangnya 80 orang menerusi

pemeriksaan program pembangunan usahawan-usahawan dengan hasil jualan berjumlah sehingga RM4.2 juta sekali gus menjadikan lebih 200 peluang pekerjaan. Signifikasinya untuk bumiputera yang masih ketinggalan dan tidak seimbang. Beberapa cabaran masih dihadapi oleh komuniti bumiputera termasuk kesenjangan pendapatan yang melebar, pemilihan ekuiti korporat yang rendah, kekurangan penglibatan bakat keusahawanan dan kelemahan daya saing perniagaan bumiputera. Menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kesenjangan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara bumiputera dan bukan bumiputera masih besar. Misalnya ketidaksamaan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara bumiputera dan kaum cina, meningkat hampir 4 kali ganda daripada 497 pada tahun 1989 kepada 1,971 pada tahun 2019. Jurang pendapatan ini tidak wajar, tidak hanya wujud dalam kalangan etnik tetapi juga ketara pada peringkat negeri. Analisis peringkat negeri menunjukkan bumiputera membentuk majoriti terbesar dalam kumpulan isi rumah berpendapatan B40. Lebih daripada 54% isi rumah di negeri seperti Kelantan, Pahang, Perak, Terengganu, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak tergolong dalam kategori B40. Pada peringkat nasional, bumiputera membentuk peratusan tertinggi isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM2,000 hingga RM3,000 dan peratusan terendah untuk pendapatan bulanan lebih daripada RM20,000. Dalam aspek pemilikan ekuiti pula bumiputera jauh ketinggalan di belakang bukan bumiputera dan warga asing sejak 50 tahun lalu dan tidak mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti yang ditetapkan di dalam dasar ekonomi baharu. Sejak dekad lepas, pemilikan ekuiti bumiputera jatuh menurun daripada 22% pada tahun 2008 kepada 16% pada tahun 2015 berbanding pemilikan asing yang meningkat daripada 38% kepada 45% dalam tempoh yang sama. Dalam komitmen berterusan kerajaan untuk menangani cabaran yang dihadapi bumiputera, Kerajaan Negeri Terengganu harus dengan pelbagai agensi dan inisiatif termasuk di bawah peneraju agenda bumiputera ataupun TERAJU yang telah memulakan pendekatan rundingan bagi tujuan membangunkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030). TPB 2030 adalah hala tuju 10 tahun mungkin bersesuaian dengan Terengganu punya 2030 PITAS dan *insya-Allah*, garis perkara-perkara strategi-strategi yang digariskan melalui projek terperinci serta inisiatif yang boleh memperlihatkan kesan signifikan yang bermakna kepada khususnya bumiputera. Dengan penetapan garis panduan yang jelas kepada projek dan inisiatif serta keteguhan pelaksanaan dan mekanisme pengurusan prestasi akan menjadi pemangkin perubahan status sosial ekonomi bumiputera ini khususnya untuk rakyat Terengganu dan Malaysia secara amnya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di Pertua, di dalam sasaran kelima iaitu usaha dengan komitmen yang tinggi diberikan Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan penambahbaikan infrastruktur dan logistik di kesemua 28 kawasan perindustrian serta meneroka dan mengeksploitasi kelebihan di kawasan sempadan negeri sangat-sangat dihargai. Di samping itu, stesen-stesen ECRL perlu diguna sepenuhnya dalam memangkin dan merancakkan industri berorientasikan eksport dan domestik. Ia penting supaya sasaran mempertingkatkan jumlah dan imbalan dagangan antara 5 hingga 7% berbanding tahun 2022 dapat direalisasikan dan seterusnya akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan menyediakan ekosistem pelaburan yang lebih kompetitif.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar meletakkan tiga fokus utama ditetapkan dalam merealisasikan dan menjayakan sasaran untuk meneraju era baharu Terengganu ini. Ia melibatkan memperkukuhkan keberkesanan kerajaan. Fokus pertama ini sangat penting dan sangat mustahak kerana ia menjadi suatu fokus bagi memastikan segala perancangan dan tindakan dapat direalisasikan dengan hasil yang terbaik. Ia sudah pasti akan lebih baik dan efisien apabila dikuatkan lagi dengan teknologi dan pendigitalan rangka tindakan ekonomi tindakan digital Terengganu perlu dibangunkan sejajar dengan rangka tindakan ekonomi digital Malaysia (MyDigital) yang telah menetapkan hala tuju ekonomi digital yang membina asas untuk mendorong pendigitalan di seluruh negara. Di harap Terengganu menjadi antara negeri utama yang terlibat langsung bagi memastikan kejayaan terhadap segala pelan tindakan yang telah digariskan dengan usaha dan inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2030. Seterusnya fokus yang kedua, mempelbagai sumber kekayaan pula perlu terus ke hadapan dan lebih berdaya saing. Dengan adanya Pelan Induk Teknologi Hijau (PITiH) Perkara 33 dalam muka surat 19 Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu Perkara 47 pada muka surat 23 diharap mampu merancakkan dan meningkatkan lagi sumber baharu pertumbuhan ekonomi negeri. Antara perkara yang boleh menjadi tumpuan negeri dalam menambah sumber pendapatan baharu dan meningkatkan sumber baharu pertumbuhan ekonomi adalah dalam sektor pemerangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon atau *Carbon Capture, Utilization and Storage* dengan izin, CCUS. Terengganu perlu bersama mendahului negeri-negeri lain di Malaysia, dalam komitmen mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih

sifar seawal tahun 2050. Bagi tujuan itu, salah satu inisiatif yang dikenal pasti adalah menerusi teknologi pemerangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon. CCUS akan digunakan untuk memerangkap dan menyimpan kekal CO₂. Daripada punca pelepasan CO₂ yang utama khususnya bagi *hard to abate industries*, dengan izin. Teknologi CCUS merupakan antara kaedah nifigasi penting dalam mengurangkan pelepasan CO₂ dan dapat membantu negara mencapai objektif perjanjian Paris.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kalaulah boleh diumpamakan seperti peti sejuk lah, isi-isi penuh awalnya, kita keluarkan sampai habis dan dengan CO₂, *well* ataupun perigi-perigi yang telah kita ambil hasilnya akan kosong. Kekosongan itu boleh sebagai contoh kita mula keluarkan minyak dan gas lebih kurang tahun 1970 lebih kan, 78, 79, 82 naik pertama di Kertih. Sehingga sekarang 2022 lebih kurang dah 40 tahun kita keluarkan minyak dan gas. Begitulah besar kapasiti untuk kita *fill* balik, kita masukkan balik dan begitulah juga masanya mungkin boleh kita guna bagi memastikan sumber pendapatan baharu. Cumanya, bagaimana kita Negeri Terengganu khususnya berebut ataupun mengambil kesempatan supaya manfaat yang terbaik mampu kita ambil daripada sumber ataupun ekonomi baharu melalui CCUS ini, *Insyah-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebagaimana yang terdahulu saya sentiasa sebut berkenaan dengan *Airport* Kertih. Antara peluang ataupun sumber-sumber baharu, kekayaan baharu Negeri Terengganu, mungkin boleh dieksploit, boleh dikenal pasti di samping sektor penerbangan secara konvensional. Kita juga boleh mengenal pasti sektor baharu. Antaranya adalah kapal terbang dengan bateri. Ada beberapa syarikat yang telah menjalankan usaha tersebut dan saya yakin Kerajaan Negeri Terengganu boleh mengenal pasti pendekatan ataupun peluang baru ini dan sudah pasti ia juga bakal menjadi sumber ekonomi baru dan peluang baru kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga untuk bercakap sedikit berkenaan dengan Kemasik. Yang pertama berkenaan dengan Projek Curve, Kemasik. Tiga kali pilihan raya, tiga kali masuk TV, masih tidak dapat disempurnakan, diselesaikan menyebabkan muka kuala cetek dan tidak mampu ataupun mengganggu nelayan-nelayan untuk masuk. Saya berharap untuk disegerakan penyiapan projek tersebut seterusnya dapat kerja-kerja menggali muara tersebut dapat dilaksanakan bagi memastikan nelayan dapat menyimpan masuk bot-bot mereka dengan lebih selamat.

Seterusnya berkenaan RTB tanah. Penggal lepas kita berjaya sebagai contoh Kemasik telah berjaya menyerahkan lot-lot tanah hampir tiga belas RTB diserahkan. Cabarannya adalah kawasan yang kita serahkan hampir keseluruhannya berpaya, memerlukan suatu kos yang tinggi. Jadinya isu utama yang paling utama untuk menyediakan rumah kediaman amat tidak dapat dicapai. Akhir dua tiga tahun ini, saya dapat dengar, saya dapat lihat, telah ada sebahagian yang menerima menjual tanah-tanah tersebut kerana mereka tidak dapat membina rumah untuk kediaman. Seterusnya saya memohon untuk sedikit tambahan masa, Timbalan Yang di-Pertua. Berkenaan memperkasakan Industri Pelancongan, Kemasik memohon untuk melihat balik Air Terjun Menderu...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Dua minit.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Air Terjun Menderu yang menjadi tumpuan, mungkin di Kemaman itu antara yang paling dekat ialah Air Terjun Menderu. Mohon dilihat untuk menambah baik bagi kebanjiran pelancong. Bukit Harimau Menangis antaranya. Seterusnya berkenaan pelbagai sumber kekayaan, di Kemasik ada satu rumah mampu milik Gong Chengal Fasa Satu yang berjumlah 446 unit yang telah siap sekian lama. Mohon untuk pertimbangan Kerajaan bagi membina lot-lot kedai dan juga dewan orang ramai bagi menampung tambahan 200 lot baharu nanti yang bakal siap, menyebabkan keseluruhan 660 orang ataupun rumah perlu kepada kedai-kedai, dewan orang ramai, seterusnya padang-padang dan taman rekreasi. Di samping juga saya ingin menyatakan berkenaan dengan infrastruktur jalan khususnya dan keselamatan di lokasi-lokasi penting khususnya Kertih terutama daripada pelan di Kawasan Perindustrian Petronas ke Kemasik. Terdapat dua spot ataupun dua lokasi yang pada saya beberapa kali telah saya utarakan berkenaan bahaya lokasi-lokasi tersebut dan saya memohon untuk sekali lagi dalam Dewan ini untuk mengambil kesempatan menyatakan satu lokasi daripada TCOT, mungkin orang sana tahulah. TCOT dan OGT Pelabuhan dan juga daripada KOP Dua ke Kampung Baru Kemasik, mungkin nanti boleh merujuk kepada lokasinya.

Seterusnya berkenaan dengan padang-padang bola. Saya rasa bukan sahaja DUN Kemasik, malah DUN-DUN lain, padang-padang bola yang ditinggalkan tidak boleh kita guna, kerana padang keras. Kalaulah di Kemasik, sebagai

contoh hampir lapan padang bola yang tidak boleh kita main, kalau main tu harapnya, jawabnya cederalah. Justeru, ada padang tetapi perlu dinaik taraf bagi memastikan sebagaimana yang digariskan dalam penggalakan sukan dan kecerdasan bagi kita tambah baik padang-padang bola khususnya dan seterusnya saya mengambil kesempatan juga untuk mendapatkan perhatian daripada Kerajaan selaku penaung kepada Persatuan Hoki Terengganu bagi meluluskan peruntukan kerana dah hampir empat bulan dah kita tidak bayar elaun kepada pemain-pemain kita, dan pemain-pemain dah mula bercakap ataupun bising kerana kekangan ataupun elaun tidak dibayar macam biasa dan saya berharap perhatian dan sokongan daripada Kerajaan Negeri dapat diberikan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua pihak atas sokongan dan dukungan bagi sama-sama membina Terengganu yang lebih baik, *insya-Allah*. Kemasik memohon menyokong Belanjawan 2024.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kemasik. Kita ada masa yang tak berapa panjang dah. Jadi kalau ada siapa-siapa, Wakil-Wakil yang nak berucap saya masih boleh bagi seorang. Ada? Kalau tidak ada yang nak berucap petang ini, saya rasa kita tangguh sahaja dahulu untuk petang ini dan sambung esok. Kerana saya dimaklumkan orang Kemasik pun nak balik Kemasik petang ini. Orang Air Putih pun nak balik Air Putih, orang Kijal pun, Wakil Kijal pun nak balik ke Kijal petang ini. Dan ramai yang nak ikut Wakil-wakil Rakyat empat DUN bawah Parlimen Kemaman ini untuk balik ke sana, jadi oleh kerana itu kerana tidak ada lagi yang ingin berbahas untuk petang ini. Maka saya berpandangan cukup dulu untuk petang ini dan kita tangguh dulu untuk disambung Perbahasan Enakmen Perbekalan 2024 ini ke esok hari pukul 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita membacakan Tasbih Kaffarah dan Surah Al Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.40 PETANG

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU,
29 NOVEMBER 2023

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Tengku Seri Bijaya Raja
Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Nara Setia

Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.

WAKIL BANDAR

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al Fatihah)

SOALAN-SOALAN LISAN

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-Soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 29 November 2023.

- 1 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 2 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 3 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 4 Yang Berhormat Wakil Kemasik

- 5 Yang Berhormat Wakil Ladang
- 6 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 7 Yang Berhormat Wakil Manir
- 8 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 9 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 10 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 11 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 12 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 13 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 14 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 15 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 16 Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
- 17 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 18 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 19 Yang Berhormat Wakil Sura

Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan Notis Soalan Lisan. Dengan ini saya persilakan Yang Berhormat ADUN Jertih untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Jertih memilih soalan pertama. Terima kasih.

Apakah program Kerajaan Negeri untuk membanteras gejala ketagihan gajet kepada generasi remaja?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ أَمَا بَعْدُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wakil Jertih yang telah mengemukakan soalan berkenaan dengan program Kerajaan Negeri untuk membanteras gejala ketagihan gajet kepada generasi remaja.

Untuk maklumat Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum gajet merupakan satu keperluan kepada masyarakat terutamanya untuk berhubung juga untuk mendapatkan maklumat dengan pantas. Namun penggunaannya kini telah berkembang ke satu dimensi baharu yang memerlukan penggunaannya dioptimumkan termasuklah mengadakan mesyuarat, menyediakan maklumat melalui dokumen dengan pantas dan berkesan serta mengadakan pelbagai transaksi. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri tentu sekali tidak mampu untuk menghalang malah Kerajaan Negeri memainkan peranan untuk memastikan penggunaan gajet terutama kepada golongan remaja dapat dimanfaatkan secara yang terbaik. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penggunaannya menuju ke arah kebaikan. Justeru pelbagai program dan aktiviti yang diatur oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan penggunaannya secara betul termasuk kita bekerjasama dengan Jabatan Belia Sukan Negeri Terengganu.

Antaranya pertandingan *e-Sport*. Kita mengadakan juga kursus atas talian, mesyuarat atas talian, Bengkel Inovasi Digital Anak Muda Terengganu Sejahtera, Pertandingan Video Pendek TikTok, Skills For Life (Bahasa Mandarin) secara *Online*, *Canva Editing Skills* Negeri Terengganu, *Tiktok Editing Skills* Negeri Terengganu, *Skills Up Now* Zon Timur serta Rakan Muda atau Uji Minda. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah kejayaan program yang dilakukan. Yang kedua berkenaan dengan isu kejayaan Qabil Irfan. Apa inisiatif yang diberikan kepada Qabil Irfan oleh pihak YB EXCO. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi pada Yang Berhormat Jertih yang mengambil berat berkenaan dengan agenda belia khususnya dalam mendepani arus teknologi moden pada hari ini. Hasil daripada program-program yang telah dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Belia dan Sukan, *Alhamdulillah* antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai melalui program-program yang dianjurkan umpamanya pencapaian tertinggi untuk *e-Sport* melalui gajet oleh atlet kelahiran Terengganu telah berjaya menyumbang Pingat Gangsa di Sea Games Hanoi 2021 dan juga berjaya mendapat Pingat Perak di Sea Games Cambodia 2023. Begitu juga berjaya menjuarai MLBB Pro-League Musim ke-12 baru-baru ini dari Pasukan HomeBois. Ini di antara

pencapaian-pencapaian yang telah pun diperolehi oleh anak-anak Terengganu yang terlibat secara *online* melalui *e-Sport* dan seumpamanya.

Berbalik kepada isu yang berlaku ataupun yang dicapai oleh adik Qabil Irfan walaupun lari sikit daripada soalan asal, tapi saya boleh untuk berkongsi bersama dengan semua Ahli Dewan, Qabil Irfan yang telah pun menjuarai Kejohanan MiniGP tempoh hari merupakan anak Terengganu yang telah pun mendapat bimbingan dan juga sokongan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebelum daripada ini secara berterusan. Saya kongsi untuk makluman Ahli Dewan, adik Qabil Irfan Azlan telah pun dianugerahkan sebuah motosikal pada tahun yang lalu berjenama *Ohvale* hasil daripada sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk dijadikan motosikal latihan bagi membina kekuatan dan juga keyakinan kepada adik Qabil Irfan. Ini berikutan kerana adik Qabil Irfan telah pun berjaya di dalam Super Final Kejuaraan Siri Dunia FIM MiniGP 2022 di Valencia dengan menduduki tempat yang ketiga pada tahun 2022. *Alhamdulillah* pada tahun ini beliau menjuarai ketiga-tiga perlawanan. Untuk meraikan adik Qabil Irfan kita telah bersetuju untuk mengadakan satu majlis khas meraikan adik Qabil Irfan serta pelumba-pelumba cilik yang lain di Litar Permotoran Terengganu pada tarikh yang akan ditetapkan selepas daripada ini termasuk menganugerahkan insentif khas kejuaraan sebagai Juara Dunia MiniGP yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri pada tarikh yang akan ditentukan kemudian dan kita telah mendapatkan persetujuan bersama dengan Koperasi Permotoran Terengganu dan juga pihak keluarga pelumba-pelumba ini untuk mempersembahkan satu perlumbaan di kalangan pelumba-pelumba cilik di Litar Permotoran Terengganu *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu lari sikit daripada soalan asal Yang Berhormat Jertih tapi saya bagi ruang juga untuk panas enjin sikit pagi ini. Sila Yang Berhormat ADUN Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu-

Apakah polisi dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri di samping MIDA dalam mengalukan dan menarik minat

pelabur untuk memilih Negeri Terengganu sebagai lokasi untuk mereka melabur?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik. Dato' Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Kemasik adalah sebagaimana yang dipaparkan pada skrin di mana dalam menjawab persoalan ini, Kerajaan Negeri adalah sedang dalam proses membuat dan menambahbaik Garis Panduan Pembangunan Industri Negeri Terengganu kepada satu Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu 2024-2030 yang akan mengikut keadaan ekonomi semasa dan akan datang. Selain daripada itu juga, rangka ini, dasar ini dirangka untuk menarik pelaburan berimpak tinggi selaras dengan PITAS 2030 dan Dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dalam RMKe-12. Matlamat Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu Baharu akan menfokuskan kepada meningkatkan pelaburan domestik dan pelaburan asing ke Terengganu selain menawarkan peluang dan ruang kepada pelabur yang berpotensi bagi semua perindustrian berkonsepkan mesra pelabur atau *investor friendly* dengan izin, selain penerokaan perindustrian baharu.

Secara khususnya Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc) sebagai agensi yang telah dilantik untuk menguruskan kawasan perindustrian Negeri Terengganu akan menawarkan insentif kepada pelabur iaitu yang pertama, pemberian harga diskaun berdasarkan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan bergantung kepada keadaan tapak industri yang ditawarkan. Kedua, pembayaran pajakan tanah secara berjadual bagi membantu pelabur untuk merancang dan dapat merealisasikan pelaburan yang dicadangkan dengan lebih lancar. Ketiga, penyediaan infrastruktur asas yang diperlukan atau pengurangan daripada tawaran harga pajakan bagi meringankan pelabur. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan?

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, soalan

tambahan saya apakah kaedah yang dilaksanakan Kerajaan untuk memastikan proses permohonan, penilaian dan kelulusan setiap pelaburan yang ingin masuk ke Terengganu lebih mesra pelabur?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih di atas soalan tambahan. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemasik, untuk perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah merupakan persoalan yang paling penting dan sedang diambil perhatian dengan serius oleh pihak Kerajaan. Tidak kita nafikan bahawa memang wujud keperluan bagi pihak Kerajaan untuk memproses, menilai dan membuat keputusan terhadap setiap cadangan pelaburan itu dengan penuh cermat dan teliti untuk membezakan di antara pelabur yang sebenar dan pelabur yang hanya menjadi *broker* ataupun di atas tujuan-tujuan lain. Kerap kali juga apa yang berlaku ialah kelewatan berpunca daripada kelemahan pihak pelabur yang tidak dapat menyediakan maklumat sokongan yang di perlukan atau tidak memenuhi keperluan atau lampiran tidak lengkap, isi borang tidak lengkap, dah la isi borang tidak lengkap lampiran pun tidak lengkap, ada setengah itu, dana pun belum ada lagi, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan, baru nak cari dana atau sebab-sebab yang lain. Kita juga tidak nafikan bahawa terdapat kelemahan dari pihak Kerajaan, agensi-agensi pelaksana dan ini sedang diuruskan oleh Kerajaan secara proaktif di mana Kerajaan telah menubuhkan pasukan khas atau *special task force, fast lane* dengan izin, bagi membantu para pelabur sebagai pemudah cara permohonan tanah atau kelulusan dengan agensi teknikal yang lain. Maksud proaktif ialah pelaksanaan proses penilaian dan kelulusan akan dibantu supaya turut memberi cadangan dengan alternatif untuk memastikan sesuatu projek dapat dilaksanakan, maknanya bukan setakat kita memberi jawapan *yes or no* kepada pelabur-pelabur tetapi kita juga cuba *guide* dengan izin, kita cuba bantu, kita cuba tunjuk ajar untuk memastikan projek itu dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat ADUN Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya, soalan kedua-

Berapakah pulangan yang telah diguna semula untuk usahawan baru dalam tahun 2023 setelah Kerajaan Negeri mengeluarkan jumlah peruntukan yang besar untuk membantu usahawan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan kedua, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Ladang, Dato' Yang di-Pertua, bermula tahun 2019 sehingga Oktober 2023, tahun ini, jumlah penerimaan peruntukan bagi Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) daripada pihak Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM19,200,000.00. Daripada jumlah peruntukan yang diterima, pihak YPU telah berjaya menyediakan ketersediaan Dana TUGAS bagi Tahun 2023 sebanyak RM8,205,245.16 berdasarkan perincian berikut. Yang pertama, peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun ini RM1 juta. Yang kedua, kutipan bayaran balik pembiayaan RM7,205,245.16 melalui ketersediaan Dana TUGAS bagi Tahun 2023 dimanfaatkan kepada seramai 1,558 usahawan dan peniaga kecil Negeri Terengganu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7,241,079.36. Baki terkini ketersediaan Dana TUGAS 2023, sebanyak RM964,165.80. Ia akan digunapakai untuk penyaluran peruntukan TUGAS sehingga akhir tahun ini kepada usahawan baru dengan jangkaan seramai 30 orang peminjam. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya, apakah punca atau sebab peminjam tidak membayar balik dan apa langkah-langkah dan tindakan untuk pembayaran balik pinjaman tersebut, terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada ADUN Ladang. Di antara isu kutipan balik pinjaman *ni*, peminjam tidak membuat bayaran sebagaimana jadual yang telah ditetapkan dan ada yang tidak mampu untuk membayar semula bayaran pembiayaan sebagaimana yang telah ditetapkan bayaran bulanan, mungkin disebabkan oleh kemerosotan perniagaan mereka dan ada yang kemungkinan peminjam telah menamatkan perniagaan dan ada juga yang fikir bahawa bila Kerajaan bagi pinjaman ini *tak* perlu bayar balik mungkin, ada sebahagian mereka dan di antara perancangan ataupun tindakan untuk pembayaran balik pinjaman, iaitulah kita

telah memecahkan kepada beberapa fasa. Fasa yang pertama, proses penilaian permohonan jadi sebelum daripada peminjam ini di beri pinjam maka pihak YPU telah melalui proses penilaian antaranya melawat tapak ataupun premis perniagaan. Yang kedua, dokumen yang lengkap, seterusnya perjanjian sentiasa dikemaskini, perlindungan insuran berkelompok, penjamin yang layak dan juga pemantauan secara yang berterusan. Fasa yang kedua, proses kutipan hutang, di antara yang kita gunakan iaitulah memantau peminjam yang tidak membuat bayaran balik melalui kita guna telefon kita *whatsapp*, dan lain-lain. Bersemuka dengan usahawan di premis perniagaan, kita pergi ke tempat mereka dan juga kalau premis perniagaan mereka telah tutup kita pergi ke rumah kediaman bagi membuat kutipan bayaran balik, dan seterusnya mengadakan rundingan dengan peminjam yang bermasalah serta kaedah penjadualan semula bayaran balik pinjaman. Notis tuntutan berdasarkan *standard operating procedure (SOP)*, dengan mengeluarkan tiga kali surat peringatan, kita hantar tiga kali surat peringatan kepada peminjam dan juga penjamin. Akhir sekali, kita gunakan tindakan undang-undang. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat ADUN Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor dua-

Apakah sasaran pembangunan perumahan RMM di negeri Terengganu dalam tempoh 5 tahun akan datang?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seterusnya seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, pemerhati yang saya hormati sekalian. Soalan daripada ADUN Pengkalan Berangan seperti yang tertera berkenaan dengan sasaran pembangunan perumahan RMM di Negeri Terengganu dalam tempoh lima tahun akan datang.

Untuk maklumat ADUN Pengkalan Berangan, sasaran pembangunan perumahan RMM di Negeri Terengganu dalam tempoh lima tahun akan datang adalah meneruskan pembangunan RMM yang terdahulu sebanyak 20,000 unit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih di atas penjelasan dan kita sedia maklum bahawa rumah adalah merupakan satu keperluan utama di Negeri Terengganu, jadi soalan tambahan saya, boleh dinyatakan jumlah rumah RMM yang sedang dibina dan yang akan dibina dan di manakah punca peruntukan itu diperolehi, sekian.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Untuk makluman Pengkalan Berangan dan semua, kita melaksanakan projek perumahan RMM ini melalui tiga sumber. Sumber yang pertamanya adalah daripada Kerajaan Negeri. Sumber yang keduanya melalui Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan ini sekurang-kurangnya empat kementerian yang terlibat di dalam program pembinaan perumahan ini. Yang pertamanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang keduanya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), yang ketiganya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan yang keempatnya MOF, Kementerian Kewangan dan yang ketiganya melalui kaedah penswastaan.

Untuk makluman Dewan juga, daripada tiga sumber ini daripada pihak Kerajaan Negeri yang sedang dalam pembinaan sebanyak 1,076 buah rumah, yang dalam perancangan sebanyak 544. Jadi jumlah keseluruhannya adalah 1,620. Sementara daripada sumber Kerajaan Persekutuan, dalam pembinaan sebanyak 1,178 unit dan dalam perancangan sebanyak 2,575 unit. Jumlah keseluruhan daripada sumber Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 3,753 unit. Sementara sumber yang ketiga, daripada program penswastaan, dalam pembinaan ada

sebanyak 5,111 unit dan dalam perancangan sebanyak 3,505 unit. Jumlah keseluruhan daripada penswastaan sebanyak 8,616 unit. Jadi daripada tiga sumber Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga penswastaan, jumlah dalam pembinaan sebanyak 7,365 unit, dalam perancangan 6,624 unit, dicampur kedua-duanya jumlah keseluruhan adalah 13,989 unit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya sila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Soalan saya yang pertama Dato' Yang di-Pertua-

Berapakah jumlah hasil kutipan cukai pintu rumah yang sepatutnya dikutip oleh Kerajaan Negeri semenjak manifesto dilaksanakan?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Seberang Takir yang bertanyakan tentang berapakah jumlah hasil kutipan cukai pintu rumah kediaman yang sepatutnya dikutip oleh Kerajaan Negeri semenjak Manifesto dilaksanakan? Untuk makluman Seberang Takir dan juga Dewan, di antara Manifesto yang telah pun diletakkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam PRU ke-14 yang lalu adalah tidak mengutip cukai pintu rumah kediaman dan apabila sahaja rakyat memilih Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai Kerajaan pada tahun 2018 yang lalu, maka Kerajaan terus melaksanakan Manifesto ini bermula daripada tahun 2018 lagi dan daripada 2018 sehinggalah sekarang 2023, Kerajaan telah pun kehilangan hasil cukai pintu rumah kediaman sebanyak RM82,545,948.26 yang melibatkan semua tujuh PBT yang ada di dalam Negeri Terengganu yang saya ada perincian jumlah-jumlah yang Kerajaan kehilangan hasil cukai kediaman daripada tujuh-tujuh PBT ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Wakil Kerajaan. RM82 juta *ni* dalam keadaan Kerajaan mempunyai kekangan kewangan adalah satu jumlah yang sangat besar. Soalan saya ialah tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengadakan semula kutipan cukai ini secara bersasar? Sekarang di Pusat pun, apa... bantuan-bantuan pun akan diberikan secara bersasar, subsidi pun akan dilaksanakan secara bersasar, lepas

ni mungkin tak semua orang dapat subsidi harga minyak kerana dia akan dilakukan secara bersasar. Jadi saya nak tanya pihak Kerajaan ada tak cadangan untuk mengadakan semula kutipan cukai pintu ini secara bersasar kepada rumah-rumah kediaman ataupun di taman-taman yang mempunyai perkhidmatan oleh Kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Daerah, Bandaraya secara sempurna ataupun secara efisien. *Hok kappung-kappung tu* memang *doh* tahu kadang-kadang sampah dua minggu baru ambil sekali, sampah pun *dok* banyak orang kampung, tapi *hok* bandar *ni* mungkin banyak. Jadi kalau Kerajaan fikir untuk kembalikan semula sedikit hasil tambahan dalam keadaan gini, ada *dok* cadangan *tu* dan satu lagi saya dimaklumkan Kerajaan juga masih kutip cukai pintu daripada premis-premis kediaman, premis-premis niagaan dan juga kediaman-kediaman yang dijadikan *homestay*. Ini pun saya rasa dah sebahagian ada sikit pengecualian, jadi *tu* soalan saya. Apa komen Kerajaan?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Seberang Takir atas soalan tambahan tersebut. Untuk makluman semua, setakat ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk melaksanakan cadangan sedemikian namun kita telah pun menerima beberapa pandangan dan juga cadangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seberang Takir sebentar tadi dan *insya-Allah* kita akan membuat satu kajian yang terperinci bagaimana adakah cadangan itu boleh kita teruskan ataupun sebaliknya sesuai dengan keadaan semasa dan juga sesuai dengan apa yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ADUN Permaisuri, sila kemuka soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua-

Berapa daerah dalam negeri yang terlibat dengan projek di bawah TADC dengan perincian skop dan pelan masing-masing serta tahap atau peratus kejayaan dalam pelaksanaannya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Permaisuri. Daerah-daerah yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek di bawah Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC) beserta dengan perincian. Yang pertama Projek Ternakan Lembu Semi Fidlot di Kg. Pak Kancil di Setiu dalam DUN Permaisuri. pelaburan RM7.085 juta dengan keluasan 250 ekar. Kandang fidlot yang boleh memuatkan 1,000 ekor ternakan telah siap dibina dan telah digunakan. Yang kedua, Projek Pengeluaran Benih Kerapu Hibrid di Pusat Pembenuhan Hatchery Limau Nipis. Projek yang bernilai RM8 juta di atas tanah seluas 12 hektar. Projek ini telah siap tetapi masih menunggu kelulusan KM daripada PBT untuk beroperasi sepenuhnya. Yang ketiga, Projek Tanaman Nenas MD2 juga di Kampung Pak Kancil dalam kawasan Yang Berhormat Wakil Permaisuri usaha sama dengan Syarikat Ras Tanura Sdn Bhd dengan nilai pelaburan RM10 juta berkeluasan 352 hektar dan projek ini dalam proses penilaian dan perancangan semula sebab kita nak masukkan elemen aktiviti *Agrotourism* di dalamnya. Yang keempat ialah Projek Penanaman Napier dan usaha-usaha hiliran di Kampung Setia Jaya di Merang juga dalam kawasan Yang Berhormat Wakil Permaisuri seluas 400 ekar dengan nilai pelaburan RM1.7 juta sekarang ini 125 ekar telah siap ditanam dan proses pembangunan sedang berlaku secara berfasa selaras dengan perolehan mesin dan juga mekanisasi ladang.

Yang kelima, projek penggandaan induk Kambing Tenusu di Kampung Bari, Permaisuri dengan nilai RM1.8 juta berkeluasan 50 ekar. Projek ini sedang berjalan kita telah bawa masuk sebanyak 200 ekor Kambing Tenusu baka Senen daripada Australia yang telah dibiak maka sekarang ini telah bertambah 276 ekor. Yang ketujuh Projek Penanaman Kelapa Matag di Kampung Banggol, Permaisuri dengan keluasan keseluruhan 446 hektar, pelaburan RM19 juta usaha sama di antara TADC dan Ladang Rakyat Terengganu Agribusiness Sdn Bhd yang melibatkan projek Penanaman Kelapa Matag, pembinaan kilang pemprosesan dan juga pembungkusan dan projek ini baru sahaja ditandatangani MOU usahasama pada 1 November 2023 yang lepas. Projek Tapak Semaian di Kampung Pak Kancil di Setiu dengan pelaburan RM4 juta di atas tanah seluas 12 hektar. Untuk Daerah Besut kita ada Projek Pembenuhan Kerapu Hibrid di Kampung Tanjung Demong di Besut dengan nilai pelaburan RM8 juta dan keluasan keseluruhan 12 hektar dan projek ini sedang berjalan. Daerah Marang kita ada Projek Tapak Semaian di Kampung Bukit Parit di

Marang dengan keluasan 1.2 hektar dan juga sedang berjalan. Di Hulu Terengganu kita ada Projek Ladang Napier di Kampung Kuala Ping di Hulu Terengganu usaha sama dengan di antara TADC dengan Syarikat TS Eco Green Enterprise dengan keluasan 60 hektar. Untuk Dungun kita ada dua projek, yang pertama projek Penanaman Napier bagi penghasilan Palpa, ini usaha sama di antara TADC dengan Syarikat Regu Yakin berkeluasan 5141 ekar melibatkan nilai pelaburan RM400 juta dan projek ini belum lagi bermula dan juga kita ada Projek Pemulihan Ladang Rimbunan Kasih dengan tanaman Melon Manis Terengganu usaha sama di antara TADC dan MCT Agriculture Sdn Bhd. Untuk Kemaman kita ada Pusat Semaian di Kampung Meraga Beris di Kemaman yang dioperasikan kerjasama bersama dengan Syarikat Dhuha Barakah berkeluasan 1.2 hektar. Itulah senarai projek-projek TADC yang sedang berjalan di seluruh negeri semua daerah terlibat kecuali Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan saya, kita tahu bahawa negeri Terengganu akan melahirkan Gedung Pengeluaran Makanan untuk negeri Terengganu dan kita sudah disebut oleh Yang Berhormat Wakil Jabi sebentar tadi betapa banyak dan betapa tidak sedikit kos-kos yang telah dibelanja oleh pihak Kerajaan untuk memajukan industri pertanian di dalam negeri Terengganu. Jadi soalan saya ialah berkenaan dengan Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu sejauh mana ia dikembangkan bukan hanya kita tengok di Setiu banyak ini di daerah-daerah lain. Adakah Kerajaan juga berhasrat untuk mengembangkan lagi di daerah-daerah lain selain daripada Setiu.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum daerah Setiu telah diisytiharkan sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu kerana itulah kita tengok tumpuan projek-projek pertanian ini bertumpu di Setiu dengan nilai pelaburan melebihi RM700 juta tapi dalam masa yang sama perancangan seterusnya adalah untuk nak melibatkan daerah-daerah lain bersama secara berperingkat cuma bila kita sebut pertanian, pertanian dan urusan tanah ini tidak dapat dipisahkan kerana itulah kami mengharapkan respon positif daripada Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah apabila dilibatkan

dalam apa-apa Jawatankuasa Bertindak Pertanian terutamanya dari segi komitmen kehadiran mesyuarat dan juga ketersediaan dengan data-data yang diperlukan apabila diminta, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO terus kepada Yang Berhormat Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Hulu Besut soalan nombor dua-

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik infrastruktur di pusat pelancongan terutamanya di DUN Hulu Besut seperti Hutan Lipur Lata Tembakah, La Hot Spring, Airderu dan Agro Darau?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan EXCO, ADUN-ADUN, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pemerhati dan juga para media yang dihormati Allah sekalian. Terima kasih soalan daripada Hulu Besut sepertimana yang tertera dalam skrin. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,331,029.00 bagi menambah baik dan menaiktaraf infrastruktur pelancongan di kawasan Hulu Besut. Peruntukan Kerajaan Negeri seperti berikut:-

1. Cadangan Projek Membaikpulih Dan Juga Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan serta Kerja-Kerja Berkaitan di La Hot Spring, Besut, Terengganu sebanyak RM 940,000.00.

2. Cadangan Membina Dan Menyiapkan Chalet Tambahan Serta Kerja-Kerja Berkaitan di La Hot Spring Hulu Besut Terengganu sebanyak RM 391,029.00.
3. Peruntukan Kerajaan Persekutuan MOTAC Negeri Terengganu 2022 membina dan menyiapkan Arca *Entrance Signage* di bawah tajuk Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Dan Kerja Berkaitan di La Hot Spring Besut Terengganu.

Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DITO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan, Hulu Besut?

YANG BERTAMBAH MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Yang Bertambah Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi banyak-banyak sudah disebut berkenaan dengan Bajet di La Hot Spring dan kalau boleh kena diperkemaskan lagi saya juga ingin bertanya berkenaan dengan perancangan masa depan berkenaan dengan Taman Eko-Rimba (TER) Lata Tembakah yang sekarang ini dalam *dah* tidak macam usang.

YANG BERTAMBAH DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih kepada soalan tambahan. Taman Eko-Rimba singkatannya (TER) Lata Tembakah terletak di kawasan Hutan Simpan Pelagat, Hulu Besut dan di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Tarikan utama kawasan ini adalah 7 tingkat air, 7 tingkat air terjun di samping beberapa buah jeram dan kolam-kolam kecil sesuai untuk aktiviti riadah dan juga rekreasi. Yang Bertambah Dato' Yang di-Pertua, pelbagai kemudahan rekreasi telah disediakan antaranya parkir, pondok rehat, chalet, asrama, tandas, gerai, tapak perkhemahan, jambatan gantung dan laluan pejalan kaki. Lata Tembakah turut dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik kadar bayar masuk adalah hanya RM2 untuk dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak. Dibuka setiap hari kepada pengunjung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang terdapat tiga kakitangan jabatan ditempatkan di kawasan ini bagi tujuan pengurusan dan pemantauan kawasan. Kerja-kerja pembersihan dilaksanakan secara kontrak yang dilantik oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sentiasa menaik taraf dan membaiki kemudahan di Lata Tembakah secara berperingkat bergantung kepada sumber peruntukan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan (KWPH) untuk menjamin keselesaan para pengunjung. Sebagai perancangan pada masa hadapan

jabatan akan memohon peruntukan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia di bawah RP5 RM Ke-12 tahun 2025 bagi projek peningkatan kemudahan asas di Taman Eko Rimba Lata Tembakah, Hulu Besut. Dan permohonan ini akan memberi penekanan kepada menaik taraf kemudahan sedia ada termasuk *parking*, chalet, asrama, jambatan gantung, tandas, gerai dan laluan pejalan kaki. Jabatan juga bercadang untuk menyediakan kemudahan *glamping* dan karavan di kawasan ini sebagai tarikan baru. Menerusi permohonan peruntukan tersebut, jabatan berharap kawasan Lata Tembakah akan menjadi destinasi Eko Pelancongan terkenal di Daerah Besut khususnya di Negeri Terengganu amnya baik dari segi pengunjung tempatan dan pengunjung luar negara. Selain itu, dengan tarikan utama iaitu Air Terjun Tujuh Tingkat, jabatan akan meningkatkan aktiviti promosi menerusi kerjasama dari Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sila Yang Berhormat ADUN Rantau Abang.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rantau Abang soalan nombor 1-

Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi penyediaan modal permulaan kepada golongan muda yang berminat menceburi sektor pertanian?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Soalan Rantau Abang ini akan dijawab gabungan daripada soalan Ladang dan Kuala Besut. Soalan Kuala Besut pada 27.11.2023 tidak sempat dikemukakan. Soalan Ladang *besok*. Jadi saya akan bagi *jugak* ruang untuk soalan tambahan daripada dua Yang Berhormat ini. Ladang dan Kuala Besut. *Insyah-Allah*. Sila Yang Berhormat EXCO.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Rantau Abang. Isu penglibatan anak-anak muda dalam sektor pertanian. Dalam siri-siri program libat urus yang diadakan bersama dengan kelompok masyarakat di pelbagai peringkat, memang

sangkaan awal yang datang dan berminat untuk menceburi bidang pertanian mungkin paling muda pun akhir empat *series* ataupun lima *series* dan enam *series*. Tapi bila kita turun ke lapangan, tanggapan itu sebenarnya silap. Kerana ramai anak-anak muda yang hadir. Dan lebih menarik lagi anak-anak muda yang ada ini anak-anak muda yang mempunyai kelulusan *grad* daripada institusi pengajian tinggi mempunyai ijazah. Bila anak-anak muda ini berkelulusan tinggi, mereka ni ada semangat, ada kesungguhan dan ada cita-cita untuk menjadikan pertanian sebagai satu kerjaya selaras dengan moto Kerajaan Negeri "Pertanian Adalah Suatu Kerjaya". Cuma ada beberapa kekangan yang perlu dibantu oleh Kerajaan Negeri. Yang pertama anak muda tak ada tapak. Tak ada tanah untuk mereka berusaha. Dalam isu ini, Kerajaan Negeri sangat prihatin kerana itulah kita telah menyediakan satu Taman Kekal Pengeluaran Makanan khusus untuk belia bertempat di Telaga Papan, Setiu seluas 90 hektar. Yang ni orang tua tak boleh masuk. Kita khususkan untuk orang-orang muda sahaja. Di samping itu, ada TKPM-TKPM lain Taman Kekal Pengeluaran Makanan seperti Rhu Tapai, Tok Dor, Paloh Jenang, Peradong, Serating yang masih kosong dengan berkeluasan sekitar 190 hektar. Saya anggap inilah di antara tanah yang paling singkat dari segi proses untuk kita bagi kepada rakyat kita dengan kadar sewa yang paling rendah dalam dunia, RM150.00 per hektar setahun sahaja. Dan setiap lot mempunyai 10 ekar. Yang kedua, tanah-tanah kerajaan yang masih kosong juga boleh dimanfaatkan secara LMS. Kalau tanah tersebut berkeluasan kurang daripada 1 hektar, urusannya selesai di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah sahaja. Apabila keluasan tanah melebihi 1 hektar kurang daripada 4 hektar, yang ni bawah bidang kuasa PTG. Dan apabila berlebihan daripada 4 hektar, barulah urusannya agak panjang di pihak berkuasa negeri. Dan jangan fokus kepada tanaman jangka panjang sebab kita nak anak-anak muda kita terlibat dengan *short term crop* tanaman singkat masa dan cepat untuk dapat pulangan.

Yang kedua, anak-anak muda kita sebenarnya ramai yang terlibat dengan industri ternakan. Terutamanya penternakan lembu sado dan juga penanaman napier untuk menghasilkan sumber makanan hijau kepada penternak kita. Ada beberapa orang penternak yang kita luluskan permohonan tanah rizab padang ragut seluas lebih daripada 50 hektar dan mereka berjaya untuk mengoperasikannya dengan baik. Kerana itulah kita ajak anak-anak muda kita sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini, kita masih ada lagi sekitar 2,000 hektar tanah rizab padang ragut yang masih kosong dan boleh dimanfaatkan dengan kaedah penyewaan daripada Jabatan Perkhidmatan

Veterinar Negeri Terengganu. Bila anak-anak muda kita berhadapan dengan isu dana, Kerajaan Negeri daripada tahun 2019 lagi, kita telah menyediakan Skim Bantuan Modal Tani. Satu skim bantuan modal yang paling mudah. Tak perlu ada slip gaji, tak perlu ada penyata bank, tak perlu ada penjamin. Hanya cukup anak muda boleh membuktikan mereka nak berusaha. Kalau nak buat kandang lembu, boleh tunjuk ni tanah tempat saya nak buat kandang lembu. Cuma modal untuk dirikan kandang tak ada. Nak buat kolam ikan, boleh tunjuk ni tanah saya nak gali kolam, benih *takdok* modal. Maka Kerajaan Negeri akan bantu sehingga maksimum RM50,000.00 pinjaman mudah patuh syariah tanpa faedah. Dan kita ada anak-anak muda kita yang berjaya. Macam contoh saudara Haris Nordin yang mengoperasikan pusat pemprosesan susu berteknologi moden di Jenang, di Marang. Kita ada anak muda kita yang baru memulakan perusahaan ternakan ayam secara reban *close system*. Nur Syahidin Abu Hassan di Kampung Temala di Marang. Ini contoh anak-anak muda yang bersungguh berjiwa besar dan bersedia untuk berhadapan dengan cabaran demi untuk berjaya. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat.

YANG BERTAMBAH MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): Terima kasih atas penjelasan yang diberikan. Menunjukkan betapa serius pihak Kerajaan Negeri untuk *support* anak-anak muda yang ada di negeri kita ini. *Alhamdulillah*. Soalan tambahan, apakah ada daripada pihak Kerajaan cadangan bentuk atau jenis pertanian yang boleh diusahakan oleh anak muda sehingga mereka berjaya. Sebab kita *tak nak* bilamana mereka terlibat dengan bidang pertanian ini, hanya berhenti sekerat jalan. Jadi minta penjelasan daripada pihak Kerajaan.

YANG BERTAMBAH DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih adinda Rantau Abang. Memang menjadi fokus Kerajaan Negeri apabila kita merencanakan sesuatu projek, kita rencana dalam bentuk satu rantaian lengkap daripada penanaman sehinggalah kepada pemasaran malah tidak berhenti di peringkat pemasaran, kita *up* satu tangga lagi kepada pensijilan. Dan kita nak supaya semua produk-produk pertanian, penternakan dan perikanan daripada Terengganu ada Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia ataupun myGAP. Jadi kegagalan beberapa projek sebelum ini kerana dia tidak dirancang dalam satu rantaian lengkap. Kerana itulah di samping apa yang telah saya nyatakan tadi,

beberapa insentif kursus-kursus kemahiran jangka panjang, jangka pendek dan jangka sederhana memang sentiasa diadakan secara berkala dan kita letak anak muda kita sebagai usahawan bimbingan di bawah jabatan-jabatan yang berada dalam Portfolio Pertanian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sila Yang Berhormat Ladang.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan soalan saya digabungkan bersama dengan Rantau Abang pada hari ini, saya nak bertanyakan status Skim Bantuan Modal Tani dan jumlah pinjaman yang dimanfaatkan oleh pemohon. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Ladang. Sejak daripada dilancarkan pada Januari 2019, Skim Bantuan Modal Tani telah memberi manfaat kepada 501 orang petani, penternak dan juga nelayan dengan nilai pinjaman RM8.8 juta. Dan sektor ternakan mencatatkan jumlah tertinggi setakat ni dengan RM4.5 juta lebih. Dan untuk tahun 2024 sebagaimana yang ada dalam Buku Bajet, kita teruskan Program SBMT sebagaimana biasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Kuala Besut ada nak tanya? *Takdok doh?* Sila Yang Berhormat Langkap

YANG BERTHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1-

Apakah status kemajuan projek tanaman harum manis dan 'musang king' yang menjadi tanaman perintis bagi projek pembangunan tanah terbiar seperti yang telah dilaksanakan di RTB Pengkalan Aman dan RTB Kampung Rahmat?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih YB Langkap. Program pemulihan tanah terbiar *Pilot Project* di RTB Pengkalan Aman, di Permaisuri dan juga RTB Kampung Rahmat dalam DUN Langkap. Untuk Pengkalan Aman kita fokus kepada tanaman harum manis dan setakat ini, daripada 15.59 hektar yang melibatkan 13 orang peserta. Kita telah mulakan plot percubaan seluas 1.5 ekar dengan tanaman 600 pokok mempelam harum manis. Apa yang kita nak kumpulkan daripada parameter dan data daripada plot percubaan ini ialah yang pertama, ketinggian pokok, diameter batang, kanopi pokok dan juga bilangan dahan untuk kita cari satu kaedah penanaman terbaik dan kita kembangkan kepada keseluruhan tanah RTB yang kita sasarkan dalam program kita.

Yang kedua di RTB Kampung Rahmat Tambahan. Yang ini difokuskan kepada tanaman durian "Musang King", keluasan keseluruhan 246 hektar yang melibatkan 31 orang peserta. Setakat ini kita telah tanam untuk plot *pilot* bagi kajian seluas tiga ekar dan ada beberapa perkara yang ada dalam perhatian kita yang perlu ditambah baik di antaranya infrastruktur jalan ladang, kesuburan tanah dan juga sistem pengairan dan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 pada tahun 2021 ditambah dengan RM600,000.00 pada tahun 2022 bagi penyediaan infrastruktur asas di kedua-dua tanah RTB ini. Dan terdapat beberapa tindakan yang perlu diambil oleh pihak TADC berdasarkan kepada nasihat teknikal daripada Jabatan Pertanian di antaranya berkaitan dengan isu pengairan, kaedah penanaman, syor dari segi pembajaan dan juga bagaimana pengurusan hakisan kerana tanah ini terletak di kawasan yang agak berbukit. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Langkap

YANG BERTHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, memandangkan masih banyak lagi RTB pertanian yang diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini dan boleh kita kategorikan sebagai tanah terbiar. Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan lagi projek pembangunan tanah terbiar di RTB-RTB pertanian selepas pada ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Isu yang sangat menarik Yang BERTHORMAT Langkap. Kerajaan telah berjaya mengagihkan beribu-ribu lot tanah pertanian tetapi rakyat kita dilihat kurang berjaya untuk

nak memajukan tanah-tanah pertanian yang diagihkan ini dan ini adalah satu kerugian yang menyebabkan data tanah terbiar kita bertambah daripada setahun ke setahun dengan agak mendadak. Puncanya kerana kejayaan Kerajaan mengagihkan tanah tapi kegagalan rakyat dalam memajukan tanah. Kerana itulah projek pembangunan tanah terbiar tidak terhenti setakat RTB Pengkalan Aman dan RTB Kampung Rahmat sahaja. Kita akan kembangkan, cuma yang dua RTB ini adalah *pilot project* untuk kita cari plot yang terbaik dan kita kembangkan ke kawasan lain supaya memberikan hasil yang optimum kepada rakyat kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya silakan Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan Air Putih soalan nombor satu-

Apakah pulangan yang diperolehi pihak Kerajaan Negeri dengan penajaan Le Tour de Langkawi tempohari?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat ADUN Air Putih yang telah bertanyakan kepada pihak Kerajaan berkenaan dengan pulangan yang diperolehi dengan penajaan Le Tour De Langkawi. Untuk maklumat Dewan, pulangan yang diperolehi pihak Kerajaan Negeri melalui penajaan Le Tour De Langkawi tempohari adalah sebagai satu *platform* bagi pemerksaan kempen promosi "*Beautiful Terengganu*" dengan konsep *Sport Tourism* yang sangat berkesan dalam mempromosikan Negeri khususnya dari segi pelancongan kerana ruang siaran atau liputan TV antarabangsa yang sangat meluas.

Acara ini juga sekali gus menonjolkan keunikan dan kepelbagaian Terengganu merangkumi produk pelancongan, destinasi seni dan budaya di mata dunia menerusi laluan-laluan trek yang dilalui sepanjang perlumbaan berlangsung.

Itu dalam aspek pelancongan. Dalam aspek sukan, Kejohanan Le Tour De Langkawi juga sebagai satu *platform* bagi Kerajaan Negeri yang terkenal menerima jolokan *Land Of Cyclist* dan menunjukkan keupayaan Terengganu dalam bidang sukan berbasikal. Penyertaan pelumba bertaraf antarabangsa dalam Kejohanan *Le Tour De Langkawi* juga merupakan langkah terbaik untuk menonjolkan pencapaian cemerlang atlet Terengganu dalam sukan ini supaya dapat dikongsi kejayaan atlet bersama semua murid sekolah yang berada di laluan *Le Tour De Langkawi*, penuntut universiti atau jabatan yang diwakili, masyarakat setempat serta orang ramai. Dalam kajian yang kita laksanakan, antara bakat-bakat yang telah kita terima daripada pelumba-pelumba basikal di Negeri Terengganu, kebanyakannya adalah melalui semangat ketika menyaksikan *Le Tour De Langkawi* dan mereka begitu berminat untuk menjadi pelumba-pelumba basikal di Negeri ini. *Alhamdulillah*, ekoran daripada penganjuran *Le Tour De Langkawi*, Terengganu telah berjaya melahirkan bakat-bakat pelumba basikal bukan sahaja bertaraf nasional malahan juga bertaraf internasional yang telah mencipta nama yang cukup baik buat masa ini.

Dalam aspek yang lain, *Le Tour De Langkawi*, melibatkan 11 negeri di Semenanjung Malaysia dengan jarak perlumbaan sejauh 1280 kilometer. Dalam masa yang sama, *Le Tour De Langkawi* menerima satu liputan langsung dari sebuah media antarabangsa yang cukup terkenal iaitu *Eurosport International*. Manakala dalam aspek penajaan, Terengganu berhak menjadi pemegang eksklusif *ASEAN Champion Jersey* ataupun jersi putih pelumba terbaik Asia, menjadi hos rasmi Majlis Team Presentation yang telah diadakan di Kuala Terengganu, permulaan penamat peringkat pertama-kedua, kemudian *live streaming* pada Majlis Pengenalan Pasukan, lima jam *live* di *YouTube* dan laman WEB, lima jam *live telecast* di Stesen TV RTM dan Astro Arena, *highlight* setiap perlumbaan melalui TV tempatan dan antarabangsa, logo di paparan serta kredit dan montaj, iklan komersial video korporat lapan peringkat, temuramah VIP negeri dan pelbagai lagi perkara-perkara lain yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil daripada penajaan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan ini kita gabungkan dengan Bukit Tunggal. Bagi ruang sebab ini soalan, tidak ada peluang *dah* Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): Terima kasih YB EXCO atas jawapan dan penjelasan yang diberikan. Soalan tambahan saya,

adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan penajaan pada tahun hadapan dan adakah laluan *Le Tour De Langkawi* ini mengambil Negeri Terengganu sebagai laluan utamanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan meneliti buat masa ini dengan kelebihan-kelebihan daripada penajaan, tentu sekali penajaan ini boleh diteruskan pada masa yang akan datang. Meskipun demikian, kita akan meneliti dan memperhalusi kedudukan kewangan semasa pada tahun hadapan untuk melihat bagaimanakah bentuk penajaan yang boleh dilakukan pada tahun hadapan untuk *Le Tour De Langkawi*. Laluan-laluan yang telah dipilih bukan berada di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Ia dikelolakan secara langsung oleh pihak penganjur dan pada tahun ini ia dikelolakan terus di bawah Majlis Sukan Negara. Jadi oleh kerana itu kita tidak memiliki satu hak untuk menentukan laluan *Le Tour de Langkawi*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan tadi soalan gabungan daripada Wakil Bukit Tunggul sebenarnya soalan yang berbeza dengan soalan yang dikemukakan oleh ADUN Air Putih. Jadi saya mohon jika sempat Wakil Bukit Tunggul adalah soalan berlainan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey kita tamatkan sesi soalan kita pada pagi ini, diucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat mengemukakan soalan dan juga Yang Berhormat EXCO yang sempat untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Di sini saya mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih serta mengalu-alukan atas inisiatif perkhidmatan kaunter informasi dan aduan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sempena dengan Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada kali ini. Melalui kaunter informasi ini (MCMC) akan menyediakan maklumat mengenai isu-isu capaian serta rangkaian kemudahan jalur lebar oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan di kawasan DUN masing-masing. Oleh itu kesemua Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua jabatan adalah dijemput untuk melawat kaunter informasi (MCMC) yang ada di luar Dewan Persidangan ini, dijemput semua.

Saya juga mengalu-alukan kepada semua pemerhati pada hari ini Khairunnisa', Pertubuhan Kebajikan Wanita Sepakat Terengganu, Perbadanan Pembangunan

Perdagangan Luar Malaysia dan khususnya Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) dan juga seluruh pusat-pusat khidmat yang sentiasa bersama dengan persidangan kali ini dan seluruh peribadi-peribadi yang menyertai pemerhatian dalam persidangan kali ini. Saya ucap terima kasih kepada semua. Kita tutup dan kita tamatkan serta kita tangguhkan sementara Dewan ini dan akan disambung semula pada pukul 11:00 pagi, *insya-Allah*. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk sarapan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI

PUKUL 11.04 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua jabatan, mesyuarat disambung semula. Untuk makluman Dewan masih lagi dalam perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2024. Saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan perbahasan. Dipersila Yang Berhormat Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO-EXCO dan Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-ketua jabatan dan pemerhati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Bajet 2024. Tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas pembentangan bajet yang berhemah kelmarin. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin

mengucapkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin kerana mengutip dana untuk saudara kita di Palestin iaitu Tabung Kemanusiaan Palestin. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dalam Pembentangan Bajet yang bertemakan "Menerajui Era Baru Terengganu" semoga dengan tema ini mampu menjadikan Negeri Terengganu lebih maju dan cemerlang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dalam perbahasan Bajet ini saya ingin menyentuh ada lima perkara.

Pertama isu pelancongan. Negeri Terengganu kaya dengan tempat-tempat yang menarik dan mampu menarik Negeri Terengganu dari dalam dan di luar negara. Saya ingin memfokuskan di daerah Besut. Pertama, Pulau Perhentian yang merupakan industri pelancongan utama di daerah Besut. Banyak hasil yang mampu menyumbang kepada pendapatan negeri. Apa yang saya ingin utarakan ialah memperindahkan dan menambah fasiliti di Pekan Lama Kuala Besut di mana jeti pelancongan ke Pulau Perhentian terletak di situ. Menyediakan lorong pejalan kaki dari terminal bas Kuala Besut ke jeti pelancongan kompleks jeti yang baru dengan kemudahan yang moden. Saya juga ingin mencadangkan agar Besut dijadikan gerbang pelancongan Negeri Terengganu 2024.

Yang kedua perparitan. Saya ingin memohon bajet-satu bajet yang khusus untuk sistem perparitan di DUN Kuala Besut untuk menyelesaikan masalah air bertakung apabila hujan lebat menyebabkan penduduk di sebelah pantai terpaksa berpindah ke PPS. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minggu lepas mangsa banjir yang berpindah ke PPS bukan berpunca daripada air sungai yang melimpah tetapi berpunca daripada air yang bertakung disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna. Kerajaan Negeri mungkin dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit sekiranya sistem perparitan tersebut diselenggarakan dengan baik.

Ketuga, pertanian untuk golongan B40. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut statistik golongan B40 juga mempunyai tanah tetapi golongan ini tidak mampu mempunyai modal untuk diusahakan. Contoh sekiranya satu ekar tanah kebun untuk ditanam durian *Musang King* hasil pendapatan untuk satu tahun lebih kurang RM100 ribu. Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan pendapatan golongan ini. Mohon Kerajaan membuat kajian dan membantu dari segi kewangan.

Yang keempat, pendatang warga asing. Yang Berhormat Dato' di-Pertua, sekarang di bumi Besut kehadiran pendatang warga asing sangat tinggi penglibatannya mereka dalam dua sektor iaitu perniagaan kedai runcit 24 jam sedang tumbuh dengan pesat. Berbagai rungutan didengar dari kalangan penduduk tempatan. Mohon pihak berkuasa tempatan menyiasat mengambil tindakan ini. Pembinaan di sektor pembinaan pula memang ramai terlibat. Ia juga menyumbang kepada masalah sosial dalam masyarakat. Tidak pasti mereka ini datang bekerja secara sah ataupun tidak.

Yang kelima, perindustrian, saya ingin memfokuskan kepada kawasan perindustrian Gong Medang, Besut banyak lagi kawasan dikhaskan didirikan kilang-kilang. Kerajaan perlu mencari pelabur-pelabur tempatan atau luar negara untuk bertapak di sini. Sekarang hanya kilang papan dan perabot sahaja yang beroperasi di kawasan ini. Sekiranya kilang-kilang baru dapat didirikan maka peluang pekerjaan dapat disediakan kepada penduduk tempatan dan mengurangkan masalah pengangguran terutama golongan belia.

Keenam, pelestarian inisiatif kebajikan. Semoga Kerajaan dapat melestarikan inisiatif kebajikan kepada rakyat dengan tambahan 10 lagi janji Manifesto PRU ke-15 baru-baru ini. Dengan ini Kuala Besut menyokong.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih, masa masih lagi. Tapi terima kasihlah. Yang Berhormat Kuala Besut yang telah menyuarakan pandangan dan aduan daripada orang Kuala Besut. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, pengamal media serta para hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Saya memulakan ucapan dengan memetik firman Allah *Subhanahu Wa Taala*. Surah Al-Imran ayat 104.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْتُمْ مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan, dan menyuruh mereka berbuat segala perkara yang baik, serta melarang mereka perkara yang salah (iaitu perkara buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

Setinggi ucapan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pengumuman Belanjawan Negeri Terengganu 2024 yang banyak menimbulkan reaksi positif daripada rakyat Negeri Terengganu. Bajet 2024 ini yang bertemakan Meneraju Era Baru Terengganu memberi peringatan buat semua pimpinan kerajaan negeri akan tanggungjawab sebagai khalifah untuk memakmurkan negeri ini dengan pemimpin dan rakyatnya yang benar-benar memperhambakan diri kepada Allah *Subhanahu Wa Taala*. Tiga teras telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menepati hasrat rakyat secara keseluruhannya untuk diperkukuhkan dengan tiga fokus dan sepuluh sasaran serta strategi utama. Di kesempatan ini saya ingin menarik beberapa perkara yang saya akan tekankan dalam perbahasan saya di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kuala Terengganu adalah sebuah bandar yang mempunyai pemandangan yang cukup indah sesuai dengan imejnya sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air. Saya sangat tertarik dengan projek Lambaian Bayu yang sedang diusahakan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Saya difahamkan projek Lambaian Bayu ini bermula daripada Teluk Ketapang sehingga ke Pantai Pandak, Chendering. Dengan jarak keseluruhan lebih kurang 16 kilometer. Projek ini merupakan satu inisiatif dalam memperkasa pengisian bandar bertemakan warisan pesisir air melalui pembangunan produk-produk pelancongan baru selain memberi nilai tambah kepada kawasan pelancongan sedia ada. Ini menepati sasaran keempat yang terkandung dalam Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan iaitu industri pelancongan perlu diperkasakan dengan kepelbagaian produk ketersediaan kemudahan dan pemeliharaan pelbagai sumber. Oleh itu, antara strategi yang perlu dirangka dan yang perlu diberi perhatian. Antara yang perlu diberi perhatian adalah yang pertama projek Lambaian Bayu ini perlu meningkatkan peranan sektor pelancongan sebagai penggerak ekonomi melalui inisiatif

pembangunan produk-produk pelancongan baru dan yang kedua projek inilah mestilah menjadi tumpuan pelancong sekali gus menyumbang peningkatan ekonomi rakyat dan juga menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan para usahawan dan apa yang mustahak adalah aspek penjagaan ekosistem perlu dititikberatkan demi kelangsungan hidup generasi akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat, terima kasih tidak terhingga kepada pihak kerajaan yang meneruskan program pemeriksaan Mamogram dan Papsmear secara percuma kepada wanita B40 di Negeri Terengganu. Kita sedia maklum bahawa kanser payudara merupakan kanser yang paling banyak mengorbankan nyawa kaum wanita di negara kita. Statistik terkini mencatatkan 1 daripada 19 orang wanita menghidap kanser payudara di Malaysia. Pencegahan awal melalui pemeriksaan Mamogram sangat berkesan dan perlu disediakan kepada kaum wanita terutamanya kaum wanita kepada yang mempunyai risiko terhadap penyakit ini. Tinjauan kesihatan dan YPDK Nasional 2019 menunjukkan kira-kira 75 peratus wanita berusia 40 tahun ke atas di Malaysia ini tidak pernah menjalani pemeriksaan Mamogram sekali gus memperlihatkan tahap kesedaran yang masih rendah. Negeri Terengganu, pusat-pusat perubatan yang menyediakan pemeriksaan mamogram ini terletak di pusat bandar dan keadaan ini menyukarkan golongan wanita yang tinggal di pedalaman atau luar bandar untuk membuat pemeriksaan. Pelaksanaan sebelum ini, selepas mereka membuat saringan kelayakan mereka yang terpilih akan ke hospital di sekitar bandar Kuala Terengganu untuk membuat pemeriksaan Mamogram. Ianya menyulitkan sebenarnya bagi wanita-wanita yang berada di luar bandar dan juga pedalaman serta jauh dari bandar Kuala Terengganu, masalah pengangkutan, masalah jarak yang jauh, kos perjalanan yang besar menyebabkan wanita ini tidak bersungguh dan menanggung untuk membuat pemeriksaan Mamogram. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar diluaskan lagi kaedah pemeriksaan Mamogram ini di kawasan luar bandar atau pedalaman dengan mengadakan kerjasama dengan pihak hospital yang mempunyai peralatan pemeriksaan Mamogram ini secara *mobile* ataupun secara bergerak kepada wanita-wanita ini. Dengan kata lain wanita luar bandar tidak perlu lagi hadir atau membuat pemeriksaan Mamogram di bandar Kuala Terengganu apabila adanya kaedah *mobile* ini. Semoga usaha secara menyeluruh ini diharapkan mampu mengurangkan statistik pesakit kanser payudara di negara kita dan Negeri Terengganu khususnya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada kesempatan ini saya mengajak ahli Dewan untuk memberikan perhatian serius kepada satu lagi isu kesihatan iaitu penyakit menular seksual ataupun *Sexually Transmitted Diseases (STD)* dengan izin, seperti Gonorea dalam kalangan anak muda termasuklah melibatkan pelajar-pelajar IPT di Negeri Terengganu. Gonorea adalah salah satu penyakit kelamin yang dibawa oleh bakteria yang boleh menjangkiti lelaki dan wanita semasa melakukan hubungan seksual. Berdasarkan hasil dapatan data statistik yang saya perolehi daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), anak muda lelaki lebih ramai dijangkiti penyakit kelamin ini berbanding wanita dan umur yang paling tinggi di antara umur 18 hingga 24 tahun. Saya cukup berterima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) yang sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran berkaitan penyakit-penyakit kelamin kepada masyarakat, termasuk juga kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi. Antara program yang pernah dijalankan adalah yang pertama memberi kesedaran sentuhan selamat di kalangan remaja sekolah rendah dan yang kedua program kesedaran HIV dan program kesedaran tentang penyakit kelamin di kalangan pelajar sekolah menengah dan program kesedaran penyakit HIV dan penyakit kelamin untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga NGO.

Walau bagaimanapun, antara isu dan kekangan yang sering dihadapi oleh pihak kesihatan ialah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak boleh membuat saringan penyakit ini tanpa kebenaran ibu bapa. Bagi kanak-kanak pula, seringkali tidak mendapat kerjasama ibu bapa ataupun penjaga untuk membenarkan anak mereka disaring. Ini menyukarkan pihak berwajib memantau kes ini. Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi menangani permasalahan ini iaitu yang pertama, kita libatkan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sebagai jabatan penggerak dari sudut penerapan nilai agama kepada remaja seawal sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Yang kedua, kerjasama dan penglibatan Unit Sukarelawan Kesihatan, ataupun *main champion* dan Program Kesihatan Remaja dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat. Kerjasama dan penglibatan agensi-agensi berkaitan di Negeri Terengganu seperti Urusetia Penerangan Darul Iman (UPDI) dan juga Jabatan Penerangan untuk membantu menyebarkan info-info kesihatan berkaitan kesihatan seksual ini melalui media massa seperti Facebook, TikTok, Instagram atau di mana capaian kepada remaja dan lebih tinggi dan lebih

berkesan. Dan yang paling penting, kempen kesedaran perlu dilaksanakan di peringkat komuniti untuk mempromosikan ujian, saringan dan pencegahan terhadap penyakit kelamin ini.

Di sini saya juga, ingin mengusulkan agar pendidikan formal kita pada hari ini turut menekankan tentang penyakit-penyakit ini bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Program peringkat formal dapat disusun untuk mencakup aspek-aspek penting seperti kesihatan seksual dan hubungan interpersonal. Selain itu, fungsi agensi kesihatan penting untuk memantau dan menyiasat penyebaran penyakit yang lebih efektif dan lebih berkesan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada fokus yang ketiga iaitu menyejahterakan kehidupan rakyat. Saya tertarik juga dengan satu cadangan untuk menggalakkan sesi pembelajaran dan pengajaran yang lebih interaktif serta menambah minat kepada sains dan teknologi. Kesejahteraan kewangan adalah satu istilah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mintak celah sikit. Boleh eh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh Ladang?

[ketawa]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey Ladang *dok* bagi, jangan.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):
Kesejahteraan kewangan...

[ketawa]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jangan ganggu tengah semangat. *[ketawa]*

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): adalah satu istilah yang memberikan gambaran kepuasan seseorang terhadap kedudukan kewangan peribadinya. Memandangkan negara kita menuju kepada negara menua pada tahun 2030, dijangka 15% penduduknya akan berumur 60

tahun ke atas. Ia selari dengan realiti Malaysia memasuki kategori negara yang masyarakat semakin tua iaitu warga emas melebihi 7% yang mana keadaan ini akan mengganggu produktiviti ekonomi negara. Keadaan ini mencerminkan bahawa wanita pada hari ini mengharungi kehidupan semakin mencabar apatah lagi apabila ada sebahagian mereka bertindak sebagai ketua keluarga.

Justeru itu, saya berpesan kepada diri saya dan semua wanita perlu bersedia sepanjang masa tanpa mengira penat dan lelah untuk mencari sesuap nasi kerana hari ini banyaknya berlaku kes keganasan rumah tangga, pengabaian nafkah, suami-suami mengambil kesempatan atas kebaikan isteri. Seandainya mereka ditinggalkan, gantung tidak bertali mahupun diceraikan, maka wanita-wanita tersebut perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara keluarganya sendiri. Maka dengan itu, penyediaan simpanan yang kukuh dan selamat sangat menuntut wanita untuk lebih bersedia menghadapi apa jua keadaan yang tidak dijangka pada masa datang. Dan, usia persaraan dan simpanan pada hari ini sangat mempengaruhi kehidupan wanita untuk berhadapan dengan cabaran mendatang.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memberi amaran kepada pencharum mereka bahawa mereka mesti mempunyai simpanan minimum RM228,000.00 menjelang umur 55 tahun untuk mendapatkan pengeluaran secara bulanan sebanyak RM950.00 bagi memenuhi keperluan asas mereka selama 20 tahun berdasarkan jangkaan purata hayat seorang pesara. Tapi, hari ini menunjukkan bahawa hanya 80% daripada pencharum mempunyai sasaran simpanan minimum RM228,000.00 ini dari akaun mereka pada usia 55 tahun.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga sangat menyokong ucapan Bajet berkenaan institusi keluarga mesti terus diperkukuh kerana nadi kesejahteraan masyarakat dengan kadar penceraian yang semakin menggusarkan satu usaha proaktif perlu dibuat untuk mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan dan juga saya ingin memfokuskan secara serius kepada isu pendidikan awal kanak-kanak yang berumur 0-4 tahun. Di usia inilah, fasa pertumbuhan komunikasi yang paling pesat. Antara inisiatif yang perlu dicadangkan ialah program libat sama komuniti iaitu mewujudkan aktiviti *playgroup* dengan izin, yang melibatkan ibubapa, anak-anak dan komuniti setempat. Aktiviti melibatkan aktiviti pembelajaran, bengkel komunikasi serta aktiviti membaca bersama. Di samping itu juga, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsang kreativiti dan imaginasi anak-anak. Pusat Khidmat Masyarakat di setiap DUN boleh

menjadi pelaras utama inisiatif ini bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan. Selain itu, hasrat Kerajaan untuk menjadikan masjid sebagai pusat umum dan aktiviti kemasyarakatan, masjid ini boleh dijadikan sebagai *one stop center* dengan izin, untuk merealisasikan aktiviti *playgroup* yang melibatkan ibubapa dan komuniti. Dalam masa yang sama ini juga dengan masa yang berbaki ini, saya *nak* sebut sikit satu perkara saya menyokong penuh hasrat Kerajaan untuk menjadikan yang saya sebut tadilah, Terengganu... sekejap *ni*... saya *nak* sebut berkaitan soalan saya tadi.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Relaks.. Relaks.. Takpe kita tambah lagi masa.

YANG BERTAMBAH HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Terima kasih.

[ketawa]

YANG BERTAMBAH HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Saya bersetuju Kerajaan untuk menubuhkan Program Terengganu Sejahtera dan *Brilliant Kids* di semua taska dan YPKT, dan menganjurkan Festival Sains Teknologi Dan Inovasi. Cuma saya mencadangkan, kedua-dua program ini yang wajar dan sangat sesuai dianjurkan bersama dengan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT). Sebagai rakyat Terengganu, sebenarnya saya cukup berbangga dengan kewujudan PSKT ini yang telah memberi impak yang banyak kepada kualiti pembelajaran sains teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM terutamanya pembelajaran di luar bilik darjah. Pendekatan ini telah membuka mata masyarakat tentang kepentingan pembelajaran STEM dan juga TVET ini. Ucapan tahniah dan syabas kepada semua jabatan dan agensi dalam menggembleng usaha ke arah kecemerlangan pendidikan Negeri Terengganu. Suka saya membuktikan bahawa peranan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) bukanlah hanya sekadar memenuhi kriteria hak pelancongan malah ianya satu wadah aktiviti keluarga dan masyarakat untuk menimba ilmu secara santai. Dan, keberkesanan PSKT ini boleh diukur berdasarkan peningkatan pengunjung yang sentiasa mencatatkan pola menaik dan *insya-Allah* kita optimis untuk mencapai sasaran seramai 150 ribu orang pengunjung menjelang akhir tahun ini.

Dan yang terakhir, Dato' Yang di-Pertua, saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang terus berusaha untuk memberi pelbagai inisiatif kebajikan kepada rakyat walaupun kita berdepan dengan tekanan dan kekangan. Program-program yang diteruskan seperti Basiswa Skim Pelajar Cemerlang, Walimatul Urus Perdana, Tabung Darul Iman diteruskan pada tahun ini, tahun hadapan dan pastinya rakyat mengukir senyuman manis sebaik mendengar Pembentangan Belanjawan ini dan untuk memperkasakan kebajikan rakyat, saya mencadangkan agar disegerakan menaiktaraf Tabung Darul Iman kepada Yayasan Darul Iman agar terus proaktif dalam mentadbir urus kebajikan rakyat.

Sebagai penutup, besar harapan kita sebagai rakyat Terengganu agar Belanjawan 2024 ini tidak sekadar cantik ditatap di atas kertas dan manis hanya dibibir tanpa pelaksanaan yang cekap di semua peringkat. Paling penting rakyat seluruhnya perlu bersama-sama berganding bahu dalam menterjemahkan hasrat rakyat dengan penuh iltizam. Kita saling mendoakan agar Terengganu yang kita cintai ini menjadi contoh negeri yang diredhai Tuhan dan disegani orang, adil, prihatin dan berkeadilan. Dato' Yang di-Pertua, Wakil Ladang mohon menyokong.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Seterusnya saya persila mana-mana Yang Berhormat untuk... Yang Berhormat Hulu Besut, sila.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Ahli Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين ولا عدوان الا على الظالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء
والمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta para pemerhati, pengamal media yang saya kasihi sekalian. Syukur kita kehadiran Allah *Subhanahu Wa Taala* di Dewan yang mulia pada pagi ini dapat bersama-sama dan juga saya nak ucap jutaan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Pembentangan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang membawa

meneraju "Era Baharu Negeri Terengganu". PRU dan PRN telah selesai dilaksanakan. Rakyat telah membuat keputusan melalui sistem demokrasi yang kita amalkan selama ini. Keputusan pun telah kita diketahui. Kerajaan yang dipanggil Kerajaan Perpaduan telah dipilih untuk memerintah negara ini. Negeri Terengganu pula rakyat telah memberi kepercayaan sokongan penuh kepada Parti PAS untuk memerintah secara mentadbir Terengganu untuk tempoh 5 tahun seterusnya. Semua pihak menerima keputusan ini. Terengganu mencatat sejarah baharu setelah PAS memenangi kesemua kerusi DUN yang dipertandingkan iaitu tiga puluh dua kosong (32-0) manakala di peringkat Parlimen, PAS juga memenangi lapan kosong (8-0). Ini adalah keputusan rakyat bukan keputusan pimpinan politik tapi satu kerusi yang semua kita tahu yang kita dapat calon iaitu Yang Amat Berhormat kita sekali lagi untuk bertanding di Parlimen Kemaman dan *insya-Allah* tunggu dua haribulan nanti kita akan angkat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sebagai Ahli Parlimen.

Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang diungkap oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet dua hari lepas, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mestilah menunaikan tanggungjawab masing-masing selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan harus menunaikan tanggungjawabnya kepada Kerajaan Negeri melalui sistem *feudalisme*. Begitu jugalah Kerajaan Negeri akan menunaikan tanggungjawabnya kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan Persekutuan akan membayar Wang Royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu mengikut jadual agar Pentadbiran Negeri dapat berjalan dengan lancar. Semenjak Kerajaan Perpaduan memerintah negara ini, bayaran Wang Royalti ini tidak mengikut jadual seperti yang kita sedia maklum. Situasi ini tidak berlaku sebagaimana yang sering diucapkan ketika menjadi pembangkang dahulu.

Dato' Yang di-Pertua, jika Kerajaan Perpaduan tidak dapat menerima keputusan rakyat Negeri Terengganu yang memilih PAS menerajui Kerajaan ini maka adalah lebih baik tak payahlah nak buat sistem demokrasi. Hapuskan sistem demokrasi yang diamalkan ini. Sistem ini tidak berguna jika parti-parti tertentu tidak menerima keputusan yang telah dibuat oleh rakyat. Kalau kita nak amalkan sistem ini, semua pihak harus berlapang dada menerima sebarang keputusan pilihanraya barulah negara akan terus bergerak maju ke hadapan. Negeri Pembangkang juga harus diberi layanan yang baik sama dengan negeri-negeri yang lain. Oleh yang demikian saya mengharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri

akan terus berusaha membawa balik Wang Royalti ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu bukan menggunakan orang tengah seperti melalui Agensi Kerajaan Persekutuan di Negeri Terengganu. Ini adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Dato Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu Terengganu sekarang adalah negeri yang paling tinggi kedatangan pelancongnya terutama pelancong domestik. Tahun 2022, Terengganu mencatat jumlah kedatangan pelancong domestik seramai 800 ribu orang. Kalau salah minta perbetulkan. Tempat yang kedua di belakang Negeri Selangor. Kita mempunyai banyak tempat-tempat yang menarik seperti Pulau Perhentian, Pulau Redang, Drawbridge dan sebagainya. Sektor ini mestilah dibuat secara bersungguh-sungguh kerana ia memberi impak yang sangat besar kepada rakyat dan Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya mencadangkan beberapa perkara bagi meningkatkan lagi pembangunan sektor ini. Kemudahan penginapan yang bertaraf empat atau lima bintang. Penginapan yang bertaraf empat lima bintang ini perlu memberi peluang pelancong yang banyak duit untuk menginap di sini. Kita kena tarik pelancong-pelancong yang berduit ini untuk menginap di hotel-hotel yang bertaraf lima bintang. Saya sedih melihat Hotel Primula yang dulu adalah menjadi satu tempat yang penginapan yang bertaraf lima bintang ataupun empat bintang sekarang ini boleh dikatakan tiga bintang dan agak usang bila kita menginap di situ. Oleh itu, tindakan segera mesti dilakukan oleh Pihak Kerajaan untuk mengangkat Hotel Primula yang kita miliki itu.

Di Pulau Duyong suatu ketika dulu terkenal dengan Monsoon Cup. Kerajaan menghabiskan wang berjuta-juta melaksanakan projek tersebut. Setelah Monsoon Cup berlabuh tirainya maka tidak ada lagi acara sukan bertaraf antarabangsa berlangsung di situ. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tempat berkenaan dapat digunakan semaksima yang mungkin di musim-musim tengkujuh seperti ini. Sebagai contoh kita melaksanakan pertandingan kayak antarabangsa atau pertandingan perahu panjang antarabangsa atau pesta sukan air antarabangsa dan sebagainya yang boleh menarik minat pelancong untuk datang ke negeri kita.

Di Pulau Perhentian, Pulau Redang terkenal seantero dunia. Ramai pelancong dunia yang bertumpu ke pulau-pulau ini. Cuma kita sedih melihat jeti-jeti yang hendak pergi ke pulau. Sudah zaman berzaman terutamanya saya tengok jeti di

Pulau Redang yang digunakan oleh pelancong macam jeti nak pergi menangkap ikan sahaja. Jadi, saya mencadangkan Kerajaan Negeri ambil perhatian yang serius untuk membina jeti yang moden setaraf dengan nama Pulau Redang tersebut dengan jeti yang moden sebagaimana jeti untuk ke Pulau Langkawi agar dilihat setaraf dengan nama pulau yang dikenali di seluruh benua.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di kawasan Hulu Besut di mana soalan telah diajukan terutamanya dalam tempat-tempat perkelahan seperti La Hot Spring, Lata Tembakah dan Air deru yang ada aset, itu sahaja aset yang ada di Hulu Besut dan saya mohon, besarlah harapan penduduk Hulu Besut agar tempat-tempat begini diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan kerana ia merupakan aset dan akan menambah pendapatan untuk rakyat di kawasan Hulu Besut. La Hot Spring telah beberapa kali dikunjungi oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu, kita mohon agar pihak Kerajaan dapat melihat kemudahan-kemudahan di La Hot Spring tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, masjid juga merupakan tempat yang penting dalam institusi masyarakat Islam di Negeri Terengganu. Kita mempunyai banyak masjid yang cantik dan indah, pelancong yang datang ke Terengganu sering memuji akan keindahan masjid serta banyak masjid di Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri haruslah memberi tumpuan kepada pembangunan dan pengimarahkan masjid ini, kita tidak nafikan ada masjid yang sangat baik dari segi pengimarahkan, namun ada masjid yang sangat daif sama ada dari sudut pengimarahkan atau kebersihan sekitar masjid. Jabatan Hal Ehwal Agama sebagai agensi yang bertanggungjawab mestilah membimbing masjid di kawasan masing-masing untuk menjadikan masjid yang baik dalam pelbagai segi. Masjid adalah merupakan satu tempat untuk umat Islam beribadat, maka kita harus sama-sama menjaga kebersihan masjid ini. Dalam hal ini saya mencadangkan pihak Kerajaan mewujudkan sistem penarafan masjid di negeri. Sistem penarafan bolehlah dikategorikan sebagai kategori A, B dan sebagainya. Sampai masa sistem ini perlu dibuat, kerana hendak melihat masjid bukan lagi tempat menunaikan solat sahaja, tetapi juga sebagai pusat perkembangan ilmu dan masyarakat, serta kegiatan komuniti yang lain. Masjid yang mencapai *standard quality* mestilah diberi sedikit geran tahunan untuk mereka terus bergerak ke hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, jika ini dapat dilaksanakan ia akan membuka mata setiap Ahli Jawatankuasa Masjid untuk sama-sama menjaga serta mengimarahkan

rumah ibadat dengan sebaik yang mungkin kerana mereka mahu masjid di kampung masing-masing dilabel dengan gred yang rendah. Di samping itu, Kerajaan juga disarankan untuk memilih lima masjid setiap daerah sebagai contoh kepada masjid-masjid yang lain. Wujudkan mentor mentee bagi sama-sama kita membimbing masjid-masjid yang lain. Lima masjid yang menjadi contoh ini bertukar jika ada masjid yang lain, yang kelihatan lebih baik untuk masa-masa akan datang.

Jika sistem ini dapat dilaksanakan, saya yakin Institusi Masjid Terengganu akan menjadi contoh kepada masjid-masjid di negeri-negeri yang lain. Suka saya sebut berkaitan dengan masjid di Kampung Tasek di Hulu Besut yang mana sebelum ini pernah diluluskan oleh Kerajaan Pusat pada tahun 2022 pembinaan masjid, maka saya mohon pihak Kerajaan melihat semula kelulusan tersebut sekiranya ada bolehlah kita, untuk kita proses pelaksanaan.

Dato' Yang di-Pertua, belia adalah merupakan aset bagi utama negeri, belia lah yang mempunyai, yang akan menentukan masa depan negeri ataupun negara kita. Mereka haruslah dipersiapkan dengan pelbagai ilmu dan pengalaman bagi menjadi pemimpin masa hadapan. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri yang sentiasa membantu belia melalui persatuan belia di peringkat negeri ataupun di peringkat kampung-kampung. Kita mesti menerima hakikat bahawa kepimpinan belia atau semangat berpersatuan di kalangan belia sudah semakin merosot. Persatuan belia dilihat semakin tidak diminati oleh anak-anak muda, dan belia beliawanis kita punca dan sebabnya haruslah kita mengkaji secara ilmiahnya. Bagi membentuk belia generasi Terengganu yang berketerampilan, saya mencadangkan Kerajaan Negeri mewujudkan institusi kepimpinan belia Terengganu, ia bukan baru, tetapi segala kemudahan belia ada seperti di ITC dan sebagainya. Bentuk satu model khas pembangunan Belia Terengganu, model ini nanti akan digunakan untuk membentuk generasi belia Negeri Terengganu. Model bolehlah diambil dari Program Kepimpinan Perdana yang telah dibuat semasa era Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa menjadi Menteri Belia dan Sukan sekitar tahun 90 an.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Minta mencelah sikit Yang Berhormat, jiran tapi ada sedikit persoalan. Akhir-akhir ini Yang Berhormat setuju tak, saya melihat ramai belia-belie ini terdiri daripada anak-anak kampung, tapi kita sudah jarang kelihatan belia-belie yang diceburi oleh contohnya para guru yang habis belajar jadi guru mengajar, kakitangan

kerajaan, kalau dulu pegawai-pegawai di pejabat daerah pun ada terlibat dengan aktiviti persatuan belia. Hari ini kita sudah jarang kelihatan perkara-perkara yang macam itu menyebabkan kita tengok belia semakin malap hanya yang ada belia-belia di kampung-kampung sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Saya setuju dengan Permaisuri, itulah yang saya cadangkan tadi untuk melihat, Kerajaan melihat agar dapat dibangunkan semula institusi belia supaya boleh bergerak maju ke hadapan. Kerajaan Negeri melalui Belia, EXCO Belia dan Sukan, Unit Belia Sukan dan NGO, Jabatan Belia dan Sukan bersama-sama Jabatan Pertanian harus digemblengkan bagi membawa belia ataupun beliawanis menerjah dalam bidang pertanian. Tenaga muda ini amat diperlukan untuk membangun sektor pertanian kerana pada masa ini 75% petani, penternak dan nelayan adalah generasi lama. Jika ini berjaya mungkin Terengganu antara negeri pembekal makanan utama negara pada masa hadapan, masa ini menjadikan ianya satu realiti bukan lagi masa untuk beritorik.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, di Hulu Besut terdapat perumahan yang sedang dalam pembinaan iaitu Taman Perumahan Penggiran Pasir Akar yang mana proses kemajuan kerja amatlah sangat perlahan. Oleh yang demikian, saya mohon pihak yang berkenaan sewajarnya memantau kemajuan kerja ini supaya projek ini tidak dilihat terbengkalai ataupun mungkin akan terbengkalai. Ianya adalah satu kerugian bagi rakyat di DUN Hulu Besut sekiranya projek ini terbengkalai di tengah jalan kerana rakyat di DUN Hulu Besut amat memerlukan satu kawasan perumahan yang bersistem.

Di DUN Hulu Besut juga saya ingin menyampaikan hasrat dan tidak akan putus-putus untuk memohon dengan Kerajaan terutamanya dari segi pembinaan jalan Keruak ke Kelantan, kerana ini akan memacu sistem ekonomi rakyat di DUN Hulu Besut. Saya tidak akan berhenti bagi mewakili rakyat di DUN HULU Besut akan terus bersuara dan merayu kepada pihak Kerajaan sehingga projek ini dapat dilaksanakan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Besut. Sila Yang Berhormat, mana-mana Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا
وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

dan tidak satu pun makhluk yang bergerak, yakni yang bernyawa di bumi, melainkan semuanya dijamin Allah rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat penyimpanannya. Semua tertulis dalam kitab yang nyata yakni Lauh Mahfuz'.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang dikasihi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat- Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah agensi, pemerhati dan petugas media yang dihormati sekalian,

Pengkalan Berangan panjatkan kesyukuran dan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang sangat unik dan luar biasa dari kebiasaan yang telah dilakukan sebelum ini. Belanjawan yang hanya menyatakan rangka kerja dan objektif pencapaian tanpa meletakkan angka yang hendak dicapai, adalah pertama dan julung-julung kali dibuat. Menepati kehendak peraturan dan tata urus tadbir berhadapan dengan Pilihan Raya Kecil Kemaman yang dipaksakan kepada rakyat Kemaman dek dendam dan keangkuhan musuh politik yang bakal berlangsung pada 2 Disember 2023. Tahniah, Pengkalan Berangan ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar kerana telah dipilih untuk bertanding bagi mewakili Parti Islam SeMalaysia (PAS) mempertahankan Parlimen Kemaman. Walau berat hati seluruh warga Marang untuk melepaskan yang di-Pertua PAS kawasan Marang, namun kita akur dengan agenda besar parti dan seluruh rakyat agar perubahan besar bakal berlaku di Parlimen Malaysia nanti. Naratif rasuah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam kes petisyen Kemaman hanya dilihat menjadi rasuah apabila dilakukan oleh

Kerajaan Negeri Terengganu. Dalam mana kerajaan masih wujud dan masih ada kuatkuasa dan mempunyai kedudukan sah di sisi undang-undang untuk melaksanakan agenda kebajikan kepada rakyat. Namun ianya tidak sebegitu, apabila dilakukan oleh Kerajaan Pusat dengan penyalahgunaan yang berleluasa oleh agensi-agensi seperti Felda, Jabatan Pelajaran, Pendidikan dan lain-lain agensi yang dilihat dengan rancaknya melakukan pengagihan barangan kepada pengundi di banyak tempat di PRK Kemaman yang sedang berlangsung sekarang ini. Alangkah ajaib dan hairannya kelakuan mereka yang sudah memang sinonim dengan agenda sumbang dan perbuatan ini. Di manakah tata kelola yang dibanggakan menjadi teras kepada pentadbiran Kerajaan Madani yang digembar gemburkan? Apakah ianya satu retorik yang tidak bermaruah yang cuba menyembunyikan hakikat sebenar Kerajaan Madani yang sedang mengurus dan mentadbir negara yang kita cintai ini. Semoga Allah menjauhkan kita dari kepemimpinan khianat dan tidak beramanah seperti ini.

وَإِذَا صُرِفَتْ أَبْصَارُهُمْ تِلْقَاءَ أَصْحَابِ النَّارِ قَالُوا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ
dan apabila pandangan mereka dialihkan ke arah penghuni neraka, mereka berkata Ya Tuhan kami janganlah Engkau tempatkan kami bersama-sama dengan orang yang zalim itu'

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, belanjawan yang dibuat penuh hemah dan bijaksana bagi memastikan kelestarian Negeri Terengganu mendepani tamadun dunia alaf baharu dapat direalisasikan dengan penuh adil dan saksama serta tanggungjawab dan beramanah oleh semua lapisan pentadbiran dan pengurusan sehingga rakyat bawahan yang semestinya akan mendapat labur dan manfaat yang sebaiknya supaya kita tidak akan dipertanggungjawabkan di hadapan Tuhan Rabbul Jalil di atas setiap hak yang ditaklifkan kepada kita. Allah berfirman di dalam Al-Quran Nul Karim.

وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَنَمَسْكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ
"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka kalau kamu berlaku demikian, api neraka akan membakar kamu sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain daripada Allah, kemudian dengan sebab kecenderungan kamu itu, kamu tidak akan mendapat pertolongan"

Dengan tema Meneraju Era Baharu Terengganu, Pengkalan Berangan berharap agar Belanjawan yang dibentangkan mampu untuk mencetuskan kehidupan yang lebih Maju, Berkat, Sejahtera. Mendepani kemelut ekonomi dunia yang semakin gawat dan tidak keruan.

Di bawah kaki ada rumput,
Lumpur menempel pasti terbaut,
Rezeki halal mesti dijemput,
Dengan ikhtiar serta taqwa.

Kebun mangga banyak sukunya
Pasal baju banyak batiknya
Bekerjalah setekun-tekunnya
Berdoalah sebaik-baiknya.

Pengkalan Berangan mengambil kesempatan di peluang yang sangat bermakna ini untuk mengajak semua kita kepimpinan yang telah dilantik oleh rakyat untuk sentiasa bersama dengan kerajaan majoriti pilihan rakyat Terengganu untuk sentiasa teguh pertahan, bekerja kerana Allah bagi memastikan ekonomi negeri dan kesejahteraan serta kebajikan rakyat dipacu dan dibela dalam memastikan tahap kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kita tidak sepatutnya menggunakan peluang dan keyakinan yang telah diberi oleh rakyat hanya untuk menjadi pemerhati kepada kesusahan dan kepayahan rakyat sehingga mereka menderita dan merana. Nabi ﷺ mengungkapkan:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ تَعَالَى فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ إِمَامٌ عَدْلٌ

"Tujuh kumpulan manusia yang dinaungi oleh Allah pada hari yang tiada tempat bernaung, yakni hari kiamat melainkan naunganNya, pertamanya ialah pemimpin atau raja yang adil".

(Al Imamul Abid)

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam merangka perjalanan kehidupan rakyat meneraju Era Baharu Terengganu, kerajaan perlu untuk lebih prihatin dan mengambil kira perkembangan semasa teknologi yang sedang dibina *IoT*, ataupun *Internet of Things* dengan izin, adalah elemen penting dalam pembinaan negara baharu yang perlu diberi perhatian. Melestarikan kehidupan masyarakat dengan peradaban baharu ini adalah sangat perlu agar kita tidak

tertinggal dan ditinggalkan. Banyak urusan kehidupan hari ini telah diambil alih oleh mesin dan robot. Pengkalan Berangan suka mencadangkan agar Pusat Latihan Kemahiran dan teknologi seperti Terengganu Skills ataupun TESDEC dan lain-lain pusat latihan milik Kerajaan Negeri dipertingkatkan agar mampu untuk memberi saham dalam pembangunan Negeri ke arah peradaban teknologi yang sangat pesat ini. Kursus yang berkaitan dengan teknologi terutamanya *renewable energy* dan nadir bumi yang sedang diusahakan perlu diwujudkan dan perlu ditambah kepakaran yang ada. Rakyat perlu mendapat sebaik ilmu dan kepakaran dalam bidang berkaitan bagi memastikan kepakaran itu juga dibangunkan bersama dalam kita mengusahakan sumber yang ada.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Negeri kita mempunyai simpanan nadir bumi yang banyak dan berkualiti tinggi. Oleh itu adalah menjadi kewajaran bagi kerajaan untuk memastikan kita juga mampu untuk menerajui teknologi ini dari hanya membiarkan hasil mahsul negeri yang sangat berharga ini dijarah dan dijajah serta diangkut keluar oleh negara luar sebagaimana pengalaman kita pernah dijajah oleh bangsa asing sebelum daripada ini yang telah mereka yang menjajah telah mengangkut hasil mahsul kekayaan negara kita ke negara mereka sehingga membiarkan kita dalam kerugian yang tidak sedikit.

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٦٢

Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya dan menyempitkan rezeki baginya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Justeru itu, Pengkalan Berangan berharap agar Pihak Kerajaan mengambil kira perhitungan agar industri berkaitan dengan penghasilan nadir bumi ini dapat dilaksanakan dalam negeri kita bagi memastikan kita mendapat hasil dan manfaat yang optimum dari rezeki kurniaan Allah yang tidak terkira ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri masih lagi sangat bergantung kepada pendapatan dari terimaan bukan hasil yang merupakan Dana Khas Persekutuan dari bayaran hasil Petroleum yang masih dipolitikkan dan dipolemikkan keabsahan hak. Kepada rakyat dan Negeri Terengganu kita hanya menjangkakan sejumlah RM249.07 juta sahaja hasil dari keupayaan penjanaaan dalam negeri yang mampu dicapai oleh kerajaan berbanding keseluruhan hasil RM1.860 bilion yang dianggarkan iaitu hanya 13.4% sahaja. Pengkalan Berangan berharap agar dengan kewujudan portfolio hasil baharu

Negeri Terengganu, kita mampu untuk meningkatkan lagi sumber pendapatan ekonomi negeri sehingga tidak perlu untuk bergantung secara tuntas dengan hasil Petroleum yang menjadi hak yang dipersetujui secara pelebagaannya adalah milik kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu yang saban waktu dan ketika perlu ditagih dan dirayu untuk mendapatkannya. Betapa jijik dan tidak berakhlaknya mereka yang menguruskan khazanah hasil bumi yang telah bertahun disalurkan kepada Kerajaan Negeri sehingga sebegitu sekali dendam politik, mereka cuba menghalang dan menyekat apa yang telah disepakati dan dipersetujui. Akta 144 Kemajuan Petroleum 1974 dengan jelas melalui para empat memperuntukkan apa-apa bayaran, pembayaran kepada mana-mana Kerajaan Negeri yang berkaitan hendaklah dibayar secara tunai oleh Petronas. Rasulullah ﷺ menjelaskan empat ciri-ciri orang munafik yang dalam sabdanya daripada Abdullah bin 'Amr R.A yang mengutip sabda Rasulullah ﷺ

أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُنَافِقًا خَالِصًا ، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنَ
النِّفَاقِ حَتَّى يَدْعَهَا إِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ وَإِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا عَاهَدَ غَدَرَ ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ
"Ada empat tanda, jika seseorang memiliki empat tanda ini, maka ia disebut munafik tulen. Jika ia memiliki salah satu tanda, maka dalam dirinya ada tanda kemunafikan sampai ia meninggalkan perilaku tersebut, yaitu: jika diberi amanah dia, khianat; jika berbicara, ia dusta; jika membuat perjanjian, tidak dipenuhi; jika berselisih, dia akan berlaku zalim.

(Hadis muttafaqun alaih)

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, lampu jalan di laluan utama Jambu Bongkok Rantau Abang, mohon untuk diberi perhatian serius. Isu ini dah berlarutan agak lama. Seingat Pengkalan Berangan daripada penggal lepas lagi, bahkan sebelum daripada itu. Apa isunya? Isunya lampu jalan tidak menyala dan bercahaya. Jadi Pengkalan Berangan mohon supaya lampu jalan yang sedia ada terpasang itu menyala dan bercahaya. Bukan Pengkalan Berangan sahaja mohon supaya bercahaya, saya cukup yakin Paka, Rantau Abang, Sura dan semua mohon supaya lampu tersebut menyala dan bercahaya. Bila dimohon supaya menyala dan bercahaya, timbul persoalan. Jika bercakap dengan laras bahasa pejabat, akan timbul tanggungjawab siapa? Negeri atau Federal? Tapi Pengkalan Berangan lebih memilih laras bahasa rakyat. Lampu yang dipasang hendaklah menyala dan bercahaya. Ada lampu yang tidak menyala dan

bercahaya, orang panggil zalim, kan? Mohon Paka komen sedikit lepas daripada ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Takdok kaitan dengan pendidikan *tu*...

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):
Laluan utama Paka. CBT ataupun *Community Based Tourism* adalah program *quick wins* ataupun *low hanging fruit* dengan izin, yang perlu diberi perhatian. Mohon kerajaan untuk menyokong perjalanan CBT di seluruh negeri dan di Pengkalan Berangan ada beberapa CBT yang berdaya maju seperti Merchang Lestari, *Hiking* Lubuk Batu, Kampung Tradisi Jenang dan lain-lain agar terus dapat berkarya di pentas pelancongan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhirnya, mewakili Warga Pengkalan Berangan merakamkan ucapan terima kepada Kerajaan Negeri di bawah portfolio Yang Berhormat Paka, puji *tu*, telah memulakan Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Marang dan dalam masa yang sama mengharap proses pembinaan ini berjalan mengikut perancangan bagi memastikan agenda pembangunan insan dan pendidikan dapat digerakkan secara bersepadu dan berdaya saing.

Gunung Tahan sama didaki,
Sungai Marang sama di renang,
Jikalau semua bersatu hati,
Kerja susah menjadi senang

Pengkalan Berangan mohon menyokong Belanjawan 2024. Sekian, terima kasih.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Sila Yang Berhormat Bukit Tinggi.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tinggi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 سبحانك لا علم لنا الا ما علمتن انك انت العليم الحكيم
 لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
 أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Barisan EXCO, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati dan rakan media yang dikasihi sekalian,

Alhamdulillah. Kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* dan terima kasih Bukit Tunggal ucapkan kepada Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada Bukit Tunggal untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Enakmen Perbekalan 2024 yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari Isnin lalu. Bukit tunggal mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah berjaya membentangkan Enakmen Perbekalan 2024 yang merangkumi seluruh sentimen masyarakat di dalam negeri ini disebalik kekangan kewangan yang dialami oleh Kerajaan Negeri akibat daripada tindakan pihak-pihak tertentu yang masih tidak berpuas hati dengan pilihan rakyat Terengganu pada PRUN yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan adalah didapati anggaran hasil daripada cukai hanyalah berjumlah RM80,056,566.00 iaitu hanya 4.3% dari keseluruhan anggaran hasil Negeri Terengganu bagi tahun 2024 dan dari jumlah tersebut, anggaran hasil cukai langsung adalah sebanyak RM76,127,526.00 dan daripada anggaran hasil cukai langsung tersebut juga, cukai tanah semasa menyumbang sebanyak RM35,476,521.00 iaitu 46.5% daripada anggaran cukai langsung bagi tahun 2024. Tunggakan cukai tanah pula dijangka akan menyumbang sebanyak RM1,117,686.00 iaitu 1.46% dari keseluruhan anggaran hasil cukai langsung.

Dato' Yang di-Pertua, melihat kepada anggaran hasil cukai langsung di atas, cukai tanah menyumbang hampir separuh daripada anggaran cukai langsung bagi tahun 2024. Kadar cukai tanah di Negeri Terengganu yang telah lebih 35 tahun tidak disemak sebagaimana yang disebut di dalam ucapan Belanjawan adalah merupakan antara kadar cukai tanah yang terendah di Malaysia kalau

tidak di dunia. Sekiranya kadar cukai ini dinaikkan, contoh kepada 50% daripada kadar sedia ada, ianya akan menyumbang tambahan kepada hasil cukai langsung sebanyak RM17,738,260.00 menjadikan hasil cukai langsung dan kutipan cukai tanah adalah sebanyak RM53,214,781.00. Satu perkara yang harus diingat dan diberikan perhatian apabila kita mencadangkan kenaikan sebanyak 50% ianya hanya melibatkan pertambahan, sebagai contoh dari cukai tanah sedia ada yang sekarang ini bernilai RM10.00 satu lot, satu tahun, kepada RM15.00. Pertambahan RM5.00 sahaja bagi satu tahun untuk satu lot. Contoh untuk lot yang kecil. Sebagai perbandingan kadar cukai tanah di Negeri Pahang, di Pahang bagi tanah syarat pertanian berkeluasan dua ekar, cukai setahun ialah RM18.00 manakala bagi Terengganu dengan keluasan yang sama dengan syarat pertanian, cukai tanah kita adalah RM9.00. Sekali ganda Dato' Yang di-Pertua. Jadi boleh kita fikirkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga di dalam ucapan semasa membentangkan Belanjawan ada menyebutkan berkenaan pindaan kadar dan pengenalan baharu bayaran pejabat yang akan dikuatkuasakan berperingkat secara berperingkat bermula awal tahun hadapan. Bukit Tunggal menyokong penuh langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Sebagai contoh, harga bagi satu Carian Rasmi, Carian Rasmi bagi tanah kalau ada nak buat urusan, dia akan beli Carian Rasmi di Pejabat Tanah ataupun di pejabat PTG. Satu carian, satu salinan bagi Negeri Terengganu sekarang hanyalah RM10.00, RM20.00 Carian Rasmi dan bagi Carian Persendirian yang tidak memerlukan *sign* daripada Pentadbir Tanah hanyalah RM10.00. Kita bawa RM10.00 *dok* tahu *nok* beli apa *kedda* Dato' Yang di-Pertua sekarang ini. Jadi sebagai perbandingan juga saya bawa di Pahang juga Carian Rasmi adalah RM100.00 satu salinan. Ianya akan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. *Insyallah*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mungkin apa yang kita sebut ini yang Bukit Tunggal sebut ini ada orang yang boleh terima atau ada yang tidak boleh terima. Tapi ini kenyataan yang harus kita hadapi. Bayaran-bayaran kita, cukai-cukai kita adalah yang paling murah dalam dunia. Kita boleh semak.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai rakyat Terengganu kita mengucapkan syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengecualikan Cukai Taksiran Bangunan Kediaman bermula daripada tahun 2018, bermula pada tahun 1999 lagi sebenarnya sehingga sekarang dengan kita tidak menafikan kebaikan langkah

tersebut kepada seluruh lapisan masyarakat. Tetapi harus diingat di sana terdapat beban yang besar yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bagi memenuhi lompong yang perlu dipenuhi kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Walaupun rakyat dikecualikan Cukai Taksiran Bangunan Kediaman, tetapi kutipan jumlah kutipan yang sepatutnya terima masih diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui Belanjawan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri kena *top up* dengan izin kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan yang berjumlah sebagaimana jawapan Ahli Yang Berhormat EXCO tadi sebanyak RM82,545,948.26. Bermula dari tahun 2018 sehingga tahun 2023. Ia merupakan satu angka, nilai yang sangat besar kepada kita ditambah lagi dengan kekangan kewangan Kerajaan Negeri sekarang ini. Bukit tunggal ingin mencadangkan agar Cukai Taksiran Bangunan Kediaman secara bersasar dapat dipertimbangkan untuk Kerajaan Negeri membuat kajian. Kemungkinan kita berpendapat, Bukit Tunggal berpendapat bagi bangunan yang bernilai RM500,000.00 ke atas boleh dikenakan Cukai Taksiran Bangunan Kediaman. Walau apapun langkah pelaksanaan untuk menambahkan pendapatan Negeri ianya mestilah nanti tidak membebankan rakyat dan adil kepada semua pihak. Begitu juga dengan Kadar Taksiran bagi Bangunan Perniagaan dan Industri. Ianya perlu dibuat kajian semula bagi melihat adakah masih relevan kadar tersebut berbanding dengan keuntungan yang diperolehi oleh entiti perniagaan dan industri berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, DUN Bukit Tunggal telah berkembang dari satu kawasan pinggir bandar menjadi satu kawasan penempatan golongan pekerja di Bandar Kuala Terengganu menjadikan Bukit Tunggal sebagai tempat kediaman sama ada mereka menyewa ataupun membina rumah sendiri. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya pertambahan penduduk secara berterusan dan ini akan mengakibatkan bertambahnya beban dari segi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada seluruh penduduk. Bukit Tunggal ingin mengucapkan terima kasih kepada usaha-usaha pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang telah bersama-sama bagi memasukkan Projek Pembesaran Pusat Kesihatan Bukit Tunggal jenis kedua ke dalam RMKe-14 bagi tahun 2023, 2031 sehingga 2035.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, celah Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh eh Bukit Tunggal?

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):
Okey, ye, sila

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Saya angkat *doh ni*. Ladang *ye wat gining*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Tunggul itu, baguslah, Dato' PKN setuju sangat-sangat *doh*, tapi itu pandangan Yang Berhormat Bukit Tunggul ke rakyat-rakyat di Bukit Tunggul? takut lepas pada ini dia pakat gi rumah Yang Berhormat jer.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):
Terima kasih, Bukit Tunggul jarang ada *hok* rumah RM500,000.00 ke atas, rumah RM500,000.00 ke bawah belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
khususnya cukai tanah *tu ork*,

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):
cukai tanah tidak banyak, sikit *je insya-Allah* kita boleh bagi penerangan sebab sekarang ini suasana sudah berubah, pendekatan kita kena berubah, bak kata orang Bukit Tunggul *desperate times meet desperate measures* Yang Berhormat. Dato' di-Pertua dengan izin,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Orang Bukit Tunggul cakap gitu ehh

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):
kita kena berubah ikut masa, kita kena keluar, kita kena keluar kepompong
keselesaan kita. Saya sambung sedikit lagi, Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila...

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):
Kat mana dah takdi, ho ni..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak apa, tak apa,

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Ngaca ngat ekpun

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita bagi lima minit lagi

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Insya-Allah, alhamdulillah, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kejadian banjir yang berlaku pada minggu lepas di DUN Bukit Tunggal yang telah mengakibatkan perpindahan lebih daripada 200 mangsa ke sebuah Pusat Pemindahan Sementara di Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal dan Bukit Tunggal mengucapkan terima kasih kepada seluruh agensi yang terlibat, disebut di sini yang terlibat dalam operasi bantuan dan pemindahan mangsa-mangsa banjir bermula Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, PDRM, APM, RELA, pihak Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Tumbuh, Pusat Khidmat Masyarakat Bukit Tunggal, JPKK Bukit Tunggal dan lain-lain agensi yang terlibat dan kita sebenarnya harus bersedia bagi menghadapi gelombang banjir yang seterusnya yang dijangka akan berlaku pada bulan Disember ataupun Januari yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Taman Tamadun Islam (TTI), adalah merupakan satu produk pelancongan yang unik dan hanya ada di Terengganu sahaja. Kewujudan TTI telah berjaya menjadi daya tarikan pelancong untuk mengunjungi Negeri Terengganu di samping pantai-pantai dan pulau-pulau kita antara tercantik di Malaysia, namun yang begitu, monumen-monumen yang terdapat di TTI telah kelihatan sangat usang dan seolah-olah kehilangan serinya. Bukit Tunggal ingin bertanya adakah Pelan dan Tindakan Kerajaan Negeri bagi memulihkan TTI agar ianya menjadi satu produk pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pengunjung, tambahan lagi bersempena dengan "Tahun Melawat Malaysia" dijadualkan pada tahun 2025. Pada tahun lepas Negeri Terengganu, telah berjaya menarik pelancong domestik seramai 10.23 juta orang, tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang tanpa jemu mempromosikan keindahan Negeri Terengganu secara *local* dan *global* tetapi persoalannya sejauh manakah bilangan pelancong samada domestik ataupun dari luar negeri yang dijangka akan menggamit seramai 13.2 juta orang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM3.8 billion dapat memberikan

pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri di sebalik perbelanjaan yang agak besar yang dikeluarkan bagi tujuan promosi pelancongan.

Yang Berhormat Dato di-Pertua, dalam menuju "Era Baharu Terengganu" di antara tiga indentiti yang digariskan oleh yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, ialah yang pertama Kerajaan mesti menjadi sebuah kerajaan yang boleh berkesan dengan memperkemas dan meringkas bermacam-macam prosedur, *you simplify the rules and you will be best, insya-Allah* dengan izin Dato' Yang di-Pertua, kita senangkan urusan rakyat, *insya-Allah* rakyat akan mendoakan urusan kita dan yang ketiganya ialah memperkasakan rakyat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat Manir, bangun minta celah.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul): Sila-sila...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Beri laluan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, naik cukai, untuk beri senang rakyat, nak beri *matching guaner* tu Yang di-Pertua, haha...

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul): Kebetulan bila saya kata, saya pilih nak sebut naik cukai *nie* ada orang maroh ke saya, naik cukai RM5.00 setahun je yang Berhormat, tambah RM5.00 *tak dok* benda *dah leni*, anak-anak sekolah tidak bawa doh RM5.00 *leni*, sebahagian. Terima kasih. Kita nak rakyat senang belaka. Yang ketiga dengan memperkasakan rakyat iaitu rakyat mesti bermaklumat dan mengambil bahagian dalam isu-isu dan aktiviti kemasyarakatan. Bagi mencapai matlamat ini, Bukit Tunggul mencadangkan agar unit-unit tubuh seperti Urusetia Penerangan Darul Iman (UPDI), Institut Modal Insan (IMITS), dan lain-lain unit yang berkaitan diperkasakan, demi memastikan rakyat di Negeri Terengganu di semua peringkat mendapat maklumat yang tepat dan cepat terhadap sesuatu isu. Marilah sama-sama kita berusaha untuk menjadikan Negeri Terengganu Darul Iman ini menjadi negeri di mana orang susah boleh berteduh dan orang kaya menabur bakti. Mengakhiri ucapan pembahasan ini, izinkan Bukit Tunggul untuk merakamkan serangkap gurindam dua belas Fasa 1 yang telah diterbitkan pada tahun 1847, karya Raja Ali Haji seorang ulamak sebagai panduan untuk kita semua di dalam mentadbir dan menjalankan amalan ini.

Barang siapa memegang agama,
Sesekali-kali tiada boleh dihilangkan nama.
Barang siapa mengenal yang empat,
Maka ia itulah orang yang ma'rifat
Barang siapa mengenal Allah,
Suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.
Barang siapa mengenal diri,
Maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.
Barang siapa mengenal dunia,
Tahulah ia barang yang terperdaya.
Barang siapa mengenal akhirat,
Tahulah Ia dunia mudarat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Bukit Tunggal dengan ini memohon untuk menyokong Belanjawan 2024. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih pada Yang Berhormat Bukit Tunggal, seterusnya sila Yang Berhormat Langkap.

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat-hormat Ketua-ketua jabatan, para pemerhati, rakan-rakan media serta tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Terutamanya saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada Langkap untuk bersama untuk menyampaikan ucapan pembahasan saya dalam persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Sidang Bajet pada kali ini.

Dato' Yang di-Pertua di kesempatan saya ingin menzahirkan sokongan yang tidak berbelah bagi dan ucapan syabas tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap Pembentangan Belanjawan yang disampaikan. Belanjawan pada kali yang menumpu kepada tiga fokus iaitu Memperkukuhkan Keberkesanan Kerajaan, Mempelbagaikan Sumber Kekayaan, serta

Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Pembentangan Belanjawan kali ini dilihat benar-benar sebagai satu belanjawan yang begitu lengkap dan menyeluruh dengan sepuluh strategi dan sasaran utama saya melihat pendekatan Belanjawaan kali ini sangat ke hadapan sudah cukup untuk menggambarkan bahawa Belanjawaan ini dirangka strateginya dengan penuh teliti, ibarat kata pepatah "menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak". Begitulah saya boleh memperumpamakan sifat Belanjawan kali ini. Dengan memegang erat prinsip *federalisme* dan menginsafi hakikat bahawa kebajikan dan kesejahteraan rakyat menjadi matlamat utama dalam Belanjawan ini. Apa yang tidak boleh dilakukan semua, jangan ditinggalkan semua. Dalam keadaan serba kesempitan dan pelbagai cabaran itu, Belanjawan ini tetap masih mampu menterjemahkan iltizam tinggi dengan memperuntukkan sebanyak sejumlah RM1.860 bilion untuk perbelanjaan mengurus termasuk RM500 juta caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Walaupun perbentangan kali ini tidak memperincikan butiran perbelanjaan di setiap pelaksanaannya, namun perbentangan yang dibuat telah cukup untuk memberi jaminan bahawa perbelanjaan dan pengurusan Bajet ini akan dibuat dengan penuh hemat dan sebaiknya oleh pihak Kerajaan, apatah kali dengan *track record* bersih dan cemerlang pada pelaksanaannya pada tahun sebelum ini. Perkara ini juga merupakan satu pendekatan baru dalam belanjawan kali ini. Saya juga ingin menyatakan keterujaan saya terhadap pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kali ini, bagi menjamin proses demokrasi Pilihanraya yang bakal dihadapi oleh beliau, akan dapat berjalan dengan begitu bersih dan adil. Sudah pasti dengan strategi kali ini, seteru politik akan terdiam, terkunci mulut mereka dari dakwaan liar dan fitnah, kononnya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terlibat dengan rasuah, sogokan untuk menang pilihan raya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuba untuk bawa isu dua tiga perkara berhubung dengan permasalahan yang berlaku di daerah kawasan saya dan juga di daerah Setiu. Yang pertamanya berhubung dengan pencerobohan tanah haram. Merujuk kepada fokus kedua pembentangan Bajet kali ini, di dalam strategi *Mempelbagaikan Sumber Kekayaan*, suka untuk saya menarik perhatian Dewan akan satu isu yang berlaku di daerah Setiulah, isu pembangunan tanah Kerajaan yang berskala besar oleh syarikat dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat, dan sampai sekarang walaupun penerokaan tanah tersebut bermula sekitar tahun 90-an lagi, tetapi sehingga sekarang tanah tersebut masih lagi berstatus tanah kerajaan. Saya nak ambil contoh satu

agensi kerajaan yang disebut tadi Felda Hulu Setiu di kawasan Kampung Air Sejuk yang mana penerokaan tanah ini dibuat pada 90-an, tahun 90-an, diusahakan dengan tanaman kelapa sawit dan sekarang ini dalam proses untuk tanaman semula kali pertama, maknanya hampir 30 tahun. Dan sebagaimana saya sebut tadi statusnya masih lagi tanah kerajaan. Jadi perkara ini merupakan satu kerugian yang amat besar kepada Kerajaan Negeri kerana kegagalan untuk mendapatkan hasil cukai dari perusahaan ladang dan aktiviti di tanah. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan untuk menyiasat perkara ini dan dapat mengambil pendekatan sewajarnya dalam menanganinya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang keduanya berhubung dengan isu kebocoran paip air, dan usaha menyediakan prasarana dan fasiliti yang terbaik kepada rakyat negeri ini, saya juga ingin mengutarakan isu yang berlaku sejak sekian lama di daerah Setiu. Isu kebocoran paip air adalah perkara yang berlanjutan saban masa di kebanyakan tempat di kawasan Setiu. Isu yang dapat dikenalpasti ialah kebocoran yang berlaku akibat paip-paip lama yang digunapakai. Keadaan paip-paip yang terlalu lama ini perlu ditukar kepada paip yang baru. Jadi, saya mencadangkan agar satu projek penggantian paip-paip lama ini yang dapat dibuat dengan kadar segera di daerah Setiu dalam memastikan isu kebocoran paip utama ini dapat diselesaikan. Apatah lagi permintaan...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Saya mohon...

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): kepada sumber air bersih...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Permaisuri minta celah *tu*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Bagi saya celah sikit... Isu paip air

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Ya, sila

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Langkap. Paip air di Setiu ini difahamkan berapa juta milion satu hari paip

air untuk dihantar ke Pulau Redang bawah laut. Dan isu ini saya rasa kena ada satu kaedah lain, mungkin kaedah ubahsuai air laut untuk orang Pulau Redang. Kalau paip air ini diteruskan, rasa banyak lagi pembaziran-pembaziran duit daripada Kerajaan untuk baikpulih air yang banyak digunakan oleh pengusaha-pengusaha hotel pelancongan di Pulau Redang. Setuju *dok* Yang Berhormat?

YANG BERTAMBAH AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Permaisuri, dan saya bersetujulah. Saya pun masuk dalam ucapan saya. Jadi, kat mana tadi *deh?* Apatah lagi permintaan kepada semua air bersih ini meningkat dengan pertambahan pembukaan penempatan baru di pelbagai kawasan. Jadi kesemua ini memerlukan jajaran penukaran paip air yang baru bagi menjamin isu kebocoran paip ini tidak berulang dan penyaluran bekalan air dapat berjalan dengan baik pada jangka masa yang panjang. Jadi sebagaimana disebut oleh Permaisuri tadi, saya juga ingin menarik perhatian pihak Kerajaan untuk meneliti masalah kebocoran paip air yang serius terhadap bekalan air bersih ke Pulau Redang. Jadi menurut maklumat yang diperolehi dianggarkan berlaku tiga juta liter sehari kebocoran air berlaku di dasar laut. Jadi semestinya perkara ini merupakan satu kerugian yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan dan beban kerugian ini seharusnya diatasi dengan sebaiknya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya berhubung dengan isu perumahan Rumah Mampu Milik (RMM). Isu perumahan merupakan satu isu asasi yang dihadapi oleh setiap penduduk dan rakyat secara umumnya. Perkembangan sektor perumahan semasa didapati telah merekodkan kenaikan harga di pasaran yang menyebabkan sebahagian golongan tertentu dalam masyarakat tidak mampu beli, terutama sekali bagi golongan belia yang baru sahaja memasuki alam pekerjaan dan menerima pendapatan yang rendah. Harga rumah yang meningkat pada kadar yang jauh melebihi pertumbuhan dalam pendapatan sebenar rakyat negara ini. Perkara ini tidak terkecuali turut berlaku di kawasan sayalah. Kawasan yang lebih kurang dengan Telemung *la tu*. Saya fokuskan kepada cadangan untuk membina satu perumahan, projek perumahan mampu milik untuk generasi kedua di Felde Chalok Barat, Setiu, Kawasan ini telah mengalami kepadatan penduduk yang agak ketaralah sejak kebelakangan ini, di mana kebanyakan generasi kedua yang berkeluarga masih menumpang di rumah orang tua mereka. Dan ada generasi kedua ini bina rumah di dalam kawasan felde itu sendiri. Oleh yang demikian, bagi mengatasi isu kepadatan penduduk di kawasan Felde Chalok Barat ini, saya berpandangan, berpandangan keperluan untuk mewujudkan satu kawasan

perumahan mampu milik adalah amat mendesak. Dan saya telah mengenalpasti satu kawasan di dalam felda yang berkeluasan lebih kurang dalam 10 ekar dan tanah daripada GLC dan telah ditukar kepada, diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan statusnya tanah milik Kerajaanlah dan saya difahamkan terlalu usaha awal perancangan kawasan ini pada era Kerajaan Pusat sebelum ini untuk mendirikan projek perumahan namun ia terhenti apabila berlaku beberapa kali pertukaran Kerajaan Pusat dalam berapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, keadaan yang berlalu saya menyarankan agar cadangan ini diteliti semula dengan lebih serius oleh Kerajaan Negeri pada hari ini. Penempatan baru ini sudah pasti akan memberi keselesaan kepada penduduk di kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memandangkan tanah yang berkurangan di kawasan DUN Langkap kawasan Langkap sendiri untuk kita jadikan TB (Tanah Berkelompok) penempatan dan untuk dibagikan kepada rakyat. Melalui Pejabat Tanah dan Daerah Setiu telah mengenal pasti satu kawasan yang sesuai untuk dibangunkan Projek Perumahan Mampu Milik iaitu bertempat di Kampung Sungai Bari seluas 40 ekar. Jadi *insya-Allah* dengan jayanya projek ini nanti *insya-Allah* ianya akan dapat menyelesaikan masalah bagi rakyat yang tidak mempunyai kediaman khususnya bagi penduduk dalam kawasan Langkap *lah insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ambil masa sikit jadi seterusnya Cadangan Untuk Menaiktaraf Laluan Jalan Dari Kampung Bukit Aman, Setiu. Laluan jalan ini sepanjang hampir 15 kilometer telah menjadi laluan utama penghubung antara kawasan sekitar sejak sekian lama. Kapasiti penggunaan kenderaan yang meningkat di jalan ini tidak lagi mampu ditanggung oleh keadaan jalan yang sempit dan mempunyai banyak laluan selekoh tajam yang semestinya membahayakan kepada pengguna jalan raya. Keadaan jalan yang sempit dan berliku menyukarkan kenderaan berat dan panjang seperti lori dan bas *lah* untuk lalu. Dia lori dengan bas *ni* kadang-kadang *je*, bas *ni* sebab sekolah ada dalam *tu* jadi nak masuk ke sekolah *tu* menyukarkan kepada kenderaan yang panjang. Oleh yang demikian, saya amat mengharapkan Kerajaan Negeri untuk menilai cadangan menaik taraf jalan ini dengan kadar yang segera dengan menaik taraf pembesaran jalan ini secara tidak langsung akan memberikan keselesaan dan manfaat kepada pengguna jalan raya dan masyarakat sekitar kawasan Kampung Bukit, Sungai Lah, Bukit Mundok, Alur Lit dan Bukit Aman.

Perkara terakhir yang saya ingin kemukakan di Dewan Yang Mulia pada hari ini ialah berhubung dengan isu gajah liar inilah, kalau Sidang yang lepas [*ketawa*] Telemong sebut, jadi kali ini saya sebut berhubung dengan gajah yang tidak kesudahan tidak boleh selesai sampailah ke hari ini. Serangan gajah yang ini berlaku kalau sebelum ini di kawasan sempadan dengan Telemong di Alur Lit, Bukit Mundok tapi hari ini ada di Chalok Barat di FELDA Chalok Barat banyak hari *doh* Felda Chalok Barat *tu* dua minggu...

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua boleh saya celah sikit, boleh? Pasal gajah..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Atas Yang Berhormat Wakil Langkap, Langkap nak bagi ke Langkap..

YANG BERTHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Ya sila, boleh sila.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Hari itu Telemong *dah* sebut pasal gajah, saya *dah* buat tawaran supaya gajah *tu* dihantar ke Zoo Bukit Takal setuju ke *dok*? Kalau gajah tersebut dihantar ke Zoo Bukit Takal, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Langkap.

YANG BERTHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya bersetuju asal gajah *tu wak lari je* [*ketawa*] asal *wak lari je* sebab saya difahamkan semalam pun ada lagi gajah *tu sekor je* masalahnya *hok kedian nilah hok sekor hok baru ni* 14 ekor di Alur Lit *tu*. Jadi, orang Alur Lit hambat *gi* ke Telemong, orang Telemong hambat masuk ke Langkap, *duk* main gilir hambat, jadi *hok* seminggu dua ni ada *sekor* di Chalok Barat dan saya difahamkan Perhilitan dah masuk untuk, taktaulah tindakan macam mana *insya-Allah* kalau boleh *igat* pun *igatlah* nak *bawak* ke Zoo mana pun bolehlah *takdok* masalah. Jadi, berhubung dengan serangan gajah *ni* bukan setakat merosakkan harta benda orang awam ataupun rakyat terutamanya tanaman-tanamanlah. Jadi, selain daripada itu membahayakan kepada penduduk setempatlah. Jadi kalau gajah ini mari ke rumah *doh*, jadi orang rumah dia tengah malam *doh* lari..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi bab gajah, Langkap?

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Nak habis dah, sebab gajah ini besar sikit Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi oleh yang demikian, saya berharap pihak agensi Perhilitan dan Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang seriuslah dalam menangani masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Yang Berhormat saya akhirilah ucapan perbahasan saya pada hari ini dengan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan kali ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya untuk turut sama pada perbahasan kali ini dengan tema Belanjawan Tahun 2024 Menuju Era Baharu Terengganu, Wakil Langkap mohon untuk turut menyokong.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Langkap. Kita berada di penghujung sesi perbahasan sebelum kita tamatkan pada pukul 1.00, jadi saya persila ada seorang lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Orang lama lambat sikit *dakpe*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Pukul 1.00 kita tamat ya, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Sekejap *eh*. Terima kasih beri ruang untuk saya berucap. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO-EXCO, Yang Berhormat sekalian, semua Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, rakan-rakan media dan semua pemerhati sekalian, saya nak ucap terima kasihlah. Merujuk kepada Ucapan Belanjawan 2024 *ni*, muka surat 24, di sana dinyatakan Kerajaan juga dalam usaha mengenal pasti tapak untuk dibangunkan *Green Industry Park*. Jadi, Kuala Berang ingin mencadangkanlah ada satu kawasan di Hulu Terengganu ini yang saya akan beritahu kemudian nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita tahu kawasan Kuala Berang khususnya ataupun Hulu Terengganu mempunyai banyak sumber-sumber ataupun *resources* untuk dibangunkan industri-industri yang baru kerana di sana tersedianya tenaga elektrik yang banyak daripada Tasik Kenyir sejumlah 660 megawatt daripada solar yang dicadangkan juga ada *insya-Allah* akan diwujudkan di sana, daripada hidro yang telah sedia ada dan juga sumber air yang banyak serta pengangkutan yang dekatnya LPT2 dan juga dekatnya ECRL di Durian Guling kira-kira 15 kilometer dan juga dengan bukit di Dungun kawasan industri kira-kira 80 kilometer jadi dengan tenaga kerja yang murah, Hulu Terengganu ataupun Kuala Berang mencadangkan satu tanah yang saya telah sebut di dalam sidang DUN yang lepas, kita mempunyai tanah lebih kurang 5 ribu ekar yang telah dipajakan dan ada sebahagiannya telah diberi kepada PTP. Jadi pajakan tersebut *dah nak expired* jadi kita *offer* supaya tanah tersebut dibangunkan dijadikan salah satu *Green Industry Park* di Negeri Terengganu ini.

Saya berharap Yang Berhormat Kota Putera ambil maklumat ini supaya dicadangkan dan diwujudkan kawasan industri baru di Hulu Terengganu, *insya-Allah*. Seterusnya, Kuala Berang tidak lepas juga daripada banjir terutama di kawasan Paya Besar yang berkaitan dengan sungai daripada Sungai Tersat dan juga daripada Sungai Berang dan limpahan daripada Sungai Telemong menyebabkan kawasan-kawasan ini mudah banjir. Jadi kita mencadangkanlah supaya dibina empangan sebagaimana empangan di Tasik Kenyir yang ada hari ini. Kalau sebelum daripada tahun 1980-an dulu sentiasa Bandar Kuala Berang ini banjir besar. Tetapi apabila terlaksananya empangan, maka banjir besar itu tidak wujud lagi kecuali sekali sekala sahaja. Jadi dengan adanya empangan-empangan di hulu daripada Sungai Berang, Sungai Tersat ini, *insya-Allah* kita mengharapkan banjir yang besar tidak berlaku lagi di kawasan tersebut. Saya suka juga sebagaimana yang disebut oleh Telemong. Telemong, Yang Berhormat Telemong mencadangkan baru-baru ini supaya sungai-sungai di hulu sana yang rata-ratanya sungainya telah jadi cetek kerana pasir-pasir ataupun batu-batu, sampah-sampah yang datang dari kawasan bukit-bukit telah dihanyutkan ke sungai, maka sungai tersebut telah menjadi cetek. Jadi kena ada usaha supaya sungai tersebut digali semula supaya arus airnya laju dan tidak menyebabkan banjir di kawasan tersebut.

Seterusnya satu lagi iaitu berkaitan dengan Pusat Perpindahan Sementara. Kita selalu alami kawasan ataupun tempat ataupun lokasi pusat pemindahan ini banjir *jugak*. Jadi kita mencadangkan kalau boleh kita buat pusat perpindahan ini di kawasan yang lebih tinggi dan kita harap tidak banjir dan mana-mana ada infranya, kadang-kadang tandasnya teruk, paip airnya rosak. Jadi kita harap diperbaiki. *Ni nak banjir pulak dah ni*. Jadi kita harap supaya perkara-perkara tersebut dapat diselesaikan sebelum banjir datang.

Seterusnya berkaitan dengan keselamatan *dam* di Kenyir. Banjir pada tahun 2022 baru-baru ini menyebabkan sebahagian daripada *dam* tersebut rosak dan sekarang ni masih di dalam pembaikan. Kita tahu bahawa *dam* ini adalah aset yang penting kepada negara bukan sahaja kepada Negeri Terengganu, bahkan kepada Malaysia kita. Kerana aset ini milik negara sudah tentu menjadi kewajipan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjaganya supaya tidak rosak. Kalau rosak, pecah, YB Telemong *nok* duduk *mane gamok-gamoknya*. YB Telemong. *Dok* sedor lagi. *Takpe*. [Sambil ketawa]

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan kait dengan perbincangan.

YANG BERTAMBAH HORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita mengharapkan bahawa wujudnya kawasan-kawasan perpindahan yang mana sekiranya berlaku kerosakan atau pecahnya dam tersebut, kita boleh pergi ke satu-satu tempat. Dan tempat yang kita cadangkan itu hendaklah diadakan infranya. Diwujudkan infranya termasuklah airnya, tandasnya, kawasan teduhannya, kawasan *helipadnya* untuk memudahkan supaya orang ramai ini pergi dan tumpu kepada kawasan tersebut. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri berbincanglah sebaik mungkin dengan Kerajaan Persekutuan di dalam menjaga keselamatan dam kita dan mewujudkan kawasan infra ataupun kawasan untuk kita berpindah ke sana. Seterusnya Kuala Berang juga ingin mencadangkan kawasan-kawasan tanah pertanian. YB Jabi. Kita tahu bahawa tanah-tanah terbiar masih banyak lagi di kawasan Kuala Berang ini termasuklah kawasan tanaman padi. Pada tahun 2000 dulu, kita ada kawasan di Kampung Gaung Telaga dah ada sistem pengairannya. Dan juga di kawasan Padang Ipoh pun dah ada kawasan pengairannya. Tetapi hari ini orang *dok* tanam padi. Infranya ada tetapi orang tak tanam padi. Jadi saya mengharapkanlah YB Jabi tolong lihat untuk memberi bantuan kepada mereka-mereka ini untuk diaktifkan balik kawasan-kawasan tanaman padi yang penting.

Seterusnya kawan-kawan saya dari Marang *lah*. Kawasan DUN Rhu Rendang, masalah nelayan terutama di kawasan *Breakwater* Marang ataupun kawasan Pulau Kekabu tersebut, airnya cetek. Kadang-kadang nelayan-nelayan bawak bot nak pergi *parking* bot tak boleh kerana airnya cetek di kawasan lagun tersebut. Sehingga kadang-kadang airnya 2 kaki sahaja. 3 kaki sahaja. Sudah tentu bot-bot yang bukan daripada bot *fiber* sukar untuk *parking* di kawasan tersebut. Terpaksa tunggu beberapa jam supaya airnya dalam melebihi daripada 6 kaki barulah boleh pergi *parking*. Jadi saya mengharapkanlah pihak Kerajaan lihat perkara ini supaya kawan-kawan saya di sana dapat *parking* bot dengan baik. *Insyallah* untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat kita di sana.

Seterusnya di Hulu Terengganu, kita tidak ada dewan yang agak besar untuk nak buat program-program. Hulu Terengganu je *takdok*. Hok kawasan lain, daerah-daerah lain ada belaka dewan-dewan. Suatu ketika dulu dewan tersebut telah ada bajetnya. Tetapi tidak dapat dilaksanakan pembinaan. Jadi hari ini saya memohonlah daripada pihak Kerajaan untuk melihat kembali untuk membina Dewan Majlis Daerah yang selesa yang mana lokasinya sudah ada. Tetapi peruntukan ataupun pembinaan barunya masih belum dibuat lagi. Tiga minit je lagi? Seterusnya saya kawasan saya ni samalah *jugak* sebagaimana yang dibangkit oleh Langkap, Permaisuri berkaitan bekalan air bersih. Waktu musim kemarau, tekanan air rendah. Waktu musim hujan paip pecah sana pecah sini. Jadi air pun kurang *jugak*. Jadi masalahnya sama iaitu masalah bekalan air mentah yang tidak mencukupi kerana loji yang ada pada hari ini telah maksimum, tidak dapat lagi mengatasi keperluan penduduk-penduduk di Hulu Terengganu. Jadi saya mengharapkanlah jugak pihak Kerajaan menimbang semula untuk membina loji baru dan menggantikan paip-paip lama yang sentiasa pecah dan menyukarkan kepada penduduk di Hulu Terengganu untuk mendapat bekalan air yang bersih. Saya rasa sekadar itulah ucapan saya pada kali ini. Saya dari Kuala Berang turut menyokong Bajet yang dibentangkan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Kita telah tamat sesi perbahasan pada tengahari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua Jabatan dan para pemerhati. Saya tangguhkan sementara Dewan ini dan sambung semula pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh Ketua-ketua Jabatan dan pemerhati dijemput ke

jamuan makan tengahari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya ucapkan terima kasih kepada semua. Kita tangguhkan sementara persidangan pada tengahari ini dengan surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. *Alhamdulillah*, kita telah selesai sesi perbincangan ke atas Enakmen Perbekalan 2024. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan pada kali ini.

Sekarang tibalah masa untuk saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan. Dipersilakan Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir. Pertama sekali marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kepada Allah *Taala* diberi kesempatan untuk kita berbahas, meneruskan perbincangan pada petang ini. Saya gelabah sikit *ni*. Ingat *ke* kita nombor tiga...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN: Penggulungan YB.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Ye. Sebab sahabat kita *takdok ni*, gulung *eh?*

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): *Tak* apalah, saya gulung dulu. Pertama sekali saya ucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah membentangkan satu Enakmen Perbelanjaan yang lengkap dan *insya-Allah* merangkumi semua keperluan rakyat dan di bawah portfolio saya peruntukan sebanyak RM8 juta untuk tahun 2024 ini dan saya meneruskan agenda penggulungan untuk mengupas beberapa perkara yang menjadi dasar kepada portfolio. Yang pertama sekali *insya-Allah* kita akan luluskan Dasar Wanita Negeri Terengganu dan Dasar Wanita Negeri Terengganu ini telahpun dilancarkan pada 2022 dulu dan telah ditambah baik di dalam sesi perbengkelan oleh Jawatankuasa Penggubalan Dasar Wanita Terengganu baru-baru ini.

Yang kedua, *insya-Allah* akan dilancarkan pada tahun 2024, Majlis Tindakan OKU Terengganu. Majlis Tindakan OKU Terengganu ini dijangka akan dilancarkan pada Februari 2024 yang akan menggabungkan lapan badan OKU di Terengganu seperti POKUAT, PERTIS, *Autism* dan lain-lain lagi bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan OKU seperti pihak Kerajaan Tempatan, JKR, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain supaya segala permasalahan OKU seperti kemudahan *parking*, kemudahan tandas awam, kemudahan untuk *access* ke masjid, kemudahan di bangunan-bangunan kerajaan dapat ditangani bersama dengan agensi-agensi yang terbabit.

Yang ketiga, *insya-Allah* akan berlangsung juga penubuhan pelancaran Majlis Sosial Negeri, selaras dengan Majlis Sosial Negara yang akan menggabungkan beberapa agensi yang melibatkan sosial dan majlis ini merupakan satu bentuk *task force* (dengan izin) untuk bertindak ke atas isu-isu sosialisasi dalam masyarakat yang menggabungkan JKM, PDRM, Jabatan Kesihatan dan sebagainya untuk menangani pelbagai isu seperti isu-isu gelandangan, isu pesakit-pesakit psikiatri dan juga masalah kesihatan mental dalam masyarakat yang perlukan kepada gabungan bertindak yang holistik dari semua pihak, dari semua medium yang berkaitan untuk menangani kes-kes yang berkaitan dengan sosial.

Yang keempat ialah perkara Penubuhan Tabung Yayasan Darul Iman. Tabung Darul Iman ini merupakan tabung yang sudah lama diwujudkan yang disebut dalam ucapan YB Sura dan juga Ladang. Cadangan untuk menubuhkan Yayasan Darul Iman yang merupakan gabungan dari tiga tabung iaitu Tabung Darul Iman, Tabung Bantuan Penyakit Kronik dan juga Tabung Dana Kebajikan Sosial Perubatan supaya tabung ini menjadi lebih sistematik dan efisien untuk berkhidmat kepada sarannya dan cadangan untuk peralihan kepada nama Yayasan Darul Iman ini bukan sekadar nama tetapi juga pertukaran melibatkan cangkupan tugas yang lebih luas serta yang sangat pentingnya Yayasan Darul Iman ini boleh lebih berdikari untuk mencari dana dan juga sumbangan yang lebih meluas dari medium yang pelbagai dan hasrat yang lebih besar lagi, para penyumbang boleh mendapat pengecualian cukai apabila melakukan sumbangan kepada Tabung Darul Iman ini.

Pertukaran dari Tabung Darul Iman kepada Yayasan Darul Iman tidak akan melibatkan implikasi kewangan di pihak Kerajaan. Peruntukan Kerajaan tetap RM5 juta. Kerajaan tidak akan bertambah dan perbelanjaan mengurus masih sama dalam lingkungan RM500 ribu dan kita mengharapkan Yayasan ini akan mendapat sokongan dan dukungan daripada semua pihak dan tabung ini *insya-Allah* akan lebih diperkasakan.

ADUN Bandar dalam soalan dalam ucapan perbahasan juga membangkitkan isu perceraian yang tinggi di Negeri Terengganu. Memang kita akui dan kita pun berasa satu benda yang kita perlu tangani bersama sebab isu perceraian dan isu rumahtangga *ni* isu yang melibatkan semua pihak daripada komuniti kampung sampailah kepada pihak yang tertinggi dalam negeri dan negara dan saya rasa kita semua *ni* pun yang ada dalam Dewan ini pun kebanyakannya sudah berkeluarga dan ada institusi keluarga masing-masing.

Mengikut data, pada tahun 2022, 11,246 rekod perkahwinan, perceraian 1,656. Sangat tinggi dalam sekitar 14.7%. 2023, *ni* tahun *ni tak* habis lagi, ada sebulan lebih lagi. Rekod perkahwinan 9,075 tetapi perceraian 1,855 kes. Peningkatan daripada tahun lepas 14% kepada 20% lebih. Kalau kita kaji dari sudut sebab, memang banyak sebab dan mengikut pihak berkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu kadang-kadang sebab-sebab yang direkodkan atau pun yang dinyatakan oleh klien oleh mereka yang hendak bercerai akan dipanggil proses kaunseling. Kadang-kadang mereka menyembunyikan sebab sebenarnya tetapi kebanyakannya boleh kita kategorikan di antaranya ialah

masalah pegangan agama yang lemah menyebabkan berlaku gangguan dan juga pengaruh-pengaruh luar cepat masuk ke dalam rumah tangga yang melibatkan ahli-ahli keluarga, suami isteri yang muda dan juga bebanan masalah ekonomi, masalah kewangan serta pengaruh media sosial. Pengaruh media mencatatkan satu rekod yang sangat mencemaskan kita yang mana ramai yang bercerai apabila berjumpa kekasih lama. *Wane* Telemong? Sebab Telemong tadi nampak tidur bila sebut kekasih lama itu celik mata segar semula, ke ada sesuatu di sebalik gajah itu.[ketawa]....Pun begitu kita mengharapkan dan saya merupakan saya rasa tercabarlah juga sebab saya menjadi Pengerusi Portfolio Keluarga dan juga Pembangunan Wanita dan juga kita mempunyai Yayasan Pembangunan Keluarga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Saya minta pencerahan sedikit Yang Berhormat EXCO.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Ya sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Daripada perceraian yang berlaku, banyak dikatakan banyak 14% itu hok rujuk balik itu ada berapa? Berapa *agok-agok*?

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): *Hok* ni rekod cerai. Rekod rujuk *takdok* lagi *ha* nanti *insya-Allah* kalau Permaisuri nok *insya-Allah* kita beri selepas ini sebab melibatkan data. Saya kena tengok, rujuk data. Terima kasih. Harap-harap rujuk ramai *lah*. Jadi masalah perceraian ini akan memberi kesan yang besar kepada sosial, kepada keluarga khususnya anak-anak. Pengalaman saya sebagai guru, lama jadi guru dulu tuan-tuan, apabila berlaku perceraian ibu bapa, anak-anak akan terkesan dengan satu kesan yang sangat parah sampai menyebabkan berlaku hampir nak bunuh diri pun ada kerana tekanan yang mereka dapati daripada peceraian ibu bapa. Jadi *insya-Allah* lah isu ini akan diambil berat oleh pihak Kerajaan. Saya *insya-Allah* melalui Yayasan Pembangunan Keluarga dan Yayasan Pembangunan Keluarga pun telah pun merancang, merangka pelbagai program *lah* bersama dengan (USWA) Urus Setia Wanita untuk *insya-Allah* ke arah kesejahteraan kehidupan rakyat dan memberdayakan kehidupan wanita yang menjadi tulang belakang kepada rumah tangga.

Yang Berhormat Ladang ada menyebut juga berkenaan kebimbangan tentang kanser payudara dan kanser serviks yang menjadi antara penyebab kematian wanita kini. Jadi untuk ujian *pap smear* dan juga mammogram Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ada menyediakan kemudahan untuk rakyat yang layaklah di bawah B40 dengan syarat-syarat yang tertentu untuk mendapat khidmat *checks* percuma di hospital. Biasanya Hospital SALAM dan juga Hospital KMI (Kumpulan Medic Iman) atau pun KTS dulu. LPPKN menyediakan klinik sebagai *centre point* saja tetapi yang pusat pusat check itu check penyakit tulah hanya ada di dua buah klinik saja iaitu di Hospital SALAM dan juga Hospital KMI secara percuma. Maknanya siapa-siapa yang layak boleh mengadakan check ini secara percuma walaupun kosnya di hospital swasta itu ditanggung, *insya-Allah* ditanggung oleh LPPKN. Jadi kita mengucapkan terima kasih banyaklah kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara yang mempunyai tiga klinik sebagai pusat sebagai *centre point* dia Klinik Nur Sejahtera di Besut, Dungun dan juga Kuala Terengganu dan LPPKN ini menyediakan kenderaan untuk mereka yang susah untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik yang mungkin jauh. Jadi *insya-Allah* selepas ini kalau apa-apa yang berbangkit berkenaan dengan penyakit kanser serviks dan kanser payudara ini *insya-Allah* Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara untuk mendapatkan khidmat selanjutnya.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Lima minit lagi, Yang Berhormat Ajil.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Saya rasa *takdok doh hok nok* ulasnya berkenaan beberapa perkara tersebut. Jadi saya ucap terima kasih sekali lagi kepada pihak Kerajaan di atas Pembentangan Bajet dan Ajil mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Ajil. Seterusnya saya mempersilakan Wakil Jabi untuk membuat penggulungan. Atau Wakil...boleh ?

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Wakil Kota Putera

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَابًّا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَنَعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ
صدق الله العظيم

Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berturut-turut kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan kemudian akan datang selepas itu, tempoh tujuh tahun kemarau yang besar yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan;kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)."

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Al-Quran mengisahkan kebijaksanaan Nabi Yusuf عليه السلام mengendalikan sumber makanan negara Mesir, berhadapan dengan tujuh tahun musim kemarau panjang. Inilah teori keterjaminan makanan di dalam Al-Quran. Ketika ketiadaan makanan maka mereka yang mempunyai makanan adalah orang kaya dan bukannya mereka yang memiliki simpanan emas. Bencana zaman moden yang mengancam sumber makanan bukan hanya setakat kemarau atau pun banjir malah termasuk juga peperangan, wabak pandemik, sekatan ekonomi dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, keutamaan dasar-dasar Kerajaan ialah kepentingan rakyat umum sama ada kepentingan ekonomi atau kepentingan keperluan asas. Keperluan asas manusia selepas kesihatan ialah makanan kerana itulah pergerakan rantai pengeluaran makanan tidak boleh terhenti walau apa pun situasi yang sedang dilalui oleh negeri, negara dan dunia.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Jertih, Hulu Besut dan Rantau Abang menyentuh fungsi masjid sebagai pusat aktiviti masyarakat. Kerajaan mengajak pengurusan masjid dan ahli qariah supaya dapat memanfaatkan tanah atau pun ruang kosong dalam kawasan masjid dengan aktiviti pertanian. Kaedah pertanian fertigasi atau hidroponik adalah sistem pertanian bandar yang sesuai untuk dipraktikkan. Masjid Pengkalan Berangan di Marang antara contoh yang berjaya dalam projek pertanian fertigasi dan semua ini boleh dilaksanakan di bawah Program Pertanian Bandar dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan. Peruntukan Kerajaan Pertanian Bandar untuk kategori individu RM500 usahawan, RM5000, komuniti seperti masjid mencecah sehingga RM20,000.

Dato' Yang Di-Pertua, Yang Di-Pertua, minta maaf Kerajaan juga menggalakkan masjid sebagai pusat pengumpulan hasil tani. Orang kampung yang bertanam pada skala kecil kutip hasil, mari sembahyang jemaah di masjid sambil bawa hasil tanaman. Tok peraih ataupun pemborong pun mari sembahyang *jugok* jemaah di masjid sambil beli hasil pertanian. Dunia dapat, akhirat pun dapat dan saya ucapkan tahniah kepada FAMA Terengganu yang telah merintis Program Pasar Tani Masjid bertempat di Masjid Sentul Patah di Marang. Dia sangat berkesan ke arah mempelbagaikan masjid sebagai pusat sosio-ekonomi setempat. Manir menyentuh berkenaan dengan semangat *federalisme* yang tidak dihormati oleh Kerajaan Persekutuan. Kita dengar berulang kali PMX dan Menteri Kabinet gemar untuk mengungkit jumlah peruntukan pusat kepada negeri-negeri pembangkang. Bagaikan kelihatan mereka yang berada di Putrajaya seperti tak berapa hadam semangat *federalisme*. Jambatan antara Negeri dan Persekutuan sebenarnya kita telah bina dan jaga sebaiknya. Kerajaan Negeri ada salurkan sejumlah peruntukan kepada jabatan dan agensi pusat khususnya di bawah sektor pertanian. Bagi tahun 2023, RM5 juta kita peruntukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang bagi pelaksanaan Skim Bantuan Modal Tani. Ini di bawah agensi Persekutuan, Jabatan Perikanan Malaysia sebuah jabatan Persekutuan menerima peruntukan untuk tahun 2023 RM3.8 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tahun ini sahaja Kerajaan Negeri memperuntukkan RM6.6 juta untuk pembangunan dan naik taraf sistem pengairan dan saliran. Itu kita tidak kira lagi jabatan gunasama antara Negeri dan Persekutuan seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Yang di-Pertua, Langkap menyentuh isu ladang FGV di Setiu yang masih berstatus tanah Kerajaan Negeri. Atas semangat federalisme dan saling hormat menghormati Kerajaan Negeri telah memulakan proses *move the next step* dengan izin *insya-Allah*. Untuk mendapatkan hak Terengganu daripada Felda setelah meja perbincangan dan perundingan yang dibuka serta semangat tolak ansur yang ditawarkan Kerajaan Negeri disambut dingin oleh pihak Felda. Bukan hanya di Setiu sejumlah 13,686 hektar tanah Kerajaan Negeri di daerah Marang, Dungun dan Kemaman telah dibangunkan dengan ladang sawit oleh Felda sejak pertengahan 80-an dan diserahkan kepada FGV tanpa dimasukkan peneroka. Tanah tersebut masih lagi milik Kerajaan Negeri. Dokumen hakmilik tanah tidak pernah dikeluarkan kepada Felda. Cukai tanah tidak pernah dibayar sejak 1985 sehingga sekarang. Jumlah tunggakan cukai tanah sahaja berjumlah jutaan ringgit dan Kerajaan Negeri menuntut bayaran 30% daripada keuntungan kasar ladang-ladang yang dimajukan Felda *30% gross profit* dengan izin sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum ini. Bayaran premium tanah juga belum dimuktamadkan berjuta ringgit lagi hak negeri yang belum dilangsaikan dan kita sedang bekerja mengikut saluran undang-undang bagi menuntut setiap sen hak rakyat Terengganu.

Yang di-Pertua, Manir juga menyentuh juga supaya Terengganu menjadi negeri mesra pelabur. Banyak pihak sebenarnya mula membuka mata dan menunjukkan minat untuk menjadikan Terengganu sebagai destinasi pelaburan projek-projek pertanian. Di sinilah perlunya kita bekerja bagi mewujudkan iklim mesra pelabur di Terengganu. Pelabur maknanya mereka yang membawa sejumlah dana untuk dilaburkan. Kerajaan Negeri sebagai tuan rumah membantu menyediakan tapak ataupun tanah, kemudahan infra, kelulusan kebenaran merancang dan lain-lain. Hasilnya pelabur boleh buat projek, menjana ekonomi dan keuntungan, dalam masa yang sama rakyat tempatan dapat peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi. Bila Kerajaan Negeri nak timbang permohonan tanah antara aspek yang akan diteliti ialah modal berbayar sesebuah syarikat. Kemampuan kewangan adalah kriteria penting bagi menggambarkan kebolehan sesebuah syarikat melaksanakan projek yang dicadangkan. Kalau tak ada duit maknanya sembang kosong. Di samping itu mereka perlu mampu mengemukakan perancangan *business plan* yang menyakinkan dan ketelitian ini sangat perlu supaya kerajaan negeri tidak meluluskan permohonan tanah kepada pihak yang tidak berkelayakan atau tidak berkemampuan atau ada maksud lain di sebaliknya.

Yang di-Pertua, Seberang Takir mencadangkan bantuan musim tengkujuh untuk nelayan. Kita catatkan dulu cadangan di dalam hansard Dewan *insya-Allah* akan dibincangkan bergantung kepada kedudukan kewangan negeri. Boleh ya Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Batu Rakit prihatin dengan harga benih padi yang naik berganda berbanding dengan musim lepas. Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri tidak menyalurkan bantuan input benih padi kepada pesawah kerana pesawah telah disediakan insentif benih padi sah daripada kerajaan Persekutuan. Memang diakui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melaksanakan harga kawalan maksimum baru bagi insentif benih padi sah dengan kenaikan daripada RM35 kepada RM45 sekampit yang beratnya 20 kilogram, dan naik turun benih padi ini semuanya bawah kawalan KPKM. Kalau kita nak kawal kena tukar kerajaan di Putrajaya. Sekarang ini terdapat 12 syarikat pembekal benih padi sah yang dilesenkan oleh Kementerian Pertanian di seluruh negara tapi tak dok satu pun daripada Terengganu sedangkan dalam kawasan jelapang padi IADA KETARA Besut ada 600 hektar kawasan padi yang ditanam bagi penghasilan benih padi sah. Benih padi daripada sawah Terengganu ni bila dituai dibawa ke Johor, diproses oleh Syarikat Jelapang Selatan. Bila pesawah Terengganu nak tabur benih, kita terima benih tu daripada negeri lain termasuk juga benih dari negeri Johor yang asalnya diambil dari petak sawah Terengganu sebab itulah kerajaan negeri berusaha supaya Terengganu ada syarikat pembekal benih padi sah sendiri. Setakat ni belum dapat kelulusan dari Kementerian Pertanian dan kita akan terus perjuangkan supaya kita jadi bijaksana, tak cerdik kalau benih padi daripada sawah Terengganu hantar proses di Johor lepas tu buat balik semula ke Terengganu bila kita nak tabur dan di Kompleks Pertanian Ajil kita telah sedia satu loji pemprosesan benih. Makna dari segi infra dan kelengkapan kita telah bersedia hanya menunggu kelulusan daripada Kementerian Pertanian. Yang ni pun kalau lambat lulus kita tukar di Kementerian Pertanian pulak. Ini contoh monopoli kartel yang membekalkan benih padi. Kita tak cerita lagi hal kartel baja, racun dan kilang padi dan Kerajaan keluarkan berbillion ringgit dalam bentuk subsidi input benih, racun, baja, subsidi harga padi yang paling mendapat manfaat, yang jadi kaya raya ialah kartel subsidi Kerajaan mereka kaut, duit petani pun mereka dapat. Program CSR Tani yang dibangkitkan oleh Batu Rakit dan apa saja program-program pertanian sebenarnya tidak pernah

diabaikan penglibatan YB setempat dalam senarai jemputan. Sebahagian besar YB dan mantan pegawai penyelaras DUN yang ada dalam Dewan pada hari ini biasa hadir dalam pelbagai program pertanian. Terima kasih sahabat-sahabat YB semua atas sokongan yang berterusan.

Rantau Abang dan Kuala Berang menyentuh isu pembangunan tanah terbiar. Tahun 2020 Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Task Force* Pembangunan Tanah Terbiar. Keluasan tanah terbiar yang kita kenal pasti lebih daripada 8,000 hektar. Bermula tahun 2021 kerajaan negeri telah menyediakan insentif bagi penyediaan infrastruktur asas di kawasan tanah terbiar seperti sistem pengairan, pagar, jalan yang berjumlah RM20,000 per hektar dengan peruntukan RM500,000 pada tahun 2021. Tahun 2022 kita naikkan jadi RM1 juta dan pada tahun 2023 turun sikit jadi RM500,000.00. Kuala Berang memaklumkan kawasan sawah padi di kawasan Padang Ipoh, Kampung Gaung dan Kampung Telaga di Kuala Berang, ada infra pertanian tapi *tak* tanam padi. Keseluruhan kawasan padi di lokasi ini ketika pembangunan infra dibuat, 231 hektar. Kawasan berpotensi untuk tanaman padi tapi isunya ialah generasi muda pewaris tuan tanah asal *tak* berminat nak tanam padi. Tanah padi ditanam dengan sawit dan didirikan rumah. Ada penyewa yang berminat *nak* sewa untuk tanam padi tapi tuan tanah *nak* bina rumah ataupun *nak* tanam sawit. Jadi bila *tak* bertanam, maka tentu sekali sistem pengairan juga tidak di selenggara. Saya rujuk dengan Majlis Daerah Hulu Terengganu, dimaklumkan *zoning* kawasan ini telah ditukar daripada pertanian kepada *zoning* pembangunan. Yang jelas ialah polisi Kerajaan Negeri tidak membenarkan kawasan pertanian padi aktif ditukar syarat untuk kegunaan lain demi untuk *nak* jaga periuk nasi rakyat kita.

Untuk makluman Air Putih, tahun 2023 telah disalurkan peruntukan bagi pembangunan dan naik taraf infrastruktur tanaman padi di Skim Pengairan Paya Paman RM340,000.00 dan Skim Pengairan Paya Dadung RM150,000.00. Kedua-dua Skim ini berada dalam DUN Air Putih.

Kuala Besut menyentuh tentang isu ketiadaan modal untuk masyarakat B40 *nak* tanam Musang King. Kuala Besut, Musang King *ni* perlu modal besar, pengurusan dia rumit dan hasilnya paling awal pun selepas empat tahun. Kita *lok la* biar mereka yang berkemampuan tanam Musang King. Kerajaan lebih mencadangkan supaya rakyat B40 terlibat dengan sektor tanaman kontang singkat masa. Modal *tak* besar, penjagaan lebih praktikal dan hasilnya segera.

Dan dana bawah Program Pembangunan Tanah Terbiar yang saya sebut tadi boleh dimanfaatkan untuk kerja-kerja pembersihan dan pembangunan infrastruktur, *nak* bina pagar, *nak* buat parit, *nak* bersih dan modal permulaan untuk bertanam boleh mohon SPNT. Bagi rakyat yang *takde* tanah, mereka boleh cari mana-mana tanah kerajaan yang masih kosong dan mohon LMS. Kalau *nak* tanam durian, tak boleh *nak* mohon LMS di atas tanah kerajaan.

Akhir Sekali, YB Langkap membangkitkan keperluan mendesak untuk tanah tapak rumah Generasi Kedua FELDA. Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu Jawatankuasa *Taskforce* Tanah Generis Kedua FELDA dipengerusikan EXCO pertanian, diurusetikan oleh UPEN dengan keanggotaan daripada pengurusan FELDA, pentadbir tanah daerah akan dilibatkan sama Ahli-ahli Yang Berhormat serta JPKK yang terlibat dengan kawasan FELDA. Halatuju Jawatankuasa *taskforce* ini ialah bagi menguruskan penyelesaian secara berpusat. Isu tanah tapak Rumah Generasi Kedua FELDA sebagaimana yang telah berjaya dilakukan di FELDA Selasih Jati. Terima kasih Yang di-Pertua, Jabi mohon menyokong.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Saya juga nak ucap terima kasih Wakil Ajil tadi. Kedua-dua Wakil ini telah menggunakan masa dengan tepat. Jadi, *insya-Allah* kalau hal ini berterusan semoga Wakil-Wakil ambil masa yang tidak lebih, kita boleh siapkan, kita oleh beri ruang tujuh orang petang ini untuk membuat penggulungan dan esok mungkin tak panjanglah. Jadi seterusnya mempersilakan Wakil Kota Putera.

YANG BERTIMBALAN HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang dihormati Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, yang dihormati dan dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-

ketua jabatan Negeri dan Persekutuan dan Wakil-wakil media seterusnya pemerhati dan sidang hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sesi penggulungan Ucapan Pembentangan Enakmen Perbekalan ataupun Belanjawan 2024 yang telah disempurnakan pada 27 November 2023 yang lepas.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah membentangkan Ucapan Belanjawan 2024 walaupun agak berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini tetapi ianya pembentangan yang sangat lengkap dan komprehensif, *alhamdulillah*.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Ucapan Perbahasan Belanjawan 2024 khususnya yang telah menyentuh portfolio saya antaranya Yang Berhormat Manis, Yang Berhormat Sura, Yang Berhormat Telemong, Yang Berhormat Bukit Besi, Yang Berhormat Kemasik, Yang Berhormat Kuala Besut dan Kuala Berang. Antara persoalan-persoalan yang ditimbulkan antaranya ialah sejauh manakah Kerajaan Negeri melaksanakan *green technology* ataupun teknologi hijau di dalam negeri. Menyentuh juga mengenai Pelan Induk Teknologi Hijau yang disebut dalam Buku Belanjawan ini iaitu PITiH. Sumber-sumber pendapatan baru dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil petroleum, menambah baik kawasan-kawasan industri sedia ada, mempercepatkan permohonan ataupun proses permohonan tapak-tapak perindustrian, pencapaian internet yang lemah dan infra di pelabuhan dan lapangan terbang perlu dinaik taraf bagi menarik *industry player*, pemain industri dengan izin.

Jadi, saya akan merangkum ataupun membuat rumusan itu tidak mengikut kepada jawapan-jawapan Yang Berhormat tetapi seluruh daripada ucapan saya ini saya mengharapkan dapat merangkumi jawapan kepada persoalan yang telah dibangkitkan. Yang pertama berkenaan dengan infra di pelabuhan dan lapangan terbang perlu dinaiktarafkan. Berkenaan dengan pelabuhan saya serahkan kepada kekanda sayalah, YBC selaku EXCO Infra untuk menjelaskannya, untuk pelabuhan. Cuma saya nak mencelah sedikit dari segi naik taraf di lapangan terbang kerana ia menjadikan fokus juga dalam kita nak

mencari pelabur-pelabur ini. Hadirin hadirat Sidang Dewan dirahmati Allah sekalian, Pihak Kerajaan menyedari untuk menaiktarafkan lapangan terbang kita ini kita memerlukan satu perkhidmatan bahan api yang menjadi keutamaan kepada lapangan terbang kita ataupun *fuel operator service*. Yang ini kita masih lagi membuka ruang-ruang untuk pelabur-pelabur datang untuk memenuhi hasrat kita di Negeri Terengganu ini. Landasan kita *alhamdulillah* sudah cukup untuk mendarat taraf *international* tetapi servis-servis yang perlu kita lengkapkan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, untuk menambah baik kawasan perindustrian sedia ada, tidak cukup infra di tapak industri perlu dinaik tarafkan. *Insyah-Allah*, sepertimana yang telah dibentangkan di dalam Pembentangan Bajet 2024, pihak Kerajaan akan menaiktarafkan taman-taman perindustrian sedia ada dan sekarang ini kita dalam proses teruskan pemutihan dan akan mencadangkan mengikut keutamaan taman-taman perindustrian mana yang perlu didahulukan dan yang mana yang dikemudiankan. *Insyah-Allah*, nama-nama perindustrian yang telah disebutkan semasa perbahasan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat akan diambil perhatian.

Kerajaan Negeri melalui kerjasama semua agensi negeri dan persekutuan sentiasa berusaha meningkatkan dan menaiktarafkan infra kawasan perindustrian di Negeri Terengganu bagi memastikan dapat menarik pelabur ke Negeri Terengganu Darul Iman. Pihak Kerajaan juga melihat beberapa penambahbaikan yang perlu ditekankan. Contohnya tempoh masa pemprosesan permohonan tapak-tapak industri yang saya lihat dapat kita singkatkan dan *Alhamdulillah* satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan hasil kajian pun telah berada di tangan saya dan *insyah-Allah* akan dilaksanakan sebelum menjelang 2024 ini. Kaedah untuk mempromosikan tanah-tanah industri sedia ada kepada pelabur-pelabur juga perlu diaktifkan dengan tawaran harga pajakan yang lebih fleksibel iaitu kurang daripada harga pasaran nilai yang diberikan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dengan mengambil kira kos pembangunan infra yang perlu dilaksanakan oleh pihak pelabur atas tanah industri yang dipajak.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pelan Induk Teknologi Hijau ataupun PITiH 2024 hingga 2030 sebagaimana di dalam Ucapan Belanjawan, Kerajaan Negeri akan merangka Pelan Induk Terengganu Hijau ataupun PITiH 2024-2030 yang dijangka akan dilancarkan pada suku

pertama tahun 2024 nanti. Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan antara pengeluar utama tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam mendepani Teknik Teknologi Hijau, Kerajaan mengambil beberapa langkah;

1. Kecekapan Tenaga. Kempen penjimatan tenaga di peringkat agensi-agensi dan jabatan-jabatan sedang dilaksanakan. Dalam kesempatan itu Kerajaan menggalakkan PBT-PBT mengambil peluang untuk menambahkan kecekapan dengan menggunakan sistem solar di ruang sedia ada di PBT-PBT masing-masing. Begitu juga untuk agensi-agensi lain dan pihak swasta dapat menyambut baik usaha ini untuk menggunakan ruang-ruang bumbung pejabat dan kawasan lapang yang ada untuk dimaksimakan bagi pemasangan sistem solar.
2. Penjanaan Pendapatan dalam Bidang Teknologi Hijau dan Eksplorasi Teknologi Baru

Selain mengoptimumkan sumber sedia ada, Kerajaan juga memanfaatkan dan mendepani *Carbon Capture, Utilisation and Storage*, dengan izin CCUS selain seperti yang mana disebut oleh Yang Berhormat Kemasik agar mengguna pakai telaga-telaga minyak yang telah ditinggalkan perlu digunakan semula untuk mendapatkan pendapatan negeri. Kerajaan juga mempunyai idea lain dalam mendepani *carbon capture* ini. Antaranya adalah kita mempunyai paya bakau yang luas. Di mana paya bakau ini menjadi mekanisma terbaik ke arah memerangkap karbon. Beberapa keputusan asas telah diperolehi untuk pelaksanaannya. Usaha ke arah itu sedang diusahakan dengan beberapa pendekatan sedang diambil dan akan diumumkan apabila tiba masanya nanti, *insya-Allah*.

Seterusnya merancang menggunakan *Electrical Vehicle* ataupun EV dengan izin di peringkat Negeri dalam masa terdekat ini. Kajian yang serius sedang dilaksanakan bagi mewujudkan kerjasama dengan satu syarikat bagi tujuan tersebut. Sekarang di peringkat kajian *business model* bagi pelaksanaannya. *Insya-Allah* jika semuanya berjalan lancar ianya akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Dengan wujudnya EV ataupun *Electrical Vehicle* di Negeri Terengganu sekali gus akan menjadi pilihan utama pembinaan Stesen Pengecas

EV sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Buku Ucapan Belanjawan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah mengumumkan bahawa Terengganu akan mendepani industri hidrogen hijau ataupun *green hydrogen* dengan izin. Usaha ini dipandang serius dan sedang diambil perjalanan. Setakat ini teknologi daripada Korea Selatan telah dikenal pasti dalam usahasama mewujudkan taman hidrogen atau pun *hydrogen farm* ini. Garis masa ataupun *timeline* sedang dirangka dan *insya-Allah* akan direalisasikan dalam tahun yang mendatang ini, *insya-Allah*.

Perkataan ESG sering disebut mutakhir ini. Akronim ESG adalah istilah *Environment, Social and Government* ataupun alam sekitar, sosial dan urus tadbir dengan izin, ianya telah diperkenalkan sejak 1960-an lagi tetapi sekarang ini menjadi fokus dalam bidang terutamanya dalam bidang perindustrian. Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan akan menjuarai dalam bidang ini, *insya-Allah*. Mengenai pencapaian internet yang perlu ditingkatkan... YB Telemong menerima aduan daripada rakyatnya bahawa setengah kawasan ataupun banyak kawasan di kawasan Hulu Terengganu yang mempunyai pencapaian internet yang agak lemah. Setakat suku ketiga tahun 2023 bagi Parlimen Hulu Terengganu di bawah pelaksanaan Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebanyak 26 menara komunikasi baharu dan satu struktur komunikasi *repeater* dengan izin sedang dilaksanakan di mana 13 menara komunikasi telah siap beroperasi manakala baki 13 lagi dalam proses pelaksanaannya. Bagi projek menaiktaraf liputan kepada 4G, sejumlah 183 stesen pemancar telah siap dinaiktaraf kepada liputan 4G manakala baki tiga stesen pemancar sedang dalam proses pelaksanaan. Manakala bagi ketersediaan sambungan gentian optik ke premis sejumlah 4,235 premis telah disambung dengan gentian optik manakala 7,088 premis lagi sedang dalam proses pelaksanaannya.

Bagi DUN Telemong pula, setakat suku ketiga tahun 2023 sebanyak tiga menara komunikasi baru telah siap dan baki sembilan lagi sedang dalam pelaksanaan. Manakala bagi proses menaik taraf stesen pemancar kepada LTE, 86 stesen pemancar telah dinaik taraf dan baki dua stesen pemancar sedang dalam pelaksanaan dan ketersediaan sambungan gentian optik premis pula 500 premis telah disediakan dengan gentian optik manakala 2,369 premis sedang dalam pelaksanaan. Kerjasama erat yang diwujudkan antara pihak Syarikat

Telekomunikasi dan Kerajaan Negeri telah melancarkan pelaksanaan projek jendela, terutamanya dari segi aspek memudah cara urusan kelulusan tanah agar projek siap mengikut garis masa yang telah dipersetujui.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan dimana hampir ataupun sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap adalah mengkhususkan tentang kedudukan kewangan negeri, jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi satu pesanan khas khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya percaya pesanan ini disokong oleh semua sahabat-sahabat Ahli Dewan iaitu pesanannya berbunyi macam ini, jika sekiranya berpeluang menukar Kerajaan Persekutuan sama ada dalam masa terdekat ataupun akan datang, jadikanlah usaha untuk mengubah dasar pembayaran wang royalti Negeri Terengganu dan negeri-negeri pengeluar petroleum, terus kepada negeri bukan lagi ada orang tengah yang menjadi pengeluar minyak tersebut. Sekian Kota Putera mohon menyokong.

والله أعلم

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kota Putera, seterusnya saya persilakan Wakil Cukai, saya harap Wakil Cukai juga akan menepati masa yang diperuntukkan. Silakan.

YANG BERTIMBALAN HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, dan Agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, para pemerhati dan para media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama dan selamanya marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadirat Ilahi kerana segala nikmat dan kurniaanNya kepada kita dapatlah kita bersama-sama berada dalam Dewan Yang Mulia ini bagi membahaskan ucapan Belanjawan tahun 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Pelan Enakmen

Perbekalan 2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat bertanding, saya juga mewakili seluruh rakyat Kemaman mengucapkan selamat bertanding kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam PRK P.040 Kemaman dan semoga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita peroleh pertambahan majoriti undi yang lebih besar dalam PRK ini yang sekali gus memberi kemenangan yang berjaya dalam PRK P.040 Kemaman, dan terus membawa Kemaman ke Putrajaya dan seterusnya menjadi pemimpin utama negara. *Insyah-Allah.*

Saya juga ingin mengecam sekeras-kerasnya sebarang bentuk keganasan penindasan dan kezaliman rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin, apatah lagi ia membabitkan kematian terutamanya golongan-golongan wanita dan kanak-kanak. Saya menggesa agar Kerajaan Malaysia Madani turut bersuara membela rakyat Palestin dan membantah penindasan serta kezaliman berterusan rejim Zionis Israel di Pentas Antarabangsa dan tanggungjawab kemanusiaan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan semalam yang menyentuh Portfolio saya, *insyah-Allah* saya cuba menjawab sekadarnya. Pembentangan Bajet-bajet Negeri Terengganu 2024, yang dinamik dan beriman di mana Kerajaan dan rakyat berganding tangan dalam menjayakan siap perancangan dan aktiviti bersesuaian dengan moto Bajet "Meneraju Era Baharu Terengganu" bagi membina masa depan yang lebih cerah untuk rakyat yang kita cintai. Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan taraf kualiti hidup terbaik demi memastikan kesejahteraan dan kehidupan rakyat yang komprehensif dan harmoni. Biar pun menerima pelbagai desakan dan tekanan terutama dari segi royalti minyak daripada Kerajaan Madani.

Perancangan Bajet tersebut dibuat sangat komprehensif serta inklusif dan boleh membawa kepada manfaat yang besar kepada seluruh rakyat daripada pelbagai lapisan peringkat umur di Negeri Terengganu, yang memfokuskan tiga teras utama memperkukuhkan keberkesanan Kerajaan, mempelbagaikan sumber kekayaan, dan menyejahterakan kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, menerusi Portfolio saya Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar pelbagai projek telah

dirangka dan dicadang bagi dilaksanakan pada tahun hadapan bagi memastikan permasalahan dan kesejahteraan hidup rakyat lebih terjamin. Antaranya yang pertama, naik taraf jeti Pulau Redang dan Pulau Perhentian dan Pulau Kapas. Yang kedua, senggaraan kemudahan sukan, yang ketiga pembangunan komersial di Taman Ilmu, yang keempat selenggara dan naik taraf masjid-masjid, yang kelima membina masjid baru, yang keenam air percuma, yang ketujuh, projek perumahan Terengganu Sejahtera, yang kelapan, PPR Jeram Kuala Terengganu 150 unit rumah, yang kesembilan, projek kemajuan kawasan Beting Lintang 100 unit rumah, yang kesepuluh projek kemajuan kawasan Tempilis. Yang kesebelas, Projek-projek kecil DUN, yang keduabelas projek jana ekonomi dan pembangunan pertanian, yang ketiga belas, naik taraf dan baiki premis dan fasiliti kerajaan, yang keempat belas selenggara dan naik taraf retikulasi paip dan loji rawatan air, yang kelima belas kurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil MRW, yang keenam belas, projek pertukaran paip AC Marang dan Kuala Terengganu. Semoga segala perancangan ini dapat dijalankan dengan jayanya sempena pembentangan Bajet ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Manir, pelabuhan di Negeri Terengganu perlu ditambah baik, Pelabuhan Kemaman dalam proses keluar daripada Lembaga Pelabuhan Kuantan, dan akan bernaung di bawah Lembaga Pelabuhan Kemaman, Pelabuhan Kemaman akan ditambah baik secara berfasa oleh Lembaga Pelabuhan Kemaman, iaitu sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang dipertanggungjawab sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan Kemaman di bawah AKTA Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963.

Pelan Pembangunan Pelabuhan Kemaman adalah sebagaimana berikut, fasa awal pemasangan dua gantry crane Eastern Steel yakni dah siap awal 2023, yang kedua pemasangan dua kren *level lifting crane* yang ini akan siap awal 2025. Kapasiti pelabuhan 12juta tan. Fasa pembangunan fasa satu A, 650m sambungan dermaga baru, yang kedua pemasangan enam *gantry crane* baru, yang ketiga pemasangan dua unit *staker*, yang keempat tebus guna tanah seluas 52 ekar untuk jajaran ECRL, sasaran siap pertengahan tahun 2026, kapasiti pelabuhan 24 juta tan. Fasa satu A juga, 350m sambungan dermaga baru sasaran siap akhir 2027 kapasitinya 32 juta tan. Pemasangan dua *gantry* baru dan ketiga, pemasangan dua tambahan *ship loader*. Fasa pembangunan fasa dua, pembinaan pemecah ombak, pembinaan yang kedua pembinaan dermaga luar 530m yang ketiga, pembinaan dermaga sebelah laut sepanjang

1km, yang keempat penambakan tanah seluas 70 ekar, yang kelima kerja-kerja mengorek ataupun *basing* baru yang akan bermula selepas 2030, yang dijangka kapasitinya lebih daripada 32 juta tan.

Soalan daripada sebarang Takir, daripada Bandar, daripada Telemong dan Bukit Tunggal masalah banjir di Negeri Terengganu, semua Jawatankuasa Pengurusan Banjir di peringkat daerah di lapan daerah negeri ini telah selesai melakukan simulasi banjir baru-baru ini bagi persediaan menghadapi bencana banjir. Sebanyak RM3.45 juta persiapan banjir telah dibelanjakan bagi membeli keperluan pengkalan hadapan untuk kegunaan pusat pemindahan sementara kelak. Jawatankuasa Pengurusan Banjir Peringkat Daerah juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko berlaku banjir dan penyelenggaraan segera akan dibuat bagi mengurangkan risiko banjir berlaku. Tindakan segera akan diambil sekiranya melibatkan pembersihan longkang tersumbat dan pembersihan sungai dengan kerjasama Pejabat Daerah, Pejabat Berkuasa Tempatan, JPS dan JKR. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja kecil penyelenggaraan secara berkala, infrastruktur sistem saliran di kawasan berkenaan sebagai langkah sementara bagi mengurangkan isu banjir melalui JPS Negeri Terengganu. Bagi tujuan perancangan dan mengenalpasti punca banjir dan penyelesaian secara menyeluruh serta seterusnya menyediakan permohonan peruntukan untuk pelaksanaan projek, JPS telah memohon di dalam Rolling Plan (RP4) di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Terengganu sedang dalam pelaksanaan JPS. Melalui kajian ini, beberapa tebatan banjir dicadangkan dan dikenalpasti bagi memastikan ianya diperhalusi meliputi aspek skop kos dan selari dengan kehendak semua pihak pemegang taruh, bagi projek tersebut serta menepati objektif projek dan *outcome* yang telah disasarkan. Berikut adalah Pelan Induk Tebatan Banjir, yang pertama, Sungai Kerteh siap tahun 2022. Yang kedua, Sungai Terengganu pelantikan Perunding Kerajaan, yang ketiga Sungai Marang pelantikan Perunding Kerajaan.

Manakala kajian Pelan Tebatan Banjir di Sungai Dungun dalam proses permohonan dalam RP3 dan RP4 RMKe-12 iaitu projek yang telah lulus seperti:

- 1) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, dalam proses tawaran oleh MOF berjumlah lebih RM200 juta.

- 2) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tepoh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus dalam proses tawaran kerja membaiki dan membina berjumlah lebih RM400 juta yang telah diluluskan di bawah peruntukan RM15 bilion secara *one-off* bagi tebatan banjir keutamaan tinggi, jangkauan Surat Setuju Terima pada awal tahun hadapan.
- 3) Rancangan Tebatan Banjir Bukit Payong, Kuala Terengganu, Marang, dalam proses rekabentuk berjumlah lebih kurang RM60 juta.
- 4) Rancangan Tebatan Banjir Bukit Puteri, Besut, dalam proses untuk tawaran perunding untuk reka bentuk RM30 juta.

Bagi tahun 2023, JPS telah membelanjakan RM16,438,000.00 menggunakan peruntukan persekutuan dan negeri bagi pembaikan akibat banjir bagi 362 projek. Berikut adalah pecahan projek-projek tersebut:-

- 1) Hulu Terengganu 32 projek berjumlah RM2,120,000.00.
- 2) Besut 69 projek berjumlah RM2,986,000.00.
- 3) Kemaman 31 projek berjumlah RM1,054,200.00.
- 4) Dungun 45 projek berjumlah RM2,009,000.00.
- 5) Setiu 58 projek RM2,400,000.00.
- 6) Marang 26 projek RM1,290,000.00.
- 7) Kuala Terengganu 44 projek berjumlah RM1,509,000.00.
- 8) Kuala Nerus 44 projek RM2,260,000.00.
- 9) Bahagian pengurusan mekanikal dan elektrik 13 projek berjumlah RM260,000.00 yang menguruskan rumah pam dan pintu-pintu air.

Soalan daripada Telemong, sungai yang semakin cetek, masalah sungai cetek memang menjadi kerisauan semua rakyat dan dikaitkan menjadi satu penyebab berlakunya banjir. Namun begitu, berdasarkan kajian JPS bagi mengatasi masalah banjir ini, JPS telah mencadangkan agar kolam takungan baru dibina bagi penyelesaian jangka masa pendek dan bagi penyelesaian jangka masa panjang. Empangan baru pun diwujudkan oleh kawasan yang terlibat banjir adalah kawasan industri dengan izin, Timbalan Yang di-Pertua. Kawasan kritikal akan digali bagi mengatasi masalah ini. Untuk makluman semua, Sungai Kemat yang juga dikenali sebagai Sungai Por telah dijalankan projek penyelenggaraan baik sungai dan projek pembaikan tebing. Isu kebocoran paip air ke Pulau Redang, projek penggantian paip terawat ke pulau masih dalam perancangan.

SATU telah menerima beberapa cadangan penyelesaian dan masih di peringkat penelitian dan kebolehlaksanaan projek. Pusat Perpindahan sementara daripada Kuala Berang, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti kawasan baru pembinaan PPS yang telah ditenggelami air melalui Pejabat Daerah Hulu Terengganu. Dewan Serbaguna Hulu Terengganu yang sudah diluluskan kita masih menunggu peruntukan hutang RM1 bilion daripada Kerajaan Madani. Paip air pecah, projek paip air pecah telah berjalan dan projek berjumlah RM10 juta dan diluluskan di peringkat kelulusan JBA. Penggantian paip baharu telah dimasukkan dalam perancangan SATU untuk kerja-kerja penambahbaikan untuk tahun hadapan. Loji Hulu Terengganu, Loji Rawatan Air Hulu Terengganu telah beroperasi sejak tahun 2006 dengan kapasiti rekabentuk adalah 55 JLH membekalkan air terawat kepada hampir 80% penduduk Hulu Terengganu manakala 20% lagi menerima bekalan air daripada Jerangau (BakipC) Pengeluaran semasa telah mencapai 55 JLH cadangan penambahan 10 JLH telah dikemukakan dari KKW bagi RP4 RMKe12 dan secara tidak rasmi kelulusan telah diperolehi bagi pelaksanaan projek ini. Tambahan 10 JLH ini dijangka siap pada tahun 2025. Di samping itu, pelaksanaan projek LRA Kenyir dengan kapasiti 20 JLH dijangka siap pada 2026. Proses rundingan Kajian Impak Alam Sekitar sedang berlangsung dan proses pengambilan tanah akan bermula awal tahun 2024. Dalam masa yang sama Kajian Kemungkinan LRA Marang Fasa 1 sedang berjalan di mana LRA ini dijangka siap pada tahun 2029. LRA Marang ini akan membekalkan 20 JLH bagi Daerah Hulu Terengganu. Program NRW Hulu Terengganu sedang berjalan 2023, 2024 untuk kenal pasti kawasan yang alami kebocoran tinggi untuk program penggantian paip lama secara berkala. Saya rasa itu sahajalah soalan yang dikemukakan.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang terhormat sebelum habis, sebelum ni saya ada sebut dalam Ucapan Perbahasan berkenaan dengan hakisan pantai Pengkalan Maras ataupun Mengabang Telipot ke Batu Rakit dan tadi saya minta maaf banyak, terpaksa balik sekejap kerana dapat panggilan kecemasan daripada *awok-awok* di kawasan Pengkalan Maras berkenaan dengan hakisan yang keterlaluan di sekitar Pantai Telipot, Batu Rakit. Jadi saya dapati memang sekarang satu rumah, dua warung kedai dan juga wakaf serta chalet yang sekarang menunggu rebah ke bumi lah jadi, nak bawa kepada Kerajaan Negeri sekarang memang keadaan itu berhajat kepada bantuan segera. Jadi nak minta dengan Kerajaan supaya turunkan bantuan segera walaupun di sana telah ada kelulusan projek *beach nourishment* dan juga *breakwater* di sana tapi kita

harapkan semoga *kot-kot* ada ruang untuk dipercepatkan, *wat* mari batu dulu ke apa ke..

والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Okay terima kasih. Projek kawalan hakisan pantai ini telah pun diserahkan kepada GPQ Sdn. Bhd. dengan kos RM69,917,000.00 dan kita pun sudah tengok gambar tadi, *insya-Allah* JPS akan turun seberapa segera bagi mengenal pasti apa yang patut dilakukan dengan segera. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Cukai, seterusnya saya mempersilakan Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan, serta pemerhati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menunjuk komitmen yang tinggi dalam sesi perbincangan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini, dan juga saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan Perbelanjaan 2024 yang terbaik pada kali ini. Dari segi pembangunan usahawan Kerajaan Negeri, *insya-Allah* akan terus memacu program keusahawanan supaya terus aktif dalam memastikan supaya lebih ramai para belia menceburi diri dalam bidang keusahawanan ini dan menjadikan bidang keusahawanan atau perniagaan adalah budaya hidup orang Terengganu. Dalam hadith yang masyhur Nabi SAW ﷺ menyatakan, bersabda-

عَلَيْكُمْ بِالتَّجَارَةِ فَإِنَّ فِيهَا تِسْعَةَ عَشَرَ الرِّزْقِ

"Hendaklah kamu berniaga kerana padanya 9 daripada 10 rezeki."

Dari segi pelaksanaannya Nabi ﷺ, isterinya Khadijah, sahabatnya Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf, Zubair Al-Awwam, Sa'ad bin Abi Waqqas, al-Barra' bin Azib adalah merupakan peniaga-peniaga yang berjaya. Begitu juga Imam Abu Hanifah yang terkenal imam empat mazhab juga adalah merupakan seorang peniaga yang berjaya. Bagi mencapai hasrat tersebut, dari segi ingin pembudayaan hidup orang Terengganu kepada perniagaan ini, Kerajaan akan memastikan dengan tema keusahawanan adalah kerjaya pilihan akan menjadi pilihan kami bagi mengatasi masalah pengangguran pada masa kini dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan. Usaha ini akan dapat dimantapkan lagi pelaksanaannya melalui jalinan kerjasama yang erat. Bukan sahaja dengan pihak Kerajaan Negeri tetapi juga melibatkan pelbagai agensi keusahawanan di peringkat Persekutuan. Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu akan terus menyediakan program yang dapat mencapai hasrat tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan, Tabung TUGAS telah banyak membantu ramai usahawan dalam membangunkan perniagaan mereka supaya pergi lebih jauh lagi dan berdaya maju dengan jumlah RM26,744,820.87 juta, telah dikeluarkan pada penggal lepas, telah membantu seramai 4959 usahawan mendapat kemudahan tersebut. Selain daripada itu, keprihatinan Kerajaan kepada usahawan-usahawan kecil dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) direalisasikan menerusi Bantuan Geran Perniagaan yang diberi kepada golongan tersebut dengan jumlah bantuan sehingga RM5,000.00. Ianya telah diagihkan menerusi dua skim yang dilaksanakan. Iaitu yang pertama, Dana Usahawan Dan Industri Mikro Terengganu (DUIT) dan yang kedua Dana Prihatin Terengganu Khas untuk OKU (D-Hati). *Insyah-Allah* segala pelaksanaan TUGAS ini akan diuruskan walaupun mungkin peruntukan yang akan diperolehi berkurangan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan, bidang usahawan adalah satu bidang yang memerlukan ilmu dan pengetahuan, ditambah lagi dengan kemajuan teknologi terkini. Oleh yang demikian YPU, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan turut memainkan peranan dalam mengadakan program yang melibatkan penambahan ilmu tersebut. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Dan pecahan telah dibahagikan kepada *tiga "Start-Up", "Scale-Up" dan juga "High Performing"*. Pelaksanaan program juga telah mendapat kerjasama daripada agensi keusahawanan yang lain.

Kursus berkait dengan pembangunan halal juga akan diberikan penekanan usahawan akan didedahkan tentang pentingnya logo halal dalam memasarkan produk dan mengembangkan perniagaan. Kursus-kursus juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesadaran peserta mengenai pematuhah halal di Terengganu. Usahawan juga dapat mengetahui tentang cara-cara bagi mendapatkan pensijilan halal dan juga tentang keselamatan makanan, MOSTI serta garis panduan kepada pengusaha makanan yang menyediakan makanan di rumah (*home based food*).

Timbalan Speaker Dewan, hari ini saya hanya menerima hanya satu, seorang Yang Berhormat sahaja yang menyentuh berkait dengan portfolio saya. Walau bagaimanapun ada tiga perkara yang disentuh iaitu Yang Berhormat Kemasik, berkenaan dengan perancangan Kerajaan bagi mengatasi cabaran yang dialami oleh usahawan. Mengenai pemilikan *equity*, kekurangan bakat, kelemahan pasaran dan yuran pendapatan. Pihak Kerajaan melalui agensi yang berada di bawahnya, sedang menyelaraskan pelbagai program latihan bimbingan keusahawanan, terutama bagi memantapkan ilmu keusahawanan di kalangan para usahawan terutama di kalangan generasi muda yang terlibat dalam dunia keusahawanan. Aspek yang diberikan penekanan adalah kemahiran komunikasi, membuat solusi perniagaan *close deal* dengan mana-mana pelanggan termasuk pengurusan perniagaan yang cekap dan berkesan dengan dibantu teknologi digital terkini. Tindakan dan perancangan Kerajaan bagi mengambil peluang daripada tindakan pembangunan bumiputera di bawah TERAJU bagi manfaat bumiputera rakyat khususnya rakyat Negeri Terengganu. Ini soalan yang dikemukakan oleh pihak Kemasik. Melalui Konsep *Blue Ocean Strategy*. Pihak Kerajaan Negeri bersama agensi yang terbabit turut membina rangkaian yang sebelum ini telah baik terjalin dengan TERAJU dan agensi yang berkaitan dengannya. Yang turut menjadi agensi penyelarasan dana dan peruntukan di bawah pelan tindakan pembangunan bumiputera. Banyak program penyelarasan telah dibuat dan akan ditambah sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi mengadakan program kerjasama dalam apa juga bagi mendapat faedah kepada usahawan di Negeri ini. Terutamanya dalam aspek penganjuran program secara bersama, pengagihan dana atau apa jua bentuk, yang boleh dijalankan.

Soalan berkait dengan perancangan Kerajaan bagi mencipta peluang perniagaan, bagi usahawan di stesen-stesen ECRL yang akan beroperasi pada

masa depan, sebenarnya beberapa siri perbincangan telah dibuat dengan pihak pengurusan ECRL termasuk mengenal pasti lokasi dan tempat yang sesuai untuk menempatkan usahawan dan peniaga tempatan menjalankan perniagaan mereka. Sama ada dalam bentuk penjualan produk makanan, cenderahati, perkhidmatan dan sebagainya yang dijangka dan dapat menjana pendapatan. Penyelarasan lokasi dan pemilihan jenis perkhidmatan atau perniagaan akan dibuat setelah penyusunan dan pemilihan lokasi untuk diwujudkan premis yang berkaitan sama ada terletak di dalam kawasan stesen-stesen ECRL atau luar kawasan stesen tersebut yang dijangka menjadi tempat tumpuan orang ramai sehingga *insya-Allah* sebelum menggunakan perkhidmatan tersebut. Jadi itulah sedikit penggulungan pada petang ini. Akhirnya, saya ingin mengucapkan dua buah pantun sebelum saya menyokong Ucapan Penggulungan ini, menyokong Ucapan Belanjawan 2024.

Pergi ke tasik bermain kanu
Nampak ikan disambar helang
Berkat pemerintahan MB Terengganu
Dikenali hebat juga cemerlang

Pergi memancing si ikan Toman
Sambil berkayuh di air yang tenang
Insya-Allah nanti PRK Kemaman
MB Terengganu jadi pemenang

Sekian sahaja.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Alur Limbat yang hanya mengambil separuh masa yang diperuntukkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan dan puan-puan, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati, saya bercadang untuk teruskan sahaja Persidangan ini dengan memberi ruang kepada dua orang lagi Wakil Kerajaan untuk meneruskan penggulungan. Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang perlu dan berhajat untuk keluar Dewan bolehlah berbuat demikian tetapi janganlah keluar beramai-ramai. Okey, seterusnya saya persilakan wakil Tepoh untuk buat penggulungan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media yang mengikuti Persidangan ini sama ada secara fizikal atau di atas talian, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah sama-sama kita merakamkan rasa syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* yang telah memberikan kepada kita peluang dan keizinan untuk bersama-sama mengikuti Persidangan Dewan Undangan Negeri dalam Sesi Pembentangan Bajet pada kali ini. Saya memulakan Ucapan Penggulangan pada kali ini dengan memetik Firman Allah *Subhanahu Wa Taala*:

وَقُلْ رَبِّ أَدْخُلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَأَجْعَلْ لِي مِنْ أَلْنِكَ سُلْطٰنًا نَّصِيْرًا

"Dan pohonkanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa): "Wahai Tuhanku! Masukkanlah aku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah aku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku"

Surah Al-Isra' Ayat 80.

Al-Tabari mengulas berkenaan dengan ayat ini dengan menyatakan:

واجعل لي ملكا نصيرا ينصرني على من ناواني، وعزا أقيم به دينك، وأدفع به عنه من أراده
بِسوء

"Jadikan untukku kekuasaan yang menolongku dan memenangkanku atas orang-orang yang memusuhiku serta

kurniakan kejayaan yang dapat aku gunakan untuk menegakkan agamaMu dan menolak orang-orang yang berniat buruk pada agamaMu”.

Qatadah pula menyatakan sesungguhnya Nabi ﷺ mengetahui bahawa tiada daya untuk mengembangkan tugas melainkan dengan kekuasaan. Kerana itu Baginda memohon kekuasaan yang dapat menolong Kitab Allah, menjaga hukum-hakamNya, memelihara kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkanNya dan menegakkan agamaNya.

Inilah prinsip yang ada pada kita semua bukan untuk mengejar kekuasaan tetapi سُلْطَانًا نَّصِيرًا suatu kekuasaan yang boleh membantu agama yang boleh mengangkat dan memartabatkan agama Islam di manapun kita berada. Seruan yang sama saya tujukan kepada semua pegawai-pegawai sama ada yang berada di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun yang berada di peringkat Kerajaan Negeri, kita mengambil tanggungjawab bagi kita memastikan bahawa kita adalah سُلْطَانًا نَّصِيرًا orang yang diberi kuasa dan orang yang membantu agama dengan kuasanya. Kata Nabi ﷺ,

خير الناس أنفعهم للناس

"Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain”.

Dalam sesi perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kelmarin dan juga pada pagi ini yang juga menyentuh tentang Portfolio yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya. *Insyah-Allah* saya akan cuba menerangkan secara lebih terperinci semua persoalan dan harapan yang telah diutarakan.

Yang Berhormat Bandar, Jertih dan Hulu Besut ada membicarakan berkenaan dengan belia. Saya ingin berkongsi bersama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, membangunkan kepimpinan belia untuk masa depan negeri sememangnya menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan 2024, Kerajaan Negeri akan memperhebatkan lagi fungsi Program ADUN Belia. Melalui Urus setia Belia, Sukan dan NGO Terengganu Sejahtera, Program ADUN Belia Siri ke-2 2021-2023 telah berjaya dilaksanakan. Antara pengisian bagi program ini adalah, yang pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri melibatkan semua ADUN Belia sebanyak dua kali. Kunjung

Hormat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat ADUN dan pejabat-pejabat berkaitan, dan yang ketiga penglibatan ADUN-ADUN Belia di dalam program-program rasmi kerajaan.

Selain itu penubuhan Al-Fateh Terengganu Sdn. Bhd. bagi memenuhi hasrat PITAS 2023 melahirkan Belia Rabbani Terengganu menjelang tahun 2030 diharap dapat membangunkan keupayaan peserta Akademi Al-Fateh. Akademi Al-Fateh telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Al-Fateh yang terdiri dari lima peringkat umur iaitu TUNAS (11-12 tahun), DIDIK (13-17 tahun), BAKAT (18-25 tahun), IKON (26-30 tahun), ELIT (31-40 tahun). Tiga modul melibatkan peringkat umur BAKAT telah berjaya dibangunkan dan beberapa siri program telah dijalankan melibatkan Program Kem Impak Belia Terengganu atau kita panggil sebagai KIAM. Gema KIAM dan Pro-KIAM. UBSNT dan Al-Fateh dengan kerjasama TSIS akan terus bekerjasama membangunkan Modul Pembangunan Belia melalui lima peringkat umur yang telah dimaklumkan sebentar tadi.

Berdasarkan Pelan Induk Portfolio Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri 2021-2025, Kerajaan Negeri telah merancang untuk teras ketiga memperkukuh jaringan infrastruktur merentasi Sektor Belia, Sukan dan NGO bagi mengoptimumkan sumber. Strategi yang keempat, Memperkasakan Modal Insan Belia melalui pembangunan Pusat Kegiatan Belia dengan penerapan nilai keagamaan sebagai asas yang mampan untuk membendung gejala sosial dan peningkatan jenayah. Salah satu program yang dirancang adalah untuk mewujudkan Pusat Kegiatan Belia di setiap daerah yang dipantau oleh sebuah jawatankuasa dan lapan orang kakitangan yang dilantik untuk tujuan menyelaras.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Pusat Kegiatan ini sebenarnya telah wujud di setiap daerah yang menjadi pejabat kepada Majlis Belia Daerah. Pusat ini juga mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas. Perkhidmatan yang ditawarkan di setiap Pusat Kegiatan ini adalah berlainan buat masa ini. Namun, Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan Majlis Belia Terengganu bagi menyeragamkan dan mengoptimumkan pengfungsian Pejabat Majlis Daerah sedia ada selari dengan perkembangan semasa. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' *Speaker*, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta semua Ahli Dewan sekalian, berdasarkan rekod Ahli Jawatankuasa Tetap Majlis

Belia Negeri Terengganu seramai 50 orang terdiri daripada golongan profesional, peguam seorang yang mewakili 2%, kakitangan kerajaan 14 orang 28%, guru pendidik sembilan orang 20%, berniaga kerja sendiri 16 orang 32%, sektor swasta 10 orang 20%. Hampir separuh atau 48% daripada Ahli Jawatankuasa Tetap berkenaan terdiri daripada penjawat awam selain itu Pengerusi-pengerusi Majlis Belia Daerah pula terdiri daripada kakitangan kerajaan empat orang, guru pendidik seorang, peniaga, kerja sendiri dua orang, sektor swasta satu orang, oleh itu keterlibatan kakitangan kerajaan termasuk warga pendidik di dalam pentadbiran Majlis Belia sama ada di peringkat daerah atau negeri masih ada dan *insya-Allah* akan terus berkekalan.

Ahli Yang Berhormat Sura yang menyentuh tentang pemerkasaan ekosistem sukan, untuk maklumat Dewan, antara kursus dan bengkel yang telah berjaya dilaksanakan bagi melahirkan jurulatih dan pegawai-pegawai sukan yang berkaliber yang mampu meningkatkan lebih tinggi dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu adalah seperti Kursus Sains Sukan Tahap satu, dua dan tiga, Kursus Pengurusan Sukan, Kursus Latihan Bebanan, Kursus Pertolongan Cemas, Kursus Video Analisa Prestasi dan pelbagai lagi kursus-kursus yang lain. Selain itu, Majlis Sukan Negeri Terengganu telah menghantar jurulatih serta pegawai-pegawai sukan untuk menyertai kursus serta latihan yang dianjurkan oleh Institut Sukan Negara seperti Kursus Pendidikan, Jurulatih berterusan, Skim Perlesenan Kejurulatihan Kebangsaan dan pelbagai lagi kursus yang dianjurkan. Bagi menjaga kebajikan jurulatih kendalian Majlis Sukan Terengganu, Majlis Sukan telah menaja dan menghantar jurulatih yang berkaliber menuntut ilmu kejurulatihan di dalam dan di luar negara. Antara yang mendapat tajaan dari Majlis Sukan adalah jurulatih basikal ke Switzerland dan pelbagai lagi jurulatih yang lain ke Thailand, ke Rusia dan lain-lain.

Selain itu, Negeri Terengganu juga antara negeri pertama yang mencarum KWSP dan PERKESO kepada jurulatih-jurulatih yang berkhidmat. Majlis Sukan Negeri Terengganu memberi peluang pekerjaan kepada bekas-bekas atlet yang berpotensi untuk dijadikan jurulatih sepenuh masa dan jurulatih sambilan dengan tangga gaji minima menyamai penjawatan awam dengan gred-19 sebagai permulaan. Selepas dilantik bekas atlet ini akan diarahkan menyertai kursus-kursus yang berkaitan dengan kejurulatihan. Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu juga telah berjaya melahirkan jurulatih bertaraf EFC Diploma A dan AFC A-license, antara jurulatih Terengganu, anak Terengganu yang berjaya dilahirkan Diploma Pro-A seperti Badrul Afzan Razali, Penolong

Ketua Jurulatih TFC, Subri Sulong, Penolong Ketua Jurulatih TFC dua, Roshadi Wahab, Ketua Jurulatih TFC tiga dan Penolong Jurulatih Piala Emas Raja-Raja, AFC A-Licence Hairuddin Omar, Ketua Jurulatih TFC dua Wan Adremy Indera, Ketua Jurulatih TFC empat, Muhammad Fuad bin Mamat, Ketua Jurulatih Remaja Negeri Terengganu dan beberapa nama yang lain. Selain itu, Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu juga berusaha untuk menyediakan program pembangunan ke arah melahirkan jurulatih, pegawai yang bertaraf tinggi dalam bola sepak, antara program atau kursus yang dianjurkan termasuklah Kursus Kejurulatihan, Kursus Pembaharuan, Kursus Sains Sukan, liga tempatan dan juga kita juga, kita juga memberikan pengiktirafan dan juga penghargaan. Sebagai satu contoh, Encik Suhaimi Mat Hasan Pengadil Piala Dunia *Beach Soccer* diberikan penghargaan berupa wang tunai dan hadiah di dalam kongres tahunan PBSMT, Persatuan Pengadil juga telah dimasukkan sebagai ahli gabungan dalam Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu untuk makluman Dewan sekalian. Dalam aspek kebajikan Persatuan sentiasa peka terutamanya apabila jurulatih, pegawai, pemain yang masih berkhidmat mahupun bekas dengan mengadakan ziarah, dan menghulurkan bantuan dengan demi meringankan tanggungan perbelanjaan, untuk maklumat Yang Berhormat Sura, juga ada sebahagian daripada jurulatih dan juga bekas pemain, tidak berhasrat dan tidak berminat untuk mengikuti tawaran memiliki lesen yang lebih tinggi walaupun diminta, dan walaupun disyorkan kepada mereka yang kita tidak ketahui apakah alasan-alasan mereka pada waktu itu.

Yang Berhormat Bandar, ada menyentuh berkenaan dengan mempromosikan "Gaya Hidup Sihat", antara program yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2024 bagi mempromosikan "Gaya Hidup Sihat" termasuklah yang pertama memperkasakan program sukan untuk semua, yang kedua meneruskan Program *Fit is Sunnah*, yang ketiga *Monsoon Run*, yang keempat Terengganu Beach Festival dan yang kelima rancakkan program-program berbasikal selaras dengan jenama Terengganu sebagai *Land Of Cycling*, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk meneruskan program-program sedia ada termasuklah bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam penganjuran program- sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri bagi memastikan hasrat mempromosikan "Gaya Hidup Sihat" dapat dicapai, seperti Program Fit Malaysia, Hari Sukan Negara dan Liga Sukan Untuk Semua.

Yang Berhormat Air Putih, yang menyentuh tentang fasiliti sukan di DUN Air Putih, berdasarkan rekod sedia ada terdapat 35 premis atau fasiliti sukan milik

kerajaan wujud di DUN Air Putih antara kemudahan yang terlibat termasuklah padang bola sepak, futsal, sepak takraw, badminton, bola tampar dan bola jaring kebanyakan kemudahan ini atau 22 kemudahan ini terletak di dalam kawasan sekolah manakala selebihnya adalah di bawah Kerajaan Negeri. Kementerian Belia dan Sukan, FELDA atau KETENGAH daripada 35 premis berkenaan hanya tiga kemudahan yang memerlukan kepada kerja baik pulih, Kerajaan Negeri buat masa ini memberi fokus kepada membaik pulih kemudahan sedia ada berbanding untuk membina baharu fasiliti sukan. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan permohonan naik taraf kemudahan sedia ada iaitu kemudahan fasiliti sukan di Taman Awam Binjai, Air Putih serta padang bola sepak Kampung Pasir Gajah. Selain itu KETENGAH juga saya difahamkan turut merancang untuk membina serta menaik taraf kemudahan sukan sedia ada dari masa ke semasa mengikut kesesuaian bagi kegunaan penduduk di dalam kawasan DUN Air Putih, *insya-Allah* saya akan turun sendiri untuk lawatan tapak bagi meninjau secara lebih dekat lepas ini bersama pihak Ahli Yang Berhormat Kawasan. Saya rasa itu sahaja di antara perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang mengikuti pembahasan yang telah dikemukakan oleh semua pihak. Dengan ini saya akhiri dengan ucapan

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dengan ini Tepoh menyokong.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, pada Wakil Tepoh dan seterusnya untuk yang terakhir pada petang ini, saya mempersilakan Wakil Wakaf Mempelam untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

YANG BERTIMBALAN WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTIMBALAN WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Yang di-

Pertua, yang telah pun memberikan peluang ruang untuk saya untuk turut serta mengambil serta dalam pembahasan dalam Enakmen untuk tahun 2024 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam Dewan yang Mulia ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu telah pun membentangkan suatu Bajet Negeri Terengganu 2024 yang dinamik dan berimbang di mana Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan kedudukan kewangan berada dalam keadaan stabil untuk menyokong keperluan semasa dan masa hadapan kita semua bertemakan "Meneraju Era Baharu Terengganu", dalam membina masa hadapan yang lebih cerah di Negeri ini. Dalam menuju era baharu ini bagi memastikan setiap sumber dimaksimakan, tiga identiti telah pun digariskan iaitulah yang pertama Kerajaan Yang Lebih Berkesan dengan memberikan perhatian dan prihatin kepada setiap perkara, Yang Kedua pemimpin, pegawai kerajaan & penjawat awam yang berintegriti serta kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih cekap dan cepat kepada rakyat, yang ketiga rakyat yang diperkasakan yang sentiasa mengambil bahagian dalam isu dan aktiviti kemasyarakatan serta menjadi lebih berdikari.

Menunjang kepada tiga fokus Bajet 2024 ini iaitu fokus yang pertama memperkukuh keberkesanan Kerajaan, fokus kedua mempelbagaikan sumber kekayaan dan fokus yang ketiga, menyejahterakan kehidupan rakyat, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menggariskan sepuluh sasaran dan strategi. Sasaran dan strategi yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini tidak terhad hanya kepada portfolio atau jabatan/agensi tertentu sahaja. Sebaliknya, semua pihak harus menggembelng tenaga ke arah memastikan sasaran dan strategi Bajet 2024 dapat dicapai.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Perancangan Bajet tersebut dibuat sangat komprehensif serta inklusif dan boleh membawa manfaat yang besar kepada kemajuan dan kesejahteraan Negeri Terengganu. Bagi Bajet 2024 ini, Portfolio Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan telah menfokuskan kepada fokus kedua dan fokus ketiga Belanjawan 2024. Bagi Fokus Kedua iaitu mempelbagaikan sumber kekayaan melalui segmen Pembangunan Infrastruktur Perniagaan. Manakala bagi fokus ketiga iaitu Menyejahterakan Kehidupan Rakyat melalui beberapa segmen perancangan iaitu pelestarian inisiatif kebajikan, kemajuan perumahan dan pemampanan

bandar. Secara keseluruhannya melalui perancangan yang dinyatakan merangkumi keseluruhan 15 inisiatif. Melalui segmen Pembangunan Infrastruktur Perniagaan telah dirangka satu inisiatif iaitu galakan bagi mewujudkan lot-lot kedai di kawasan perumahan yang baharu melalui membangunkan lot-lot kedai di kawasan rumah mampu milik yang akan dibina bagi merancakkan ekonomi setempat. Melalui segmen kelestarian inisiatif kebajikan, tiga inisiatif telah dirangka iaitulah yang pertama, bantuan wad kelas tiga percuma yang telah pun dilaksanakan bermula 1 Mac 2021 yang lalu di semua hospital kerajaan di Negeri Terengganu dan telah memanfaatkan seramai 70,622 orang penerima setahun. Dengan pelaksanaan bagi tahun 2024, wad kelas tiga percuma ini diharapkan dapat meringankan beban rakyat terutama dalam mendapatkan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital kerajaan.

Yang kedua, Menyediakan Kad Sejahtera, merupakan inisiatif kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik-klinik swasta terpilih bermula 17 Julai 2019 dan *insya-Allah* akan diteruskan pada tahun 2024 juga bagi meringankan beban dan menjamin kesihatan rakyat dalam mencapai kesejahteraan hidup.

Yang ketiga Pelaksanaan Pengecualian Cukai Taksiran kepada rumah kediaman telah pun dilaksanakan bermula 2018 dan diteruskan bagi tahun 2024 bagi membantu meringankan beban rakyat dalam situasi ekonomi yang tidak menentu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya melalui Segmen Kemajuan Perumahan. Lapan inisiatif telah pun dirangka.

1. RMM Bandar Baharu Tembila, Besut sebanyak 160 unit di mana RMM Bandar Baharu Tembila ini terletak di kawasan DUN Kota Putera, Mukim Tembila, Daerah Besut. Tanah keseluruhan berjumlah 33.11 ekar manakala untuk pembangunan RMM adalah sebanyak 19.091 ekar. Perincian pembangunan meliputi RMM A sebanyak 110 unit, RMM B sebanyak 50 unit dan kedai sebanyak 6 unit. Anggaran kos yang diperuntukkan sebanyak RM40 juta.
2. Memperkenalkan *Townhouse* RAHMAN, rumah belia RAHMAN bagi mengoptimumkan penggunaan tanah di Kawasan bandar, konsep *Townhouse* RAHMAN diperkenalkan. Konsep ini merupakan projek

perumahan satu bangunan secara bertingkat yang dihuni oleh pemilik yang berlainan. Spesifikasi dan reka bentuk rumah akan diselaras semula bersama agensi teknikal yang lain. Manakala Program Rumah Belia RAHMAN akan diberi keutamaan kepada golongan belia yang berumur 35 tahun ke bawah untuk menggalakkan golongan ini juga memiliki rumah.

3. Memperkemaskan Dasar Pembangunan Perumahan Rumah Mampu Milik melalui penswastaan. Kajian semula dasar ini akan mengambil kira semua pemegang taruh terutamanya agensi teknikal termasuk pihak swasta bagi memberikan nilai tambah kepada dasar sedia ada. Kajian ini merangkumi bengkel, seminar dan sesi libat urus yang telah dirangka dan akan dibuat dalam tempoh yang terdekat.
4. Menambah Baik Perjanjian dengan Pemaju. Perjanjian usahasama dengan pemaju terutamanya melibatkan projek penswastaan ditambah baik bagi memberi keuntungan kepada pemaju di samping pulangan yang baik juga kepada Kerajaan Negeri. Hasil daripada ini projek tersebut juga memberikan kepentingan kepada rakyat.
5. Memantau dan Menyelia Projek Kerajaan dan Swasta. Memastikan setiap projek dapat dilaksanakan dan juga dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
6. PPR Jeram, Kuala Terengganu sebanyak 150 unit. Kelulusan pelaksanaan telah pun diperolehi daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui Rolling Plan ke-3 RMK-12 pada Jun 2023. Ianya terletak di Kawasan DUN Buluh Gading, Daerah Kuala Terengganu. Tanah berkeluasan sebanyak 9.88 ekar dengan anggaran peruntukan sebanyak RM50 juta. Kerja-kerja pembinaan *insya-Allah* akan bermula pada tahun 2024.
7. Projek Pemajuan Kawasan Beting Lintang sebanyak 100 Unit. Kelulusan pelaksanaan telah pun diperolehi daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Rolling Plan ke-3 RMK-12 pada April 2023 dan ianya terletak di Kawasan DUN Kota Putera dalam Daerah Besut. Tanah berkeluasan sebanyak 11 ekar dengan anggaran peruntukan

sebanyak RM25.2 juta dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada tahun 2024.

8. Projek Pemajuan Kawasan Tempinis. Kelulusan pelaksanaan juga telah diperolehi daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Rolling Plan ke-3 RMK-12 pada April 2023 dan terletak di Kawasan DUN Jabi, Daerah Besut. Tanah berkeluasan sebanyak 11 ekar dengan anggaran peruntukan sebanyak RM7.5 juta. Kerja-kerja pembinaan *insya-Allah* dijangka akan bermula pada tahun 2024.

Selanjutnya, melalui Segmen Pemampanan Bandar, tiga inisiatif telah pun dirangka. Yang pertamanya, Kajian Rangka Tindakan Bandar Pintar Negeri Terengganu. Kajian ini dilaksanakan dengan kos peruntukan sebanyak RM150 ribu bertujuan untuk menyediakan satu Blueprint Bandar Pintar Negeri Terengganu sebagai panduan utama dan hala tuju kepada Pihak Berkuasa Negeri, agensi-agensi dan pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun (PBT) dalam memacu pelaksanaan inisiatif bandar pintar yang efektif dan efisien setanding dengan bandar-bandar lain di peringkat nasional dan juga global. Menerusi Blueprint Bandar Pintar, pengurusan bandar yang cekap dan pintar melalui perkongsian dan integrasi data ke arah *big data analytic* dan *data driven decision making* akan dapat dicapai dan seterusnya membantu PBT dalam menangani cabaran perbandaran pada masa akan datang. Berteraskan kepada hala tuju dan sasaran yang lebih spesifik dan juga jelas, Blueprint Bandar Pintar Negeri Terengganu akan digubal secara efektif bagi memastikan dasar dan tindakan yang dirancang adalah berdaya laksana dan mampu untuk dibangunkan.

Seterusnya, Perkhidmatan Pembersihan Awam & Sisa Pepejal. Membiayai peruntukan sebanyak RM78.9 juta setahun dengan melantik 97 buah syarikat bumiputera Negeri Terengganu untuk menjalankan perkhidmatan pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal dengan pemantauan secara berterusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Yang ketiga, Bandar Bersih. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah mewujudkan Bandar Bersih melalui penganjuran program-program kebersihan dengan penglibatan serta kerjasama erat di antara agensi kerajaan, pihak swasta serta komuniti setempat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah memastikan kesejahteraan masyarakat dan kemampuan bandar secara berterusan, komitmen dan peranan semua Pihak Berkuasa Tempatan amat signifikan. Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah pun berjaya membantu peningkatan ekonomi dan seterusnya memberikan manfaat kepada rakyat dalam menikmati kehidupan yang lebih baik. Kejayaan Majlis Perbandaran Kemaman menerima Anugerah Penganugerahan Status *Smart City Early Adopter* bersama-sama dengan 24 buah bandar di negara ini akan menjadi satu penanda aras yang signifikan kepada semua PBT lain untuk bersama-sama meningkatkan usaha ke arah mencapai status bandar pintar pada masa akan datang. Menerusi penganugerahan tersebut, pihak Majlis Perbandaran Kemaman telah menerima geran peruntukan khas KPKT sebanyak RM200,000.00 bagi projek-projek inisiatif bandar pintar dan *proof of concept* oleh pihak TM One. Tahniah diucapkan kepada Majlis Perbandaran Kemaman.

Berdasarkan kepada analisis penilaian kemampuan bandar iaitu MURNInets (Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development) yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada tahun 2023, *Alhamdulillah* dan tahniah kepada semua PBT Negeri Terengganu kerana telah berjaya mencapai tahap Bandar Mampan. Kemanisan pencapaian tersebut diserikan lagi dengan kejayaan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) yang telah mendapat pengiktirafan Bandar Paling Mampan di Malaysia, tahniah MBKT. Menerusi kejayaan pengiktirafan-pengiktirafan yang telah dicapai, diharapkan semua PBT Negeri Terengganu akan terus komited untuk menjayakan agenda perbandaran yang mampan dan kesejahteraan masyarakat ke arah Negeri Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pelbagai isu-isu telah pun dibangkitkan ketika sesi perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu, izinkan saya menjawab serba sedikit isu-isu yang telah dibangkitkan. Yang pertamanya, ADUN Bandar yang telah menyebut tentang pembaikan dan penyelenggaraan Pasar Chabang Tiga. Yang Berhormat Bandar meminta Kerajaan Negeri melihat usaha-usaha untuk membaiki Pasar Chabang Tiga yang mengalami kerosakan dan kebocoran. Pihak MBKT sedar akan kerosakan dan keselesaan peniaga di Chabang Tiga ini dan MBKT telah melihat daripada masa ke semasa dan membaiki dan menyelenggara pasar ini. Antara tindakan yang

telah diambil adalah memperbaiki atap-atap yang bocor dan kerja-kerja elektrik. Kerja-kerja ini dibuat secara jabatan ekoran kekangan kewangan MBKT. Bagi penyelesaian jangka masa panjang bagi mengatasi isu kebocoran ini, kerja-kerja penukaran atap yang telah pun berkarat dan kerosakan *gutter* yang perlu dilaksanakan. Bagi melaksanakan kerja-kerja ini, MBKT menganggarkan sebanyak RM700,000.00 peruntukan diperlukan dan *insya-Allah* kita akan memohon peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan pada tahun ini untuk dipertimbangkan peruntukan tahun 2024.

Yang kedua, ADUN Bandar juga menyebut tentang kesuraman Stesen Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Di antara punca kesuraman perniagaan di Stesen Bas Kuala Terengganu ini adalah berpunca daripada dua punca utama. Yang pertamanya adalah jumlah pengguna bas yang semakin berkurangan, suatu masa dahulu perniagaan di Stesen Bas mendapat sambutan yang hebat kerana pada ketika itu stesen bas menjadi tumpuan awam. Namun kini ianya telah banyak berubah ekoran kemampuan rakyat memiliki kenderaan sendiri. MBKT telah pun mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi seperti MARA, YPU dan banyak lagi agensi yang lain untuk melihat bagi *regenerate* perniagaan di Stesen Bas itu. Namun demikian, sehingga kini tiada cadangan konkrit bagi mengatasi kelembapan perniagaan ini dan MBKT akan mengadakan lagi *insya-Allah* satu bengkel khas dengan melibatkan wakil-wakil peniaga dan agensi-agensi terlibat bagi mencari satu solusi kesuraman perniagaan di Stesen Bas ini. Yang kedua adalah kebocoran atap, MBKT juga telah menerima banyak aduan berkaitan dengan kebocoran atap ini dan pada tahun ini MBKT telah pun menjalankan kerja-kerja pembaikan atap Stesen Bas ini dengan kos lebih daripada RM250,000.00.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ADUN Buluh Gading membangkitkan isu penjualan vape dan langkah-langkah pencegahan. Isu penguatkuasaan larangan penjualan vape telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-20 Tahun 2022 lagi di mana di antara keputusannya ialah yang pertama PBT hendaklah membuat aktiviti penguatkuasaan dengan lebih kerap terutamanya premis-premis yang tidak berlesen. Yang kedua, turut disarankan agar PBT mengenakan kompaun secara maksimum dan sebarang rayuan pengurangan tidak perlu dilayan. Yang ketiga, jika PBT mempunyai keupayaan untuk membuat pendakwaan di mahkamah barang tersebut boleh dilupus atau dimusnahkan..

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Adakah setakat ini, kedai-kedai jual Vape ini kita lesen kan, yang banyak-banyak ini ada ke kita lesen sebab Yang Berhormat sebut tadi yang tidak berlesen, terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Semua kedai-kedai vape yang ada tidak dilesenkan, akan saya sebut lepas pada ini. Yang keempat, satu pindaan terhadap Undang-Undang Kecil boleh dibuat jika pada pandangan PBT vape ini dibimbangi mendatangkan mudarat serta kacau ganggu kepada orang-orang awam. Justeru, Kerajaan Negeri telah pun mengatur beberapa siri perbincangan bersama dengan agensi Kerajaan yang lain bagi memperkukuhkan lagi tindakan penguatkuasaan terhadap larangan penjualan vape iaitu dengan mewujudkan Undang-Undang Kecil yang khusus bertujuan untuk mewujudkan keseragaman di antara semua PBT Terengganu berhubung tindakan perundangan yang boleh diambil di samping memudahkan tindakan penguatkuasaan di lapangan. Status terkini draf Undang-Undang Kecil baharu bagi larangan penjualan vape telah pun dibuat semakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan telah pun mengedarkan draf tersebut kepada MBKT untuk MBKT mendapat maklum balas terakhir daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan sebelum draf UUK tersebut dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Seterusnya, ADUN Buluh Gading juga ada membangkitkan tentang isu aktiviti wang berlesen.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam..

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Saya nak tanya sebelum pergi kepada tajuk lain, alasan kepada vape tadi ialah

gangguan awam dan juga ada kesan penyakit. Saya rasa benda ini sama juga dengan rokok dan kalau vape alkohol ada lesen boleh jual, vape perlu kepada lesen saya rasa saya cadangkan supaya rokok pun ada tempat yang ada lesen jual rokok sahaja jual rokok dan tembakau sebagaimana di negara barat, terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Comel cadangan itu. Yang kedua, ADUN Buluh Gading membangkitkan tentang isu aktiviti wang berlesen. Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan berhadapan dengan apa banyak isu-isu berkaitan dengan rakyat yang mari jumpa untuk pinjam duit, bantu untuk dapatkan duit dan sebagainya lagilah sebab mereka pinjam dengan Along dan mungkin juga termasuk dengan syarikat kewangan berlesen ini. Jadi, ini adalah satu penyakit dan juga isu yang agak besar juga sebenarnya di kalangan rakyat kita terutamanya di kalangan wakil-wakil rakyat sebab penerima ataupun peminjam-peminjam wang dengan Along ini, dia *dok* minta sikit-sikit, dia *dok* minta 100 riyal, 200 riyal, 500 riyal, biasa dia minta 1000, 2000, 4-5000 pun ada dan pernah berlaku minta 10,000 pun ada. Terbanyak yang pernah saya hadapi 30,000 pun ada. Saya kata *nok* bila, *nok harini jugok*. 30,000 *nok hari ini jugok*. *Haa tu* dia, jadi ini adalah isu yang sangat besar. Untuk makluman Dewan, pemberi pinjam wang atau kredit komuniti ini, ditafsirkan sebagai mana-mana orang yang menjalankan atau mengiklankan atau mengumumkan dirinya atau mengemukakan dirinya dengan apa-apa cara sebagai menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang sama ada atau tidak dia menjalankan apa-apa perniagaan yang lain.

Pegawai pelesen bagi aktiviti pemberi pinjam wang ini adalah merupakan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pemohon mestilah mematuhi garis panduan urusan pelesenan kredit komuniti. Sebelum sesuatu lesen diluluskan oleh KPKT, KPKT akan memohon pandangan daripada PBT bagi tujuan kelulusan lesen selaras dengan peruntukan di dalam garis panduan urusan pelesenan kredit komuniti perenggan 4.8.1 yang menyatakan bilangan maksimum premis kredit komuniti ditentukan berdasarkan PBT dan tertakluk kepada perubahan semasa. Salah satu contoh, Majlis Perbandaran Kemaman telah menetapkan dasar di peringkat sendiri untuk menghentikan pengeluaran lesen premis perniagaan (PPW) yang baharu memandangkan jumlah PPW yang sedia ada di daerah tersebut sudah melebihi daripada keperluan semasa dan dasar ini juga turut diamalkan oleh PBT lain di Negeri Terengganu.

Untuk rekod di Negeri Terengganu kita ada sebanyak 25 premis pemberi pinjam PPW. Di Kuala Terengganu kita ada 11, di Kemaman kita ada 8, di Dungun kita ada 5, di daerah Besut kita ada 1, di Hulu Terengganu, Marang, Setiu 0 semuanya 25. Dan *Insyah-Allah* pihak Kerajaan tidak berhasrat lagi untuk menambahkan lagi bilangan premis PPW ini dan dalam masa yang sama kita akan memantau aktiviti syarikat kewangan PPW ini agar tidak memberikan kesan yang buruk kepada rakyat dan kita juga tidak menolak untuk mengurangkan bilangan premis perniagaan PPW ini jika sekiranya unsur-unsur negatif banyak berlaku di dalam negeri kita ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ADUN Sura ada menyebut tentang Enakmen Rumah Tumpangan Negeri Terengganu 2013. Untuk makluman, Enakmen Rumah Tumpangan Negeri Terengganu 2013 telah diterbitkan dalam Warta pada 19 Jun 2014. Namun begitu, pewartaan tersebut tidak dinyatakan satu tarikh bagi Enakmen itu berkuatkuasa dan ianya adalah tertakluk kepada satu tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta. Manakala satu kertas cadangan untuk menyemak semula peraturan-peraturan Rumah Tumpangan 1948 serta mengadakan caj penginapan di Negeri Terengganu telah pun dibentangkan sebelum ini kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu pada tahun 2021 namun telah ditangguhkan disebabkan kerana faktor pandemik COVID-19 pada tahun tersebut. Untuk makluman, Enakmen ini diadakan untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pengawalan dan penguatkuasaan rumah tumpangan bagi Negeri Terengganu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu, Enakmen ini juga bertujuan untuk menggantikan Enakmen Rumah Tumpangan sedia ada yang sudah lama dan lapuk terutama berkaitan penguatkuasaan. Terkini kertas cadangan bagi kelulusan tarikh penguatkuasaan Enakmen Rumah Tumpangan 2013 dan mengadakan caj penginapan kini di dalam proses pemurnian dan dijangka akan diangkat pada awal 2024 untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. *Insyah-Allah*.

ADUN Sura juga membangkitkan tentang isu projek penswastan yang mengambil masa yang lama. Dan beliau merujuk kepada Projek Penswastan Bukit Tebuk, Mukim Kuala Dungun. Untuk makluman pihak Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui SUK Perumahan telah menerima laporan cadangan pembangunan LCP daripada pemaju. Dan setelah diteliti laporan tersebut akan dihantar kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu untuk

penilaian teknikal dan kemampuan kewangan. Hasil daripada laporan tersebut menyatakan bahawa kawasan tersebut mempunyai tahap kecerunan yang tinggi iaitu kelas 3 dan 4 yang memerlukan pandangan teknikal secara menyeluruh daripada agensi yang mempunyai kepakaran iaitu Jabatan Mineral dan Geosains, Bahagian Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Dua minit lagi YB.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Dua minit lagi? Ulasan yang diberikan oleh agensi tersebut menunjukkan kajian geoteknikal yang terperinci harus dilaksanakan sebelum dibuat pembangunan bagi mengelakkan risiko tanah runtuh dan hakisan tanah. Oleh sebab itu tempoh kelulusan yang diambil memakan masa yang lebih berbanding projek penswastaan yang lain. Walau bagaimanapun, pada masa ini SUK Perumahan telah pun mengangkat kertas kerja kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan telah pun diluluskan pada 22 November 2023 yang lalu. Dan suka juga saya nyatakan *insya-Allah* projek perumahan penswastaan di Bukit Tebuk, Mukim Kuala Dungun ini adalah tempat yang pertama yang kita akan perkenalkan model *town house* yang merupakan model pertama yang kita perkenalkan. *Insya-Allah*, sebanyak 120 unit.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sikit lagi. ADUN Kuala Besut ada menyebut tentang kedai runcit warga asing. Berkenaan dengan pengoperasian premis warga asing, Pihak Berkuasa Tempatan tidak pernah meluluskan sebarang lesen kepada warga asing. Operasi dan penguatkuasaan lesen sentiasa dilakukan oleh PBT secara berkala. Selain itu, terdapat premis yang diluluskan adalah kepada pasangan yang merupakan orang Melayu. *Tok laki tu* orang asing, orang *puan* dia tu orang kita. Orang Melayu kita, orang Islam kita. Jadi lesen atas nama orang *puan* dia, maka *hok negenya* mungkin *hok laki tu*. *Hok* warga asing tu. Jadi itu yang berlaku sebenarnya.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Boleh celah YB?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya sila.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Timbalan Speaker, memandangkan isu warga asing di begitu sangat berleluasa, di Kuala Terengganu, di Jertih dan sekitarnya, saya rasa agensi penguatkuasaan PBT kita mesti proaktif. Memandangkan serangan adalah isu yang sangat besar. Setiap hari kalau kami di Besut isu berkaitan dengan warga asing yang memiliki premis perniagaan.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ringkaskan terus kepada *point* supaya Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Saya mohon daripada pihak YB EXCO. Berapa kerap kekerapan agensi penguatkuasaan kita bertindak ke atas permis-premis warga asing. Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Terima kasih kepada ADUN Jertih. Untuk makluman, seperti yang saya nyatakan tadi premis-premis lesen tidak diberikan kepada warga asing. Hanya diberikan kepada warga tempatan. Yang berlaku adalah seperti yang saya sebut tadi, pasangan salah seorang daripada mereka adalah warga tempatan. Lesen itu atas nama mereka. Pun begitu tidak dinafikan wujud kedai-kedai yang beroperasi oleh warga asing dan sememangnya kedai-kedai beroperasi oleh warga asing ni kita telah pun buat sita. Contohnya di Besut. Antara yang telah pun disita di Jabi, di Seberang Jertih, di Kampung Tandak dan beberapa tempat lagi *lah* yang kita pihak PBT telah pun kesan dan kita dapati berlaku operasi oleh warga asing dan kita telah buat sitaan. Dan *insya-Allah* pihak PBT akan lakukan secara berkala proses ataupun rondaan supaya tidak ada warga asing yang mengambil kesempatan daripada keberadaan mereka di Negeri Terengganu kita ini.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila gulung YB.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. 30 saat lagi. Seterusnya ADUN Hulu Besut juga menyebut tentang projek perumahan Pasir Akar yang terbengkalai. Dan saya telah nyatakan sebelum masuk tadi memang projek di Pasir Akar ni adalah projek penswastan yang pertama yang kita amalkan di Negeri Terengganu ini. Dan *insya-Allah* memang kita akui berlaku kelambatan yang agak ketara dan kita

akan mengambil tindakan yang segera untuk memastikan projek ini tidak terbengkalai ataupun tidak berjalan terlalu lambat. *Insya-Allah*. Dan yang terakhirnya ADUN Bukit Tunggal yang menyebut tentang cukai taksiran secara bersasar. Cadangan ini akan dibuat kajian sepertimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan balas kepada soalan daripada kalau tak silap saya daripada Timbalan Yang di-Pertua sendiri.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Dan yang terakhirnya senarai nilai bagi pengenaan cukai taksiran. Untuk makluman, satu cadangan penyeragaman penilaian semula pinjaman yang tidak dikecualikan kadar telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Portfolio dan ianya telahpun dipersetujui dan *insya-Allah* akan dibawa kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dinilai dan seterusnya mendapat kelulusan untuk dilakukan penilaian semula berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tiga Identiti Era Baharu, 10 Sasaran Strategi serta 116 inisiatif memberi daya imej dan memberi daya merealisasikan Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera jelas menjadi asas kepada Bajet 2024. Sasaran dan strategi yang jelas tidak mustahil akan dapat dicapai melalui perancangan serta kerjasama yang padu daripada setiap jabatan dan agensi. Melalui Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Perumahan dan Kesihatan, inisiatif-inisiatif yang disebut akan dilaksanakan sebaik mungkin bagi menerajui era baharu Terengganu. Akhir kata saya memohon menyokong Belanjawan 2024 yang dibentangkan tersebut. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuh orang Wakil Kerajaan telah selesai membuat penggulungan. Ada tiga orang lagi *insya-Allah* akan diberi ruang selepas sesi soal jawab pagi esok. Jadi sebelum pukul 5 ini saya dengan sukacitanya menangguhkan dahulu persidangan kita pada petang ini untuk disambung semula pada jam 9.30 pagi esok. Marilah sama-sama kita baca doa Kaffarah dan surah Al-Asr. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.41 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS,
30 NOVEMBER 2023

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohamad Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, S.M.Z
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTEH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Sr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Tengku Seri Bijaya Raja

Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil,
P.S.D., S.S.M.Z., D.P.M.T., D.N.S., K.A.T., B.C.M., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Razali bin Che Ani, D.I.M.P.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Nara Setia

Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua jabatan serta seluruh para pemerhati, mesyuarat akan disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini, marilah sama-sama kita membukanya dengan membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, para pemerhati, suka saya mengalu-alukan pemerhati kita pada pagi ini daripada Khairunnisa', Sekolah Menengah Kebangsaan Menerong, adik-adik kita seramai 48 orang, seluruh Pusat

Khidmat Masyarakat Air Putih, Kemasik, Ajil, Sura, Langkap, Hulu Besut, Bukit Besi, Kuala Besut, Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu, Pertubuhan Kebajikan Wanita Sepakat Terengganu, Pusat Khidmat Masyarakat Batu Rakit, ahli Skwad Waja Wanita serta seluruh para pemerhati yang saya hormati sekalian.

SOALAN-SOALAN LISAN

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan soalan-soalan lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi Notis untuk mengemukakan soalan-soalan lisan pada hari ini, 30 November 2023:

1. Yang Berhormat Wakil Telemong
2. Yang Berhormat Wakil Bukit Tinggi
3. Yang terhormat Wakil Bukit Besi
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Bandar
6. Yang Berhormat Wakil Jertih
7. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
8. Yang Berhormat Wakil Kemasik
9. Yang Berhormat Wakil Ladang
10. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
11. Yang Berhormat Wakil Manir
12. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
13. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
14. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
15. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
16. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
17. Yang Berhormat Wakil Langkap
18. Yang Berhormat Wakil Air Putih

Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Telemong untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Makan nasi di rumah Pak Ama
Soalan saya yang pertama

Apakah status terkini "Zon Bebas Cukai" di Tasik Kenyir Hulu Terengganu, dan apakah perancangan Kerajaan Negeri di masa hadapan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Telemong, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat, rakan-rakan EXCO, ADUN-ADUN, pegawai kerajaan, pemerhati dan juga rakan media yang dirahmati Allah sekalian. Soalan seperti yang tertera dalam skrin. Jawapannya seperti berikut:

Status terkini Zon Bebas Cukai di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu masih berkuatkuasa bermula 1 Februari 2017 sehingga sekarang dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat semakan semula berhubung keberkesanan Zon Bebas Cukai di Tasik Kenyir. Terima kasih Dato' Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, daripada penilaian saya sebagai Wakil Telemong hari ini dan saya pun telah bertanya kepada Wakil Kijal sebelum ini pun, kita dapati bahawa kelambatan kawasan pembinaan Pulau Bayas ni telah lama tinggal dah. Tak berjalan dah dan difahamkan RM500,000,000.00 lebih, hampir setengah bilion lebih telah dibelanjakan tetapi *progressnya* tak ada. Jadi apakah ini boleh kita katakan sebagai satu antara projek yang diwar-warkan, satu projek yang ketidakcerdikan Kerajaan dahulu buat umpama ambil duit, buang laut. Bolehkah saya katakan ini adalah perkara pokok yang berlaku hari ini iaitu akan berlaku satu pembaziran. Kerana tak ada *progress*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Kijal.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih Dato' Speaker. Bukan ambil *pitih* buang dalam laut, ambil *pitih* buang dalam tasik. Kenyir *tadok* laut, ada tasik. Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya nak bagi penjelasan berkenaan dengan pakej-pakej yang telah dilaburkan di Tasik Kenyir.

Pakej Pertama: Adalah kerja-kerja membina dan menyiapkan bangunan terminal utama jeti penumpang, jeti servis dan kerja-kerja berkaitan untuk pembangunan Kenyir Trade Centre di Pulau Bayas, Tasik Kenyir Hulu Terengganu. Syarikat dia nama Rimbun Tekad Premix Sdn. Bhd. Kos asal RM70,993,030.30. Harga kontrak terlaras RM79,685,413.55. Status kemajuan fizikal, 80.84%. *Mutual termination*, dengan izin pada 30 November 2022.

Pakej Kedua: Kerja membina dan menyiapkan kompleks membeli belah dan kerja-kerja berkaitan untuk pembangunan Kenyir Trade Centre di Pulau Bayas, Tasik Kenyir Hulu Terengganu. BP Trading & Construction Sdn. Bhd. Kos asal RM57,950,500.00. Harga kontrak terlaras RM63,638,092.00. Status kemajuan 55.04%. *Mutual termination* dengan izin pada 30 November 2022.

Pakej Ketiga: Kerja-kerja membina dan menyiapkan pencawang elektrik, sistem agihan bekalan voltan tinggi dan rendah dan kerja-kerja berkaitan untuk pembangunan Kenyir Trade Centre, di Pulau Bayas, Tasik Kenyir Hulu Terengganu. ARHPAC Corporation Sdn. Bhd. Kos asal RM8,915,000.00 status kemajuan 74.45%. Juga *mutual termination* pada 30 November 2022.

Pakej Keempat: Kerja-kerja membina jalan servis, laluan pendaratan bot, hentian rehat, *buggy station*, *buggy laybay* sistem paip air kumbahan dan kerja-kerja berkaitan. Bina Winfir (M) Sdn. Bhd. Kos asal RM23,128,786.00. Status kemajuan fizikal, siap *hundred percent*. Projek siap.

Pakej Kelima: Kerja-kerja membina dan menyiapkan sistem rawatan air. Sistem rawatan kumbahan dan kerja-kerja berkaitan untuk pembangunan Kenyir Trade Centre di Pulau Bayas, Tasik Kenyir Hulu Terengganu. *Mutual Termination* pada 30 November 2022. Terminate *jugok* ni. Kos nama syarikat Jati Kenali Tren. Kos asal RM13,283,94.80 juta. Harga kontrak terlaras RM 21,280,185.50 juta. Status kemajuan 79.09%.

Pakej keenam: Cadangan pembinaan jalan servis PPU ke SSU di Pulau Bayas, Tasik Kenyir. Nama syarikat Anna Salju Sdn. Bhd. Kos asal RM 11,300,000 juta. Status kemajuan siap sepenuhnya.

Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian penamatan bersama-sama pihak kontraktor bagi pakej satu, dua, tiga dan lima pada 30 November 2022 yang dinamakan *Mutual Termination*. Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti untuk mencari kaedah yang terbaik untuk mengoptimumkan sumber yang ada, yang ini kewangan Kerajaan Negeri yang sedia ada bagi mengenal pasti pelabur yang berpotensi untuk membangunkan Pulau Bayas di Tasik Kenyir. *Request For Proposal* RSP akan dimuktamadkan dan dikeluarkan dalam masa terdekat mana-mana pelabur yang berminat untuk membangunkan Pulau Bayas dalam bentuk kerjasama bersama Kerajaan Negeri akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Kerajaan Negeri juga merancang untuk membuka peluang kepada pelabur-pelabur yang mengemukakan cadangan pelaburan di Pulau Bayas, Tasik Kenyir serta mempromosikan Tasik Kenyir sebagai *Geopark* bertepatan dengan pengiktirafan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan pada 30 Mei 2023. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, boleh saya bertanya soalan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: sila-sila

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pencawang elektrik ke Pulau Bayas. Kita tahu bahawa projek ini telah dibuat *Mutual Termination* tadi *so* ada hasrat tak untuk kita *achievekan* kerana *line* yang ada ini, pertama perlu *maintenance* dari segi menara dan line juga. So kita bimbang ada *vandalisme* atau pun kecurian kepada *line-line* tersebut kerana dia tidak tak ada *karen* di dalam dia. *So* adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyiapkan projek ini dengan segera.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Proses projek sedang dikaji sebab itu saya kata kita mengalu-alukan pelabur untuk hadir ke Pulau Bayas sebab itu Kerajaan Negeri membuka seluas-luasnya pelabur-pelabur yang

berminat untuk membuat *joint venture* dan *smart partnership* dengan agen-agen ataupun GLC Negeri Terengganu untuk memastikan Pulau Bayas diteruskan dan kita telah menerima beberapa syarikat yang berminat dan *insya-Allah* kita akan teruskan seperti mana cadangan Yang Berhormat Kuala Berang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kijal. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu-

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi memelihara dan memberi sinar kepada perusahaan pembuatan bot tradisional di Pulau Duyung yang semakin malap?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang bertanya berkenaan dengan perancangan memelihara dan memberi sinar kepada perusahaan pembuatan bot tradisional di Pulau Duyung. *Insya-Allah* Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi memelihara dan memberi sinar pada perusahaan pembuatan bot tradisional di Pulau Duyung melalui pelan penyelarasan kolaborasi produk-produk pelancongan Pesisir Sungai Terengganu yang melibatkan pelbagai produk pelancongan pesisir air di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu termasuk Syahbandar, Pesisir Payang, Seberang Takir, Pulau Duyung, Pulau Warisan, Kampung Budaya Terengganu, TTI, dan lain-lain khasnya untuk memartabatkan industri pembuatan bot tradisional di Negeri Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya sila

YANG BERHORMAT SR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggai): Bagi mewujudkan suatu persekitaran ekonomi yang kondusif penawaran dan juga permintaan mestilah diwujudkan secara seimbang. Jadi soalan saya adakah Kerajaan ada menyediakan latihan secara intensif kepada anak Terengganu yang berminat dalam pembuatan bot dan ada juga Kerajaan ada menyediakan Tabung Pusingan Modal bagi tujuan pembuatan bot. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Ya, Kerajaan Negeri ada mempunyai perancangan bagi penyediaan latihan dan kursus bagi pembuatan bot tradisional. Bagi Tabung Pusingan Modal Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) ada menawarkan Skim Pembiayaan *No Riba* di bawah Tabung Usahawan Terengganu (TUGAS) dengan had maksimum sebanyak RM50,0000 tertakluk kepada terma dan syarat. Antara skim pembiayaan dan geran perniagaan yang boleh dipohon termasuklah sektor warisan pembuatan bot tradisional. Pihak Kerajaan Negeri merancang untuk bekerjasama dengan Jabatan dan Kementerian Pelancongan serta Malaysian Timber Industry Board (MTIB) bagi penyediaan latihan serta kursus yang berkaitan pembuatan bot tradisional. Buat masa ini Kerajaan Negeri telah menyediakan latihan ukiran kayu di Desa Ukiran Kayu di Besut. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Alur Limbat. Persilakan Yang Berhormat Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu-

Sejauh manakah tahap inklusiviti digital dalam kalangan penduduk Hulu Dungun dan apakah kajian telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dipersila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Besi dan bertanya soalan sepertimana yang dipaparkan di skrin. Jawapan pada pihak Kerajaannya, pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mewujudkan pusat ekonomi digital ataupun ringkasannya (PEDi) di seluruh Malaysia. PEDi adalah satu projek di bawah inisiatif pemberian perkhidmatan sejagat PPS yang telah diperkenalkan sejak tahun 2007 oleh MCMC. Objektif utama PEDi adalah untuk menyediakan capaian internet secara kolektif kepada masyarakat dan kawasan yang kurang mendapat liputan jalur lebar, sekali gus mempertingkatkan tahap literasi digital masyarakat setempat. PEDi juga merupakan pusat sehenti dalam melaksanakan kursus dan latihan berasaskan ICT, keusahawanan, multimedia, e-pembelajaran dan program kesedaran serta penglibatan komuniti sebagai usaha ke arah meningkat taraf sosioekonomi dan memperkasakan modal insan. Sehingga hari ini 66 buah PEDi telah dibina di Negeri Terengganu dan 8 buah PEDi telah berada di Parlimen Dungun dan 1 di Bukit Besi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Soalan tambahan jadi kita dengar jawapan itu daripada Pusat PEDi. Adakah daripada Kerajaan Negeri macam itu dalam permasalahan yang sama sumber daripada Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey terima kasih Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey terima kasih sekali lagi Wakil Bukit Besi atas soalan tambahan. Ya Kerajaan Negeri sedar akan ada kelompangan yang masih berlaku walaupun ada satu penyelesaian daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri sekarang ini sedang menilai satu kerjasama dengan pihak swasta untuk menggunakan ataupun menyelesaikan permasalahan itu untuk khususnya di luar bandar dengan dua penyelesaian iaitu menggunakan *satelite* dan juga solar. Jadi, kita di peringkat awal proposal sekarang ini dan *insya-Allah* kaedah ini saya rasa boleh menyelesaikan banyak bukan sahaja di kawasan Bukit Besi dan begitu juga di kawasan DUN-DUN yang luar bandar, *insya-Allah*. Jadi perkara ini kita akan terus

teliti dan cuba cari penyelesaian dan akan memberikan perkhidmatan jalur lebar semaksimum kawasan yang boleh di dalam Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Putera. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan. Soalan saya soalan nombor 1-

Apakah program-program kebajikan untuk imam dan bilal mukim?

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Wakil Sura yang mengemukakan soalan tentang program-program kebajikan untuk Imam dan Bilal Mukim. Jawapannya ialah program yang dilaksanakan untuk Imam dan Bilal adalah Program Tahsin Pegawai Masjid bagi memastikan setiap Imam dan Bilal dapat menambah baik mutu bacaan dan segala tugasnya. Program ini diadakan di setiap daerah yang dianjurkan oleh Pejabat Agama Daerah sebanyak tiga kali setahun dengan peruntukan daripada MAIDAM. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan? *Tak dok?*

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Ada sedikit Dato' Yang di-Pertua. Adakah YB bersetuju sekiranya Kerajaan Negeri ataupun MAIDAM dapat meneliti potongan SOCSO, PERKESO dan KWSP lah kepada semua Imam-imam kita agar kebajikan mereka terjaga dan terbela ataupun potongan tabung kebajikan yang lain?

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Sebenarnya di sana ada beberapa program ataupun insentif kebajikanlah kepada

imam dan bilal ini. Antaranya ialah sumbangan *one-off* sebanyak RM600.00 kepada dua orang Imam dan tiga orang Bilal daripada JAKIM, adapun daripada Kerajaan Negeri *one-off* kepada imam yang ketiga. Setakat ini peruntukan negeri masih tiada kelulusan lagilah. Doakanlah *insya-Allah*. Adapun caruman PERKESO kepada semua Imam dan Bilal telah diberikan melalui peruntukan JAKIM dan telah selesai dibuat bayaran pada tahun ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat kawasan Batu Buruk. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Cik De Cik We
Soalan saya nombor 2-

Apakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisma kawalan bagi mengelakkan hasil padi Terengganu daripada dijual ke kilang padi di negeri lain?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Bandar. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Padi Negeri Terengganu mempunyai mekanisme kawalan bagi menghalang dan mengelakkan padi-padi daripada sawah-sawah di Negeri Terengganu dihantar untuk diproses di kilang padi negeri lain. Jawatankuasa Padi *ni* di bawah Kerajaan Negeri dipengerusikan EXCO Pertanian melibatkan jabatan, agensi dan badan-badan yang berkepentingan dalam kluster padi Negeri Terengganu. Untuk makluman Dewan, Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mengawal hasil padi daripada dihantar ke negeri lain. Di atas justifikasi kawalan ini disebabkan ketidakcukupan bekalan padi untuk pengilang-pengilang padi tempatan dalam negeri. Tahun 2018, Besut sebagai jelapang padi utama Negeri Terengganu ada dua kilang padi. Masa *tu* padi tidak cukup kilang sehingga terpaksa dihantar ke negeri lain malah ada yang dihantar sehingga ke Kedah untuk diproses dan dikilangkan. Agenda untuk mencukupkan kilang padi *ni* di antara fokus besar kita ketika itu dan *alhamdulillah* sekarang ini telah ada empat buah kilang padi di Besut yang dikira mencukupi. Maka Kerajaan menilai adalah tidak adil

selepas kita undang mereka melabur, buka kilang di Terengganu, kepentingan mereka kita *tak* mampu nak jaga. Di atas justifikasi ini dan Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Terengganu melaksanakan beberapa langkah. Yang pertama, pembekuan semua permit pemindahan padi untuk dihantar ke kilang padi negeri lain dan sebarang pemindahan tanpa permit adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Padi Beras 1994. Yang kedua, BERNAS tidak akan membayar subsidi kepada petani yang menghantar padinya diproses di kilang padi negeri lain dan yang ketiga, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras membuat pemeriksaan dan kawalan berkala di sempadan bagi memastikan tiada pelanggaran peraturan dan kesalahan yang dibuat dan yang keempat, Bahagian Kawal Selia juga mengadakan pemeriksaan di kilang-kilang bagi memastikan pengilang membeli padi daripada petani dengan harga lantai tak kurang daripada harga lantai RM1,300.00 per tan. Dengan makna lain, kita tidak mahu setelah kepentingan pengilang kita jaga mereka aniaya petani dengan membeli padi di bawah daripada harga lantai. Ringkasnya *win-win situation* cuba diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. Kepentingan pengilang kita jaga dan kepentingan petani pun kita nak jaga. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Okey.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat EXCO, terima kasih. Oleh kerana kita menghadapi krisis baru-baru ini berhubung dengan bekalan beras, adakah di sana boleh kilang membeli hasil padi daripada para petani dengan harga melebihi daripada harga lantai seperti mana yang disebut tadi RM1,300.00 per tan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Bila berlaku saya istilahkan perebutan untuk mendapatkan bekalan padi di kalangan pengilang, memang akan ada kilang yang menawarkan harga yang lebih tinggi daripada harga lantai dan tidak ada apa-apa kesalahan kerana Kerajaan hanya menetapkan harga lantai tetapi tidak menetapkan harga siling tetapi pengilang yang membeli padi dengan harga yang tinggi mereka akan berhadapan dengan masalah apabila nak jual beras nanti kerana beras tempatan tetap perlu dijual dengan harga kawalan RM2.60 per kilogram. Jadi yang beli harga tinggi mereka akan berdepan dengan kerugian kerana mereka tidak boleh jual beras dengan harga mahal disebabkan beli padi dengan harga tinggi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya persila Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Dato' Speaker. Jertih memilih soalan satu-

Nyatakan jumlah terkini bilangan institusi Pendidikan pra sekolah yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Paka, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan Jertih bertanyakan tentang institusi pendidikan pra-sekolah yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri? Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman sebanyak 284 yang berdaftar, 927 yang *tak* berdaftar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan? Daripada mana-mana Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Soalan tambahan YB EXCO.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Apakah inisiatif yang diberikan kepada guru-guru pra-sekolah kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk di bawah Yayasan Islam Terengganu ada 18 buah yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri dan mereka ini mendapat orang panggil elaun pembayaran yang dibuat oleh Yayasan Terengganu termasuk tadika PASTI yang juga berdaftar melalui Yayasan Islam Terengganu yang berjumlah

RM266. Jadi, kita telah menyediakan Skim Mus'ab Bin Umair yang melibatkan pengajaran Al-Quran di peringkat pra sekolah yang mana mereka ini mendapat suntikan secara langsung oleh pihak Kerajaan Negeri. Juga termasuk dengan pendidikan yang melibatkan pendidikan Al-Quran yang juga termasuk di bawah pentadbiran Tabika KEMAS dan juga Perpaduan. Pihak Kerajaan Negeri juga meluaskan Skim Mus'ab Bin Umair yang melibatkan tadika tersebut yang berdaftar dengan di bawah Kementerian, Jabatan Perpaduan, dan terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Paka. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu-

Selain daripada latihan fizikal, adakah aspek kerohanian juga diambil kira dalam program latihan atlet negeri khususnya melibatkan program Majlis Sukan Negeri Terengganu selaku agensi pelaksana program kecemerlangan sukan negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor 1.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Buluh Gading yang telah menimbulkan soalan aspek kerohanian yang diambil kira dalam program latihan atlet negeri khususnya melibatkan melibatkan program Majlis Sukan Negeri Terengganu.

Untuk makluman Dewan, semangat di atas kesukanan ini tentu sekali kita mengambil bimbingan daripada Nabi Muhammad ﷺ yang telah memberikan ajaran dengan menyatakan;

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْوَالسَّبَاحَةَ الرَّمَائِيَّةَ وَرَكُوبَ الْخَيْلِ

"Ajarkan anak-anak kamu berenang, memanah dan juga menunggang kuda."

Ini adalah aspek fizikal. Dalam aspek kerohanian, Nabi ﷺ juga pernah menyebut dalam sebuah hadith

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ

“Bukan dikatakan itu seseorang hebat kerana pandai bergusti tetapi yang dikatakan seseorang itu hebat apabila dia mampu mengawal dirinya ketika marah.”

Inilah aspek kerohanian dan inilah juga program kecemerlangan sukan negeri dengan menekankan semua aspek latihan iaitu latihan fizikal, latihan kekuatan mental dan juga pementapan kerohanian. Bagi menzahirkan kesungguhan pelaksanaan dalam aspek latihan kerohanian, Kerajaan Negeri telah melantik seorang Pegawai Khas untuk memandu dalam aspek kerohanian dengan melaksanakan program-program keagamaan yang bersifat pembangunan dan kekuatan kerohanian serta motivasi buat atlet, jurulatih dan juga pihak pengurusan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh Kerajaan Negeri nyatakan apakah bentuk program-program kerohanian yang telah dan sedang dilaksanakan dan adakah kehadiran ke setiap program yang disusun itu diwajibkan atas semua atlet ataupun diberi pilihan sama ada *nak* hadir ataupun tidak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, antara program kerohanian yang dilaksanakan di bawah Majlis Sukan Negeri Terengganu antaranya:

- i) Kelas Fardhu Ain berkala bagi atlet yang menginap di Asrama.
- ii) Solat Zohor dan Asar berjemaah setiap hari bekerja di Dewan Arena Majlis Sukan Negeri Terengganu.
- iii) Program Motivasi Kerohanian secara berasingan untuk setiap sukan.
- iv) Kelas Pengajian Quran setiap Isnin dan Rabu.
- v) Solat Dhuha dan Solat Hajat setiap Khamis.

- vi) Pengajian Kitab setiap pagi Khamis
- vii) Qiamullail setiap kali Kem diadakan
- viii) Amalan Doa dan Zikir Harian
- ix) Program Ihya Ramadhan
- xi) Solat Tasbih dan seumpamanya.

Inilah di antara beberapa program yang dikelolakan di bawah Unit Bimbingan untuk membentuk atlet kita yang berkualiti. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kita tidak berdabik dada mendakwa atlet kita terbaik. Ada atlet dari negeri-negeri lain yang juga pameran penampilan yang baik dan budi pekerti yang tinggi. Dan kita juga cemburu kepada atlet-atlet seperti ini. Tetapi penjelasan yang kita kemukakan pada hari ini adalah untuk menggambarkan tanggungjawab yang telah dimainkan oleh pihak Kerajaan untuk melahirkan atlet-atlet yang berkualiti tinggi dan juga memiliki kecemerlangan dunia dan akhirat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Seterus, Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Pantai Kemasik cantik berbatu
Soalan nombor satu

Apakah definisi dan hala tuju portfolio pendapatan baharu dalam portfolio Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dato' Yang di-Pertua, saya *tak dok* pantun nak balas. Tapi balas dengan baca jawapan *je la*. Yang ditanya berkenaan dengan Portfolio baru yang diwujudkan

dalam penggal ini iaitu Portfolio Pendapatan Baharu ditanya sepertimana yang terpampang di skrin dan definisi portfolio baru ini.

Definisi pendapatan baharu dalam Portfolio Kerajaan Negeri ialah hasil yang diperolehi daripada sumber sedia ada dan baharu yang berpotensi menjana hasil pendapatan kepada negeri, selain mengurangkan kebergantungan kepada royalti minyak serta krisis kekurangan simpanan minyak.

Bidang tugas bagi Portfolio ini adalah bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan menjayakan Pelan Perjalanan Pendapatan Baharu Negeri serta membangunkan industri baharu selain daripada minyak dan gas seperti galian dan sumber alam sekitar. Dua fokus utama terkini adalah dalam sektor Teknologi Hijau dan Unsur Nadir Bumi (REE).

Pada tahun 2030, permintaan minyak di Terengganu dijangka menurun sebanyak 25%. Sehubungan dengan itu, satu Pelan Penjana Pendapatan Baharu Negeri telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan (PITAS) bertarikh 17 Januari 2023 dengan tujuan merangka strategi menjana pendapatan baharu kepada negeri.

Hala tuju pendapatan baharu adalah dengan mengoptimumkan sumber negeri sedia ada, mengeksplorasi sumber baharu negeri serta mencari peluang jana pendapatan baharu. Terdapat tujuh strategi yang telah dirancang iaitu

- (1) Kajian semula cukai-cukai yang sedia ada
- (2) Serahan GLC yang lebih berdaya saing
- (3) Sumber galian dan mineral perlu dieksplorasikan
- (4) Sumber batuan yang peralihan batu cuba dipertingkatkan pendapatannya
- (5) Sumber air,
- (6) Sumber hijau serta
- (7) Fi pelancongan dan rekreasi.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah sasaran yang ditetapkan Kerajaan untuk dicapai daripada sumber pendapatan baharu ini untuk perkara kali ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Kemasik. Portfolio ini adalah sebagaimana yang disebutkan tadi adalah menjadi pemantau ke arah dan mencadangkan ke arah penambahbaikan dan kerjasama daripada semua Portfolio bagi kita melihat keberkesanannya, keadaannya kita ada keberkesanannya dan *improvise* dengan izin untuk kita beranjak kepada suatu benda yang baharu. Kalau dalam pembentangan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menggambarkan pendapatan negeri sekarang ini hanya RM169 juta berbanding dengan pendapatan petroleum kita RM1.6 Juta. Jadi, sasaran sepenggal yang telah dicadangkan oleh Portfolio ini meningkatkan daripada kadar sekarang kepada RM800 ke RM1 billion. Pakat-pakat doalah itu bukannya benda yang mudah tetapi kita cuba dan kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat agar kita boleh mencapai jumlah itu di penghujung penggal kita *insya-Allah*.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Kota Putera. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Soalan saya telah dijawab semalam, gabung dengan Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takut ada *nok* tambah lagi?

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Oh, *takdok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takdok?* Kita beri utama sikit Yang Berhormat Ladang. Yang Berhormat ADUN Pengkalan Berangan. Tolak. Yang Berhormat Manir. Senyum Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1-

Apakah agenda atau program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri hanya melibatkan atlet bersekolah sahaja?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Manir yang bertanya tentang agenda atau program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, adakah ianya hanya melibatkan atlet bersekolah sahaja? Untuk maklumat Yang Berhormat, program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu bukan hanya melibatkan atlet pelajar sekolah sahaja malah program yang dilaksanakan bermula kepada kanak-kanak seawal usia 4 tahun sehingga tiada had umur, selagi atlet tersebut mahu bergiat secara aktif dalam sukan prestasi tinggi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta pihak Kerajaan mendetaikan penerangan program-program yang telah disediakan tersebut dan jika sekiranya ada bentuk-bentuk bantuan kebajikan yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada atlet-atlet di Negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, antara program yang dilaksanakan adalah seperti:-

i) Terengganu Kids Champ

Kejohanan yang berkonsepkan 'mari mencuba' yang melibatkan atlet prasekolah dari seluruh negeri. Hasil daripada program ini telah menyemarakkan minat kanak-kanak untuk menyertai aktiviti kesukanan yang menyihatkan serta mengasah bakat mereka bagi menyertai kejohanan-kejohanan peringkat umur yang bersesuaian.

ii) Program Tunas Harapan, Bakat dan Pelapis

Program latihan berstruktur ini melibatkan atlet berumur bawah 12 tahun bagi Tunas Harapan, 13 hingga 17 tahun untuk Program Bakat dan atlet berumur 18 hingga 21 tahun bagi program pelapis.

iii) Program Persediaan Kontinjen SUKMA

Atlet yang telah melalui program pembangunan Majlis Sukan Negeri Terengganu akan dipilih bagi dimasukkan ke dalam program ke tahap program persediaan atlet yang lebih tinggi iaitu Program SUKMA Negeri yang melibatkan atlet berumur bawah 21 tahun.

iv) Program Peringkat Kebangsaan

Bagi atlet yang berumur melebihi 21 tahun, program kecemerlangan atlet akan diambil alih oleh Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Sukan Negara Malaysia dan Majlis Olimpik Malaysia.

Agensi-agensi ini akan menyediakan pelan latihan dan kejohanan yang sesuai disertai oleh atlet-atlet berdasarkan sasaran pencapaian yang mereka tetapkan di berbagai peringkat kejohanan antarabangsa. Dalam aspek kebajikan, untuk maklumat Yang Berhormat, Majlis Sukan Negeri Terengganu telah menubuhkan:-

1) Sekretariat Kebajikan Atlet Terengganu (SUKANT)

Dengan memberikan fokus kepada bekas-bekas atlet Terengganu yang berjasa kepada negeri dan juga negara di samping atlet yang masih aktif untuk bantuan khairat kematian, perubatan, bantuan peralatan rawatan seperti kerusi roda, katil hospital serta bantuan kelengkapan rumah dan makanan. Pendaftaran di dalam sistem e-SUKANT setakat ini seramai 4,733 orang atlet dan bekas atlet. Tahun 2023, seramai lima orang telah dibantu dengan pelbagai bantuan utama seperti khairat kematian dan perubatan hospital melalui Sekretariat ini. Data penerima bantuan akan ditapis dalam

sistem ini untuk menentukan taraf bantuan yang layak untuk diterima.

Beberapa orang bekas pemain bola sepak Terengganu yang mewakili negeri dan negara yang terdahulu juga mendapat perhatian untuk dibantu melalui Sekretariat ini selain atlet-atlet daripada pelbagai jenis sukan. Sekretariat ini juga bekerjasama dengan pihak atau agensi dari Kerajaan Negeri seperti Tabung Darul Iman, MAIDAM, Pejabat-pejabat DUN, Parlimen juga Kerajaan Pusat seperti PERKESO, KWSP dan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

2) Bantuan Persekolahan dan Pendidikan Atlet Terengganu

i. Biasiswa Sukan Majlis Sukan Negeri Terengganu

Diberikan kepada atlet SUKMA yang masih bersekolah 8 tahun hingga 19 tahun sebanyak RM50.00 sebulan sebagai perbelanjaan tambahan di sekolah seramai 200 orang di seluruh Negeri Terengganu.

ii. Yuran Asrama Sekolah

Subsidi bayaran yuran asrama sebanyak RM35.00 sebulan sebagai bayaran tambahan setiap atlet Terengganu yang mewakili SUKMA yang masih bersekolah seramai 120 orang seluruh negeri seluruh Malaysia.

iii. Bayaran Tuisyen

Bantuan kepada pihak sekolah mahupun atlet SUKMA untuk diadakan kelas tambahan kepada atlet SUKMA yang berada di tahun peperiksaan awam, SPM ataupun STPM bagi menghadapi peperiksaan awam.

iv. Perlindungan Insurans Atlet

Sebanyak RM65,370.00 setahun sebelum, semasa dan selepas pertandingan ataupun kejohanan.

Rawatan Hospital Kerajaan dan Swasta dan Perubatan sekiranya atlet perlu mendapat rawatan segera.

Dan banyak lagi kebajikan-kebajikan yang ditawarkan kepada atlet untuk kita memastikan mereka terjamin dan terpelihara. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih pada Yang Berhormat Tepoh. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor 1-

Berapakah jumlah kes tangkapan khalwat di Terengganu mengikut daerah dalam tahun 2022 dan 2023?

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Seberang Takir yang mengemukakan soalan tentang jumlah kes tangkapan khalwat di Terengganu mengikut daerah pada tahun 2022 dan 2023. Jawapannya ialah:-

DAERAH	2022 (Januari – Disember)	2023 (Januari – Oktober)
Kuala Terengganu	24 kes	23 kes
Kemaman	44 kes	36 kes
Dungun	29 kes	26 kes
Besut	16 kes	18 kes
Setiu	10 kes	4 kes
Marang	36 kes	31 kes
Hulu Terengganu	6 kes	9 kes
Kuala Nerus	8 kes	10 kes
Jumlah Keseluruhan	173 kes	157 kes

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Nampak tidak ada perbezaan yang ketara antara dua tahun *tu*. Ada sikit penurunan. Cuma saya nak tahu dari segi cara operasi, bagaimana tangkapan ini dibuat kerana ada sesetengah tempat *tu* kita dapat laporan ada kegiatan-kegiatan ini berlaku dan masyarakat mengadu macam di sekitar pantai dan juga dataran di Seberang Takir, Dataran Jambatan Gantung dan sebelum ini saya dapat aduan daripada masyarakat di Bandar Baru Kuala Nerus *tu* tapi lepas *tu* saya dimaklumkan ada tangkapan dibuat selepas laporan *tu*. Jadi saya nak tahu kekerapan operasi ini dibuat berdasarkan laporan ke ataupun Jabatan memang dah ada jadual secara berkala dari masa ke semasa? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat kawasan Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Seberang Takir. Yang pertamanya sebagai mengulas persoalan yang disebutkan tadi, tanggungjawab Amar Makruf dan Nahi Mungkar ini adalah tanggungjawab bersama, sama ada daripada pihak Kerajaan mahupun rakyat secara keseluruhannya supaya kita mendapat keberkatan daripada Allah *Subhanahu Wa Taala*. Adapun apa yang dikemukakan tadi, dari segi jawapannya, ya memang penguatkuasa syariah dari segi jumlahnya seramai 101 orang di seluruh Negeri Terengganu, kalau ikut jumlah ini masih lagi tidak mencukupi. Namun di antara langkah proaktif yang diambil ialah operasi bersepadu dengan pihak-pihak berkuasa lain seperti PDRM, JPJ dan seterusnya. Maknanya jika sekiranya operasi itu operasi yang melibatkan mencegah maksiat dan kemungkaran maka penguatkuasa syariah yang akan mengetuai operasi tersebut yang disertai oleh agensi-agensinya yang saya sebutkan tadi. Di mana dari segi bahagian penguatkuasaan memang telah mempunyai senarai-senarai tempat tumpuan di seluruh Negeri Terengganu yang mempunyai rekod berlakunya perbuatan tidak bermoral. Oleh itu, bahagian penguatkuasaan telah melakukan rondaan berkala bagi tujuan penguatkuasaan dengan kekerapan tiga hingga empat kali seminggu. Di samping itu memang terdapatlah tempat-tempat yang tertentu yang selalu berlaku perkara-perkara yang tidak bermoral ini seperti di *drawbridge*

dan kawasan sekitarnya dan Kuala Ibai, Dataran Pulau Sekati, Tok Jembal dan lain-lain lagi, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persila Yang Berhormat Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu-

Apakah kaedah serta aturan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap wang sumbangan bagi tabung-tabung masjid daripada orang ramai dan sejauh manakah ianya berkesan?

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Permaisuri yang bertanyakan tentang aturan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap wang sumbangan bagi tabung-tabung masjid daripada orang ramai dan sejauh manakah ianya berkesan. Jawapannya ialah peraturan garis panduan dan bengkel telah dikuatkuasa dan dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu bagi mengurus dan mengawal selia kutipan sumbangan dan perbelanjaan wang tabung masjid. Antaranya ialah:

1. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001.
2. Peraturan-peraturan Hal Ehwal Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Masjid) 2004
3. Garis Panduan Penggunaan Wang Khairat Masjid Negeri Terengganu.
4. Kursus ataupun Bengkel Pengurusan Kewangan Masjid Kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan, terima kasih Yang Berhormat. Daripada jumlah-jumlah kutipan yang ada di masjid-masjid, adakah terdapat satu kaedah supaya satu laporan dibuat kepada pejabat agama daerah-daerah dan sebagainya untuk kita dapat melihat perbelanjaan itu dibuat bukan hanya sekadar berhemah tetapi menepati kehendak penderma-penderma, penyumbang-penyumbang kepada masjid termasuklah untuk

mombaikpulih mana-mana bahagian-bahagian masjid yang rosak dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Permaisuri. Ya, memang ada peraturan-peraturan ataupun apa cara yang disebutkan tadi saya bacalah sebahagian daripada peraturan-peraturan tersebut, antaranya ialah wang masjid bolehlah digunakan untuk perkara-perkara berfaedah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan termasuklah pembelian peralatan dan penyelenggaraan masjid.

Yang kedua bendahari boleh dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM300 pada suatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh jawatankuasa dalam tempoh tiga hari dan ada beberapa lagilah yang tertera di sini, itu sebahagian daripada ini, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, kita akan berada kepada soalan yang terakhir. Saya bagi ruang kepada Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Hulu Besut soalan nombor dua-

Apakah status pembinaan Masjid Pak Sik, Hulu Besut yang pernah diluluskan orang Kerajaan Pusat pada 2022 yang lalu?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Hulu Besut. Dato' Yang di-Pertua, soalnya apakah status pembinaan Masjid Pak Sik, Hulu Besut yang pernah diluluskan orang Kerajaan Pusat pada tahun 2022 yang lalu. Jawapannya Kerajaan Pusat tidak pernah meluluskan cadangan bagi permohonan pembinaan baru Masjid Pak Sik, Hulu Besut. Permohonan masjid ini telah diangkat oleh mantan Menteri Agama, Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Ahmad di atas Lot 3220, GM 1590 Mukim Hulu Besut seluas 0.4962 Hektar kepada Ketua Pengarah ICU, JPM pada September 2022. Cadangan masjid adalah untuk kapasiti 500 jemaah dengan anggaran kos RM5 juta. Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu telah menjalankan siasatan tapak ke atas permohonan cadangan pembinaan baru Masjid Pak Sik, Hulu Besut pada 26 Oktober 2022. Hasil siasatan mendapati status tanah berkenaan masih di peringkat perwataan di bawah

Seksyen (4) Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh Pejabat Tanah Besut. Justeru permohonan berkenaan tidak dapat dipertimbangkan. Keluasan tanah sekitar 1.2 ekar juga didapati kurang sesuai untuk pembinaan sebuah masjid berkapasiti 500 jemaah. Pembinaan masjid baru di kawasan berkenaan juga perlu mengambil kira penyediaan fasiliti pusat perpindahan sementara disebabkan kecenderungan kawasan terbabit mengalami banjir setiap kali musim tengkujuh, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan, Hulu Besut? *takdok?* Ada, *takdok?* Ade? *Takdok?* Terima kasih kepada semua, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan sempat mengemukakan soalan pada hari ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah menjawab. Untuk makluman kita semua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.00 pagi, *insya-Allah*. Kita tangguh dengan membaca surah Al-'Asr dan tasbih kaffarah.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sesi pergilangan ke atas Enakmen Perbekalan 2024 diteruskan. Saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk membuat pergilangan. Silakan. Yang Berhormat kawasan Batu Buruk, sila.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua tetamu, petugas media dan pemerhati yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taala* sekalian. Terutamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu di atas pembentangan ucapan Belanjawan 2024 yang bertajuk "Menerajui Era Baharu Terengganu". Mudah-mudahan semua perancangan yang dirangka dipermudahkan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat yang menyentuh portfolio Jawatankuasa Penerangan Dakwah dan Pemerksaan Syariah. Sama ada dalam bentuk cadangan mahupun kritikan membina. Suka untuk saya nyatakan di sini, antara penambahbaikan yang dibuat pada sesi ini, ialah mengangkat slogan '*Índahnya Hidup Bersyariat*' sebagai satu moto bagi meninggikan agenda pemerksaan syariah di Negeri Terengganu tercinta ini. Kita mahu tanamkan semangat ini ke dalam diri seluruh rakyat Terengganu. Seiring dengan doa iftitah yang dibaca dalam solat,

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanya kepada Allah Subhanahu Wa Taala.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tunggul, yang menyentuh unit-unit tubuh agar diperkasakan khususnya Unit Penerangan Darul Iman (UPDI) dan DUAT. Kedua-dua unit ini sangat penting bagi memperkasakan agenda dakwah dan penerangan dalam Negeri Terengganu. DUAT sebagai contoh menyediakan kursus-kursus pendek bagi meningkatkan keupayaan para Da'i dalam ilmu-ilmu yang menjadi keperluan masyarakat seperti ilmu Faraid dan Ilmu Falak di samping ilmu fardhu ain yang menjadi teras. Ada pun UPDI, beberapa langkah penambahbaikan sedang diambil antara lain ialah,

1. Pemerksaan *web tv* bagi menampung sebaran menyeluruh agenda kejayaan Kerajaan Negeri kepada masyarakat.
2. Melakukan kerjasama dengan beberapa agensi media terkini, bagi memenuhi keperluan semasa penerangan yang semakin canggih.

3. Bagi maklumat sebaran luar Negeri Terengganu, agenda penerangan SG4 melibatkan empat negeri juga kita telah aktifkan melalui kerjasama awal antara UPDA, Urusetia Penerangan Negeri Kedah, UPNKT, Urusetia Penerangan Negeri Kelantan, dan UPNP, Urusetia Penerangan Negeri Perlis.

Yang Berhormat Jertih mencadangkan konsep dakwah agar *agrotourism* dengan izin, *insya-Allah*, Kerajaan Negeri menyahut cabaran ini dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan elemen-elemen pemerksaan. Kita bertuah kerana Terengganu mempunyai tokoh-tokoh dakwah yang terkenal di peringkat nasional bahkan nusantara. Seperti Da'i Sejuta Ummah, Ustaz Azhar Idrus, Syed Norhisyam, Ustazah Asma Harun dan lain lain lagi. Program-program berimpak tinggi akan diteruskan mengikut kemampuan kewangan yang ada.

Yang Berhormat Rantau Abang dan Hulu Besut menyentuh tentang pemerksaan institusi masjid, khususnya dalam konteks pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Terengganu agar ia menjadi satu kemudahan dan tarikan kepada pelancong untuk datang ke Negeri Terengganu. Saya sangat bersetuju dengan saranan tersebut. Kerana ia selari dengan agenda Kerajaan bagi memperkasakan insituti masjid. Firman Allah *Subhanahu Wa Taala*,

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشِنْ إِلَّا اللَّهَ طَفَعَسَى
أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Hanya se-nya yang layak memakmurkan yang ini yang menghidupkan masjid-masjid Allah itu, ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, serta mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, dengan adanya sifat-sifat yang tersebut, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Surat At-Taubah Ayat 18.

Kerajaan Negeri akan meneruskan kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf masjid-masjid yang sedia ada di seluruh negeri. Berkenaan masjid negeri yang baharu, berkonsepkan *Smart Township Mosque*, juga akan dilaksanakan. Kerja-kerja awal pembinaan dan bakal menjadi pusat bagi Bandar Baru Bukit Besar. Berkenaan dengan institusi masjid ini juga bagi menambah jawapan pertanyaan daripada Yang Berhormat Telemong, Yang Berhormat Bukit Besi, dan Yang

Berhormat Sura. Berkenaan kebajikan untuk imam dan bilal. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi memastikan kebajikan imam dan bilal di negeri ini terus dijaga. Selain daripada peruntukan *one-off* daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kerajaan Negeri juga dalam usaha bagi memberikan peruntukan *one-off* juga kepada imam ketiga, memandangkan peruntukan daripada JAKIM hanyalah kepada imam 1 dan imam 2 sahaja. Kita juga sedang mengkaji untuk memberikan kenaikan imbuhan dan elaun imam dan bilal yang tanpa pendapatan tetap dan juga kemudahan-kemudahan lain yang boleh dipertimbangkan. Di samping itu turut dilaksanakan juga Program Tahsin pegawai masjid, bagi memastikan imam bilal dapat menambah baik mutu bacaan dan tugas masing-masing.

Dato' Yang di-Pertua, saya kira, rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang konflik Palestin, Zionis-Israel dan juga usul yang sama-sama kita luluskan. Khususnya apa yang berlaku di Gazzah, yang sangat menyentuh hati sanubari umat Islam. Saya ingin mengajak Ahli Yang Berhormat juga, memberi perhatian terhadap isu besar yang berlaku dalam negara kita, iaitu hak undang-undang syariah di Malaysia, yang dicabar oleh pihak-pihak tertentu. Kita agak pelik, di mana apabila kita orang Islam yang merupakan umat Islam majoriti dalam negara kita. Islam adalah agama Persekutuan. Seolah-olah kita tidak boleh untuk bercakap membela hak-hak kita. Adapun mereka di luar sana kononnya di atas nama hak asasi manusia dan seumpamanya dengan mudah mereka mempersoal berkait dengan hak-hak umat Islam khususnya berkait dengan Undang-Undang Syariah yang dilaksanakan di Tanah Melayu ini sejak ratusan tahun dahulu. Apa signifikan isu pencabaran Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 (Kelantan) yang dibawa ke Mahkamah Persekutuan sekarang ini dengan Enakmen Kesalahan Syariah yang sedang berkuat kuasa di Negeri Terengganu. Sebagai tambahan, Undang-undang ataupun Enakmen Kesalahan Syariah yang kita sama-sama saksikan diluluskan di dalam Dewan Yang Mulia ini tahun 2001 di mana hari ini juga akan tercabar. Bukan sahaja diluluskan bahkan diwartakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Untuk makluman seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, 14 daripada 20 peruntukan yang dicabar itu ada dalam peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu. Sedikit sebanyak keputusan kepada kes itu sekiranya memihak kepada *pempetition* akan memberi impak kepada perundangan syariah di negeri kita juga iaitu DUN selaku badan legislatif tidak lagi mempunyai kuasa meluluskan apa-apa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah kerana bercanggah dengan perlembagaan. Ia bukan sahaja soal pertindihan kuasa antara Kerajaan

Pusat dan Kerajaan Negeri sebagaimana naratif yang dibawa oleh setengah pihak bahkan lebih daripada itu ia akan menghakis kuasa Dewan Undangan Negeri untuk menggubalkan Enakmen Jenayah Syariah jika sekiranya keputusan berpihak kepada mereka. Perlu disedari pihak yang menyokong dan mendokong agenda ini adalah kalangan mereka yang membawa agenda liberalisasi dan prolisasi agama serta tidak mahu Undang-undang Syariah Islam ditegakkan di Malaysia.

Kita perlu menyedari bahawa Perlembagaan Persekutuan yang diamalkan pada hari ini adalah kesinambungan perundangan Islam yang telah berakar di Tanah Melayu ini sejak ratusan tahun. Sebagai contoh di Negeri Terengganu, sebelum adanya Perlembagaan Persekutuan bahkan semangat Perlembagaan Persekutuan itu khususnya Islam agama Persekutuan diambil daripada Undang-undang Tubuh negeri-negeri wilayah-wilayah di dalam Malaysia ini. Di Negeri Terengganu dinamakan Wilayah Islamiyah Malayawiyah yang mana batu bersurat menjadi saksi Undang-undang Jenayah Syariah telah diamalkan di Negeri Terengganu ini sejak ratusan tahun. Begitu juga Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu, Itqan Al-Muluk Bi Ta'dil As-Suluk. Jika kita berdiam diri tidak mustahil fasal yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan pun akan dicabut suatu hari nanti. Dengarlah amaran Nabi ﷺ kepada umatnya di akhir zaman.

لتنقضن عرى الإسلام عروة عروة فكلما انتقضت عروة تشيبت الناس بالتي تليها فأولهن نقضا
الحكم وآخرهن الصلاة

Pasti akan terungkai simpulan Islam satu persatu, setiap kali satu simpulan terungkai, manusia akan berpaut kepada simpulan yang lain. Simpulan pertama terungkai ialah hukum dan simpulan akhir ialah solat.

Hadis Riwayat Imam Ahmad.

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Mohon mencelah...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat...

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Celah...Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila...

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Batu Buruk, Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan. Kumpulan litigasi strategik ini sedang menggebur peranannya sedang merancang program-program termasuk mengganggu urusan Mahkamah Syariah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Buruk dan kita kena mengambil satu peranan yang serius kerana negeri kita pernah melakari sejarah pada tahun 1950. Iaitu isu Maria Hertogh ataupun Natrah yang dipelihara ibu angkatnya Mak Minah daripada Kemaman. Inilah kumpulan litigasi strategik ini berjaya untuk memurtadkan Natrah di Mahkamah Singapura 1950. Jadi adakah dalam maklumat atau pengetahuan Yang Berhormat Batu Buruk, adakah peguam-peguam ini berasal daripada Terengganu atau luar Terengganu? Sebab seingat saya tahun 2005 di Mahkamah Syariah Kampung Raja iaitu kes Ustazah Che kamariah Che Ali yang mengisytiharkan murtad di Mahkamah Syariah Kampung Raja bersama pengikutnya tahun 2005. Jadi adakah peguam-peguam ini berasal daripada Negeri Terengganu?

والله أعلم

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Jertih. Sebagaimana yang kita maklum kumpulan ataupun golongan ataupun individu-individu ini memang membawa agenda yang berselindung di sebalik hak asasi manusia bukan sahaja di Negeri Kelantan bahkan mereka akan bergerak ke negeri-negeri yang lain. Walaupun buat masa ini belum ada lagi daripada Negeri Terengganu tidak mustahil jika sekiranya senario yang saya sebutkan tadi maka ia juga akan berlaku di Negeri Terengganu. Saya sambung balik Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, daripada apa yang saya sebutkan tadi, justeru Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Wacana Perundangan Syariah Terengganu pada 16 November lepas. *Insyallah* Kerajaan Negeri juga akan mengadakan satu Himpunan Munajat Perdana bagi memberikan kesedaran kepada rakyat akan bahaya ancaman ini terhadap umat Islam. Kalau semalam Yang Berhormat Batu Rakit cadang supaya buat himpunan untuk kita dapat balik royalti, Batu Rakit cadang supaya Yang

Berhormat Paka jadi tok imam solat hajat. Jadi untuk himpunan ini kita cadang Batu Rakit jadi imam, *insya-Allah*. *Insya-Allah*, tak akan berlaku solat dua imam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat, boleh saya celah sikit ya? Terima kasih Yang di-Pertua. Kita hari-hari ini melihat cabaran-cabaran yang dibuat oleh golongan yang tidak suka kepada agama kita Islam dan ada yang kita tengok kes yang melibatkan Maria Hertogh ataupun Natrah suatu masa dahulu ia berpunca daripada kelompongan ataupun kelemahan undang-undang kita kerana kes itu melibatkan *law of the missouri* dengan izin Dato' yang di-Pertua dan hari ini juga saya rasa dan saya berpandangan bahawa mereka ini juga sedang mencari lompong-lompong dalam peruntukan undang-undang di peringkat perlembagaan negara dan juga di negeri supaya mereka cuba untuk mencabar dan hari ini kita melihat kumpulan-kumpulan ini sedang menguasai Kerajaan Pusat sehingga membenarkan kalau kita kira bahawa Malaysia ini sebuah negara Islam yang mana Islam agama rasmi tetapi mereka membawa budaya-budaya yang tidak baik seperti *cold* apa itu, konsert yang semacam itu. Ini adalah untuk memalingkan pemikiran generasi muda pada hari ini untuk lari ataupun kurang dan lebih minat, cenderung kepada liberalisme, minta komen daripada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Saya setuju dengan Yang Berhormat Permaisuri yang boleh masukkan dalam ucapan saya. Komen saya kita doakan mudah-mudahan umat Islam dapat menguasai dua per tiga kerusi Parlimen kerana untuk memperkasakan Islam agama Persekutuan, untuk merubah apa-apa sahaja berkait dengan polisi khususnya berkait dengan Agama Islam perlukan kepada dua per tiga yang saya sebutkan tadi. *Insya-Allah* saya yakin jika sekiranya umat Islam dapat dua per tiga kita akan dapat memperkasakan perkara-perkara yang berkait dengan Agama Islam termasuklah yang berkait dengan Perundangan Islam itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, suka untuk saya menyampaikan seloka ringkas.

Punahnya negara ini
Bila pemimpin bertopeng reformasi
Kononnya penjulung demokrasi
Tetapi dirobek-robek

Demi periuk nasi sendiri

Punahnya negara ini
Bila pemimpin bertopeng kesaksamaan
Kononnya pejuang kesamarataan,
Tetapi disekat-sekat
Suara yang bertentangan

Punahnya negara ini
Bila pemimpin bertopeng integriti
Kononnya bersih tak perlu disyaki
Tetapi dilepas bebas
Teman sebantal tanpa konklusi.

Punahnya negara ini
Bila pemimpin bertopeng keadilan
Kononnya adil dalam pengurusan,
Tetapi ditekan-tekan
Pasukan lawan disekat peruntukan.

Bukan reformasi
Tapi hipokrisi
"Anda sokong, kami beri."
Mereka gadaikan prinsip integriti.

Bukan adil
Tapi jahil
"Kerajaan kami, ikut suka kami"
Tetapi mereka berdegil.

Bukan bersikap terbuka
Tapi menganiaya
"Kami mahu guru dipantau!"
Laung mereka demi kuasa.

Kononnya menjunjung tinggi sistem demokrasi,

Tetapi mereka merobek demokrasi untuk kepentingan sendiri.

Kononnya memperjuangkan kebebasan bersuara,
Tetapi menyekat suara yang bertentangan dengannya.

Kononnya mengutamakan pentadbiran berintegriti dan bebas rasuah,
Tetapi sendiri memejam mata bila melibatkan rakan sebelah.

Kononnya adil dalam pengurusan,
Tetapi sendiri mengamalkan politik dendam dan menekan.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada YAB Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2024. Semoga Allah merahmati dan memberkati Kerajaan dan rakyat Terengganu. Batu Buruk menyokong. Sekian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang terhormat Batu Buruk, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kijal.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua, yang terhormat Menteri Besar, Pengerusi Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat-yang terhormat ADUN, Pegawai-pegawai dan Ketua-ketua Kerajaan, pemerhati dan rakan-rakan media, hadirin yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* bersama kita memanjat kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* masih lagi diberi kesihatan yang sempurna kepada kita di penghujung Sidang DUN Terengganu *insya-Allah*.

Terima kasih saya ucapkan kepada yang Yang Berhormat-yang terhormat yang menyentuh isu-isu portfolio saya, Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan juga Perubahan Iklim. Ada Yang Berhormat memberi nasihat, ada Yang Berhormat memberi cadangan dan ada Yang Berhormat menanyakan soalan-soalan dan *insya-Allah* saya akan menjawab sebaik mungkin. Yang Berhormat ADUN Seberang Takir, mengenai penyusunan semula jeti bot penambang Seberang Takir beliau membangkitkan berkaitan dengan kedudukan Jeti Bot Penambang Seberang Takir

yang tidak tersusun, jalan yang sempit dan bagaimana untuk meningkatkan pendapatan operator bagi melalui aktiviti *river cruise*, dengan izin. Perkara ini berada di dalam makluman Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), di mana Pihak MBKT sedang membuat perancangan untuk menyusun semula pembangunan di sini, termasuklah untuk menyediakan gerai-gerai dan juga kiosk-kiosk yang bersesuaian. MBKT akan membuat pembentangan kepada saya *insya-Allah* berkaitan perancangan ini, isu-isu dan langkah ke hadapan sektor pelancongan di Kuala Terengganu pada 3 Disember 2023 nanti. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah Cadangan Penyusunan Semula Jeti. Namun demikian kita sedar bahawa isu utama di sini, adalah berkaitan dengan isu-isu tanah yang antaranya perlu dibuat pengambilan balik. Kerajaan Negeri sedar pendapatan operator bot penambang telah banyak terjejas apabila Jambatan Sultan Mahmud dan Jambatan Angkat, Kuala Terengganu disiapkan. Bot penambang bukan lagi menjadi medium pengangkutan seperti dahulu. Bot penambang mesti bertukar fungsi daripada medium pengangkutan kepada aktiviti pelancongan, khususnya untuk aktiviti *river cruise*. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengintegrasikan bot penambang dengan Payang Walk dan Beca Warisan Terengganu. Ianya perlu dibangunkan sebagai satu pakej pelancongan di Pusat Bandaraya Kuala Terengganu. Antara cadangan adalah untuk menambah atau memanjangkan tempoh operasi bot penambang sehingga ke waktu malam bagi memudahkan capaian pelancong untuk ke Pasar Payang dari Seberang Takir. Hal ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan masalah parkir di kawasan Pasar Payang atau Payang Walk terutamanya pada hari hujung minggu. Pelaksanaan ini perlu juga mengambil kira faktor-faktor keselamatan bot penambang terutamanya dari segi pencahayaan pada waktu malam dan ketersediaan bot penambang untuk beroperasi di waktu malam.

ADUN Sura, membangkitkan isu cukai pelancongan dan *bag tax*. Cukai pelancongan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan mengagihkan kembali hasil kutipan cukai melalui Pemberian Cukai Pelancongan kepada Kerajaan Negeri sebanyak 50%, daripada hasil kutipan cukai bagi tahun yang sebelumnya. Cukai Pelancongan merupakan cukai ini dikutip daripada pelancong-pelancong asing iaitu sebanyak RM10.00 untuk satu malam ke atas pelancong asing yang tinggal di hotel atau tempat penginapan yang berdaftar. Terimaan cukai pelancongan di Negeri Terengganu bagi tahun 2019 sehingga September 2023 seperti berikut:

2019	-	RM1,026,000.00
2020	-	RM1,014,934.50
2021	-	RM211,000.00
2022	-	RM14,050.00
2023	-	RM5,340.00

Antara faktor yang menyumbang penurunan cukai pelancong adalah disebabkan oleh yang pertama, Kesan daripada Pandemik COVID-19 yang melanda negara menyebabkan kurangnya pelancong luar datang ke Negeri Terengganu, pengecualian cukai pelancongan ke atas pelancong asing yang menginap di premis penginapan berdaftar sehingga 31 Disember 2022, telah berkuatkuasa semula bermula 1 Januari 2023, wujudnya premis-premis penginapan yang tidak berdaftar seperti *homestay* dan juga inap desa dan lain-lain lagi.

ADUN Telemong membangkitkan isu Air Terjun Sekayu, berdasarkan kepada Notis yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT), kawasan Taman Eko – Rimba mula ditutup kepada pengunjung awam bermula 1 November 2023 sehingga 28 Februari 2024. Penutupan ini adalah selaras dengan Monsun Timur Laut (MTL), penutupan pada musim musim Monsun Timur Laut (MTL) ini adalah disebabkan dikhuatiri pengunjung lebih terdedah kepada risiko kemalangan di lokasi terbabit berikutan kejadian pokok tumbang, terputus hubungan, kepala air dan tanah runtuh boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Justeru itu, bagi mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini, maka JPNT mengambil keputusan pencegahan dengan menutup termasuk Hutan Simpanan Kekal bagi aktiviti pendakian dan juga rekreasi. Walau bagaimanapun, ia mungkin menimbulkan sedikit perasaan ketidakpuashatian pihak tertentu, namun demi keselamatan serta kebaikan bersama, Jabatan perlu bertindak tegas sebelum kejadian buruk berlaku. Pelan mitigasi untuk dijadikan Sekayu kembali popular sebagaimana dahulu kala. Hutan lipur adalah kawasan hutan yang dikhaskan untuk dibangunkan sebagai kawasan peranginan yang terbuka kepada umum untuk tujuan berehat, berkelah, beriadah, berkhemah dan sebagainya. Pembangunan hutan lipur di dalam kawasan hutan simpan adalah selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 dan Akta Perhutanan Negara 1948 bagi tujuan mewujudkan suatu kawasan yang mencukupi dan sesuai bagi tujuan rekreasi, eko-pelancongan dan sebagai tujuan pendidikan terhadap masyarakat mengenai fungsi

perhutanan dan kepentingannya. Taman Eko-Rimba Sekayu merupakan antara kawasan rekreasi yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sejak tahun 1985 lagi. Berkeluasan lebih kurang 813 hektar dan terletak di Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan. Kawasan ini terletak lebih kurang 55 kilometer daripada Kuala Terengganu dan 16 kilometer daripada Bandar Kuala Berang. Antara ciri tarikan utama pelancongan di kawasan ini ialah kemudahan infrastruktur yang lengkap dan baik. Contoh kemudahan infrastruktur adalah perkhidmatan pengangkutan atau ketersampaian, penginapan, bekalan air, kuasa elektrik dan telekomunikasi. Jarak perjalanan yang dekat dengan Kuala Terengganu menjadikan Sekayu sebagai antara pilihan utama pengunjung untuk berekreasi. Selain itu, aliran sungai di Sekayu merupakan tarikan utama pengunjung bagi menjalani aktiviti riadah dan mandi-manda. Walau bagaimanapun, kesan daripada aliran puing, puing.. ayat... Cikgu Awi boleh *kabo puing* apa *bende...* telah menyebabkan berlakunya banjir besar sekitar hujung bulan Februari dan Disember tahun 2022. Banjir besar ini telah mengakibatkan runtuh dan hakisan di sepanjang sungai Sekayu. Terdapat juga kemudahan yang rosak termasuk jambatan gantung, tapak khemah, laluan pejalan kaki dan pondok rehat. Hal ini telah mengurangkan tarikan dan memberi kesan kepada keselamatan pengunjung yang datang untuk berekreasi.

Pada tahun 2023, peruntukan untuk penyelenggaraan kemudahan di Sekayu adalah menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan sebanyak RM80,000.00. Peruntukan yang terhad ini digunakan untuk pembaikan kemudahan sedia ada yang telah rosak. Sehubungan dengan itu, JPNT telah mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan tapak bagi melihat hakisan dan kerosakan di Sekayu bersama dengan Timbalan Pengarah Pembangunan Negeri Terengganu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Pengarah Lembaga Muzium Negeri, Yang Di-Pertua Majlis Daerah Hulu Terengganu merangkap Pegawai Daerah Hulu Terengganu telah diadakan pada 12 September 2023. Hasil dari lawatan tersebut, satu kertas kerja permohonan peruntukan sebanyak RM5.2 juta bagi Pembangunan Semula Sekayu telah dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu. Sebagai perancangan pada masa hadapan, jabatan memohon peruntukan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di bawah RP5, RMKe-12, Tahun 2025 bagi Projek Pembangunan Semula Kemudahan Pelancongan di Eko-Rimba Sekayu, Kuala Berang, Negeri Terengganu. Permohonan ini akan memberi penekanan kepada menaiktaraf kemudahan asas antaranya pembaikan struktur sungai, membaikpulih jambatan gantung, laluan

trekking, tapak khemah, tandas, bilik air, chalet rumah rehat dan lain-lain kemudahan. Terdapat juga penambahan tarikan baru iaitu pembinaan *canopy walk*, tapak *caravan*, kolam semulajadi, taman herba dan orkid termasuk burung, taman burung, serta ruang pameran perhutanan.

Kadar bayaran tiket. Sebagaimana yang terdapat dalam Kaedah-kaedah Hutan, bermula 1 Januari 2013, Sekayu telah dikenakan tiket masuk. Kadar bayaran kemasukan di kawasan ini adalah RM2.00 sahaja untuk dewasa dan RM1.00 untuk kanak-kanak. Berdasarkan rekod pengunjung, terdapat pertambahan pengunjung daripada tahun 2017 seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pengunjung
2017	31,409
2018	37,239
2019	36,440
2020	31,649
2021	20,702 (kurang kerana COVID-19)
2022	27,854 (banjir besar berlaku di Kuala Berang, sebab tu dia sikit)
2023	44,100 (naik balik)

Ni berpandukan kepada tiket, kutipan tiket. *Hok dok* bayar tiket *tu* kita *tak* masuk dalam senarai.

ADUN Permaisuri, mengaitkan isu berhubung Setiu Wetlands. Setiu Wetlands yang merupakan Taman Negeri. Terengganu mempunyai sembilan ekosistem berbeza di dalam satu kawasan iaitu laut, pesisir pantai, kawasan berlumpur, lagun, muara sungai, sungai, pulau, rimba pesisir air dan rimba paya bakau. Keunikan *Setiu Wetlands* di mana ianya merupakan satu-satunya tanah bencah, tanah lembap, tanah berair di mana di Malaysia yang mempunyai ekosistem seperti ini yang saling berhubung iaitu laut, pantai, lumpur, lagun, muara sungai, pulau, hutan di sepanjang pantai dan paya bakau. Tanah lembap Setiu bukan sahaja unik, malah ia adalah satu kawasan yang cantik dan kaya dengan flora dan fauna digabungkan dengan laut, air yang bersih, haiwan di hutan dan juga bukit. Apa yang menarik, manfaat daripada ekosistem yang terdapat di Setiu Wetlands dari sudut pelancongan alam semulajadi adalah wujudnya produk-produk yang boleh

diketengahkan seperti menyusuri sungai Setiu, berkayak, mencari kepah, lokan dan aktiviti menyusuri hutan paya bakau melalui Setiu Boardwalk. Produk-produk ini dapat dijual sepanjang tahun termasuk monsun iaitu bulan November sehingga Februari melalui pengenalan baharu, dia satu aktiviti baru di Setiu Wetland *ni* iaitu Mandi Hujan, Dato' Speaker. *Sape nak* mandi hujan, kita *gi* Setiu Wetlands. Bersih, cantik, *dok* gatal, *insya-Allah*. Pakej ini merangkumi makanan tempatan yang popular seperti kepoh masak lemak, lokan bakar dan kerabu nipah. Selain itu, aktiviti lain yang boleh dijalankan seperti *kokok* remis selain produk tradisional Kampung Pelancongan di Negeri Terengganu. Pakej ini melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga penduduk kampung yang menjadi produk *community based tourism* yang mana hasil jualan tersebut memberi pulangan kepada komuniti dan akan menyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan pelancong Terengganu pada musim hujan. Dalam faktor keselamatan, *insya-Allah* pakej yang ditawarkan adalah selamat daripada risiko banjir dan kepala air. Di samping itu pemain industri yang menjual pakej ini juga turut diberi kursus dan mempunyai sijil dalam *water safety* bagi memastikan keselamatan pelancong adalah terjamin. Antara pakej aktiviti musim monsun, *kokok* remis, jala ikan pantai, *river cruise*, *daytrip* Setiu Wetlands, *ATV ride tour*, *charity monsoon activities*, *Wetlands school activities*, aktiviti Warung Bangsal Buluh, aktiviti Desa Pancaran Delima. Jumlah data, jumlah kedatangan pelancong di Setiu Wetlands. Saya ambil jumlah terus. 35,351 orang sehingga Oktober baru-baru ini. Jumlah pelawat ke Setiu Wetlands daripada tahun 2019 sehingga 2023 sebanyak 36,000. Jumlah hasil kutipan *business* 2019 sehingga sehingga 2023 adalah RM108,240.00 sahaja.

ADUN Kemasik, berkaitan dengan Air Terjun Menderu dan Bukit Harimau Menangis. *Insya-Allah* kita turun tengok *kekgi*. ADUN Bandar Jertih, membangkitkan, memberi nasihat kepada kita. *Insya-Allah* kita patuh sebagaimana SOP yang sedia ada. ADUN Kuala Besut kaitkan isu Pulau Perhentian. Kerajaan Negeri komited dengan pembangunan pelancongan di Negeri Terengganu termasuklah di DUN Kuala Besut. Antara permohonan projek pembangunan berskala tinggi di Pulau Perhentian dan Kuala Besut yang telah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri adalah;

- 1) Pembangunan Pora-Pora Bay Resort, Pulau Perhentian di atas Lot 470 PN7652 Mukim Pulau Perhentian, Daerah Besut, Terengganu Darul Iman.

- 2) Pembangunan Resort Di Atas Tanah Kerajaan Yang Bernombor seluas 13.286 ekar di Pulau Perhentian, Daerah Besut, Terengganu Darul Iman.
- 3) Cadangan Membina dan Menyiapkan 20 Unit Chalet Sementara Dua Tingkat Jenis Kontena Di Atas Lot 394 GM 142, Pulau Perhentian, Daerah Besut, Terengganu Darul Iman.
- 4) Cadangan Permohonan Tanah yang terletak di Mukim Kuala Besut, Daerah Besut, Terengganu Darul Iman oleh Ocean Paragon Sdn Bhd.
- 5) Cadangan Pembinaan Hotel JW Marriott oleh Ikhasas Land.
- 6) Pembinaan Jeti Persendirian di bawah JW Marriott di kawasan Kompleks LKIM, Besut dan Pembinaan Hotel Transit Kawasan Kompleks LKIM, Besut.

ADUN Hulu Besut kaitkan isu berhubung tempat penginapan bertaraf empat atau lima bintang yang kurang di Negeri Terengganu dan cadangan untuk mengadakan program-program bertaraf antarabangsa pada tahun 2024 seperti Monsun Cup. Antara hotel lima bintang yang akan dibina di Negeri Terengganu ialah pembinaan Hotel JW Marriott oleh Ikhasas Land di Pulau Perhentian..

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada pencelahan daripada Manir.. boleh?

YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Tak habis lagi... Angkat tangan macam...

YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang kedua, Pembangunan Strawberry Park di Kijal oleh Ikhasas Land Sdn Bhd dan pengoperasian resort oleh Courtyard By Marriott. Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan projek di atas tanah milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) telah diadakan pada 10 Ogos 2023 bertempat di Resort World Kijal, Kemaman, Terengganu. Kijal *tu* dengar sikit. Program-program lain atau acara antarabangsa akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan galakan pelancongan pada tahun 2024 tapi kita rahsia dulu. Sila..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. *Nok tanya hok kedian skali tu dah jawab doh dakpe* sebab berhantu lama *dohkan [ketawa] hok tukang jual ubi beli dulu*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Okey-okey. Jawab *doh okey la tu*. ADUN Pengkalan Berangan isu berhubung *Community Base Tourism* yang perlu diperkasakan lagi pada tahun hadapan, *insya-Allah*. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu amat memberi tumpuan dan galakan kepada pewujudan *Community Based Tourism*, CBT di Negeri Terengganu. Maklumat CBT sedia ada di Negeri Terengganu merangkumi CBT yang aktif dan juga tidak aktif. Daerah Kuala Terengganu, jumlah CBT 5, CBT aktif 3 *hok dok* aktif 2. Dungun jumlah dia 2 *hok* aktif jumlah...Kemaman jumlah 4, CBT aktif 4 *hok dok* aktif kosong. Dungun jumlah dia 2, aktif 2 *dok* aktif kosong, Besut jumlah 5, aktif 3 *dok* aktif 2. Hulu Terengganu jumlah 5, aktif 5 *dok* aktif kosong. Marang 5 jumlah yang aktif 5 *dok* aktif *yillek* kosong. Setiu 1, aktif 1 kosong *dok* aktif, Kuala Nerus 5, aktif 5 kosong *dok* aktif. Jumlah semua sekali 29, yang aktif 25, 4 *dok* aktif. Cadangan untuk CBT-CBT yang berkualiti akan dipergiatkan pada tahun 2024, *insya-Allah* melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan menyebut Merchang Lestari, Dataran Batu Putih dan Jenang, *hokni* tempat yang sangat cantik Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan *insya-Allah* Merchang Lestari kita *dah* buat lawatan baru ini kita *insya-Allah* kita akan adakan 2024 ini sukan air *start* di Pengkalan Berangan, *insya-Allah*. Tapi walau macam manapun CBT ini kita kena ambil berat tentang kebersihan. Kalau CBT yang kita angkat, kampung jadi CBT, tempat itu kotor Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tahi-tahi lembu banyak, tahi kambing banyak, jadi orang tak berapa minat sebab itu ada CBT yang tak aktif kerana *takdok* pelancong mari. Justeru itu, kita nak minta supaya YB-YB ADUN itu melihat pakat *molek* dengan *Tok Mulu* itu supaya *check* kawasan itu biar bersih supaya ramai pelancong mari.

ADUN Bukit Tunggal, isu berhubung monumen TTI dan apa perancangan Kerajaan Negeri untuk baik pulih TTI. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta kepada Perbadanan

Memajukan Iktisad Negeri Terengganu bagi membaik pulih dan menyelenggarakan Taman Tamadun Islam termasuklah RM2,762,200.00 bagi penyelenggaraan dan menaik taraf monumen-monumen yang memberi nilai tambah kepada tarikan pengunjung. Pelan penyelarasan produk-produk pelancongan di Taman Tamadun Islam akan diberi nilai tambah dengan kepelbagaian aktiviti seperti Program Hujung Minggu, Persembahan Kebudayaan, Gerai Pameran dan Jualan Makan Tradisional dan Pameran Interaktif dan lain-lain. Saya cuma nak minta satu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bagi sumbangan kepada NGO-NGO, untuk tahun 2024 ini beri sumbangan kepada JPKK untuk melawat TTI itu tengok monumen-monumen dalam itu sebagai salah satu punca kuasa sebagai Duta Pelancongan Negeri Terengganu. Begitu juga kepada pelajar-pelajar, bagilah sumbangan untuk pergi melihat apa yang ada di TTI, jangan kita beri sumbangan nak pergi luar negeri sampai Krabi apa semua *takdok* faedah *blake tu* mari tempat kita, jadi sekurang-kurangnya tambah pendapatan TTI.

Kerajaan Negeri juga merancang untuk mewujudkan sebuah Galeri Arkeologi Maritim bagi menempatkan artifak bersejarah daripada beberapa bangkai kapal yang karam (*shipwreck*) di dasar perairan Negeri Terengganu. Pembinaan galeri ini juga akan memberi nilai tambah kepada Taman Tamadun Islam sebagai sumber rujukan kepada generasi. Kita difahamkan Yang Berhormat Dato' Speaker, 300-400 tahun dahulu perairan Terengganu popular dengan laluan Kapal Dagang. Ini bermakna orang Terengganu memang hebat dalam perdagangan. Ada beberapa Kapal Dagang yang tenggelam di perairan kita seperti Longquan di perairan Pulau Redang, Sintiel di perairan Pulau Perhentian, Wanli di perairan Tenggol, Japanese Wreck di perairan Pulau Kapas. Yang terkini dinamakan Pulau Bidong 'Shipwreck' yang berusia 500 tahun, belum tahu asal tapi kayu lantai berasal dari...kayu lantai jenis dia meranti. Jadi meranti ini saya dengar cerita ada di Terengganu, di Malaysia dan di Thailand sahaja, bermakna kapal itu ada kemungkinan Kapal Malaysia. Jadi banyak artifak yang ada dalam kapal dan ada yang *dah* diambil yang *dah* dihantar ke Muzium dan ada yang belum diambil. Justeru itu, kita rancang untuk wujudkan galeri ini supaya kita ambil barang-barang artifak lama ratus-ratusan tahun ini, *bubuh* dalam galeri di TTI dan menjadi bahan rujukan maka dalam masa yang sama jadi nilai tambah kepada pendapatan TTI...

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat Wakil Kijal?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Akhir *dah*, boleh sikit lagi? Nak jawab *hok* Bukit Tunggai, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya sila-sila.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dan seterusnya, nilai tambah yang *insya-Allah* kita akan gunakan ialah Jeti TTI. Sekarang ini Jeti telah digunakan untuk feri-feri ke pulau-pulau dan sekarang kita nak angkat satu, kita rancang untuk kegunaan pelancong sungai *River Tourism* dengan izin. Mungkin masih baru di Terengganu kita, *insya-Allah* akan bermula di TTI. Ianya berbentuk kembara menggunakan *mini houseboat* dengan izin. Banyak yang dapat dinikmati di pesisir sungai Negeri Terengganu alam semulajadi, hidupan liar, budaya warisan, gastronomi dan macam-macam lagi kita ada Kampung Budaya, kita ada Jambatan Angkat dan lain-lain. Yang menariknya ramai *hok dok* tahu, sungai Kuala Terengganu ini tersenarai sebenarnya antara sungai yang terbaik untuk dimajukan *River Tourism* di samping Sungai Kinabatangan, Sungai Rajang dan juga Melaka, kita tersenarai yang terbaik. Di Eropah, disediakan *houseboat* dan telah maju ke depan seperti Perancis, Itali dan Belgium lain-lain dah lama dah dan popular juga di negara Asia seperti India, Nepal, Pakistan, Thailand dan lain-lain. *Insya-Allah* kita akan efisyenkan lagi servis jeti di TTI sebagai aktiviti tambah nilai untuk masa hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, itulah sahaja pembentangan saya. Cuma saya nak ingatkan sebagai penutup Belanjawan Berimbang, Bajet Berimbang RM1.860 billion menuju "Era Baharu Terengganu". Intipati yang perlu ditekankan kepada kita semua ialah meringkaskan prosedur. Itu penting. Banyak ADUN-ADUN sebut pasal banyak sangat birokrasi. Ini tertera dalam Buku Bajet MB baca hari tu. Kreatif, inovatif dalam kita buat kerja. Dan yang ketiganya berdikari dengan keupayaan kita sendiri. Dan yang paling *win* sekali, Bajet tersebut Dato' Yang di-Pertua, MB *dok* sebut, tak per *detail* bajet-bajet, jumlah-jumlah yang diberikan kepada EXCO-EXCO. Dan ini menunjukkan betapa telusnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar selaku calon P040. Kita dengar cerita kelmarin, Perdana Menteri ada turun di P040. Macam-macam janji, tapi MB kita salah satu calon, calon nombor dua tak sebut. Sebab apa? Sebab nak elak takut-takut jadi Pilihan Raya semula sekali lagi. *Dok cakak. Wak nyaknye* ke rakyat. Jadi justeru itu saya nak mintaklah kepada semua, kita berdoalah supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan dinobatkan sebagai. Sebagai apa? Wakil rakyat P040, Kemaman. Jadi justeru itu,

sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, rakan-rakan sekalian, mudah-mudahan kita semua sentiasa di dalam barakah Allah *Subhanahu Wa Taala*.

والله أعلم

YANG BERTERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kijal. YBC *dok* tepuk mane *napok*. [*Sambil ketawa*] Macam *ge dok* setuju je *backbenchers* ke *guana*, sila Yang Berhormat Paka.

YANG BERTERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

Alhamdulillah kita memanjat syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taala* dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi ruang untuk saya sama-sama mengambil peluang-peluang ini untuk berucap dalam menyokong Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang bertema menerajui "Era Baharu Terengganu" dengan Bajet bernilai RM1.860 billion. Saudara-saudara yang dihormati sekalian, apa pun dalam melaksanakan Bajet yang dibentangkan ini berdasarkan anggaran kewangan yang bakal diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Mahu tak mahu antara sumber yang besar adalah datang daripada royalti petroleum. Dan dengan perkembangan mutakhir yang kita hadapi ini yang kita lalui ini dan kita berdoa *insya-Allah* ujian dan musibah ini tidak berpanjangan. Tetapi seolah-olah mengulang kembali peristiwa 1999-2004. Saya juga selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Paka ketika itu merasai pengalaman pentadbiran Kerajaan Negeri sehingga ke habis penggal 2004. Hanya sempat sekali sahaja kita menikmati royalti tersebut dan empat tahun kemudiannya tidak dapat mengecapi nikmat royalti tersebut. Termasuklah apa-apa kelebihan daripada peruntukan Kerajaan Pusat. Masa itu Ahli Dewan Undangan Negeri elau dia RM3,600.00 je. [*Sambil ketawa*] *Nok* jaga rakyat mari *dumoh*. Peruntukan hanya RM50,000.00 sahaja setahun. Tapi *alhamdulillah*, suasana tersebut sehingga kepada penghujung penggal. Dan ada positifnya apabila pihak Kerajaan mampu untuk menggembelinkan sumber yang sedia ada bagi meneruskan sebaik pemerintahan pentadbiran sehingga ke penghujung penggal. Bahkan meninggalkan sebahagian *agok banyok jugok* duit *cash* tunai dalam akaun

Kerajaan Negeri sendiri. Dan kita juga beriman dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*.

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ

Dari segi negatif dan dari segi positif kita harapkan supaya kita mampu untuk membina kekuatan jati diri kewangan ekonomi. Sebab kita lihat banyak negara-negara yang apabila menghadapi berbagai-bagai sekatan, mereka lebih kreatif untuk ke hadapan. Negara Iran contoh. Gaza sendiri di Palestin. Kepungan seluruh dunia dan kelilingnya tapi dia masih lagi mampu sehingga ke hari ini dan lebih dua bulan ke hampir dua bulan ini dengan kuasa-kuasa besar yang ada, kapal-kapal, kapal terbang dan sebagainya kekuatan dunia masih lagi gagal untuk menakluk Negeri Gaza itu walaupun hanya sekadar panjangnya 47km lebarnya hanya 9km. Dan *insya-Allah* kita sedia maklum apabila kita meletakkan matlamat perjuangan dasar untuk menegakkan syariat Islam. Memikul apa yang ditinggalkan oleh nabi-nabi yang terdahulu. Amanah dan juga khilafah yang terdahulu. Sudah barang pasti akan menghadapi ujian-ujian dan tribulasi. Itu jadi rutin dah. Tak munasabah dalam menegakkan perjuangan itu dihampar dengan karpet merah. Bukan kita minta bukan kita mendoakan tetapi orang panggil berfikiran positif di sebalik daripada itu. Allah *Subhanahu Wa Taala* sendiri berfirman,

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعَدَتْ عَلَيْهِمُ السُّعُفَةُ وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوِ اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنْفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ

Surah At-Taubat ayat 42

Jelas memperingatkan kepada kita. Jika sekiranya perjuangan tu dekat, cepat, boleh sampai *derah*, boleh *merintah derah*, *لَاتَّبَعُوكَ* Ramai orang akan ikut kamu berduyun-duyun. *وَلَكِنْ بَعَدَتْ* Tapi payah, sukar. *عَلَيْهِمُ السُّعُفَةُ* Menghadapi berbagai-bagai ujian tribulasi. Dulu pun macam tu. Kita ni duk sokong reformasi *jeruk kene kecing*. [*Sambil ketawa*] Bukan 5%, sign 20% *sedak doh* kita *dengo*. *Brok* naik *hok* 5% pun *dok bui*. *Bejeruk* kita kena. Dari *serbang pah* kaki *kene kecing*. Tapi yalah kita pun beriman dunia ni *saja mat*. Tapi benda ni *berekey* sampai ke hari akhirat. Penuh dengan ujian tribulasi. *وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ* Bersumpah. Ni *napok* ada lima orang ni *dok*. *Hok* parlimen ni. Bila diugut tarik tak diberi peruntukan parlimen. Ni *bersupoh blake* dulu ni. *Nok* jadi calon. *Supoh* ape sebagainya. *وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ* Mereka bersumpah dengan nama Allah. Sekadar semampu kami. *لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ* Aku akan bersamamu wahai nabi. Sama dengan perjuangan susah senang berjuang dan sebagainya. Tapi. *يُهْلِكُونَ أَنْفُسَهُمْ* Sumpah mereka itu akan membinasakan diri mereka

sendiri. Tak semudah itu ni. Orang mukmin orang Islam ni bukan angkat sumpah saja ni *mat*. Dia bersaksikan Allah *Subhanahu Wa Taala*. Meletakkan kebinasaan di tangan Allah *Subhanahu Wa Taala*. Jadi jangan mudah-mudah bersumpah. Apatah lagi di kalangan PAS ni. Calon-calon ni semua bersumpah "*wallahi wabillahi watallahi*". Kalau dia khianat apa sebagainya Allah *Subhanahu Wa Taala* akan membinasakan dia. Janji dia sumpah dia sebut ini akan dibinasakan mereka apabila mereka bersumpah. Kerana *dok* tahan ni. *Dok* tahan baru setahun *dok*. Ahli Parlimen PAS ni lama dah *mat*. *Sejok* pilihan raya kali pertama lagi sapa sekarang menghadapi berbagai-bagai ujian tribulasi dipenjara, dibunuh, dibuang daerah. Macam-macam lah. Diskriminasi. وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ Dan Allah *Subhanahu Wa Taala* mengetahui mereka-mereka ini merupakan golongan-golongan yang pembohong, kazzab, nipu, khianat, sampai masa dia kembali kepada Allah dia akan *bawak* bendera itu di padang mahsyar. Kazzi, pembohong, khianat di hadapan Allah *Subhanahu Wa Taala*. والعياذبالله. Tapi sebagai seorang mukmin dia ada hati. Kalaulah Nabi Musa *Alaihissalam* sesat di padang teh 40 tahun, *nok* boleh masuk bumi Palestin. Kerana ada yang tidak mahu bersama bersedia untuk berjuang. Mengharapkan kemenangan mari senang *sepak*. اذْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَاتِلَا إِنَّا هَاهُنَا قَاعِدُونَ *Mung g ah* perang *nge* Tuhanmu. Menang *royak ah*. Kami akan sokong *ah*. Kalau *kaloh takmboh*. *Nok* macam tu *ha*. Jenis kera. *Kat* pokok lebat dia *gi*. *Kat takdok buoh, lari ah dok gi ah*. Hai *dokleh lagu tu*. Kita kena *istiqomah lah*. Duduk situ, membaja, *insya-Allah sapa* masa *buohlah* hasilnya. Sebab kita manusia bukan kera. Tapi janganlah kita ikut orang seperti itu. Begitu juga kita dalam Negeri Terengganu yang kita hadapi, penggal yang lalu kita mendapat peruntukan, tahun *ni*, penggal *ni*, kemungkinanlah *insya-Allah*, tapi kita doalah selepas apa Yang Amat Berhormat kita masuk Parlimen, *insya-Allah dok* lama *doh* harap-harap akan dikembali. Buat reformasi sungguhlah. Jangan reformasi macam dulu, *bahang kecing pulok* kita (ketawa) dan kita beriman Allah *Subhanahu Wa Taala* menyusun atur dengan peraturan-peraturan yang lebih baik dan lebih lengkap, *insya-Allah*.

Apapun kita mengharapkan semua pihak, pegawai-pegawai, kakitangan, jabatan-jabatan dan sebagainya perlu sabar, kreatif dan *istiqomah*. Kita meraikan kepercayaan, amanah rakyat yang memberi kepada kita dan *insya-Allah* kita usahakanlah semampu yang kita dapat untuk mencapai dan menjayakan Bajet yang telah dibentangkan sebanyak RM1.86 bilion. Apapun kita percaya kalau dahulu sejarah mencatatkan orang melayu Terengganu ni *dah* hebat dalam perniagaan, dalam pelayaran dan sebagainya. *Insya-Allah* kita harap generasi-generasi baru ini akan dibangkitkan kembali. Kita percaya anak-anak Terengganu

ni insya-Allah bukan hanya di Terengganu sehingga keluar daripada Terengganu *ni* untuk mempunyai jati diri dan mempunyai kebebasan dalam ekonomi dan mengupayakan Negeri Terengganu untuk keluar daripada apa-apa halangan dan sebagainya.

Seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah ﷺ "pekerjaan apa yang paling baik". Rasulullah menyebut, "pekerjaan yang dilakukan hasil daripada tangannya sendiri dan juga setiap perdagangan yang *mabru'*". Menggalakkan usaha, kreativiti hasil tangan bukan hanya menadah tapi berusaha. *Insya-Allah* anak Terengganu melahirkan usahawan-usahawan yang hebat, yang berjaya mengeluarkan anak-anak Terengganu dengan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan *insya-Allah* dengan perniagaan-perniagaan yang menguntungkan bukan hanya kepada rakyat Terengganu tetapi juga ke Negeri Terengganu kita *ni, insya-Allah*.

Saya juga ingin menyentuh tentang beberapa komentar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang menyentuh tentang portfolio saya. Antaranya melibatkan memperkasakan masjid dengan pusat institusi pendidikan. Kerana itu kita melancarkan Pusat Tafaqquh Fiddin yang *insya-Allah* akan diserahkan siap pembangunan fasa pertama di Pulau Wan Man, yang akan menjadi pusat di peringkat negeri itu. Dan kemudian sebagaimana manifesto dan disebut dalam Bajet yang lalu, kita akan mula perturunkan ke daerah-daerah yang juga merupakan berpusat di masjid-masjid. Bukan hanya pendidikan secara formal tetapi pendidikan keseluruhan melibatkan komuniti masyarakat yang menjadikan masjid sebagai pusat. *Insya-Allah* kita akan gabung jalinkan di bawah Portfolio Dakwah dan sebagainya yang meletakkan teras pendidikan sepanjang hayat. مِنَ الْمَهْدِ إِلَى الْمَهْدِ "Daripada buaian sampai liang lahad". *Insya-Allah* akan mengangkat Terengganu *ni* sebagai pusat pendidikan sebagaimana tersohor dahulunya dan juga sebagai Serambi Madinah.

Juga menyentuh tentang kesalan masih ramai lagi anak-anak muda yang tidak mampu untuk membaca al-Quran. Sebab itulah, pihak Kerajaan Negeri memperuntukkan jumlah yang banyak dengan Skim Mus'ab untuk di peringkat pra-sekolah lagi. Terengganu *ni* ada lebih daripada 1000 pusat pra-sekolah yang kita rasa kita perlu memanfaatkan daripada awal bukan hanya untuk celik al-Quran, tapi juga membaca dan sebagainya. Kalau dahulu zaman-zaman kita, *joh* satu baru

start baca tapi sekarang *ni* mereka yang pergi ke sekolah rendah *tu* dirasakan perlu untuk menyelesaikan ilmu-ilmu akhlak seperti ini.

Alhamdulillah apa yang dimainkan peranan dari kalangan guru-guru Mus'ab ini adalah untuk membebaskan anak-anak kita, peringkat awal apatah lagi dengan penubuhan Sekolah Rendah Islam milik Kerajaan Negeri SRIDI, pelajar yang bermula daripada pagi sehinggalah pukul 4.00 petang. Makna ibu-bapa balik *tu ambik hok bereh doh*. Dengan al-Qurannya, dengan sembahyang jemaahnya, dengan didikan agamanya, dengan pendidikan konvensional yang sedia ada kita gabung jalinkan. Inilah hasrat kita supaya generasi akan datang ini orang panggil selesai dalam isu-isu yang menjadi amanah dan tanggungjawab yang melibatkan al-Quran ini. Jadi *insya-Allah* kita harap perkara ini dibudayakan bukan hanya untuk anak-anak tetapi juga melibatkan ibu bapa, keluarga, masyarakat, komuniti dan sebagainya.

Pada pandangan yang juga memberi pandangan supaya SPC itu Skim Pelajar Cemerlang dikembangkan melibatkan UPSRI dan juga *thanawi* dan sebagainya. Kita memperuntukkan RM5,000,000.00 setahun untuk Skim Pelajar Cemerlang dan memang anak-anak Terengganu *ni* ramai yang cemerlang. Daripada permohonan-permohonan SPC tu disaring dan ditapis yang kita beri keutamaan B40 dan sebagainya tapi ramai dari kalangan pelajar-pelajar anak Terengganu *ni* yang cemerlang. Mereka mengekalkan kecemerlangan setiap tahun dan pihak Kerajaan Negeri mengiktiraf dengan memberikan Skim Pelajar Cemerlang ini untuk mereka menyambung pengajian di peringkat yang tinggi. *Tu* pun *dok* cukup. Jadi UPSRI ini bagi pelajar yang baru darjah enam, jadi kita memberi setakat inilah. Kita memberi keutamaan kepada mereka yang terlibat dengan peperiksaan awam seperti SPM, STPM dan juga STAM. Apapun pandangan Ahli Yang Berhormat *insya-Allah* kita ambil kira dan kita untuk masa-masa yang akan datang, *insya-Allah*.

Ada isu saya juga ingin menyentuh tentang isu vape dan juga ada Yang Berhormat menyentuh tentang beberapa isu ada penyakit kelamin dan sebagainya. Jadi isu vape ini sebenarnya sudah ada fatwa, di mana Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Hal Ehwal Agama Islam telah memberi fatwa haram pada 22 Disember 2015 dan 23 Mac 1995 sudah ada fatwa tentang haramnya rokok sebab ada pandangan untuk menggabung jalinkan dan pada 17 Julai 2013, fatwa mengharamkan shisha

dan pihak Kerajaan Negeri telah sepakat untuk tidak membenarkan Negeri Terengganu. Isu ni banyak dibangkit termasuklah ibu-bapa dan guru-guru sendiri yang melibatkan sekolah rendah *doh*. Ada *doh* bawa vape *skoloh* dalam apa orang panggil *bekas kalam* dia tu. Napok macam *roba*. Cikgu kata tengok macam *roba*. *Sedor-sedor letok*, berasap. Rupa apa, vape. Jadi pengedar-pengedar ataupun tauke-tauke vape *ni* dia letakkan sasaran kader. Kita ingat kita je nok kader Quran apa rupanya dia kader jugak *ni* ahli dia *sapa* peringkat sekolah rendah. Membimbangkan.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Nak celah Yang Berhormat, boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sesama sendiri tu jugak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Isu ini memang isu yang hangat berkaitan dengan vape, rokok dan yang paling nampak lebih sekarang *ni* terserlah ialah isu shisha. Kita dapati ada beberapa kedai yang beroperasi dengan shisha *ni*. Jadi langkah-langkah kita lagu mana kita *nok* pastikan bahawa apa yang telah kita sama-sama faham bahawa perkara ini adalah perkara yang tidak baik, sekurang-kurangnya tidak baik dan kalau ikut hukum sepertimana Yang Berhormat sebut tadilah. Jadi apa tindakan-tindakan yang boleh kita boleh laksanakan untuk mengekang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Untuk Terengganu *ni* saya rasa shisha *ni* peringkat-peringkat awal dulu *je kot*. Masa tu *glamour* dia naik *sket*. *Lening tadok doh kot*. *Payoh base* tu dengan botol, dengan api, dengan apa-apa ramai orang *xmboh*, vape *ni* senang *sket*, *puak* jadi lalu, *tubek* asap lalu, jadi jin lalu *srarr* berasap. (ketawa). *Ni* yang jadi itu. Berbanding dengan rokok pun gitu. Rokok *tu napok* sangat *nok wak gi skoloh-skoloh*. Vape *ni* dia boleh *susuk* dalam benda-benda bentuk macam *tu je*. Amat bahayalah dan kesan dia cukup merbahaya sebab dia campur macam Yang Berhormat sebut campur kadang-kadang ada unsur-unsur dadah dan sebagainya yang merosakkan. Ada banyak kes yang dimaklumkan oleh pihak hospital. Tapi yang

menyedihkan kita, pada 31 Mac 2023, baru lagi narkotin telah dikeluarkan daripada senarai barang terlarang Akta Racun 1952. Jadi tapi *Alhamdulillah* kita peringkat Terengganu ini telah memberi tempoh sehingga Disember supaya semua pekedai-pekedai ni untuk diganti dengan jualan lain dan kita haraplah lepas pada ini Kerajaan Tempatan mengambil tindakan yang tegaslah supaya tidak berkembang, berleluasa walaupun ada tindakan-tindakan saman yang diambil tapi dia sanggup lagi bayar kemungkin untung banyak *moor*, jadi benda ini berterusan lagi dan amat disebut dia itulah khususnya pelajar-pelajar IPT. Kalau kawasan saya tu depan politeknik itu sendiri jual. Jadi pelajar-pelajar. Jadi perkara ini kita harap perkara ini *insya-Allah* kita harap dapat diambil perjalanan untuk Negeri Terengganu ini.

Saya bangun tanya Yang Berhormat Ladang, jadi dia awal-awal *wak* begini jadi saya tengok *dok* faham *nape* gini[ketawa]... Saya dulu pernah sekali mari lambat sembahyang, jadi saya tengok ada makmum masbuk, saya gi jadi makmum dia sentuh bahu dia takut ye *dok* tu nok jadi makmum dia. Dia angkat tangan *sapp dua kali mat*, *Doh kata bakpe dia ni bang?* Jadi kita sembahyang macam biasa *arr* jadi makmum tok imam supe ye je. *Sudoh tu* saya tanya *doh wape* angkat tangan macam polis nok tahan kereta. Dia kata nok jadi tok imam. Hor ada jugak. Angkat *zat zap zap hor wat* gitu. Dia *dok* buat berturut-turut takut batal dia kata....[ketawa]... Jadi Yang Berhormat Ladang buat begitu takut jadi gitu *jugok* baik buat dua-dua, *الله أكبر* lalu[ketawa]... Minta maaf Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua saya tanya ni

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat, orang perempuan memang *dok leh* jadi tok imam

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *hor ye ye ye*[ketawa]...

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Ye puan...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya..ya.. saya tanya ini melibatkan data sebab saya rasa kes penyakit kelamin ini kalau dia dengan isteri dia rasa *dok* timbul benda ini. Dia mesti ada hubungan seks luar nikah atau pun orang panggil *romen* ramai-ramai ini *lior ah* LGBT ke apa A&W ke takut ada penyakit ini[ketawa]... *Tubik* sayang-sayang *jeng* kita[ketawa]... *Ha* jadi sebab saya segan kerana kita ini 96%, 97% Melayu muslim.

32 DUN ni PAS *belaka* sokong ini. Jadi kalau ada isu-isu terpencil tu kita selesaikan secara isu terpencil. Tapi kalau kes besar, sebab saya ingat zaman 70-an, 80-an, saya duduk dekat sekolah *je* isu-isu penyakit-penyakit kelamin siplis ini. Kalau benda ini naik semula, data ini banyak, merungsingkan kita juga itu. *Wane kes-kes ginim ni mat*, orang dulu main *gi* Golok dulu timbul isu-isu ini. Jadi saya rasa benda ini *dok* berbangkit *doh*. Kita harap takut kita anggar isu-isu yang terpencil. Kita cuba selesaikan, *insya-Allah*. Sebab ada cadang nak *wi* kempen ke sekolah. Saya bab kempen ke sekolah ini kita bincang juga peringkat pendidikan ini. Kadang-kadang kita bawa kempen anti dadah bawa ke sekolah. Hasrat kita *nok* peringat dia jangan hisap dadah dari kalangan remaja orang muda ini keinginan ingin tahu itu lebih tinggi daripada benda *hok* bahaya dia tengok *oh gini ye* kata buat dadah, ye balik *nok wak nyenggeng* dengan *saing* dia *pulok* cari batang betik apa sebagainya. Kita rungsing *mat*, dia keinginan ingin tahu itu tinggi. Jadi kita buat pameran-pameran penyakit ini *hok* pameran penyakit itu *ye dok* duli mana *hok* cara-cara *hok nok* gi penyakit itu takut ye *nok* beramal, nol praktik. Itu yang kita bimbang. Banyak apabila mereka ini disabitkan juga dengan kesalahan akhlak. Buat gi ke pusat-pusat akhlak kita ingat bila dia keluar dari pusat akhlak itu lebih baik *dok*..lebih kelas lagi ye *belajor pulok* sama-sama dia dalam *nu oh* balik jadi professional *pulok* ha kita bimbang, kita berhalus *jugok* kita kena buat kajian dulu apa-apa yang melibatkan kempen untuk turun ke peringkat apa orang panggil pusat-pusat atau pun sekolah-sekolah kita ini.

Satu lagi yang melibatkan pembangunan dan sebagainya memanglah hasrat kita dan kita pun SRIDI ni *nok* turun ke 32 DUN. Ada ingin mewujudkan pusat pendidikan dalam DUN masing-masing memang hasrat macam itulah tetapi setakat ini kita banyak sebagaimana dia sebut adalah tempat-tempat yang bersifat sementara. Jadi habis *doh* bangunan-bangunan *hok* kita rasa sementara ini. Pengarah JPINT, pejabat JPINT *gi round* belaka *doh* tengok kat mana bangunan boleh sesuai nak buat SRIDI apa sebagainya tapi kita mohon sabar, *insya-Allah* termasuk *jugok* SMIDI. Tak semudah *tu eh* kalau kita pakai *Jin Baghdad* كُنْ فَيَكُونُ *brokk* siap senang, *dok*.. melibatkan kos *pulok* dengan duit apa dan sebagainya, PKN pening kepala[ketawa]....

Insya-Allah apa pun dalam proses *ha* kita cuba untuk yang penting modul yang kita cadangkan itu dapat diguna pakai, dipraktikkan termasuk madrasah moden kita adakan transformasi untuk kita jadikan SMIDI untuk tahun bermula 2024 nanti,

insya-Allah. Saya rasa sekadar itu *kot*. Terima kasih dan saya Paka mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang tibalah masanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan membuat penggulungan terakhir. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menyampaikan ucapan penggulungan beliau.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالْعَافِيَةَ لِلْمُتَّقِينَ وَالْعُدْوَةَ مِنَ الظَّالِمِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para pegawai, pemerhati dan seluruh yang berada dalam Dewan dan berada di luar Dewan. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dan pertanyaan dalam sidang pada kali ini.

Alhamdulillah sesi kali ini menampilkan semua Ahli Yang Berhormat yang lebih berkeyakinan untuk berucap, lebih teratur fakta dan ulasannya berbanding dengan sidang kita yang lalu, di mana ada beberapa orang yang kelihatan berdebar bicaranya. Biasalah, sebagaimana peribahasa melayu "Alah bisa tegal biasa". Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Bandar atas komitmen untuk memastikan pasukan *backbenchers* yang diketuai oleh beliau dapat berperanan dengan penuh kapasiti untuk membantu Kerajaan Negeri supaya dapat berfungsi dengan lebih cekap. Menyokong apa yang beliau sebutkan juga sekali lagi saya ingin mengingatkan dan menegaskan kepada semua pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri agar kita semua sentiasa bersikap profesional menghayati dan mendukung aspirasi dalam merealisasikan "Terengganu Maju, Berkah dan Sejahtera" yang diterjemahkan melalui Ucapan Belanjawan tahunan ini. Ingatlah bahawa tugas kita semua adalah berat dan melaksanakan tugas berat ini memerlukan kita membuang ego yang ada dalam diri kita bahawa kita saja yang tahu semua perkara, bahawa saya lebih baik daripada orang lain, bahawa kuasa saya lebih besar dari orang lain dan

seumpamanya. Kita bukan berlawan sesama kita tetapi adalah bekerja secara bersama ke arah objektif yang sama.

Marilah kita sama-sama menghayati apa yang diperingatkan oleh Luqman kepada anaknya. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Luqman oleh Firman Allahu *Taala*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يٰبُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَآمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ
وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka pada tiap-tiap orang yang sombong, takbur lagi membanggakan diri."

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bandar, Manir, Seberang Takir, Sura, Bukit Besi, Hulu Besut dan Pengkalan Berangan yang menyentuh tentang hak rakyat Terengganu iaitu royalti petroleum.

Sebagai respon kepada perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya nyatakan dua strategi bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Yang pertama kita akan terus berusaha untuk mendapatkan dana hasil daripada royalti petroleum dan yang kedua kita akan terus menjana pendapatan baharu melalui pemerkasaan sumber sedia ada dan penerokaan sumber baharu yang perlu dilaksanakan dengan cermat dan bersasar. Bagai menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak. Tali pun jangan putus kaitan jangan serkah. Mengenai royalti Petroleum walau apa juga nama yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan sama ada Wang Ehsan, Bayaran Tunai Petroleum Atau Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Suka saya tegaskan bahawa ia adalah hak rakyat dan Negeri Terengganu. Kerajaan Persekutuan mesti memulangkan dana ini langsung kepada Kerajaan Negeri yang direkodkan sebagai hasil negeri dan mengikut jadualnya seperti yang telah menjadi amalan sejak sekian lama. Ada

orang yang membangkitkan malam tadi bahawa kita tidak berterima kasih kerana menerima royalti petroleum untuk tahun 2023 ini. Mendengar ini saya sebenarnya tidak terkata-kata atau *speechless* dengan izin dan terus tertanya-tanya siapakah di luar sana yang tidak melaporkan perkara yang sebenarnya. Tidakkah kita semua menjadi saksi bahawa dalam Dewan yang mulia ini juga setiap kali bersidang saya tetap mengungkapkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan termasuklah saya juga menyampaikan ucapan terima kasih menerusi surat menyurat dan ucapan-ucapan. Semua ini diungkapkan dengan menggunakan laras bahasa melayu yang jelas ucap ucapan terima kasih pula bukan bermakna kita pasrah seadanya atau redha jua dengan yang setakat apa diberi. Angka-angka yang ada telah menunjukkan bahawa jumlah yang diterima oleh Negeri Terengganu sejak tahun 1978 hingga zaman ini tidak pernah mengelirukan kita semua. Untuk rekod dan berdasarkan harga kadar harga minyak yang turun naik. Pada tahun 2018 kita menerima RM1.374 billion, Tahun 2019 RM1.497 billion, Tahun 2020 RM1.226 billion, Tahun 2021 1.287 billion, Tahun 2022 1.393 billion dan hingga saat ini untuk Tahun 2023 RM 0.656 billion. Tindakan bertanggung-tanggung menyerahkannya dan dalam jumlah yang jauh sangat sedikit berbanding yang dianggarkan adalah seperti bayaran ansuran bulanan. Adalah umpama sengaja mahu mengganggu dan menggagalkan pentadbiran Kerajaan Negeri yang kesannya adalah kepada rakyat jua akhirnya. Ya kita akan terus berbincang, berunding dan menuntut hak kita tanpa rasa penat lelah dan putus asa. Kita juga akan mengatur gerak beberapa pendekatan lain berasaskan Perlembagaan dan semangat *federalisme* sehingga Kerajaan Persekutuan menyerahkan kembali hak ini. Sudah tiba masanya kita semua termasuklah rakan-rakan kita di luar sana untuk meninggalkan budaya politik diskriminasi akibat warna parti politik dan ini adalah salah satu rupa bentuk tragedi atau *reform* dengan izin yang semestinya berlaku dalam negeri dan negara kita. Jangan kita mendera pilihan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dek kerana rakyat tidak memilih kita, maka kita mendera rakyat dengan sekatan dengan penyempitan pelbagai perkara. Semua ini adalah budaya lama dan kolot politik balas dendam yang membawa negara kita ke belakang dan jauh dari keharmonian. Kitaran ganas atau *vicious cycle* dengan izin akan terus berulang dan berulang. Saya menyeru dan mengajak semua pemimpin politik samada di peringkat Negeri ataupun Nasional untuk menghentikan kitaran ganas ini. Sebagai pemimpin kita mesti mempunyai iltizam dan tekad yang kuat untuk menghentikannya. Saya pun bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Seberang Takir untuk kita juga bermunajat dan menyerahkan urusan kepada Allah *Subhanahu Wa Taala*, tiada upaya kita kecuali dengan kuasaNya kehendak yang

Maha Perkasa yang boleh membuka hati pemimpin-pemimpin negara kita. *Insyallah*, kita akan menganjurkan Program Munajat Rakyat ini pada masa yang akan dimaklumkan nanti. Semoga Allah *Subhanahu Wa Taala* memberikan pertolonganNya kepada kita semua. Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam sidang pada hari ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengumumkan semalam pada 29 November 2023 di Chukai untuk memberi keutamaan bagi menyelesaikan isu perumahan generasi kedua dan ketiga Felda di mana semua peneroka Felda di Negeri Terengganu juga turut menyumbang kepada ekonomi negara. Terima kasih kerana mendengar suara rakyat Felda di Terengganu dan saya berharap agar perkembangan projek ini berjalan lancar dan menjadi kenyataan. Pihak Kerajaan Negeri sentiasa sedia bekerjasama mempermudah pelaksanaan projek ini demi kebaikan dan kesejahteraan penduduk terbabit.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam sidang pada kali ini juga yang mungkin timbul akibat dari tidak selesanya apabila negeri kita yang tercinta ini sedang dibuli-buli agaknya maka baik Yang Berhormat Sura ada menyebut tentang suatu pengharapan pada saya tentang memperjuangkan hak Terengganu ini ke satu tahap baru di peringkat Nasional sebagai pimpinan di masa depan. Terima kasih di atas doa yang cukup tinggi hasratnya ini. Ini saya jelaskan dan nyatakan dari dahulu sampai sekarang secara peribadi saya berpandangan bahawa tidak wajar tidak boleh untuk mana mana tubuh badan sendiri mempunyai cita-cita atau meletakkan objektif untuk menggalas amanah yang terlalu hebat samada sebagai Menteri Besar atau yang lebih besar daripada itu. Jawatan seperti ini bukan boleh masuk kamus cita-cita yang kita wajar mengejanya tetapi jika ianya diamanahkan secara kolektif oleh ramai orang, terimalah tugas dan tanggung jawab dengan memohon pertolongan Allah *Subhanahu Wa Taala* yang mengetahui kelemahan dan kekurangan kita semua. Jawatan ini dan jawatan itu adalah satu amanah bukannya suatu pekerjaan. Ianya tidak sama seperti bercita-cita untuk menjadi seorang guru, menjadi juruterbang, menjadi jurutera, menjadi doktor dan seumpamanya. Ingatlah kita kepada sabda Nabi ﷺ sebagaimana dalam satu hadis Riwayat Al-Bukhari, kamu semua akan sukakan kepada jawatan tetapi ia boleh jadi penyesalan ketika hari akhirat kelak kerana pada permulaannya terdapat nikmat, namun pengakhirannya ia menjadi pengikat yang jahat.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi strategi kedua kita ialah menjana pendapatan baharu melalui pemerksaan

sumber sedia ada dan penerokaan sumber baharu. Sebagaimana yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Bandar, Seberang Takir, Sura, Pengkalan Berangan dan Bukit Tunggal. Terima kasih atas pandangan dan cadangan, *insya-Allah* Kerajaan Negeri akan menelitinya dengan sebaik mungkin. Mengenai hal ini seperti yang saya jelaskan dalam jawapan soalan Yang Berhormat Pengkalan Berangan pada Isnin yang lalu, Kerajaan Negeri telah mempunyai Pelan Penjanaaan Pendapatan Baharu Negeri Terengganu yang telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Perbelanjaan Hemat Negeri Terengganu pada 27 September 2023 untuk dijadikan strategi utama bagi meningkatkan hasil kerajaan. Kerajaan optimis bahawa kita berupaya untuk meningkatkan pendapatan negeri secara berfasa, namun begitu kita perlu realistik dalam perkara ini. Kesemua perancangan ini ada yang boleh dilaksanakan segera dan ada yang memerlukan masa yang lebih panjang kerana ia melibatkan banyak proses di pelbagai peringkat melibatkan banyak pihak. Oleh yang demikian, untuk memastikan perancangan ini benar-benar bermanfaat dan memberikan keuntungan pada rakyat Negeri Terengganu. Kita akan sentiasa cermat dan tidak tergesa-gesa dalam mengambil tindakan dan keputusan terutamanya melibatkan hasil baharu. Banyak perkara dari kisah lalu sama ada di negeri kita mahupun negeri lain, perlulah dijadikan pengajaran dalam memastikan segala aset dan sumber yang kita ada ini tidak dibazirkan dan dioptimumkan sebaik mungkin. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menjamin kejayaan pelaksanaan kesemua program dan projek yang telah saya umumkan. Semua Portfolio dan Jabatan dan Agensi yang terlibat mesti mematuhi beberapa *Rule Of Form* dengan izin supaya dapat memenuhi keperluan rancangannya dan menyesuaikan dengan kekangan yang kita ada.

Antara yang mahu saya gariskan ialah yang pertama dipandu data *or data revamp*, dengan izin. Setiap keputusan tindakan yang dibuat mestilah berpandu kepada data yang menyeluruh dan analisis yang mendalam mengenai pelbagai faktor. Penerbitan-penerbitan terutamanya yang dibuatkan oleh DOSM, Parlimen dan kementerian-kementerian hendaklah sentiasa dirujuk. Yang kedua, berasaskan keberhasilan ataupun *outcome base*, dengan izin. Setiap program atau projek yang ingin dilaksanakan mestilah strategik untuk mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan serta diukur kejayaannya berdasarkan impaknya. Bukannya dengan selesai pelaksanaannya semata-mata. Bagi Belanjawan tahun hadapan dan seterusnya, Pejabat Perbendaharaan boleh mula mengaplikasikan sepenuhnya *outcome base budgeting* ini, dengan izin. Ketiga, *synergy* rentas portfolio atau

cross portfolio synergy, dengan izin. Kerjasama dan penyelarasan antara portfolio dan jabatan atau agensi perlulah dipertingkatkan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pertindihan fungsi atau *redundancy*, dengan izin. Yang keempat, *leverage atau leveraging*, dengan izin, mengutamakan untuk memanfaatkan program atau projek sediaada dengan memperkasa cara perlaksanaannya bagi mengoptimumkan impaknya. Selain itu, mesti juga diambil manfaat daripada dasar serta program ataupun projek yang diperkenalkan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kebaikan rakyat dan Negeri kita. Oleh yang demikian, hubungan dengan kerjasama dengan kementerian-kementerian dan jabatan serta agensi Persekutuan mestilah terus diperkukuhkan. Dan yang kelima, daya tahan jangka panjang atau *sustainable Brazilian*, dengan izin. Setiap pusat tanggungjawab mestilah memastikan setiap program atau projek yang dilaksanakan ini bukan sahaja bersifat mampu menahan kejutan atau tekanan, bahkan juga mampu mengekalkan kemampuan dan kebolehsuaian untuk masa hadapan. Ini sangat penting untuk kita boleh terus bergerak maju ke hadapan dengan pelbagai program atau projek lain yang lebih memerlukan pada masa itu.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum melabuhkan tirai bicara, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus bagi menjayakan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Persidangan kita tidak lengkap tanpa kehadiran Ketua-ketua Jabatan, agensi dan unit dari negeri dan Persekutuan, para pemerhati, para bentara, wartawan dan semua individu yang tidak mampu saya sebutkan nama dan peranan mereka sekalian. Semoga Allah *Subhanahu Wa Taala* jualah yang membalaskan dengan pahala yang berpanjangan. *Aamiin Ya Rabbal Alamin*. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kita telah pun selesai membahaskan Enakmen Perbekalan 2024. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2024 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

Dalam Jawatankuasa

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2024 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2024 DAN BAGI
MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA
UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN
ENAKMEN PERBEKALAN 2024.**

**(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA
BERKUAT KUASA PADA 1 JANUARI 2024**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2024**.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-usul yang telah diberi notis. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat (Wakil Paka) mengemukakan usul.

Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2024.

YANG BERTITAH DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Bertitah Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1996, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2024 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

BIL	VOT	JABATAN	LANGSUNG NEGERI (RM)	JUMLAH (RM)
1	P02	PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN	457,215,500.00	457,215,500.00
2	P04	PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU	30.00	30.00
3	P10	JABATAN KERJA RAYA NEGERI TERENGGANU	1,500,080.00	1,500,080.00
4	P11	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI TERENGGANU	500,000.00	500,000.00
5	P12	PEJABAT DAERAH BESUT	500,000.00	500,000.00
6	P13	PEJABAT DAERAH DUNGUN	500,000.00	500,000.00
7	P14	PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU	500,000.00	500,000.00
8	P15	PEJABAT DAERAH KEMAMAN	500,000.00	500,000.00
9	P16	PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU	500,000.00	500,000.00

10	P17	PEJABAT DAERAH MARANG	500,000.00	500,000.00
11	P18	PEJABAT DAERAH SETIU	500,000.00	500,000.00
12	P19	PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI TERENGGANU	10,931,000.00	10,931,000.00
13	P29	JABATAN PERHUTANAN NEGERI	100,000.00	100,000.00
14	P30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI TERENGGANU	150,000.00	150,000.00
15	P31	JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU	115,250.00	115,250.00
16	P32	PELBAGAI PEMBANGUNAN	13,840,140.00	13,840,140.00
17	P35	PEJABAT DAERAH KUALA NERUS	500,000.00	500,000.00
JUMLAH KECIL PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			488,352,000.00	488,352,000.00

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 4/2023. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

Sekarang saya buka untuk undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Haji Hanafiah Bin Mat, Wakil Cukai mengemukakan Usul Rancangan Pembangunan Bekalan Air Bagi Tahun 2024.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan-

"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2024 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL			
Tajuk / Perkara	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pembangunan Bekalan Air	11,648,000.00	-	11,648,000.00
JUMLAH	11,648,000.00	-	11,648,000.00

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Butiran lanjut ini bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 5/2023. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seluruh pemerhati, sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta seluruh para pemerhati selama empat hari bersidang.

Saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita menutupnya dengan membaca Surah Al-'Asr dan tasbih Kaffarah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.45 TENGAH HARI

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 27 – 30 NOVEMBER 2023**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 SEPTEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MUHAMED
ADUN BANDAR

SOALAN 1 : Berapakah jumlah bilangan kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu untuk tahun 2018,2019,2020,2021,2022 dan 2023 mengikut kategori tetap dan kontrak?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pembayaran gaji atau elaun kepada kakitangan Kerajaan Negeri pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapakah bilangan kakitangan Kerajaan Negeri yang pencen dan pengambilan kakitangan baru untuk tahun 2018,2019,2020,2021,2022 dan 2023?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT DR. HAJI RIDUAN BIN MOHAMAD NOR
ADUN JERTIH

SOALAN 1 : Apakah rancangan JPS dalam menangani isu banjir sebelum musim tengkujuh 2023 di kawasan berisiko banjir Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Keberkesanan projek-projek tebatan banjir dalam menangani masalah banjir khasnya di kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem aliran yang sistematik boleh dipertingkatkan lagi dengan pembinaan Saliran Perumahan / Kampung (dibina oleh PBT) yang menghubungkan Sistem Saliran Utama/Parit Monsun (dibina oleh JPS) bagi mengurangkan banjir yang berlaku. Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Terengganu telah melaksanakan program-program penyelenggaraan secara berkala infrastruktur sistem saliran sebagai usaha dalam mengurangkan risiko kejadian banjir bagi menghadapi musim tengkujuh 2023.

Sejumlah RM13,697,681.00 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan kerja penggalian sungai dan kerja yang berkaitan di bawah Program Pemuliharaan Sungai bagi Mengurangkan Risiko Banjir dan Kerja-kerja Kecemasan di Luar Jangka (Sebelum dan Selepas Banjir) di bawah peruntukan persekutuan.

Selain daripada itu, bagi menampung aliran air banjir kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir turut dilaksanakan dengan peruntukan persekutuan sebanyak RM3.7 Juta. Sistem pengoperasian mekanikal dan elektrik tebatan banjir turut diselenggara dengan sejumlah RM820,000.00 diperuntukkan.

Manakala di pihak Kerajaan Negeri, sejumlah RM250,000.00 juga telah diperuntukkan bagi menyelenggara saliran bandar dan RM100,000.00 bagi penyelenggaraan muara sungai.

Justeru itu, dengan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak JPS ini adalah diharapkan risiko kejadian banjir dapat dikurangkan sementara menunggu program-program penyelesaian jangka panjang disiapkan.

SOALAN 2 : Sejauh manakah pencapaian GLC milik Kerajaan Negeri dan apakah usaha untuk penambahbaikan GLC yang tak mencapai tahap piawaian cemerlang?

JAWAPAN : Berdasarkan prestasi GLC pada tahun 2022, terdapat 52 GLC yang mencatatkan keuntungan manakala 75 GLC mencatatkan kerugian.

Usaha penambahbaikan pula adalah seperti berikut;

1. Mencari alternatif-alternatif lain yang sesuai dengan mengambil kira keperluan modal, jangkaan keuntungan, serta menghindari risiko-risiko yang akan menjejaskan syarikat.
2. Meluaskan pasaran dan meneroka peluang baru melibatkan agensi negeri, institusi pendidikan dan bidang lain yang menguntungkan.

3. Mengkomersilkan aktiviti berbentuk perkhidmatan yang sebelumnya disubsidi kerajaan.
4. Membentuk kerjasama dengan syarikat- syarikat yang lebih kukuh dan berdaya maju.
5. Penyediaan dan semakan pelan perniagaan dan belanjawan tahunan serta penetapan sasaran Performance Indicator tahunan berserta pemantauan secara berkala bagi mengenal pasti langkah pemulihan jika Syarikat tidak mencapai prestasi sepatutnya.
6. Meningkatkan pengurusan kualiti proses perkhidmatan dan produk dengan mendapatkan persijilan MS ISO.
7. Penjimatan kos operasi melalui perbelanjaan secara berhemah dalam semua aspek.

BIL	NAMA AGENSI	NAMA ANAK SYARIKAT
1.	Yayasan Islam Terengganu	1. Open Access Sdn Bhd 2. Perkampungan Darul Barakah Sdn Bhd
2.	Yayasan Terengganu	1. Sterling Hectares Sdn Bhd 2. Trefound Educare Sdn Bhd 3. Telemate Telesystems (M) Sdn Bhd 4. Trefound Properties Sdn Bhd
3.	Yayasan Pembangunan Usahawan	1. Cakna Sdn. Bhd. 2. Cakna Management Sdn. Bhd
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga	1. Top IT Industries Sdn Bhd 2. Permodalan YPK Sdn Bhd
5.	PMINT	1. Permint Minerals Sdn. Bhd

		<ol style="list-style-type: none"> 2. Pertima Trengganu Sdn Bhd 3. P Excell Management Sdn Bhd 4. Permint Granite Sdn Bhd 5. PB Hotel Management Sdn Bhd 6. Terengganu Agrotech Development Corp Sdn Bhd (TADC) 7. PMINT Urus Sdn Bhd 8. TTI Management Sdn Bhd 9. Cas Ligas Sdn Bhd
6.	TESDEC	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terengganu Skill Development Centre Berhad (Kolej Tesdec) 2. Tesdec Services Sdn Bhd 3. Tesdec Green Energy Sdn Bhd 4. Tesdec Hydropower Sdn Bhd
7.	Mentri Besar Trengganu (Incorporated) (MBI)	<ol style="list-style-type: none"> 1. MBI Modal Sdn Bhd <ol style="list-style-type: none"> 1.1 Tajdid Corporation Sdn Bhd 1.2 TD 1303 Sdn Bhd 1.3 Terengganu Dredging Sdn Bhd 1.4 Koridor Utiliti Teknologi Terengganu Sdn Bhd 1.5 Terenggnu Telecommunications Sdn Bhd 1.6 Darul Iman Training Centre Sdn Bhd (Ditc) 1.7 East Coast Fertilizer Sdn Bhd. 1.8 Al-Fateh Terengganu Sdn Bhd. 1.9 Mbi Terengganu Capital Sdn Bhd. 2. Permodalan Terengganu Berhad <ol style="list-style-type: none"> 2.1 PTB Unit Trust Sdn Bhd 2.2 Primula Beach Hotel Sdn Bhd 2.3 PTB Land Sdn Bhd 2.4 PTB Glomac Development Sdn Bhd

		3. Pusat Sains & Kreativiti Terengganu Sdn Bhd 4. Wawasan Wibawa Sdn Bhd. (Kolej Quran Terengganu) 5. Tis Ata' Ashar Sdn Bhd.
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)	1. Duyong Marina And Resort Sdn Bhd (DMR) 2. LTAWNT Bina Sdn Bhd (LTAWNT B) 3. TW Bakti Sdn Bhd (TW B) 4. University College Tati Sdn Bhd (TATIUC) 5. Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Berhad
9.	Terengganu Inc. Sdn. Bhd.	Syarikat untung Lampiran A Syarikat rugi (aktif) Lampiran B Syarikat rugi (dormant) Lampiran C

Lampiran A

No.	Status prestasi syarikat	Jumlah Syarikat
1.	Syarikat untung	34
2.	Syarikat rugi: <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat aktif • Syarikat yang belum beroperasi dan berstatus dormant 	21 26
Jumlah Syarikat		81

Syarikat Untung

No.	Company	Principal activities	Profit/(loss) after tax (RM'000)
1	Kumpulan Ladang-Ladang Trengganu Sdn Bhd	Cultivating of oil palms, trading of palm oil and other related products.	36,844
2	Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd	Managing a petroleum supply base.	29,667
3	Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd	Cultivating and trading of oil palms and processing of fresh fruit bunches.	22,481
4	PBK Logistics Sdn Bhd	Cargo handling services, provision of labour and rental of equipment.	10,854
5	Permint Timber Corporation Sdn Bhd	investment holding.	8,350
6	Pesama Timber Corporation Sdn Bhd	Sawmilling, harvesting, moulding, producing finger joint and furniture. And kiln drying.	8,350
7	Kuala Terengganu Specialist Hospital Sdn Bhd	Specialist medical centre	7,125
8	Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad	Investment holding and provision of port services and facilities.	6,551
9	Kuantan Medical Centre Sdn Bhd	Specialist medical centre	6,199
10	Kumpulan Pengurusan Kayu- Kayan Terengganu	Harvesting and forest plantation.	6,170
11	Terengganu Incorporated Sdn Bhd	Investment holding.	5,545
12	Suterasemai Sdn Bhd	Dormant	5,294
13	Golden Pharos Berhad	Investment holding and management services.	4,946
14	Pesaka Trengganu Berhad	Sawmilling.	4,681
15	Sukma Samudera Sdn Bhd	Port management services.	4,644
16	TDM Capital Sdn Bhd	Cultivating of oil palms and other related products.	4,511
17	PBK Supplies & Services Sdn Bhd	Water supply services, garbage handling services and providing repair and maintenance of equipment.	4,494
18	Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd	Port management services.	2,185
19	TI Properties Sdn Bhd	Property investment	2,040
20	EPIC Solar Sdn Bhd	Solar power business.	1,966
21	Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn Bhd	Property development.	1,320
22	GP Forest Plantation Sdn Bhd	Dormant	1,148
23	Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd	Investment holding and provision of consultancy and management services to specialist medical centres.	756
24	EPIC OG Sdn Bhd	Mechanical and civil engineering works and general trading.	403
25	TDM Trading Sdn Bhd	Trading of agricultural and crude palm oil and other related product.	335
26	YTYI Sdn Bhd	Hotel operations	290
27	Chicken Cottage Global Ltd. **	Not yet commenced of operation	233
28	Chicken Cottage Holding Ltd. **	Investment holding	196
29	Husa Network Sdn Bhd	Operating of private radio station	162
30	TDMC Hospital Sdn Bhd	Specialist medical centre	161
31	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd	Trading and printing.	100
32	Pilihan Alam Jaya Sdn Bhd	investment holding	67
33	Golden Pharos Glass Sdn Bhd	Manufacturing and sales of glass.	66
34	Golden Pharos Fiber Sdn Bhd	Dormant	0.3
Total (RM)			188,133

NOTE CONVERSION:

** - 1 GBP : 5.2926 MYR

- 1 IDR : 0.000281 MYR

Lampiran B

Syarikat Rugi (Status syarikat: Aktif)

No.	Company	Principal activities	Profit/(loss) after tax (RM'000)
1	KMI Ambulatory Care Centre Sdn Bhd	Ambulatory care centre	-3
2	KMI Assets Sdn Bhd	Facility management and maintenance, assets management and real estates.	-53
3	Permint Plywood Sdn Bhd	Rental of building, plant and machinery, selling logs, sale of right to log, trading of woodchips and manufacture and sale of veneer.	-185
20	PT Sawit Rezki Abadi ##	Cultivating of oil palms, trading of palm oil and other related products.	-308
4	GPQ WM Premix Sdn Bhd	Manufacturing and sales of premix.	-516
5	Rakyat Ketengah Perwira Sdn Bhd	Processing of fresh fruit bunches into crude palm oil and palm kernels and palm shell.	-713
6	Eastern Pacific Marine Sevices Sdn Bhd	Services for rig stacking, shipyard support sevices and special periodic survey.	-1,182
7	Eastern Pacific Properties Sdn Bhd	Property managemant.	-1,266
8	KMI Tawau Medical Centre Sdn Bhd	Specialist medical centre	-1,487
9	Chicken Cottage (Distribution) Ltd. **	Serving its franchise in fast food wholesale business	-1,837
10	TI Hotels & Resort Management Sdn Bhd	Management services of operation of hotels	-1,945
11	Chicken Cottage Ltd. **	Serving its franchise in fast food wholesale business	-2,424
12	TDM Plantation Sdn Bhd	Management of oil palm plantation, processing and trading of palm oil and other related products.	-3,617
13	TDM Agrobiz Sdn Bhd	Manage and market all agro commodity business.	-4,076
14	Kelana Jaya Medical Centre Sdn Bhd	Specialist medical centre	-5,698
15	EPIC Oilfield Services Sdn Bhd	Treading and ancillary services, specialising in threading and cutting tubulars, casing and downhaul equipment.	-5,756
16	TDM-TY Plantation Sdn Bhd	Cultivating of oil plams, trading of palm oil and other related products.	-8,876
17	GPQ Sdn Bhd	Construction, quarry operation and property development.	-9,692
18	Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Clean water supply.	-9,743
19	TDM Berhad	Investment holding, provision management services and cultivation of oil palms.	-30,035
21	PT Rafi Kamajaya Abadi ##	Cultivating of oil palms, trading of palm oil and other related products.	-94,636
Total (RM)			-184,047

NOTE CONVERSION:

** - 1 GBP : 5.2926 MYR

- 1 IDR : 0.000281 MYR

Lampiran C

Syarikat Rugi (Status syarikat: belum beroperasi dan berstatus dormant)

No.	Company	Principal activities	Profit/(loss) after tax (RM'000)
1	CRR Development Sdn Bhd	Dormant	-1
2	Kemaman Capital Sdn Bhd	Dormant	-3
3	KMI Tunjong Medical Centre Sdn Bhd	Not yet commenced of operation	-3
4	KMI Chukai Medical Centre Sdn Bhd	Not yet commenced of operation	-3
5	GP Biomass Sdn Bhd	Dormant	-4
6	GP Tropical Furniture Sdn Bhd	Dormant	-5
7	Chicken Cottage IP Ltd. **	Not yet commenced of operation	-5
8	Terengganu Fabricators Sdn Bhd	Dormant	-7
9	Pemika Terengganu Sdn Bhd	Dormant	-7
10	KPK inland Port Sdn Bhd	Dormant	-7
11	GP Dynamic Venture Sdn Bhd	Dormant	-8
12	Eastern Pacific ICT Sdn Bhd	Dormant	-8
13	Cheneh Recreation & Resort Sdn Bhd	Dormant	-11
14	TI Petroleum Sdn Bhd	Not yet commenced of operation	-13
15	TI Silica Sdn Bhd	Not yet commenced of operation	-14
16	Eastern Pacific Offshore Fabrication Sdn Bhd	Dormant	-16
17	TI Infra Sdn Bhd	Not yet commenced of operation	-16
18	Permint Binabahan Sdn Bhd	Dormant	-24
19	Kumpulan Mediiman Sdn Bhd	Dormant	-31
20	Golden Pharos Overseas Sdn Bhd	Dormant	-43
21	TD Gabongan Sdn Bhd	Dormant	-50
22	TI Global Food Holdings Ltd.	Dormant	-59
23	Hartanah Terengganu Sdn Bhd	Dormant	-264
24	RB Plantation Sdn Bhd	Dormant	-492
25	Sensasi Wawasan Jaya Sdn Bhd	Dormant	-592
26	Chicken Cottage Stores Ltd. **	Not yet commenced of operation	-2,355
Total (RM)			-4,043

NOTE CONVERSION:

** - 1 GBP : 5.2926 MYR

- 1 IDR : 0.000281 MYR

Nota kaki: Syarikat Dormant bermaksud masih wujud namun tidak aktif menjalankan perniagaan atau belum beroperasi.

SOALAN 3 : Mohon jelaskan statistik pemilikan tanah oleh pelabur-pelabur daripada luar Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Berdasarkan rekod daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri, sebanyak 404 lot pemilikan tanah dalam kawasan perindustrian adalah daripada syarikat-syarikat luar Negeri Terengganu. Pecahan pemilikan tanah syarikat-syarikat luar Negeri Terengganu mengikut negeri adalah sebagaimana berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH
1.	Perlis	-
2.	Kedah	-
3.	Pulau Pinang	1
4.	Perak	3
5.	Selangor	299
6.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	55
7.	Negeri Sembilan	1
8.	Melaka	3
9.	Johor	4
10.	Pahang	24
11.	Kelantan	5
12.	Sarawak	9
13.	Sabah	-
	JUMLAH	404

SOALAN 4 : Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dalam menaik taraf mutu kehidupan orang asal di KOA Terengganu dan apakah usahasama yang dibuat dengan JAKOA?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peraturan yang sama terhadap Universiti dan Kolej Universiti dalam penganjuran program hiburan dalam premis kampus?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai peraturan yang sama terhadap terhadap universiti dan kolej universiti dalam penganjuran program hiburan dalam premis kampus. Antara peraturan yang telah diwartakan bagi mengawal selia dan menguatkuasa

aktiviti hiburan ialah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu sebagai panduan kepada setiap program yang dibuat di negeri ini termasuk dalam premis kampus.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
ADUN BULUH GADING

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pembangunan SRIDI dapat dibina di atas tanah sendiri di setiap kawasan DUN?

JAWAPAN : Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) bagi memastikan pembangunan SRIDI dapat dibina di atas tanah sendiri di setiap kawasan DUN ialah membuat permohonan satu cadangan tapak kekal kepada Pejabat Tanah setiap daerah untuk dijadikan penempatan kekal SRIDI di setiap Kawasan DUN. Selain itu, JPINT juga telah membuat permohonan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu bagi mendapatkan anggaran kos pembinaan bangunan kekal SRIDI. Dari segi perancangan pula, JPINT akan melaksanakan Bengkel Hala Tuju Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) tahun 2023 bagi membuat penyelarasan dan membentuk plan pembangunan SRIDI & SMIDI yang lebih tersusun dan terperinci mengikut kehendak organisasi pendidikan, jabatan dan pihak Kerajaan Negeri.

SOALAN 2 : Apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam pembinaan SMIDI sepanjang tempoh penggal Dewan Undangan Negeri ke 15 ini di setiap kawasan parlimen?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Islam Negeri (JPINT) telah membuat permohonan satu cadangan tapak kekal kepada Pejabat Tanah setiap daerah untuk dijadikan penempatan kekal SMIDI disetiap kawasan parlimen. Pada masa yang sama, jumlah SMIDI akan bertambah sebanyak 3 buah SMIDI pada tahun 2024 rentetan daripada transformasi Madrasah Moden Terengganu (MMT) kepada Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) yang menjadikan jumlah keseluruhan pengoperasian SMIDI sepanjang tempoh penggal Dewan Undangan Negeri Ke-15 ini ialah sebanyak 4 buah SMIDI iaitu SMIDI Dungun (sedang beroperasi), SMIDI Hulu Terengganu (transformasi daripada Madrasah Moden Terengganu Hulu Terengganu), SMIDI Kuala Nerus (transformasi daripada Madrasah Moden Terengganu Kuala Nerus), SMIDI Besut (transformasi daripada Madrasah Moden Terengganu Besut).

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4.

SOLAN-SOLAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI
ADUN KEMASIK

SOALAN 1 : Apakah segmen dan peluang keusahawanan yang perlu diceburi dan ditumpukan oleh para usahawan PMKS selaras dengan sasaran dan keperluan utama Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

Bil	SEGMENT PERNIAGAAN	PELUANG KEUSAHAWANAN
1	Perkhidmatan & Perdagangan	(Agen Produk/Dropship/Perdagangan Runcit/ Kurier/Pengedaran, Logistik/Pendidikan, Taska & Profesional/Bengkel Kenderaan & Elektrik/Hardware & Pembinaan)
2	Industri Makanan & Asas Tani	(Makanan & Minuman/ Kedai Makan, Katering)
3	Tekstil Dan Kraf	(Batik, Songket & Kraf/Pakaian & Kasut)
4	Industri Kreatif & Digital	(Percetakan / Grafik Design / Fotografi / Perisian Komputer/ Kayu, Perabot & Bot / Youtuber / Influencer / Instafamous)
5	Perkilangan & Pembuatan	(Peralatan Mesin & Kejuruteraan/Aluminium & Logam/ Lain-lain Aktiviti Pembuatan)
6	Penjagaan Diri & Kosmetik	(Produk Kesihatan/Butik, Spa dan Salon/ Tukang Gunting)
7	Pelancongan	(Hotel & Homestay/Agen Pelancongan/ Pemandu Pelancong)

Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu akan sejajar dengan beberapa fokus Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam pembangunan usahawan.

Fokus tersebut ialah bagi meningkatkan penyertaan perusahaan, mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam sektor bernilai tinggi bagi menembusi pasaran global, menumpukan pengukuhan kemampuan PMKS dan koperasi bagi meningkatkan daya saing ekonomi.

Fokus itu termasuk memperkasakan perusahaan mikro bagi menjamin kelangsungan perniagaan, memperhebatkan keupayaan gerakan koperasi dalam rantaian bekalan dan memperkukuh ekosistem keusahawan sosial bagi menormalkan impak sosial. Usahawan juga digalakkan untuk mendigitalkan perniagaan masing-masing bagi kelangsungan perniagaan di zaman yang semakin mencabar ini.

SOALAN 2 : Berapakah bilangan usahawan PMKS yang mendapat pinjaman dan geran daripada Kerajaan Negeri dan apakah pecahan segmen perniagaannya?

JAWAPAN : Bilangan usahawan PMKS yang mendapat pinjaman dan geran daripada Kerajaan adalah sebanyak 4959 Usahawan dan pecahan segmen perniagaan sebagaimana berikut:-

- i) Perkhidmatan & Perdagangan
- ii) Industri Makanan & Asas Tani
- iii) Tekstil Dan Kraf
- iv) Industri Kreatif & Digital
- v) Perkilangan & Pembuatan
- vi) Penjagaan Diri & Kosmetik
- vii) Pelancongan

Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) telah dilancarkan pada tahun 2019 dimana YPU menawarkan skim pembiayaan No-RIBA di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS).

Bermula tahun 2019 sehingga Oktober 2023, jumlah penerima bantuan pembiayaan melalui Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) ialah sebanyak RM26,744,820.87 yang melibatkan seramai 4959 usahawan dan peniaga kecil sebagaimana perincian berikut :-

Bil	Tahun Kelulusan	Jumlah Peruntukan Diterima (RM)	Jumlah Pengeluaran (RM)	Jumlah Usahawan
1	2019	3,200,000.00	3,933,081.67	446
2	2020	5,000,000.00	6,137,058.24	471
3	2021	5,000,000.00	4,026,384.00	482
4	2022	5,000,000.00	5,407,217.60	2002
5	2023	1,000,000.00	7,241,079.36	1558
Jumlah keseluruhan		19,200,000.00	26,744,820.87	4959

Berdasarkan bilangan usahawan yang telah menerima Pembiayaan di bawah TUGAS, pecahan segmen perniagaan yang dijalankan oleh peminjam adalah sebagaimana pecahan berikut:-

Bil	SEGMENT PERNIAGAAN	JUMLAH PEMINJAM	PERATUS PECAHAN (%)
1	Industri Makanan & Asas Tani	2658	54 %
2	Industri Perkhidmatan & Perdagangan	1525	31 %
3	Tekstil Dan Kraf	325	6.5 %
4	Penjagaan Diri & Kosmetik	271	5 %
5	Perkilangan & Pembuatan	100	2 %
6	Industri Kreatif & Digital	69	1 %
7	Pelancongan	11	0.5 %
Jumlah Keseluruhan		4959	100 %

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD NOOR
ADUN LADANG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pesakit yang menerima manfaat daripada pelaksanaan Wad Kelas Ketiga? Berapakah pecahan pesakit mengikut hospital?

JAWAPAN : Jumlah pesakit yang menerima manfaat daripada pelaksanaan Wad kelas Ketiga dari 01 Januari 2023 sehingga 31 Oktober 2023 adalah seperti di bawah iaitu:

HSNZ – 38,693 orang
Hospital Kemaman – 8,280 orang
Hospital Dungun – 5,550 orang
Hospital besut – 4017 orang
Hospital Hulu Terengganu - 3210 orang
Hospital Setiu – 3427 orang

Ini menjadikan keseluruhan pesakit yang menerima manfaat pada tahun 2023 adalah seramai 63,187 orang.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah bot laut dalam yang didaftarkan di Terengganu dan berapakah yang masih aktif mendaratkan hasil tangkapan di Negeri Terengganu?

JAWAPAN Sebanyak 46 buah vesel bot laut dalam (vesel zon C2) berdaftar di Terengganu dan mempunyai lesen vesel serta peralatan menangkap ikan yang masih aktif bagi membolehkan aktiviti tangkapan ikan berjalan di samping mendaratkan hasil tangkapan di pelabuhan/jeti yang dibenarkan.

SOALAN 3 : Berapakah peratus anggaran keluasan tanah yang telah dimajukan dan apakah Kerajaan Negeri melihat agihan lot tanah RTB Pertanian ini telah berjaya meningkatkan sosioekonomi rakyat?

JAWAPAN **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG
ADUN PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Berapakah keluasan ladang Felda tanpa peneroka yang diuruskan oleh FGV dan apakah Kerajaan Negeri mempunyai perjanjian tertentu dengan pihak Felda bagi melindungi kepentingan Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Keluasan ladang FELDA yang diuruskan oleh FGV adalah sebanyak 13,167.92 hektar.

Bermula daripada tanah-tanah ini diusahakan oleh FELDA sekitar 1985 sehingga hari ini, belum ada apa-apa perjanjian di antara pihak FELDA dengan Kerajaan Negeri. Namun perkara ini dalam tindakan oleh Kerajaan Negeri memandangkan tanah-tanah yang diusahakan oleh pihak FELDA masih belum diberi hakmilik dengan syarat satu perjanjian perkongsian keuntungan dapat dipersetujui bersama.

SOALAN 2 : Apa perancangan dasar pertanian Terengganu dalam tempoh mendatang selepas selesai Pelan Strategik Pertanian 2019-2023?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah status kawasan perdagangan bebas di Teluk Kalong Kemaman sehingga kini?

JAWAPAN : 1. Berdasarkan kajian di antara EPIC Berhad dan PMINT, data-data menunjukkan kekurangan potensi daripada pihak pelabur (dalam dan luar negara). Di samping itu, satu peruntukan bajet yang besar diperlukan bagi proses pembangunan untuk menjadikan kawasan-kawasan yang dicadangkan tersebut lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain yang bersesuaian dengan industri.

2. Kajian awal yang dijalankan tersebut bagi mengenal pasti lokasi dan jenis industri yang sesuai dan pelabur yang berpotensi. Maklum balas awal daripada beberapa syarikat pelabur yang membuat pertanyaan, mereka lebih memilih kaedah atau kemudahan gudang pengilangan berlesen (*licence manufacturing warehouse – lmw*) atau pun dikenali dengan nama '*bonded warehous*' seperti di kebanyakan tempat seperti di Kawasan Industri Bandar Baru Bangi, Batu Kawan dan Kulim Hi-Tech Park.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG AMAT BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT
ADUN SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Berapakah jumlah syarikat - syarikat milik Kerajaan Negeri samada di bawah TI, yayasan-yayasan negeri dan PMINT? Berapakah syarikat yang untung dan berapakah syarikat yang rugi?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT MOHD YUSOP BIN MAJID
ADUN PERMAISURI

SOALAN 1 : Berapakah dapatan Kerajaan Negeri sepanjang 2022 dan 2023 melalui sumber-sumber asli dengan menyatakan jenis-jenis sumber tersebut?

JAWAPAN : Hasil yang diterima Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang 2022 dan 2023 melalui sumber-sumber asli adalah sebagaimana berikut:

JENIS PENDAPATAN	2022	2023 (Sehingga Oktober)
Sumber Mineral	10,925,364.79	14,712,175.15
Sumber Air	26,250,330	-
JUMLAH (RM)	10,925,364.79	14,712,175.15

SOALAN 2 : Apakah rancangan jangka pendek yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui pelbagai sektor agar sumber-sumber asli Negeri Terengganu diproses terlebih dahulu menjadi barangan sebelum dieksport ke pasaran bebas?

JAWAPAN : Rancangan jangka pendek yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui pelbagai sektor untuk memproses sumber asli negeri menjadi barangan sebelum dieksport ke pasaran bebas lazimnya

bergantung kepada dasar dan sumber yang ada. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa rancangan dan strategi khusus boleh berbeza dengan ketara berdasarkan sumber negeri, matlamat ekonomi dan keutamaan politik. Walau bagaimanapun, berikut adalah beberapa strategi yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan:

i. Pembangunan Infrastruktur

Kerajaan telah melabur dalam projek pembangunan infrastruktur seperti membina jalan raya, pelabuhan, dan kereta api untuk memudahkan pengangkutan sumber asli ke pusat pemrosesan atau kemudahan pembuatan.

ii. Pelaburan dalam Industri Pemrosesan

Menggalakkan dan menyokong penubuhan industri pemrosesan dalam negeri. Ini melibatkan pemberian insentif kewangan, faedah cukai atau pinjaman dengan faedah rendah untuk menarik perniagaan swasta melabur dalam kemudahan pembuatan yang memproses bahan mentah menjadi barang siap.

iii. Penyelidikan dan Pembangunan

Memperuntukkan dana untuk inisiatif penyelidikan dan pembangunan untuk menaik taraf dan mempelbagaikan teknologi pemrosesan yang digunakan dalam pelbagai sektor. Ini boleh membawa kepada peningkatan kecekapan, pengurangan sisa dan produk nilai tambah yang lebih tinggi.

iv. Pembangunan Kemahiran dan Pendidikan

Pelaburan dalam program latihan dan inisiatif pendidikan untuk membangunkan tenaga kerja mahir yang mampu bekerja dalam industri pemprosesan. Ini akan melibatkan kerjasama dengan institut vokasional, universiti atau persatuan industri untuk mereka bentuk program latihan khusus.

v. Rangka Kerja Kawal Selia

Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan peraturan dan dasar yang menggalakkan pemprosesan sumber asli tempatan. Ini termasuk insentif untuk penyumberan tempatan, undang-undang eksport yang lebih ketat atau tarif import ke atas bahan mentah untuk menggalakkan penambahan nilai dalam negeri.

vi. Pemasaran dan Promosi

Mempromosikan secara aktif barangan diproses yang dihasilkan dalam negeri melalui kempen pengiklanan, pameran perdagangan dan insentif untuk perniagaan menyertai pameran antarabangsa untuk menarik pembeli dan meluaskan pasaran eksport.

vii. Kerjasama dengan Sektor Swasta

Kerajaan akan bekerjasama dengan industri sektor swasta untuk mengenal pasti peluang penambahan nilai dan menggalakkan mereka menubuhkan kilang pemprosesan. Perkongsian awam-swasta dan usaha sama boleh memudahkan kerjasama ini.

SOALAN 3 : Apakah usaha-usaha atau pelan tindakan yang telah dan akan dibuat oleh pentadbiran Kerajaan Negeri bagi membina perpaduan tanpa batasan kaum, rakan seagama dan sebangsa di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan telah melancarkan Dasar Perpaduan Negara berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang menggariskan usaha berterusan untuk memupuk, menguku dan memelihara perpaduan dalam Masyarakat. Tiga objektif yang ditetapkan adalah mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara.

Selain itu, untuk melahirkan rakyat yang menghargai serta mengamalkan perpaduan, dasar ini akan membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab.

Bagi memastikan objektif tersebut tercapai, sokongan padu dan kerjasama penuh daripada semua pihak terutamanya penggerak perpaduan yang terdiri daripada badan bukan Kerajaan seperti Rukun Tetangga, persatuan penduduk, persatuan belia, pihak swasta serta pemegang taruh berkaitan adalah sangat penting.

Di Negeri Terengganu kita mempunyai Sekretariat Rukun Negara di IPTA/IPTS sebanyak 12 buah dan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah sebanyak 449 buah sekolah. Program-program yang telah dilaksanakan seperti Kenali Budaya Kita, Pesta Pantun Perpaduan, Pertandingan lagu-lagu patriotik dan sebagainya.

Kerajaan juga telah melaksanakan Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri pada 25-27 Mei 2023, bertempat di Dataran Arena Square Dungun Terengganu yang mana banyak acara yang telah dipertandingkan dengan penyertaan penduduk dari pelbagai kaum dan keturunan telah hadir.

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada 16 September 2023, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Terengganu telah mengadakan pertandingan Sajak Perpaduan, Pidato Perpaduan dan lain-lain aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum bertempat di Mydin Mall Gong Badak.

Di bawah JPNIN juga terdapat sebanyak 72 Kelas Tabika Perpaduan dan 2 Kelas Taska Perpaduan yang mana kanak-kanak yang belajar di sini berumur 5 dan 6 tahun dari pelbagai kaum.

Bagi memastikan perpaduan terus diperkukuhkan JPNIN mempunyai 519 Rukun Tetangga di seluruh Negeri Terengganu dan bilangan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sebanyak 466. Mereka melaksanakan pelbagai program bagi mengukuhkan perpaduan, mempertingkatkan semangat muhibah dan kerjasama antara satu sama lain seperti program jom kacau bubuk lambuk, gotong-royong membersihkan kawasan, jamuan majlis Hari Raya, rondaan keselamatan dan sebagainya.

SOALAN 4 : Bilakah akan dibina bangunan dan Pejabat Mahkamah Syar'iah sehingga tidak lagi perlu menyewa mana-mana premis yang berderetan atau bersebelahan lot-lot bangunan yang lain demi keselamatan dan kemuliaan institusi Mahkamah Syar'iah?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke hari ini terdapat satu (1) Mahkamah Syariah yang menyewa premis bangunan lot kedai untuk dijadikan bangunan fizikal Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu manakala dua (2) bangunan fizikal bagi Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu dan Mahkamah Rendah Syariah Kuala Nerus adalah menumpang di premis utama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu (JKSTR). Secara keseluruhannya terdapat tiga (3) buah pembangunan fizikal yang perlu bagi bangunan dan pejabat Mahkamah Syariah. Penambahbaikan bangunan fizikal dan kemudahan juga diperlukan di seluruh Mahkamah Rendah Syariah Daerah yang lain merangkumi Mahkamah Rendah Syariah Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang dan Besut

Di dalam pembentangan belanjawan 2022 yang lalu, YAB Menteri Besar telah menyatakan sokongan beliau terhadap pengukuhan Institusi Kehakiman Syariah di Negeri Terengganu antaranya adalah dengan memulakan kerja-kerja pembinaan Mahkamah Tinggi/Rendah Syariah Daerah Kemaman dan juga memulakan aktiviti perancangan dan perolehan bagi pembinaan bangunan baharu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu.

Bagi Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, permohonan cadangan tapak telah di angkat kepada pihak UPEN untuk pertimbangan. Tanah

tersebut berkeluasan 4.175 ekar dan terletak di kawasan pembangunan Bandar Baru Bukit Besar, Kuala Terengganu

Manakala cadangan tapak pembangunan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Nerus adalah di kawasan Bandar Baru Kuala Nerus, bersebelahan Masjid Bandar Baru Kuala Nerus seluas dua (2) ekar.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan peka terhadap institusi Mahkamah Syariah tertutamanya melibatkan keadaan fasiliti yang perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa dalam usaha merealisasikan agenda pemerkasaan syariah di negeri ini agar fungsinya yang sebenar dapat dijalankan dengan baik dan lancar seterusnya menjamin keselamatan dan menjaga kemuliaan Institusi Mahkamah Syariah negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 NOVEMBER 2023 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN
ADUN HULU BESUT

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penerima Bantuan Am Bulanan JKM dan MAIDAM untuk DUN Hulu Besut dari Tahun 2018 hingga kini?

JAWAPAN : Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran yang kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan yang berterusan. Salah satu perkhidmatan yang disediakan adalah bantuan kewangan yang merupakan pemberian wang tunai secara bulanan dan *one-off* kepada individu/ keluarga yang berkelayakan dengan tujuan:

- i) Memenuhi keperluan asas bagi meringankan bebanan penerima bantuan.
- ii) Sebagai alat sokongan sosial untuk menilai kemampuan penerima bantuan ke arah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan.
- iii) Alat pemulihan agar penerima bantuan terus kekal tinggal bersama keluarga dan komuniti/masyarakat.

- iv) Sumber kewangan sementara penerima bantuan meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup.

Walau bagaimanapun, bantuan ini adalah bersifat sementara sahaja sehingga mereka pulih dan boleh berdikari ataupun bersifat kekal bagi kes yang tidak lagi produktif.

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN AM
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI TERENGGANU DARI
TAHUN 2018 SEHINGGA NOVEMBER 2023**

KAWASAN	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA BANTUAN AM BAGI DUN HULU BESUT					
		2018	2019	2020	2021	2022	2023
DUN HULU BESUT	BANTUAN AM	456	438	432	437	402	465

JUMLAH PENERIMA BANTUAN BULANAN MAIDAM BAGI DUN HULU BESUT

TAHUN	PENERIMA
2018	48
2019	47
2020	41
2021	39
2022	37
2023	32

SOALAN 2 : Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat di Negeri Terengganu yang mana mutakhir ini kita lihat ramai anak muda dan remaja yang tiada pekerjaan tetap untuk menyara kehidupan keluarga mereka?

JAWAPAN : Kerajaan negeri sentiasa berusaha membantu rakyat negeri ini mendapatkan pekerjaan, antara langkah yang dijalankan ialah;

- a) **Melaksanakan Program Pemadanan Pekerjaan di peringkat Daerah** melalui program Karnival Kerjaya, siri Outreach Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat di daerah dan penglibatan dalam program-program lain.
- b) **Menggalakkan pekerja dalam Sektor Tidak Formal (Gig)** supaya menyertai pekerjaan sepenuh masa. Melalui kerjasama PERKESO, UPNT berusaha menyalurkan dana latihan
- c) **Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal** untuk pekerja gig menjalani program peningkatan kemahiran *micro credentials* sehingga RM4,000. Di samping itu elaun RM300 selama tiga bulan disediakan.
- d) **Program Persijilan Rakyat melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).** Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan satu kaedah bagi mengiktiraf individu yang boleh membuktikan pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki memenuhi keterampilan seperti yang digariskan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / National Occupational Skill Standard (NOSS).

SOALAN 3 : Apakah status sebenar kemajuan projek perumahan RMM Bukit Cina yang mana dilihat seolah-olah projek ini terbengkalai?

JAWAPAN : Projek ini menyediakan RMM jenis A sebanyak 68 unit dan RMM Jenis B sebanyak 280 unit dan disertakan 8 unit rumah kedai.

Laporan kemajuan terkini semasa projek pembinaan Rumah Mampu Milik dan bercampur (RMM) Kg. Bukit Cina Hulu Besut sehingga November 2023 adalah 25.5% berbanding dengan kemajuan jadual yang sepatutnya iaitu 80% meliputi kerja-kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur serta kerja-kerja pemasangan paip IWK ke setiap unit. Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada 20 Ogos 2024 setelah mendapat lanjutan tempoh masa (EOT) kali pertama.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 NOVEMBER HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI
ADUN RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan perkembangan ekonomi digital di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : 1. Perkhidmatan *End to End*

- Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan peratusan perkhidmatan kerajaan secara atas talian dari peringkat awal hingga ke akhir (*end-to-end (e2e)*).
- Sehingga November 2023, sebanyak 66.61% perkhidmatan kerajaan telah mencapai tahap e2e sepenuhnya.

Jumlah Perkhidmatan	Jumlah Agensi	Jumlah E2E
1746	40 jabatan	1163

2. Pembayaran Tanpa Tunai (TerengganuPay)

- Pembayaran tanpa tunai melalui gerbang pembayaran TerengganuPay.

- Pelaksanaan TerengganuPay bermula tahun 2020.
- Terdapat 5 perkhidmatan kerajaan telah menggunakan TerengganuPay sebagai medium pembayaran iaitu :
 - i. Pembayaran Cukai Tanah PTG
 - ii. Pinjaman Pendidikan Yayasan Terengganu
 - iii. Cukai Taksiran MBKT
 - iv. Dana Masjid JHEAT
 - v. Bayaran Fidyah MAIDAM.

SOALAN 2 : Apakah halatuju atau perancangan State Government 4 (SG 4) bagi sektor pelancongan di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : 1. Kerajaan Negeri Terengganu telah memulakan perbincangan bagi pelaksanaan Program Pemerksaan Sektor Pelancongan SG4 telah diadakan pada 07 dan 08 Oktober 2023 bertempat di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu melibatkan EXCO Pelancongan dan Kebudayaan serta barisan pegawai yang menguruskan sektor pelancongan di Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis.

2. Pelaksanaan pemerksaan sektor pelancongan dan budaya SG4 akan digerakkan oleh Jawatankuasa Kerja Pelaksana yang terdiri daripada ahli keempat-empat negeri seperti EXCO Pelancongan dan Kebudayaan, barisan pegawai dan entiti yang menguruskan sektor pelancongan di setiap negeri.

3. Antara halatuju atau perancangan *'State-*

Government 4' (SG4) bagi Sektor Pelancongan di Negeri Terengganu yang telah dipersetujui dalam sesi perbincangan tersebut adalah:

- 3.1. Memperkasakan aktiviti/ program silang budaya di antara negeri seperti mengadakan Program Kesenian dan Kebudayaan dengan memaparkan kepelbagaian makanan tradisional, permainan tradisi, muzik, tarian, kraftangan tempatan dan lain-lain. Melalui program dan aktiviti seni, budaya dan warisan, masyarakat dapat memahami, menghayati dan menghargai seni, budaya dan warisan pelbagai di negeri SG4.
- 3.2. Pertukaran billboard (*billboard exchange*) secara statik dan digital melibatkan promosi produk-produk pelancongan utama atau *highlights* bagi menonjolkan keunikan dan kepelbagaian sumber pelancongan negeri-negeri SG4.
- 3.3. Mengadakan kempen promosi Jelajah Beautiful Terengganu ke negeri-negeri SG4 dengan membawa bersama pakej, perkhidmatan pelancongan (tour operators, ejen, pengusaha industri), produk IKS dan pelbagai tarikan pelancongan negeri sebagai usaha merencanakan lagi promosi Terengganu di negeri-negeri SG4.
- 3.4. Penganjuran program atau acara silang budaya SG4 (*cross culture event*) melibatkan seni, budaya ataupun

makanan tradisi di dalam program-program yang berskala besar di setiap negeri, seperti contoh: Karnival Kebudayaan dan Kesenian Melayu, dan Festival Dunia Seni Silat Alam Melayu.

3.5. Program pemerksaan promosi Geopark SG4 melibatkan penganjuran acara seperti Kempen Kenali Geopark dan *Geotourism – Discover SG4 Geopark’s Hidden Treasures*.

3.6. Penghasilan video pendek pelancongan yang berdurasi kurang daripada tiga (3) minit yang dipaparkan melalui digital billboard ataupun platform media sosial masing-masing.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan Dana Putera bagi tahun 2024 di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU)?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

SOALAN 4 : Terengganu pernah menjadi sejarah dengan pendaratan penyu belimbing di Rantau Abang. Apakah usaha daripada Kerajaan Negeri untuk memelihara populasi penyu di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Sejak tahun 1961, pengurusan dan pemuliharaan penyu telah dijalankan di Terengganu oleh Jabatan Perikanan. Antara usaha yang telah dilaksanakan untuk melindungi dan memulihara penyu di

Terengganu adalah:

1. **Mengenalpasti dan melindungi pantai pendaratan penyu.**

Sebanyak 54 kawasan pantai dan pulau-pulau di negeri ini telah dikenalpasti sebagai lokasi pendaratan penyu. Jabatan Perikanan bertanggungjawab mengurus dan menyelia sepenuhnya pantai yang mempunyai pendaratan penyu yang tinggi bagi tujuan pengeraman dan penetasan anak penyu. Hampir 80% dari pendaratan penyu tahunan merupakan pendaratan yang direkodkan di pantai seliaan Jabatan Perikanan.

BIL. KAWASAN	STATUS	CATATAN
2	Santuari Penyu i) Santuari Penyu Rantau Abang, Dungun. ii) Santuari Penyu Ma'Daerah, Kerteh	Diwartakan di bawah Enakmen Penyu 1951 (Seksyen 3A) (Jagaan penuh Jabatan Perikanan) Diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara (Seksyen 62) (Jagaan penuh Jabatan Perikanan)
9	Warta Negeri	Diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara (Seksyen 62) (Jagaan penuh Jabatan Perikanan)
1	Warta Taman Laut	Kawasan jagaan penuh Jabatan Perikanan
7	Rezab Jabatan Perikanan	Kawasan jagaan penuh Jabatan Perikanan
35	Pantai Pajakan Penyu	Tender pajakan dikeluarkan kepada individu yang berminat.

2. Pindaan undang-undang berkaitan penyu di bawah Enakmen Penyu 1951.

Pindaan enakmen telah dibuat sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1987, 1989 dan terbaru pada tahun 2021 yang melibatkan larangan milikan semua jenis telur penyu di Terengganu dan boleh dikenakan denda sebanyak RM50,000.00 sehingga RM 250,000.00 atau penjara tidak kurang setahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

3. Menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak universiti tempatan, syarikat swasta, pengusaha resort dan pengusaha chalet.

BIL	DAERAH	AGENSI/NGO/SWASTA	LOKASI TERLIBAT	STATUS
1	Dungun / Kemaman	Lang Tengah Turtle Watch (LTTW)	Tahu Tiga (Dungun), Tanjong Jara (Dungun), Cakar Hutan (Kerteh)	Rezab DOF
2	Setiu / Kemaman	WWF Malaysia	Telaga Papan 1 (Setiu), Telaga Papan 2 (Setiu), Kuala Baharu Selatan (Setiu), Kerteh (Kemaman)	Rezab DOF
3	Marang	Kapas Turtle Community Project	Pulau Kapas & Pulau Gemia	Rezab DOF
4	Kuala Terengganu	Lang Tengah Turtle Watch (LTTW)	Pulau Lang Tengah	Kawasan Persendirian
5		SEATRU (UMT)	Chagar Hutang (Pulau Redang)	Warta Negeri
6	Besut	Bubble Dive Resort	Tanjung Tukas	Warta Negeri

7	Setiu	Terengganu Silica Consortium	Bari Kecil	Kawasan Persendirian
8	Kemaman	Syarikat Ineos-PCG Acetyl	Pusat Santuari Penyu Ma'Daerah, Kerteh	Warta Negeri
9	Kemaman	Resort World Kijal	Resort World Kijal	Kawasan Persendirian

SOALAN 5 : Pihak Kerajaan telah dilihat serius dengan program melabuhkan tukun dan unjam di laut. Apakah usaha ini memberi kesan positif kepada peningkatan hasil para nelayan?

JAWAPAN :

1. Kerajaan akan sentiasa melakukan penilaian terhadap kesemua projek atau program pembangunan yang akan memberi manfaat kepada rakyat.
2. Usaha Kerajaan dalam program melabuhkan tukun dan unjam di laut memberi kesan positif kepada nelayan dengan rekod pendaratan hasil tangkapan mengikut zon dari tahun 2020 sehingga tahun 2022 sebagaimana berikut:-

		TAHUN (MT)		
Daerah	Zon	2020	2021	2022
Besut	Zon A	5,919.61	2,060.87	1,870.11
	Zon B	713.79	385.25	473.79
Dungun	Zon A	1,970.98	1,762.09	2,719.30
	Zon B	419.66	462.92	482.67
Kuala Terengganu	Zon A	2,955.48	3,667.73	4,235.85
	Zon B	5,820.68	5,100.68	3,932.38
Kuala Nerus	Zon A	1,925.25	2,361.34	2,132.51

	Zon B	353.81	0.00	0.00
Kemaman	Zon A	1,084.92	2,491.66	2,718.50
	Zon B	575.11	459.76	227.91
Marang	Zon A	1,716.29	2,188.71	2,726.65
	Zon B	704.52	662.14	1,378.02
Setiu	Zon A	1,693.59	1,867.57	1,505.38
	Zon B	202.62	373.32	269.74
JUMLAH		26,036.51	23,844.04	24,672.81

3. Bagi tahun 2023, jumlah pendaratan yang direkodkan sehingga Julai 2023 adalah sebanyak 26,575.27MT dengan rekod pendaratan bagi Zon A sebanyak 13,876.51MT dan Zon B sebanyak 4,601.22MT.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL
ADUN BATU RAKIT

SOALAN 1 : Berapakah jumlah bilangan penguatkuasa syariah yang ada sekarang dan apakah status permohonan sukarelawan penguatkuasa syariah yang sudah dihantar ke JHEAT untuk penilaian?

JAWAPAN : Jumlah anggota **Pegawai Penguatkuasa Syariah (PPS)** seluruh Negeri Terengganu seramai **101 orang** manakala **Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela) (PPS)** sedia ada bagi seluruh Negeri Terengganu seramai **75 orang**.

Jumlah permohonan Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela) adalah sebanyak 47 orang pada tahun 2020, telah diangkat kepada Mesyuarat MAIDAM. Selari dengan keputusan yang telah diputuskan berdasarkan kepada nasihat dan pandangan pejabat penasihat undang-undang;

- a. Permohonan perlu mendapat pandangan Y.B. Penasihat Undang-Undang berkaitan cadangan pelantikan Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela){Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Kali Pertama 2020}.
- b. Calon mestilah melalui tapisan keselamatan

sebelum diangkat cadangan kepada MAIDAM {Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Kali Pertama 2020}

- c. Menyediakan Garis Panduan pelantikan Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela) termasuk kriteria calon (umur, kesihatan, kecergasan dan lain-lain yang berkaitan) {Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Kali Pertama 2020}.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Kali Ketiga 16 Disember 2020, Mesyuarat berpandangan cadangan pelantikan Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela) adalah tidak sesuai berdasarkan pandangan dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu. Berkaitan status permohonan Pegawai Penguatkuasa Syariah (Sukarela) kesemua permohonan yang diangkat telah ditawakufkan.

SOALAN 2 : Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membina surau yang selesa, tandas kekal dan memperbanyakkan tong sampah bagi menampung fasiliti yang sudah tersedia ada di sekitar Jambatan Angkat@Drawbridge Seberang Takir.

JAWAPAN : Komponen tandas dan surau telah dimasukkan dalam projek membina dan menyiapkan Medan Selera Tanjung yang dijangka siap April 2024. Tandas dan surau ini boleh digunakan oleh penganjur program sekitar *Drawbridge*.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF
ADUN LANGKAP

SOALAN 1 : Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaiktaraf melebarkan jalan Kampung Bukit ke Bukit Aman yang sempit dan berliku-liku?

JAWAPAN : Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menaik taraf atau melebarkan jalan dari Kg. Bukit ke Bukit Aman. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengambil maklum berkenaan cadangan menaiktaraf melebarkan jalan tersebut dan mengesyorkan perkara ini kepada pihak UPEN untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN 2 : Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memajukan Kawasan Perindustrian Sungai Bari memandangkan projek ECRL bakal siap pada tahun 2027?

JAWAPAN : Kawasan Perindustrian Sg. Bari adalah salah satu daripada 26 kawasan perindustrian yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) bagi tujuan pembangunan dan pengurusan kawasan industri di Terengganu sebagaimana keputusan MMKN Kali Ke-22 Tahun 2020 pada 29 Julai 2020.

Keluasan Kawasan Perindustrian Sg. Bari di bawah pengurusan oleh PMINT yang tersedia bagi pajakan kepada pelabur adalah berjumlah 130.71 ekar dengan tumpuan sektor industri di kawasan terbabit adalah lebih kepada sektor umum dan industri kecil dan sederhana (IKS).

PMINT akan menawarkan pajakan tanah industri kepada pelabur yang berpotensi untuk pajakan 30 tahun dengan pilihan lanjutan tempoh pajakan pada masa akan datang bagi tujuan pembangunan oleh pihak pelabur.

Pembangunan sediada di kawasan terbabit adalah melibatkan pembangunan Ladang Solar berkeluasan 20 ekar oleh Synergy Generated Sdn. Bhd. yang beroperasi sejak 28 November 2014.

Tindakan yang dilaksanakan oleh PMINT adalah dengan melaksanakan kaedah promosi secara digital bagi menarik minat pelabur untuk pajak tanah di kawasan tersebut.

ECRL - Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) ECRL terdekat dengan Kawasan Perindustrian Sg. Bari iaitu di Stesen Bandar Permaisuri diharap mampu menjadi pemangkin dan tarikan kepada pelabur bagi memajak dan melabur di Kawasan Perindustrian Sg. Bari.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah hasil padi (Tan) yang dapat diperolehi di Kawasan padi Kampung Jelapang bagi tahun 2021, 2022 dan 2023? Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi hasil padi di Kawasan tersebut?

JAWAPAN : 1. Hasil pengeluaran padi di Kg. Jelapang (Skim Jelapang), Setiu dari tahun 2021-2023 adalah sebagaimana berikut :

Tahun	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (Mt)	Purata Hasil (Mt/ha)
2021	335	670	2.0
2022	155	279	1.8
2023	335	737	2.3

2. Bagi peningkatan hasil pengeluaran padi Kg Jelapang, beberapa tindakan telah dan sedang dilaksanakan iaitu:
 - a. Meningkatkan kesuburan tanah melalui program pengapuran dan perataan.
 - b. Menaiktaraf sistem pengairan bagi Skim Jelapang.
3. Selain itu, Kerajaan Negeri Terengganu turut meluluskan seluas 50 ekar kawasan padi di Kg Jelapang kepada pelabur tempatan bagi mengusahakan penanaman padi dalam usaha meningkatkan keluasan bertanam seterusnya bakal meningkatkan pengeluaran padi khususnya dalam Skim Jelapang dan negeri Terengganu amnya.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YB MOHD HAFIZ BIN ADAM
ADUN AIR PUTIH

SOALAN 1 : Sejauh manakah pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) berusaha meminimalkan permasalahan jalanraya yang rosak dan berlubang?

JAWAPAN : SOP dan KPI yang digunakan adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam arahan teknik JKR yang sentiasa dinaik taraf dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri melalui Pihak PBT dan JKR sentiasa berusaha meminimalkan masalah jalan-jalan yang rosak dan berlubang melalui siasatan aduan-aduan yang diterima dan lawatan ke kawasan penyeliaan milik PBT dan JKR. Kerajaan Negeri juga telah melakukan langkah penambakan dengan melantik konsesi bagi melaksanakan kerja pembaikan terutama pothole dan jalan rosak bagi pembaikan segera. Antara konsesi yang sedang digunakan adalah Permint Granite HCM Sdn Bhd dan dipantau oleh pihak PBT serta Pejabat Daerah manakala bagi jalan negeri, pihak JKR telah melantik konsesi Sasoakai Resources Sdn Bhd. Pelantikan ini bagi memastikan kerja yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan sebagaimana kontrak yang telah dipersetujui oleh pihak kerajaan dan pihak konsesi. Pihak PBT dan JKR juga sentiasa komited dalam memastikan jalanraya di

bawah seliaannya dalam keadaan selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sepanjang tahun.

SOALAN 2 : Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan institusi masjid dan peranannya?

JAWAPAN : Pemerkasaan institusi masjid telah diambil perhatian oleh pihak kerajaan dengan mengadakan kempen 'Bulan Penghayatan Solat' yang diadakan sepanjang bulan Rejab 1444H yang lepas. Selain itu juga, melalui isi teks khutbah juga berperanan dalam menyampaikan segala pesanan-pesanan dalam membentuk pembangunan fizikal dan pembangunan rohani seperti khutbah yang bertajuk 'Sakhshiah Remaja Muslim', 'Adab Pengimarahannya Masjid', 'Amaran Terhadap Orang Yang Mangabaikan Solat' dan lain-lain yang dibaca pada tahun 2023.

SOALAN 3 : Apakah Kerajaan Negeri bercadang secara proaktif untuk menyiapkan bekalan air berskala besar di Kawasan industri baru seperti Cheneh?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf perkhidmatan bekalan air di kawasan industri baru Cheneh dengan membuat permohonan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) - Rolling Plan 4 (RP4) bagi cadangan menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Cerul dengan tambahan kapasiti pengeluaran sebanyak 6 Juta Liter Sehari (JLH) daripada kapasiti asal iaitu 14 JLH. Namun begitu, permohonan ini telah ditolak kerana kelulusan peruntukan diberi keutamaan bagi menaik taraf LRA Hulu Terengganu terlebih

dahulu. Justeru, permohonan menaik taraf LRA Cerul akan dikemukakan semula melalui RMK-12 RP5.

SOALAN 4 : Apakah perancangan awal pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan stesen ECRL di Chukai berkembang sebagai satu kawasan baru dengan prasarana yang lengkap?

JAWAPAN : Cadangan-cadangan pembangunan di sekitar stesen adalah berpandukan kepada Rancangan Tempatan Daerah Kemaman 2035 yang diwartakan serta kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PegTAECL) yang telah DIPERSETUJUI di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil. 1/2023 pada 11 April 2023 dan telah DILULUSKAN Mesyuarat Perancang Fizikal Negara (MPFN) kali ke-42 (Bil. 2/2023) pada 18 September 2023. Selain itu, Mesyuarat Penyelarasan juga telah diadakan bersama pihak PLANMalaysia serta ADUN kawasan berkaitan bagi membincangkan cadangan pelan susunatur untuk pembangunan sekitar stesen berkenaan. Komponen-komponen berkaitan seperti kawasan komersial, cadangan Institut Pengajian Tinggi, kawasan perumahan, penempatan pejabat agensi adalah diambilkira di dalam penyediaan pelan susunatur. Pihak Kerajaan Negeri sendiri komited di dalam mencari pelabur-pelabur yang berminat untuk membangunkan tanah Kerajaan yang terletak di sekeliling stesen bagi memastikan pembangunan yang mampan dapat dibangunkan di sekitar stesen. Perbincangan bersama pihak berkaitan dari semasa ke semasa akan diadakan supaya pembangunan di sekitar stesen dapat memberi impak pembangunan yang positif dari segi penjanaan ekonomi, pembangunan sosial serta kelestarian alam sekitar.

Kerajaan Negeri turut merancang untuk mewujudkan Sekolah Berasrama Penuh dan Institut Pengajian Tinggi Awam di Cukai khususnya dan Kemamanan amnya bagi merancakkan lagi perkembangan ekonomi di Kemaman. Kerajaan Negeri telah menyediakan satu tapak sekolah berasrama penuh dan satu tapak pusat pengajian tinggi awam di kawasan Mak Lagam seluas 45 ekar untuk tujuan ini. Bagi tapak sekolah berasrama penuh, Pejabat Pendidikan Daerah Kemaman telah bersetuju untuk diangkat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dibangunkan sebagai Sekolah Berasrama Penuh manakala bagi tapak Pusat Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri akan berunding dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk diwujudkan satu IPTA di Kemaman.

SOALAN 5 : Apakah KPI yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kerenah birokrasi penyediaan dokumen oleh pelabur dan pemaju dalam sesebuah projek perumahan?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
ADUN TELEMUNG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina projek tambak laut di sepanjang Pantai Negeri Terengganu untuk mengelakkan hakisan pantai?

JAWAPAN : Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan bagi mengurangkan risiko hakisan pantai yang berlaku di sepanjang pesisiran pantai di Negeri Terengganu semenjak dahulu lagi adalah dengan melaksanakan projek penahan hakisan pantai dengan membina struktur seperti pemecah ombak, *revetment* dan kaedah penyuburan pantai dengan menambak pasir (*beach nourishment*).

Selain dari projek hakisan pantai, Jabatan juga menjalankan projek pemuliharaan muara-muara sungai, dimana di antara skop projek tersebut juga terdapat kerja penambakan pasir (*beach nourishment*) bagi tujuan mengawal hakisan pantai.

Jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menangani masalah hakisan pantai di sepanjang pantai dan projek pemuliharaan muara sungai di Negeri adalah

RM866,483,849.76. Antara projek mencegah/pengawalan hakisan pantai dan projek pemuliharaan muara sungai yang terlibat dengan komponen penambakan pasir (*beach nourishment*) yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan hakisan pantai di keseluruhan pantai di Negeri Terengganu adalah seperti di bawah:

Bil	Tajuk kerja	Kos Projek (RM)	Status	Komponen Utama Projek
PROJEK MENCEGAH / PENGAWALAN HAKISAN PANTAI				
1	Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Tok Jembal (Perjanjian Tambahan), Kuala Terengganu, Terengganu	9,935,242.20	Siap dilaksanakan pada Julai 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan Pasir – 1km ▪ Pembinaan pemecah Ombak ▪ Pembinaan <i>Training Wall</i>
2	Menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu, Terengganu	8,216,961.00	Siap dilaksanakan pada April 2019	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan pasir – 1.1km
3	Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Tok Jembal (Fasa 2), Kuala Terengganu, Terengganu	73,459,164.08	Siap dilaksanakan pada Julai 2019	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan Pasir – 1.6km ▪ Pembinaan pemecah Ombak ▪ Pembinaan Groin
4	Kerja-Kerja Pengawalan Hakisan di Kawasan Kg. Telipot, Kuala Nerus, Terengganu	6,147,075.00	Siap dilaksanakan pada Mei 2021	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan pasir – 500meter

Bil	Tajuk kerja	Kos Projek (RM)	Status	Komponen Utama Projek
5	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Marang, Terengganu	15,633,770.00	Dalam Perlaksanaan. Dijadualkan siap pada 5 Mei 2024	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan Pasir – 2.2km
6	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kuala Nerus.	69,917,195.00	Dalam perlaksanaan Dijadualkan siap pada 23 September 2026	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan pasir – 2km ▪ Pembinaan pemecah ombak

PROJEK PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI				
7	Projek Pemuliharaan Muara Sg. Paka	124,764,882.00	Siap dilaksanakan pada Mac 2023	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja penambakan pantai ▪ Pembinaan pemecah ombak ▪ Pembinaan <i>Revetment</i> ▪ Pembinaan <i>T-Groyne, river groyne, Bank Protection</i> ▪ Kerja-kerja pengorekan
8	Projek Pemuliharaan Muara Sg. Setiu	116,039,184.98	Dalam Perlaksanaan. Dijadualkan siap pada 15 Januari 2025	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja Penambakan pantai – 3km ▪ Pembinaan pemecah ombak ▪ Pembinaan <i>Training Wall</i> ▪ Kerja-kerja pengorekan
9	Projek Pemuliharaan Muara Sg. Merchang	30,531,774.00	Dalam Perlaksanaan. Dijadualkan siap pada 14 Disember 2023	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja Penambakan pantai – ▪ Pembinaan pemecah ombak ▪ Kerja-kerja pengorekan
10	Menyiapkan Baki Kerja Bagi Projek Pemuliharaan Muara Sg Besut, Daerah Besut, Terengganu	168,866,898.00	Dalam Perlaksanaan. Dijadualkan siap pada 12 November 2025	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan pantai ▪ Mendalamkan muara ▪ Mendalamkan sungai

				<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membina pemecah ombak, <i>Training wall, Revetment</i>
11	Projek Pemuliharaan Muara Sg. Dungun	242,971,703.50	Dalam Perlaksanaan. Dijadualkan siap pada 25 Mac 2027	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penambakan pantai ▪ Mendalamkan muara ▪ Pembinaan pemecah ombak ▪ Pembinaan <i>Sea Groyne, River Dyke, Bank Protection</i>
	JUMLAH	866,483,849.76		

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri di daerah Hulu Terengganu termasuk kos pembinaannya sejak tahun 2000 sehingga sekarang?

JAWAPAN : **DITOLAK** Menurut Perkara **26(4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 3 : Apakah langkah-langkah yang telah dan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Taman Pertanian Sekayu mencapai matlamat dan tujuan penubuhannya?

JAWAPAN : Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan Taman Pertanian Sekayu (TPNS) mencapai matlamat dan tujuan penubuhannya adalah sebagaimana berikut:

1. Mewujudkan petak pemindahan teknologi (petak durian dan buah nadir).
2. Menaiktaraf dan membaiki kemudahan infrastruktur seperti pembinaan asrama baru dan taman tema.
3. Memindahkan pusat repositori kelulut yang rosak akibat banjir ke tempat yang lebih bersesuaian dan proses pembaikan serta naiktaraf dijalankan secara berperingkat.
4. Bekerjasama bersama pihak swasta dengan menyewakan sebahagian kawasan TPNS bagi tujuan *ecopark* dan latihan pembangunan modal insan seperti kem bina diri, jati diri, *team-building*, *team-bonding* dan lain-lain.

5. Menjalankan kerjasama bersama pihak swasta melalui *Participatory Observation (PO)*.

SOALAN 4 : Apakah usaha-usaha dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat daerah Hulu Terengganu akan dijadikan antara "Pintu Masuk" ke Negeri Terengganu yang pernah diisytiharkan dahulu?

JAWAPAN : **DITOLAK** Menurut Perkara **26(4A)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI LIMA BELAS (BAJET)
PADA 27 HINGGA 30 NOVEMBER 2023

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.15.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Sr. HAJI ZAHARUDDIN BIN ZAHID
ADUN BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Berapakah jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh pihak Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu sehingga tahun 2023?

JAWAPAN : Jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi Hakmilik Pejabat Pendaftar sehingga Tahun 2023 adalah sebanyak 13033.0506 hektar manakala bagi Hakmilik Pejabat Tanah sehingga Tahun 2023 adalah sebanyak 95.3729 hektar yang melibatkan semua daerah di Negeri Terengganu. Jumlah keseluruhan keluasan tanah adalah sebanyak 13128.4235 hektar.

SOALAN 2 : Silakan nyatakan bilangan lot tanah yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu mengikut daerah sehingga tahun 2023?

JAWAPAN : Bilangan hakmilik = 4,843 Lot

TANAH MILIK LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU
(HAKMILIK PEJABAT PENDAFTAR) SEHINGGA TAHUN 2023

DAERAH	BILANGAN HAKMILIK
BESUT	2
DUNGUN	49
HULU TERENGGANU	26
KEMAMAN	141
KUALA TERENGGANU	209
MARANG	580
SETIU	22
KUALA NERUS	170
JUMLAH	1,199

TANAH MILIK LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU
(HAKMILIK PEJABAT TANAH) SEHINGGA TAHUN 2023

DAERAH	BILANGAN HAKMILIK
BESUT	346
DUNGUN	653
HULU TERENGGANU	96
KEMAMAN	1,825
KUALA TERENGGANU	369
MARANG	283
SETIU	-
KUALA NERUS	72
JUMLAH	3,644

SOALAN 3 : Sila nyatakan bilangan projek perumahan mampu milik (RMM) melalui dasar penswastan yang masih berjalan bagi setiap daerah di Terengganu bermula pada 2018 sehingga 2023?

JAWAPAN : Bilangan perumahan Rumah Mampu Milik melalui Dasar Penswastan Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

Bil.	Senarai Projek	Kemajuan Fizikal (Jadual)	Kemajuan Fizikal (Sebenar)	UNIT		CATATAN
				RMM A	RMM B	
1.	Penswastan Bukit Cina, Pasir Akar, Besut	80%	25 %	68	280	
2.	Penswastan Kawasan Dendong, Tembila, Besut	-	-	200	352	Meliputi kerja-kerja memasang dinding penghadang, pejabat dan rumah kongsi serta permohonan kelulusan pelan bangunan
3.	Penswastan Telok Kalong, Kemaman	-	1%	123	361	Kerja-kerja tanah dan kelulusan pelan bangunan
4.	Penswastan Kampung Bintang, Setiu	10.5%	10.18%	85	226	Kerja-kerja tanah dan kelulusan pelan bangunan
5.	Penswastan Kampung Baru Kuala Abang, Dungun	-	-	61	93	Kerja-kerja tanah dan kelulusan pelan bangunan
6.	Penswastan Bandar Baru, Kertih Jaya dan Kampung Semayor, Kemasik, Kemaman	-	-	190	285	Permohonan Kebenaran Merancang
7.	Penswastan Kampung Anak Ikan, Jabi, Besut	-	-	63	94	Pemaju membuat permohonan menarik diri atas faktor kesihatan
8.	Penswastan Bandar	-	-	276	360	Permohonan Kebenaran

	Baru Pentadbiran Kuala Nerus					Merancang
9.	Penswastaan Kampung Tajin, Kuala Berang, Hulu Terengganu	-	-	-	48	Kelulusan MMKN pada 7 Jun 2023. Dalam proses memuktamadkan dokumen perjanjian usahasama dengan pemaju.
JUMLAH				1,066	2,099	
JUMLAH KESELURUHAN RMM				3,165		

SOALAN 4 : Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan khusus untuk penyusunan semula Pekan Batu Enam dan kawasan sekitarnya melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK)?

JAWAPAN : Perancangan khusus untuk penyusunan semula Pekan Batu Enam telah diambil kira semasa penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tepuh, Batu Enam, Kuala Terengganu 2008-2015 yang telah diwartakan pada 8 Oktober 2009. Walau bagaimanapun, dokumen tersebut telah tamat tempoh.

Mengikut perancangan terkini, dokumen perancangan yang dirujuk bagi pembangunan kawasan ini adalah melalui Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT) 2050 serta Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuala Nerus 2035. Melalui Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT), beberapa inisiatif yang merujuk kepada kawasan Batu Enam adalah sebagaimana berikut:

- i) Cadangan penumpuan pembangunan di dalam kawasan tepu bina atau pusat bandar sedia ada melalui pembangunan 'infill' dan pembaharuan semula bandar (PSB) secara sensitif kepada persekitaran kampung dalam bandar melibatkan kawasan;
 - a. Batu Enam – Gong Badak
 - b. Batu Enam – Kuala Terengganu
 - c. Batu Enam – Manir
- ii) Cadangan koridor sekunder dengan potensi penggalakan bandar baharu. Cadangan Bandar Baharu Lestari Bukit Seraya mengambil potensi kawasan pembangunan baharu berhampiran Sg. Ikan – Batu Enam dari persimpangan bertingkat LPT;
- iii. Memperkukuhkan Pekan Batu Enam dengan hierarki PPK yang akan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan, pertumbuhan ekonomi setempat bagi menyokong pembangunan daerah;

SOALAN 5 : Berapakah jumlah tukun dan unjam yang telah dilabuhkan dari tahun 2018 sehingga sekarang dan pecahannya mengikut daerah?

JAWAPAN : Berikut merupakan pecahan jumlah tukun dan unjam yang telah dilabuhkan dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah sebagaimana berikut:-

DAERAH	TAHUN											
	2018		2019		2020		2021		2022		2023	
	TUK UN	UNJA M	TUK UN	UNJA M	TUK UN	UNJA M	TUK UN	UNJA M	TUK UN	UNJA M	TUK UN	UNJA M
BESUT	6	23	-	22	8	25	-	65	-	50	-	40
SETIU	-	23	11	22	-	40	12	30	-	50	13	-
K. NERUS	-	23	12	22	-	40	12	35	-	50	14	30
K. TERENGGANU	6	23	-	22	8	25	-	65	-	50	14	30
MARANG	-	23	-	22	-	35	20	30	7	-	20	30
DUNGUN	6	23	-	23	-	40	-	65	8	-	-	46
KEMAMAN	-	23	-	23	-	40	13	30	8	-	-	46
JUMLAH	18	161	23	156	16	245	57	320	23	200	61	222